
USTAZ

ASHAARI MUHAMMAD

ڤمباڠون جيوا دان فيكيران اومه

PEMBANGUN JIWA DAN FIKIRAN UMMAH



Ustaz
Ashaari Muhammad

PEMBANGUN JIWA DAN FIKIRAN UMMAH

PEMBANGUN JIWA DAN FIIURAN UMMAH

Cetakan pertama September 1990

Diterbitkan oleh
Jabatan Syeikhul Arqam
Sg. Penchala, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 7188359/7192892

Aturhuruf dan rekaletak
Agensi Al Arqam (Perkhidmatan DTP)
159 B, Jalan Aminuddin Baki,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-7179184 Fax: 7184422

Muka taip teks: Times Roman
Saiz taip teks: 11 poin

Rekabentuk Kulit
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Dicetak oleh
YEOHPRINCO SDN. BHD.
60 - 68, Jalan Rengas, Southern Park,
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 3318046 (4 Lines)
Fax: (03) 3323913

KANDUNGAN

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الحليم العليم الحكيم الخبير
ذى القوة المتين. والصلاة والسلام على
سيدنا محمد سيد الأنبياء والمرسلين هادى
الأمم إلى الصراط المستقيم وعلى آله وصحبه
وتابعيهم بإحسان إلى يوم الدين

AKU memanjatkan rasa syukur kepada ALLAH SWT yang sentiasa member-i kelapangan masa, kesihatan badan dan peluang berfikir hingga dengan itu aku dapat menunaikan sebahagian daripada tanggungjawab-tanggungjawab yang ALLAH pikulkan kepadaku sebagai hamba-Nya. Antara rahmat dan nikmat ALLAH itu, aku dapat menyampaikan dakwah dan ceramah-ceramah bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di luar tanahair, serta dapat juga menyampaikan khutbah Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha terutama kepada anggota-anggota Jemaah Aurad Muhammadiah. Dan khutbah-khutbah tersebut dapat pula diperpanjangkan di

merata-rata tempat dengan disampaikan melalui lidah orang lain pula.

Dalam khutbah-khutbah yang pemah kusampaikan itu terutama khutbah yang diucapkan sejak tahun 1983 hinggalah ke tahun ini, aku rasa ada panduan-panduan yang dapat diambil; ada buah **fiki** ran yang patut diperpanjangkan. Terutama dalam perkara-perkara yang ada menyangkut isu-isu semasa serta panduan-panduan dalam menyelesaikan masalah yang timbul di tengah-tengah masyarakat Islam. Aku rasa patut juga khutbah-khutbah itu dibukukan. Walaupun tidak sepertinya, moga-moga dapat juga menambabkan lagi khazanah pembendaharaan ilmu pengetahuan masyarakat Islam.

Di samping itu, ada juga panduan-panduan yang boleh diambil untuk dijadikan ***guide line*** bagi mengubati penyakit masyarakat yang sedang wujud di tengah-tengah masyarakat Islam di dunia hari ini, khususnya di tanahair Malaysia yang tercinta.

Moga-moga usahaku ini jadi ibadah, dan pahalanya ku hadiahkan kepada kedua-dua ibu bapaku, guru-guruku, dan kepada mereka yang pemah berjasa kepadaku khususnya kepada Sayidi Syeikh Muhammad As .Suhaimi, Syeikh Tareqat Aurad Muhammadiah

Akhir kata, aku mohon ampun kepada ALLAH SWT kalau ada terselit dalam hati semasa membukukan khutbah ini, tujuan-tujuan selain daripada-Nya. Mudah-mudahan ALLAH sentiasa memberi hidayah dan taufiq kepadaku dan seluruh kaum muslimin. Amin.

Sekian, ***wassalam***

Al Abdul Muznibu,

(Ashaari Muhammad)

ISLAM bukan saja satu ajaran yang mengandungi hukum-hakam serta suruhan-suruhan dan larangan, tetapi ia juga merupakan satu ajaran yang lebih luas daripada itu. Ia meliputi juga soal-soal seperti membangunkan jiwa (iman) hingga seseorang itu cinta kepada ALLAH, terasa hina di hadapan ALLAH dan inginkan bantuan serta pertolongan daripada-Nya; dan membangunkan tikiran dengan ilmu pengetahuan sama ada pengetahuan dunia mahupun pengetahuan Akhirat.

Islam juga merupakan ajaran yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di tengah-tengah masyarakat manusia. Seperti ia juga dapat memberi guide *line* bagi cara-cara membangunkan akhlak, mencetuskan persaudaraan, memandu manusia berekonomi, membangunkan rumahtangga, bergaul, dan lain-lain lagi.

Oleh itu, kalaulah ajaran Islam itu benar-benar dapat difahami dengan sebaik-baiknya serta diterima dengan jiwa yang mumi (iman yang bersih), dapat disampaikan dengan metod (uslub) yang baik serta dengan penuh hikmah, dan dapat pula diperkuat dengan hujah-hujah akal fikiran, sudah tentu umat Islam sentiasa subur jiwanya dengan iman, sentiasa bercahaya akalnya dengan ilmu pengetahuan, sentiasa dapat mengubati penyakit masyarakatnya

dengan panduan yang datang daripada Islam, dan dapat menuntun kemajuan-kemajuannya berlandaskan ajaran Islam.

Dan sudah tentu .masyarakat Islam akan menjadi masyarakat yang terbaik; akhlaknya tinggi bak bunga yang indah; ilmunya luas dapat membantu membangunkan tamadun yang cemerlang; jiwa-nya tenang serta kuat berjuang dan mampu menempuh ujian-ujian yang berat; ukhuwahnya padu hingga menjadi satu ummah yang bersatu padu laksana batu-bata yang dapat dicantumkan antara satu dengan yang lain dengan simen yang baik hingga terbangunnya sebuah rumah besar, gagah dan indah serta dapat menaungi peng-huni-penghuninya dalam suasana penuh aman, damai dan selesa.

Ertinya, lahir sebuah masyarakat Islam yang tidak lagi dapat dicerai-beraikan oleh musuh-musuhnya. Yang dapat bertindak dengan satu irama fikiran dan ftzikal - sama ada terhadap musuh ataupun dalam menyelesaikan masalah masyarakat yang timbul,sehingga menjadi satu masyarakat yang baik dan menjadi contoh kepada bangsa dan penganut agama lain. Tepat sepertimana yang difirmankan oleh ALLAH SWT:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahannya: Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan ke tengah masyarakat (manusia); kumu menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar, dan kamu beriman kepada ALLAH.

(Ali Imran: 110)

Dengan ertikata lain, umat Islam akan layak menjadi guru dan pemimpin, serta menjadi ikutan kepada seluruh manusia di dunia.

KHUTBAH AIDIL FITRI

1

DARIPADA ISME

KHUTBAH 1

hIi!! السلام عليكم ورحمة الله

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُلله الّذىْ جَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ عِيْداً لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَجَعَلَنَا أُمَّةَ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ ،أَشْهَدُ اَنْ لاَ الٰهَ الاَّ الله وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُوْلُ اللهِ اِمَامُ الْمُتَّقِيْنَ وَقُدْوَةُ الصَّالِحِيْنَ ،اللهم صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَعَلى آله وَصَحْبه اجْمعين.

بَعْدُ :

يَاأَيُّهَا الحَاضِرُوْنَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله سبحانه وتعالى فِى الْكِتَابِ العزيْز

بسم الله الرحمن الرحيم

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّا هَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

وقال ايضا: قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati:

Syukur kepada Allah yang tidak terhingga kerana pada pagi ini, kita dapat bertemu dan berhimpun di Yayasan Al Arqam Pusat ini. Kita dapat sama-sama bertakbir dan dapat bersama-sama bersembahyang sunat Aidilfitri, di samping kita dapat bertemu serta bersilaturrahim di antara satu sama lain. Lebih-lebih lagi kita bersyukur pada Allah SWT pada pagi, 1 Syawal ini, kita masih dihidupkan oleh Allah SWT, masih sempat kita memikirkan apakah yang telah kita lakukan selama ini. Adakah segala tanggungiawab yang telah dipikulkan kepada kita itu dapat kita pertanggungjawab-

yang telah dipikulkan kcpada kita itu dapat kita pertanggungjawabkan dan tunaikan dengan beres? Apakah tanggungjawab yang Allah telah pikulkan selama ini telah kita cuaikan? Masih sempat kita memikirkan sejauh mana dosa dan kesalahan yang kita telah lakukan kepada Allah SWT untuk membolehkan kita taubat kepada-Nya.

Jadi yang sebenarnya, hari ini yang dikatakan hari raya dalam bahasa Arab sebenarnya bukanlah hari untuk kita berpoya-poya, bukanlah hari untuk kita membuat dosa ataupun hari untuk melepaskan dendam yang mana selama 1 bulan kita telah mengekang nafsu kita dengan siang hari berpuasa, malam hari sedikit sebanyak kita melakukan ibadah selain dari yang fardu dapat melakukan sembahyang sunat tarawih.

Yang sebenarnya pada hari ini, pada pagi ini yang kita sama-sama masih dihidupkan oleh Allah SWT, hari raya ini adalah hari kita bersyukur dan hari bertafakur. Atau dengan kata-kata lain hari berterima kasih kepada Allah dan hari berfikir. Hari bersyukur yang kita maksudkan ialah oleh kerana selama satu bulan Ramadhan, kita telah dapat berpuasa dengan tujuan untuk mendapat keredhaan Allah SWT. Pada malam hari pula selain dapat bersembahyang fardhu kita dapat juga bersembahyang sunat tarawih dan sedikit sebanyak dapat membaca Al Quranul Karim, kitab suci dari Allah kepada kita. Jadi patut sekali kita sama-sama sambut hari ini dengan bersyukur kepada Allah. Sebab itu sebagai tanda kita bersyukur, kita telah sama-sama bertakbir, kita telah sama-sama bersembahyang sunat Aidilfitri, dengan kita panjatkan doa kepada Allah supaya beri keselamatan di dunia dan di akhirat. Dan kita sambung pula dengan khutbah sebagai.ingatan pada saya dan pada saudara saudari semuanya. Moga-moga ingatan ini memberi menafaat kepada kita. Fit-man Allah:

فَإِنَّ ٱلذِّكْرَىٰ تَنفَعُ ٱلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahannya: Sesungguhnya peringatan itu bermenafaat kepada orang-orang heriman.

(Adz Dzaariyat: 55)

Inilah yang saya maksudkan hati ini hari bersyukur bukan hari berpoya-poya, bukan hari untuk membuat dosa, bukan hari untuk kita lepaskan dendam selama 1 bulan yang kita mengekang nafsu kita. Seolah-olah hari ini kita nak bayar qadha', nak bayar dendam.

Tafakur dan berfikir yang saya maksudkan ini ialah kita berpuasa dan pada malamnya di samPing melakukan sembahyang fardu seperti biasa kita tambahkan lagi dengan sembahyang sunat tarawih, dengan zikir dan wirid, selawat dan membaca Al Quranul Karim serta ibadah-ibadah lain. Kita disuruh berzikir pada pagi ini apakah kita puasa selama 1 bulan itu telah diterima?

Apakah ibadah yang kita lakukan siang dan malam selama 1 bulan Ramadhan telah mendapat keredhaan Allah? Apakah kita telah mendapat keampunan dari Allah SWT? Apakah ibadah selama 1 bulan siang dan malam itu, kita telah dapat menundukkan hawa nafsu untuk mentaati perintah Allah dan Rasul? Apakah ibadah 1 bulan itu benar-benar nafsu kita telah bersih sehingga tidak ada lagi sifat-sifat mazmumah atau sifat-sifat terkeji? Apakah ibadah yang telah kita lakukan 1 bulan Ramadhan itu memperteguhkan iman kita, menambahkan iman kita lagi atau berlaku sebaliknya?

Sebab itulah saya katakan hari raya pada hari ini atau pada pagi ini patut sama-sama kita laksanakan dengan tujuan untuk bersyukur pada Allah SWT. Dengan tujuan bertafakur dan berfikir tentang ibadah-ibadah yang sudah kita lakukan. Apakah Allah terima atau sebaliknya? Apakah ibadah kita menambahkan kebaikan pada diri kita atau sebalikny a?

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Sebulan Ramadan yang sudah kita telah melakukan mujahadatunnafsi. Selama satu bulan juga kita berlatih membaca Al Quran sama ada kita membacanya secara bertadarus ataupun berseorangan, sama ada kita telah dapat khatam atau tidak namun sedikit sebanyak kita telah membaca Al Quranul Karim. Selama satu bulan Ramadan juga kita telah dapat menambahkan amal bakti kita lebih dari bulan-bulan yang lain. Setidak-tidaknya di bulan Ramadan ini kita tambah dengan ibadah solat Tarawih. Tiga perkara ini yang Allah perintahkan pada kita buat dalam bulan Ramadhan itu sebenarnya ada mengandungi erti dan hikmahnya. Di sini ada mengandungi pengajaran untuk kita, untuk kebaikan kita, untuk keselamatan kita di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Di bulan Ramadan kita di suruh melakukan mujahadatunnafsi ataupun riadhatunnafsi, setidak-tidaknya pada siang harinya kita berpuasa, tidak makan dan tidak minum dan tidak melakukan persetubuhan di antara suami isteri. Ini dengan tujuan untuk membersihkan nafsu kita ataupun hendak menundukkan nafsu kita supaya nafsu tidak ada lagi sifat bakhil, sifat tamak, sifat ego atau kibir ataupun sifat keakuan. Sifat-sifat ini sangat membahayakan manusia. Ia boleh menjadikan manusia bertelagah, bergeser dan berperang di antara satu sama lain.

Dengan melakukan mujahadunnafsi itu juga, kita dapat memiliki sifat kasih sayang, sifat muhibbah di antara satu sama lain, sifat timbang rasa, sifat pemurah, rasa kchambaan yang mana kita adalah maha lemah, yang perlu menyerah diri kepada yang Maha Besar, yang Maha Gagah,' yang Maha Tahu tentang diri kita, yang Maha Tahu tentang suratan kita di dunia dan di akhirat iaitu Allah, khaliq kita. Allah yang menciptakan kita, menghidupkan kita. Dengan

berlapar kita dapat rasa kita lemah. Terasa oleh kita Allah itu Maha Besar, Maha Gagah tentu sekali ketika itu kita rasa ingin bersandar, menyerah diri pada Allah – pencipta yang menjadikan kita, yang tahu tentang lahir dan batin kita. Ini tujuan mujahadatunnafsi. Ini tujuan kita melakukan riadatunnafsi.

Di bulan Ramadan juga saya sudah katakan tadi, kita diperintahkan melakukan ibadah fardhu dan sunat. Bahkan ibadah yang dilakukan dalam bulan Ramadan lebih dari bulan lain. Setidak-tidaknya seperti saya katakan tadi ada tambahnya yakni solat terawih Allah memerintahkan kita melakukan ibadah fardhu dan sunat bukan Allah yang ambil faedah daripadanya dan tidak pula dengannya akan menambahkan kebesaran Allah yang sedia besar, yang sedia agung. Kita beribadah pada-Nya siang dan malam, fardu dan sunat adalah dengan tujuan moga-moga dengan ibadah yang kita lakukan itu akan dapat melahirkan akhlak yang mulia. Akhlak mulia yang dihasilkan itulah yang dikatakan amal taqwa pada sisi Allah dan merupakan nilai manusia sesama manusia. Kerana akhlak yang mulia dan baik itu bukan saja Rasul menyenanginya, malah semua manusia akan suka, bukan saja manusia yang Islam, orang yang bukan Islam pun suka.

Jadi akhlak mulia itu disukai oleh Allah, disukai oleh Rasul dart seluruh manusia lelaki dan perempuan. Dengan lain perkataan akhlak yang mulia ibarat bunga. Bunga ini semua manusia senang dengannya. Tidak **ada** orang yang tidak suka pada bunga kecuali orang yang telah ditimpa sakit jiwa. Semua manusia senang hati dengan bunga sama ada lelaki atau perempuan, yang mukmin ataupun yang kafir. Oleh kerana manusia senang hati dengan bunga maka bunga mendapat tempat di mana-mana, bunga diletakkan di sekeliling rumah, di samping bunga diletakkan di atas meja. Jadi begitulah akhlak yang mulia dan budi pekerti yang baik itu merupakan bunga. Ia disenangi oleh seluruh manusia. Justeru itu akhlak yang mulia boleh membahagiakan orang lain. Boleh menjadikan hati orang lain senang dan juga boleh menjadikan hati seseorang itu senang.

Jadi Allah perintahkan beribadah fardhu dan sunat moga-moga dengan ibadah itu, kalau dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya ia boleh melahirkan akhlak mulia yang merupakan harga di sisi Allah dan manusia. Apakah ibadah kita dalam sebulan Ramadan yang lepas, siang dan malam tclah membuahkan akhlak yang mulia? Apakah ibadah kita sebulan yang lepas, siang dan malam telah membuahkan budi pekerti yang mulia, telah membuahkan sifat-sifat mahmudah, sifat-sifat yang terpuji? Allah saja yang Maha Mengetahui dan diri kita masing-masing juga dapat menilai.

Begitu juga saudara-saudari yang dihormati sekalian, Allah perintahkan kita membaca Al Quran pada bulan Ramadan sama ada siang mahupun malam, sama ada cara tadarus ataupun seorang diri adalah dengan tujuan bukan hanya untuk mengharapkan ganjaran pahala saja. Tetapi dengan tujuan (hasil daripada membaca kitab suci Al Quranul Karim yang Allah telah turunkan kepada nabi Muhammad SAW dan kita) untuk membersihkan akal daripada' perkara-perkara khurafat dan tahayul ideologi yang terlekat pada akal fikiran sama ada secara sedar atau tidak (hasil dari pengajian di sekolah sekular). Dengan kata-kata lain, kita membaca Al Quranul Karim dengan tujuan (selain untuk mengikis perkara-perkara khurafat dan bidaah) membersihkan akal fikiran kita daripada peraturan ciptaan manusia. Kalau zaman sekarang terkenal dengan faham sosialisma, faham komunisma, faham kapitalisma, entah apa ism-ism lagi yang banyak. Walaupun tidak diamalkan orang tetapi menjadi bahan bacaan manusia zaman sekarang, hingga menjadi fikiran mereka. Kerana itu ism-ism, ideologi dan peraturan manusia telah mendapat tempat di dunia hati ini. Maka inilah yang meracun masyarakat manusia. Inilah yang merosakkan akhlak manusia. Inilah yang menimbulkan krisis ekonomi, krisis rumahtangga dan lain-lain lagi. Krisis-krisis ini menjadikan manusia hidup dalam huru-hara dalam kesengsaraan, tidak ada perpaduan dan kasih sayang serta ukhwah. Bahkan sesetengahnya berperang di antara satu dengan lain, bcrperang di antara satu puak dengan puak yang lain, berperang di antara satu kaum dengan satu kaum

yang lain. Akhirnya rosaklah masyarakat, rosaklah alam Tuhan. Firman Allah:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: Lahirlah kerosakan di daratan dan lautan disebabkan perbuatan tangan manusia sendiri.

(Ar Rum: 41)

Oleh kerana sikap dan perbuatan manusia itu sendiri, akibatnya bukan Tuhan yang menderita tapi manusialah yang melarat. Ini neraka dunia, neraka yang sementara waktu, belum Allah timpakan neraka di akhirat yang lebih azab lagi, lebih gerun lagi, boleh jadi kekal abadi ***waliyauzubillah.*** Inilah tujuan Allah memerintahkan kita membaca Al Quranul Karim iaitu dengan tujuan untuk membuang khurafat yang ada dalam kepala kita. Hendaklah di buang syirik kahfi yang ada dalam kepala kita. Hendak dibuang fahaman-fahaman yang diciptakan oleh manusia untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. Sebaliknya hendak mengambil peraturan yang telah didatangkan oleh Allah SWT kepada rasul-rasul a.s., dan peraturan yang akhir sekali dinamakan agama Islam itu, disampaikan kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW.

اَلْقُرْآنُ ، هُوَ النُّوْرُ الْمُبِيْنُ ، وَالذِّكْرُ الْحَكِيْمُ ، وَالصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيْمُ

Terjemahannya: Al Quran, adalah cahaya yang memerangi, peringatan (panduan) yang penuh hikmah, dan jalan yang lurus.

(Riwayat Al Baihaqi)

Peraturan Al Quranlah yang paling lurus, yang paling tepat, yang menyelamatkan manusia dari dunia sampai akhirat. Tetapi peraturan-peraturan yang lain, yang merupakan ciptaan manusia yang apa namanya sekalipun walaupun mengamalkannya dengan tujuan

yang baik, untuk mendamaikan, untuk perpaduan, untuk keharmonian umpamanya, namun tidak akan lahir kedamaian, keharmonian, keselamatan, kebaikan di atas muka bumi ini tetapi akan lahir kerosakkan, yang mana bukan Tuhan yang susah tapi manusia yang susah.

Jadi di sini fahamlah kita pada 1 bulan yang sudah, Allah perintahkan kita bermujahadatunnafsi atau riadhatunnafsi di samping kita diperintahkan membaca Al Quranul Karim baik secara perseorangan atau bertadarus, adalah dengan tujuan hendak membersihkan hati kita, dengan tujuan hendak membersihkan nafsu kita, dengan tujuan hendak membersihkan akal kita. Tetapi malangnya zaman sekarang siapa yang ikut Al Quran atau ikut Islam ia dikatakan mengikut jalan yang menycleweng, yang karut, jalan sesat. Yang sebenamya yang mengamalkan ism-ism selain dari ajaran Allah SWT itu yang dikatakan ajaran yang karut, ajaran yang salah, ajaran yang terseleweng dari Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Hari ini mari kita koreksi diri tentang apa yang kita alami masa sebulan yang sudah. Kita telah melakukan riadatunafsi pada bulan Ramadhan. Kita telah membaca Al Quran dalam bulan Ramadan. Adakah hasil kita beribadah kepada Allah? Adakah berhasil kita membaca Al Quranul Karim itu kita telah dapat membersihkan nafsu kita, telah dapat membcrsihkan hati kita, telah membersihkan akhlak kita? Dengan **kata** lain, telah dapatkah ia membersihkan lahir dan batin kita? Allah saja Maha Mengetahui tapi kita dapat menilai diri kita masing-masing. Kalau dengan 3 perkara itu telah dapat membersihkan akhlak kita, telah dapat membersihkan hati dan nafsu kita, telah dapat mcmbersihkan lahir dan batin kita, bersyukurlah kita banyak-banyak kcpada Allah SWT. Itu bukan

kerana kepandaian kita, bukan kerana cekapnya kita, bukannya kegagahan kita, bukannya kuasa kita tetapi adalah bantuan dari Allah, pertolongan Allah, maunnah Allah. Kalau Allah tidak bantu kita, kita tidak dapat buat. Kalau Allah tidak tolong, kita tidak dapat membersihkan nafsu dan hati kita, akhlak dan fikiran kita. Walaupun kita melakukan riadhatunnafsi **atau** mujahadatunnafsi dengan banyaknya. Walaupun kita membaca Al Quran dengan faham sekalipun. Sebab itu jangan sampai kita tertipu dengan diri kita. Kadang-kadang sampai termasuk ujub.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Siapa yang dapat melakukan riadhatunnafsi atau mujahadatunnafsi, dapat beribadah kepada Allah, dapat membaca Al Quran hingga hatinya bersih hingga nafsunya bersih daripada sifat-sifat mazmumah, daripada sifat-sifat terkeji dan dapat membersihkan akalnya daripada ism-ism, ideologi ciptaan manusia maka orang ini saja yang dapat jaminan dari Allah akan kemenangan di dunia dan akhirat. Orang yang dianggap berjaya di dunia dan di akhirat, itulah yang dimaksudkan oleh Allah dalam ayat yang dibacakan tadi. Saya baca lagi:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya mendapat kemenanganlah orang yang memhersihkan nafsunya dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotori nafsu dan hatinya.

(As Syam: 9-10)

Sesungguhnya mendapat kemenanganlah orang yang membersihkan nafsunya dan hatinya. Kemudian dapat pula mengingati Allah, dapat mengingati nama Allah, nama Tuhannya. selepas itu lantas ia bersembahyang. Sebab itu orang yang dapat membersihkan hati dan nafsunya atau fikirannya, orang itu yang dapat mengingati Allah siang dan malam, pagi **dan** petang waktu baring, waktu

duduk, waktu berjalan. Orang yang dapat melakukan demikian inilah orang yang mendapat jaminan dari Allah, yang dapat bahagian di dunia dan di akhirat, mendapat keselamatan di dunia dan di akhirat. Dan mendapat jaminan yang Allah pasti memberi bantuan-Nya di dunia dan di akhirat.

الله اكبر الله كبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَ اللهُ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَ بِمَا ظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ

فِيْهِ مِنَ ا وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِ

اللهَ الْعَظِيْمَ سْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْ وَّابُ الرَّحِيْمُ

KHUTBAH 2

الله اكبر (٧ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ

عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

اما بعد :

أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

Sidang hadirin yang dimuliakan:

Saya telah katakan tadi orang yang mendapat kemenangan di sisi Allah dunia dan akhirat ialah orang yang dapat membersihkan nafsu, hatinya, akhlaknya, akal fikirannya serta perbuatan lahir dan batinnya. Selagi seseorang itu, selagi puak itu, selagi satu kaum itu, selagi satu golongan itu tidak dapat membersihkan hatinya, nafsunya, akhlaknya dan akal fikirannya, percayalah pentadbirannya tidak akan bersih, ekonominya tidak akan bersih, perjuangannya tidak akan bersih, pendidikannya tidak akan bersih, pergaulannya tidak akan bersih, akhirnya masyarakat tidak akan bersih, negara tidak akan bersih dan dunia ini seluruhnya tidak akan bersih. Sebab bersih kehidupan lahir manusia, bersihnya ekonomi, bersihnya pendidikan, masyarakat, pergaulan, perjuangan dan jihad, pentadbiran, bersihnya negara dan alam sejagat ini ada hubungan dengan bersihnya hati, ada hubungan bersihnya nafsu dan akhlak serta ada hubungan dengan bersihnya akal fikiran manusia.

Selagi fikiran manusia tidak bersih dari khurafat dan kekarutan daripada ism-ism ciptaan manusia, atau dengan kata lain selagi hati manusia, nafsu manusia dan akhlak manusia tidak bersih, maka segala perbuatan manusia tidak akan bersih. Segala apa yang diperjuangkan oleh manusia tidak bersih. Tidak bersihnya kehidupan dan tindak-tanduk manusia, tidak bersihlah ekonomi, pendidikan,

pejuangan, jihadnya, pentadbirannya, masyarakat, negara dan alam sejagat. Inilah yang merosakkan kehidupan manusia, yang boleh menjadikan manusia hidup dalam suasana huru-hara yang menjadikan manusia hidup dalam kcengkaran dan durhaka pada Allah SWT. Dengan sebab itu mereka berhak menerima kutukan Allah di dunia dan akhirat.

Moga-moga kita dapat mcmbersihkan hati, nafsu, akhlak, akal fikiran kita. Moga-moga perjuangan kita bersih, kampung halaman kita bersih, susunan rumah tangga kita bersih dan apa saja yang kita buat bersih. Allah hanya menerima yang bersih dan Allah tidak menerima yang tidak bcrsih atau sesuatu yang kotor. Allah hanya menerima yang mumi dan Allah tidak menerima sesuatu yang kotor. Moga-moga kita mcnjadi manusia yang bersih lahir dan batin.Moga-moga kita ditcrima oleh Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati **sekalian:**

Pada pagi raya ini, pada hari baik bulan baik ini, 1 Syawal ini, marilah kita bersama bcrazam dan bertekad semula, untuk menggembelingkan tenaga kita agar jemaah kita bertambah kuat. Agar jemaah bertambah utuh. Agar jemaah kita bertambah kembang. Agar jemaah bertambah bcrfungsi, agar jemaah menjadi payung yang dapat menaungi semua manusia – tidak hanya ahli jemaah kita sahaja.

Dan berazam untuk meneguhkan lagi persaudaraan antara kita lebih dari bulan-bulan yang sudah, lebih dari tahun yang sudah. Sebab ukhwah merupakan kckuatan orang mukmin di samping Iman. Sebab itu ukhwah tidak boleh diabaikan. Jadi pada pagi ini kita hendaklah berazam dan bertekad untuk meneguhkan lagi ukhwah di antara sesama kita.

Begitu juga Pada hari dan bulan baik ini, marilah kita berazam dan bertekad untuk memesatkan lagi gerakan dakwah kita. Untuk memperluaskan lagi gerakan dakwah kita, supaya dengan pesatnya gerakan dakwah itu, risalah-risalah Islam sampai kepada masyarakat. Agar Al Quran dan Sunnah sampai kepada masyarakat, dapat difahami dan diamalkan oleh umat. Begitu juga pada pagi yang mulia ini marilah kita berazam dan bertekad untuk lebih membuat khidmat kepada masyarakat, lebih dari masa yang sudah sama ada berkhidmat kepada masyarakat secara langsung atau tidak langsung, kerana memang Allah hidupkan kita di samping beribadah adalah untuk berkhidmat kepada manusia. Siapa banyak khidmat kepada manusia di samping Iman maka orang itulah yang dianggap sebaik-baiknya di sisi Allah. Sabda RasululIah SAW:

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ يَنْفَعُ النَّاسَ

Terjemahannya: Sebaik-haik manusia ialah manusia yang dapat memberi manfaat kepada manusia yang lain.

Sebab itu, kalau kita membuat kerja, berusaha dan berikhtiar, berjuang dan berjihad, jangan manfaat hanya kepada kita tapi biarlah melimpah kepada orang lain. Biarlah nikmat itu sama-sama dirasai oleh orang lain. Biarlah nikmat yang diberikan Allah itu dapat dirasai oleh makhluk yang lain terutama orang mukmin. Sebab itu khidmat secara langsung atau tidak secara langsung hendaklah kita pesatkan dan perbanyakkan lagi selepas ini nanti.

Begitu juga pada pagi yang mulia ini, ,marilah kita lipatkan tenaga kita, lebih daripada masa-masa yang sudah untuk mengislamkan lebih ramai lagi orang yang bukan Islam. Di samping membaiki orang Islam yang telah rosak ini, manusia yang bukan Islam yang berada di atas muka bumi Tuhan ini, Allah juga akan pertanggungjawabkan kepada kita di akhirat nanti dan Allah akan tanyakan kepada kita mengapa mereka tidak Islam? Mengapa tidak menyampaikan ajaran Islam kepada mereka? Kecuali kalau kita

hidup sama kita saja atau kedudukan kita jauh dari yang bukan Islam dan kemampuan kita tidak boleh pergi ke sana, tidak cukup, mungkin barang kali kita akan terlepas dari pertanyaan Allah di akhirat kelak. Tetapi jika kita berada daalrn satu masyarakat yang bergaul dengan penganut agama Hindu dan Buddha, bergaul dengan orang kristian, orang Yahudi, Musyrikin dan bergaul dengan mereka yang berpegang scgala khayalan **atau** tahyul, maka mereka ini hendaklah kita usahakan sungguh-sungguh agar beragama Islam.

Selepas ini hendaklah kita lipat gandakan tenaga kita, moga-moga lebih ramai orang masuk Islam daripada masa-masa yang sudah. Tanggung jawab kita adalah berat. Bukan saja untuk baiki diri kita, keluarga, jemaah dan ahli-ahli tetapi kita juga bertanggungjawab untuk mengislamkan orang-orang yang ada di sekeliling kita, yang ada di masyarakat kita dan ditanahair kita. Setelah sedikit sebanyak kitd mempunyai kemampuan ini maka orang di luar tanah air kita pun telah meminta agar kita menyampaikan risalah Islam ini kepada mereka. Kita memperjelaskan Al-Quran dan Sunnah kepada mereka.

Kalau barangkali selama ini kita pergi berdakwah ke Australia, Thailand, Singapura dan Brunei, malah kini negeri-negeri yang lain sudah meminta kepada kita menyampaikan risalah kepada mereka, untuk kita berdakwah kepada mereka. Di antara negeri-negeri itu ialah New Zealand yang meminta kita supaya menghantar mubaligh ke sana. Kalau kita mampu adalah salah kalau kita tidak pergi ke sana, kecuali kita tidak mampu.

Selain datipada itu ialah **orang-orang** Islam di Filipina, golongan Moro. Pemimpin-pemimpin mereka meminta kita menghantar orang-orang kita ke sana. Mcreka kehausan dakwah. Mereka sedikit sebanyak telah mendengar tentang kita dan ingin berjuang macam kita.

Ini tambahan tanggungjawab **yang** mesti kita pikul. Tanggungjawab yang Allah hadapkan kepada kita tanpa kita kehendaki, tanpa kita mahu tetapi Allah telah hadapkan kepada kita. Kalau kita tidak

mampu, Allah maafkan kita. Jika kita mampu, tapi kita tidak sampaikan, kita tidak berdakwah kepada mereka, maka kita berdosa kepada Allah SWT. Allah akan tanya kita di akhirat kelak, kita tentu tidak boleh menjawab.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Pada pagi ini juga marilah kita berazam dan bertekad, agar di samping banyak cakap hendaklah banyak bekerja. Kalau boleh, biar sikit cakap tetapi banyak bckerja. Hendaklah kita lipatkan kerja-kerja di masa depan ini lebih dari masa-masa yang sudah, agar tidak tertimpa kepada kita sebagaimana yang Allah telah ingatkan. Firman-Nya:

لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ○ كَبُرَ مَقْتًا عِندَ اللَّهِ أَن تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ○

Terjemahannya: Mengapa kamu berkata, tetapi kamu tidok kotakan, amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.

(As Saf: 2-3)

Moga-moga kita banyak bercakap, banyak berbuat. Tetapi yang paling baik kita sedikit bercakap tetapi banyak beramal.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Pada pagi ini juga seperti di pagi raya yang lain, dalam kesempatan kita bertemu, berjumpa dan berjemaah ini, marilah kita bermaaf-maafan antara satu sama lain. Kalau dari pagi tadi, mungkin sebahagian besar kita telah bermaaf-maafan terlebih dahulu di kalangan keluarga, suami-isteri dan di antara anak-cucu. Maka pada

pagi ini kita berkesempatan bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Tidak ada manusia yang tidak bersalah. Semua manusia ada melakukan kesalahan. Yang terjamin tidak bersalah hanyalah para rasul. Hanya orang Syiah sahaja yang mengaku, pemimpin-pemimpin mereka adalah maksum. Ini adalah satu pendapat yang tidak betul. Ini adalah satu ajaran yang terseleweng dari Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Jadi Rasul-Rasul terutama Rasulullah sahaja yang tidak bersalah tetapi orang macam kita selalu sahaja bersalah. Selalu saja tersilap sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja, sama ada kita sedar atau tidak, kesilapan yang kita lakukan kepada Allah dan kesilapan yang kita lakukan sesama manusia.

Jadi pagi ini, marilah kita bersama selepas ini bermaaf-maafan di antara satu sama lain, lebih-lebih lagi saya yang banyak bercakap pada Pagi raya ini, saya mengambil kesempatan untuk memboleh-kan saudara-saudari memberikan kemaafan kepada saya, kerana saya yang memimpin saudara-saudari selama ini. Pemimpin yang tidak cukup syarat ini, pemimpin yang dharuri saja, pemimpin yang tidak cukup syarat sebab tidak ada orang lain, kenalah juga kita memimpinnya.

Jadi pemimpin yang tidak cukup syarat ini, yang dharuri ini, pemimpin yang lemah ilmu pengetahuan, lemah amalan dan lain-lain lagi, tentulah banyak melakukan kesilapan dan kesalahan ter-utama dalam pemimpin, tcrutama dalam memberi usrah, memberi tarbiah dalam berjuang dan berjihad, dalam bertemu dengan saha-bat-sahabat, dengan kawan-kawan. Lebih-lebih lagi macam saya orang yang lemah ini, tidak mungkin sekali dalam pergaulan saya dengan saudara dapat saya ratakan kasih-sayang pada semua sau-dara.

Kalau saya nak berbuat alasan, memang boleh tetapi baik saya mengaku salah. Inilah kelemahan saya sendiri. Setengah itu dapat saya lakukan kasih-sayang tctapi sctengahnya itu tidak dapat saya lakukannya. Itu saja. Bukan benci. Kalau benci tidaklah dapat kita

bertemu sesama kita.

sekali lagi di hari ini, bulan baik ini, saya memohon maaf kepada saudara-saudari semua.

Moga-moga kemaafan dari saudara-saudari semua itu akan menjadikan saya tidak berdosa lagi dengan saudara dan sesama manusia. Saya yakin kalau saya tidak ingat saudara-saudari telah bersedia memaafkan saya terhadap kesalahan saya yang telah saya lakukan sama ada sedar atau tidak. Sebab pengikut yang baik itu sentiasa memberi kemaafan pada pemimpinnya dan sebab itulah dalam syariat menganjurkan kepada kita selalu kita panjatkan doa kepada Allah SWT.

Jadi kalau berlaku demikian, bukan kalau, memang berlaku

"Ya Allah! Jadikan aku pemimpin dari golongan orang yang bertaqwa, jadikan wahai Tuhan, pemimpin dan pengikutnya dari orang yang bertaqwa, jadikan aku pemimpin yang sama berjuang-juang di belakangnya orang-orang yang bertaqwa".

Orang-orang yang bertaqwa dipimpin mudah, dituntun mudah, diasuh dan ditarbiah pun mudah. Kalau satu-satu kebaikan yang lain dari pemimpinnya sama ada percakapan mahu pun perbuatannya maka dia akan dapat melaksanakan bersama-sama. Ditakdirkan kalau pemimpinnya melakukan kcsilapan dan kesalahan sama ada sedar atau tidak kepada diri pengikutnya dengan murah hati pula, pengikut-pengikutnya memberi kemaafan pada pemimpinnya.

Moga-moga kita dapat sentiasa berbakti dan berkasih sayang di antara satu sama lain, sentiasa bermaaf-maafan di antara pemimpin dan pengikut dan di antara pengikut dan pemimpin, di antara pemimpin dengan pemimpin dan di antara pengikut dengan pengikut. Moga-moga Allah sentiasa membimbing kita, moga-moga kita selamat dunia akhirat.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِى الْقُرْبى وَالْيَتَامى، وَيَنْهى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ وَاللهُ يَعْلَمُ مَاتَصْنَعُوْنَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

2 ANUGERAH ALLAH KEPADA MUKMIN YANG BERJAYA

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (9 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لله الَّذِىْ جَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ عِيْدًا لِمُؤْمِنِيْنَ، وَأَعْطَى فِيْهِ

ثَوَابَ الْجَزِيْلِ فِىْ عِبَادِهِ الْمُتَّقِيْنَ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ سَيِّدُ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ

اللهم فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الِهِ وَصَحْبِهِ وَتَابِعِيْهِمْ

بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد:

فَيَا عِبَادَالله، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati sekalian:

Syukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, dengan hidayah dan inayah-Nya, kita pada pagi ini dapat berpeluang bersama-sama berhariraya. Oleh yang demikian wajiblah kita bersyukur kepada Allah SWT, serta melahirkan rasa kesyukuran dengan cara bersembahyang, bertahlil dan bertahmid, bersedekah, berziarah di antara satu sama lain di samping bermaaf-maafan di antara satu sama lain. Oleh yang dcmikian fungsi hariraya pada pagi ini jangan kita tukar, jangan kita jadikan hariraya pada hari ini, hat-i berpoya-poya, hati memerdckakan hawa nafsu kita, dan melakukan

sekehendak hati kita. Hari melakukan maksiat, hari melakukan kederhakaan kepada Allah SWT. Jangan kita jadikan hari ini rasa merdeka. Yang mana pada bulan Ramadhan kita rasa kurang merdeka untuk melakukan kesalahan dan kesilapan, tetapi pada hari ini kita berani untuk melakukan kesalahan pada Allah SWT. Oleh yang demikian pada pagi hariraya ini, hari baik bulan baik, hari setelah kita berpuasa sebulan, jangan kita terjebak dengan perangkap-perangkap syaitan. Dalam soal ini marilah bersama-sama kita mendengar satu cerita yang diriwayatkan oleh Wahab bin Munabbih:

Rasulullah SAW pemah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya iblis alaihilaknat terpekik berkeriau pada setiap hariraya, maka berhimpunlah keluarganya di sisinya lantas mereka berkata, "Wahai penghulu kami, siapakah yang memarahkan kamu atau siapakah yang memurkakan kamu? Akan kami koyak-koyak dan siat-siatkan mereka itu. Maka berkata Iblis laknatullah. tidak ada satu apa-apa pun cuma Allah SWT telah mengampunkan bagi umat ini (umat Nabi Muhammad SAW) pada hari raya ini. Maka wajiblah di atas kamu membimbangkan mereka itu dengan berlazat-lazat, dengan menurutkan syahwat mereka serta dorong mereka itu dengan meminum arak hingga Allah murka kepada mereka.

Cerita ini memberitahu kepada kita, bahawa pada hariraya, iblis yang menjadi ketua kepada syaitan-syaitan mengasuh, menyuruh dan mendorong orang-orangnya supaya umat Nabi Muhammad SAW ini, didorong dengan hawa nafsu, didorong kepada berbuat kemungkaran dan maksiat seperti meminum arak, agar pahala yang mereka telah capai di bulan Ramadhan itu terkambus dan terhapus semula.

Memang pada hari ini kalau kita lihat di mana-mana yang telah biasa kita lihat pada tahun-tahun yang sudah, ramai yang telah mengorbankan pahalanya pada hari ini dengan melakukan maksiat.

Berapa ramai orang yang jiwanya kalaupun tidak bersih tetapi hampir-hampir bersih di bulan Ramadhan, pada hariraya ini dikotorkannya semula. Berapa ramai manusia yang pada bulan Ramadhan fikirannya telah cerah, dicerahkan oleh Al Quranul Karim kerana mereka sedikit sebanyak membaca Al Quranul Karim tetapi pada hari raya ini fikiran mereka telah kabur semula. Mereka telah berpegang semula dengan tahyul-tahyul, dengan khurafat-khurafat, dengan ism-ism, dengan ideologi, dengan fahaman-fahaman keduniaan atau faham sekular. Berapa ramai orang yang pada bulan Ramadhan kalaupun tidak baik betul tetapi hampir-hampir menjadi orang baik, tapi setelah berada pada bulan Syawal, kerana terdorong oleh syaitan dan mereka tidak mengawasi syaitan itu, mereka telah menjadi orang jahat semula. Moga kita yang hadir pada pagi ini terselamat daripada tipu daya syaitan dan moga-moga kita semua dapat menjaga diri kita jangan sampai pada hari ini kita melakukan keingkaran dan kemungkaran kepada Allah SWT: Kita bimbang pahala yang kita capai di bulan Ramadhan itu akan terhapus semula.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para haditin yang dihormati sekalian:

Sepertimana yang kita maklum, bulan Ramadhan yang telah kita tempuh itu, ertinya bulan *imtihan,* bulan ujian, bulan seluruh umat Islam memasuki peperiksaan. Setengah umat Islam tidak sanggup memasuki peperiksaan di dalam bulan Ramadhan itu. Yang memasuki peperiksaan di bulan Ramadhan itu pula, ada di kalangan mereka yang berjaya dan ada di kalangan mereka yang tidak berjaya. Jadi pada hari ini, sclepas kita menerima anugerah daripada Allah SWT, menerima sijil dan ijazah, menerima hadiah daripada Allah SWT, walaupun pialanya tidak disampaikan pada pagi ini, walaupun sijil dan syahadahnya tidak disampaikan pada hari ini,

walaupun anugerahnya tidak disampaikan pada pagi ini, tetapi anugerah itu memang telah siap sedia. Cuma akan diberi kepada kita di hari akhirat kelak.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Apakah hadiah yang akan diperolehi oleh orang-orang mukmin yang bertaqwa pada hari ini setelah menjalani peperiksaan yang sebaik-baiknya pada bulan Ramadhan itu? Hadiah dan anugerah yang akan diperolehi oleh setiap orang mukmin yang bertaqwa setelah berjaya menempuh peperiksaan dan ujian sebulan Ramadhan itu adalah sepertimana di dalam sabda Rasulullah SAW. Marilah sama-sama kita mendengamya. Maknanya lebih kurang:

Hendaklah kamu bersungguh-sungguh pada hari raya jitri ini melakukan sedekah, melakukan segala bentuk kebaikan dan kebajikan seperti melakukan sembahyang, berzakat, bertasbih, bertahlil kerana sesungguhnya hari ini adalah hari yang Allah SWT mengampunkan dosa-dosa kamu dan Allah SWT melihat pada kamu dengan rahmat.

Kemudian mari kita mendengar lagi sabda Rasulullah SAW di lain tempat. Maknanya lebih kurang:

Apabila tiba hariraya fitrah Allah SWT telah mengutuskan para malaikut, maka mereka pun turun di seluruh negeri, a? seluruh pelusuk dunia. Maka mereka pun berkata: Wahai umat Muhammad hendaklah kamu keluar kepada Tuhan yang Maha Pemurah. Maka apabila mereka umat-umat Muhammad itu keluar kepada tempat sembahyang mereka, lantas Allah SWT berfirman: Hendaklah kamu saksikan wahai para malaikat-Ku. Sesungguhnya Aku telah jadikan pahala mereka

itu di atas puasa mereka sebagai keredhaan-Ku dan keampunan dari-Ku.

Berdasarkan dua sabda Rasulullah SAW ini para hadirin yang dihormati sekalian, dapatlah kita tahu; itulah dia di antara hadiah-hadiah dan anugerah yang Allah akan beri kepada umat Nabi Muhammad SAW yang berjaya di dalam ujiannya di dalam bulan Ramadhan dengan sebaik-baiknya. Jadi kalau kita senaraikan hadiah dan anugerah itu berdasarkan dua hadis tadi bolehlah kita mengatakan seperti ini:

Pertama	:	Dapat keampunan dari Allah SWT.
Kedua	:	Doa umat Muhammad ditcrima Allah SWT.
Ketiga	:	Allah membcri rahmat kepada umat Muhammad.
Keempat	:	Umat Muhammad mendapat kcredhaan Allah SWT.

Moga-moga kita yang hadir ini dapat hadiah sepertimana yang telah disabdakan oleh Nabi besar Muhammad SAW sepertimana dalam senarai yang telah kita sebutkan tadi.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Pada hadirin yang dihormati sckalian:

Dapatkah kita tahu siapa di antara orang-orang yang menempuh Ramadhan itu mendapat kejayaan dari Allah SWT? Saya rasa tak ada seorang yang tahu. Tetapi walau bagaimanapun kita boleh menyebut tanda-tanda mcrcka yang mendapat anugcrah dan hadiah dari Allah SWT, lantaran mereka dapat menempuh Ramadhan dengan sebaik-baiknya. Di antara tanda-tanda mereka yang mendapat hadiah dan anugerah dari Allah SWT pada hariraya ini iaitu:

1. Fikirannya telah dibersihkan oleh Al Quran dari sebarang khurafat, dari sebarang tahyul, dari sebarang ism dan ideologi buatan manusia dan begitu juga bersih daripada sebarang faham-faham kebendaan.
2. Nafsu-nafsu mereka telah terdidik hingga dapat ditundukkan pada perintah Allah dan Rasul-Nya.
3. Hati-hati mereka dapat memiliki sifat mahmudah sifat-sifat yang terpuji seperti pemurah, sabar, redha, tawakal, hubbullah, mencintai sesama manusia terutama sesama orang mukmin, pemurah dan lain-lain lagi.
4. Latihan Ramadhan itu menjadikan mereka dapat menerima sebarang ujian selepas itu nanti.

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Itulah di antara tanda-tanda orang yang mendapat anugerah dan hadiah daripada Allah SWT pada hariraya setelah mereka menempuh Ramadhan dengan sebaik-baiknya. Kalau berdasarkan sifat-sifat yang telah kita sebutkan tadi cuba kita renung pada diri kita, dan suluh diri kita, suluh hati kita, suluh fikiran kita dan sululilah nafsu kita, apakah sifat-sifat yang telah disebutkan tadi telah kita miliki. Kalau kita rasa sifat-sifat tadi telah kita miliki bersyukurlah kita kepada Allah SWT. Jangan rasa bangga dan jangan rasa ujub dan riak. Dan kalau kita rasa belum memiliki maka pada hari ini marilah kita sama-sama meminta ampun berbanyak-banyak kepada Allah SWT, di atas kesilapan kita yang tidak melakukan dengan sebaik-baiknya dalam menempuh Ramadhan sehingga sifat-sifat yang telah kita perkatakan tadi tidak kita miliki. Dan sama-samalah berdoa moga-moga Allah panjangkan umur kita. Moga-moga kita dapat berhadapan dengan Ramadhan tahun depan agar dapat kita kambus dan qada semula kesalahan kita yang telah lalu. Dan di waktu itu kita akan cuba mengisi Ramadhan itu dengan sebaik-baiknya. Moga-moga Allah akan memberi hadiah kepada kita sebagaimana mereka-mereka yang pemah mendapat kejayaan di dalam menempuh Ramadhan dengan sebaik-baiknya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Oleh itu tidak semua orang berhak berhariraya pada hari ini. Cuma kita tidak **tahu,** tapi Allah tahu. Kerana orang yang memasuki ujian bulan Ramadhan ataupun yang ada memasuki ujian di bulan Ramadhan bukan scmuanya berjaya. Ada di kalangan mereka berjaya dan ada di kalangan mereka tidak berjaya. Yang berjaya layak menerima hariraya pada hari ini. Yang tidak berjaya tak layak menerima hariraya pada pagi ini. Kita tidak tahu, cuma Allah yang mengetahuinya. Sebab. itulah kalau kita membaca riwayat salafus soleh zaman dahulu ada setengah mereka apabila berhadapan dengan 1 Syawal pada pagi Aidilfitri mereka menangis, mereka bersedih hati, mereka berdukacita. Bila ada yang bertanya kepada mereka, "Kenapa pada hariraya ini hari gembira ini, kamu berdukacita, kamu bersedih." Maka mereka memberi jawapan, "Kami rasa tak layak menerima hariraya pada pagi ini, kami rasa tak layak berhariraya pada pagi ini, kami rasa bulan Ramadhan yang lalu tidak berjaya kami tempuh dcngan sebaik-baiknya. Kami tak yakin kami diampunkan oleh Allah SWT." Jadi lantaran itu hati mereka penuh dukacita dan penuh sugul. Tapi bagi orang yang tidak mengetahui hakikat hariraya dan tak dapat menilai diri masing-masing, bila berhadapan dengan hariraya masya-Allah! Amat gembira, bersukaria lantas terlajak mclakukan dosa dan noda. Bertambah dosa kepada Allah SWT. Kadang-kadang terlebih dosa daripada dosa di bulan-bulan atau.tahun-tahun **yang** sudah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Sebenamya hariraya pada pagi ini bukan hariraya yang sejati. Sebenamya hariraya pada pagi ini bukan hariraya yang mutlak. Yang sebenamya banyak lagi hariraya yang ada pada orang mukmin. Cuma kita tak sedar dan tidak ada dalam pengetahuan kita selama ini. Oleh yang demikian marilah kita mendengar satu riwayat yang menceritakan selain daripada hariraya pada pagi ini ada hari-hari raya yang lain yang lebih sejati lagi daripada hariraya pada pagi ini. Anas bin Malik pemah berkata:

Bagi setiap orang mukmin itu ada lima hariraya:
Pertamanya: Setiap hari yang dilakukan oleh orang mukmin itu tak ditulis di atasnya dosa.
Kedua: Hari yang ia keluar daripada dunia ini dengan membawa iman, dapat mengucapkan syahadah dan terpelihara daripada tipudaya syaitan.
Ketiga: Hari yang dia berjaya menempuh siratulmustaqim, aman daripada huru-hara kiamat, lepas dari tangan permusuhan dan Zabaniah.
Keempat: Hari yang dia masuk ke dalam syurga dan aman daripada neraka jahim.
Kelima: Di hari yang dia dapat melihat Tuhannya. lnilah dia yang dikatakan hariraya.
(Abul Laits)

Siapa dapat menempuh kelima-lima hariraya ini dengan sebaik-baiknya inilah hariraya yang maha besar. Inilah yang dikatakan kejayaan yang maha besar Kejayaan yang dia mendapat keampunan daripada Allah SWT, mendapat pahala daripada Allah, dapat syurga Allah dan dapat melihat Allah. Melihat Allah itu nikmat yang paling nikmat. Nikmat yang paling besar dan tidak ada tandingnya. Dan tidak ada taranya nikmat-nikmat yang lain dengan nikmat melihat Allah SWT. Moga-moga kita yang hadir pada pagi ini, dapat menempuh hari-hari yang telah disebutkan tadi dengan

sebaik-baiknya supaya kita mcnerima hariraya. Sebab jika hari-hari yang lima yang kita sebutkan tadi dapat kita tempuh dengan sebaik-baiknya, itulah ertinya hariraya pada kita. Tetapi kalau tidak berjaya menempuh hat-i-hat-i yang telah kita sebutkan tadi maka itu bukan hariraya tapi hari ria namanya. Itu bukan hari raya tetapi hari gembira. Bukan hariraya namanya tetapi hari berpoya-poya. Itu bukan hari kejayaan namanya tapi hari kegagalan dalam hidup kita.

بَارك اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللهَ الْعَظِيْمَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ

KHUTBAH 2

الله اكبر (7 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلهِ وَالشُّكْرُ لِلهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلى رَسُوْلِ اللهِ

اما بعد

فَيَا عِبَادَاللهِ؛

اِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Saudara-saudari yang dihonnati sekalian:

Pada pagi ini, pagi hari baik bulan baik ini, pagi Allah telah memberi peluang kita hidup hingga kita dapat bersama-sama berhariraya pada pagi ini, marilah kita merenung keadaan masyarakat kita. Yang mana masih ada di kalangan masyarakat kita terutama mereka yang seperjuangan dengan kita masih lagi miskin, susah, menderita dalam hidup mereka. Maka oleh yang demikian pada hari baik dan bulan baik ini, marilah kita sama-sama mengikut kadar kemampuan kita, membela mereka, bersedekah dan menolong mereka. Moga-moga mereka dapat hidup sepertimana orang biasa. Moga-moga mereka hidup gembira sepertimana mereka yang sama-sama dapat bergembira pada hariraya. Selain daripada itu, mari kita renung lebih jauh daripada itu dalam masyarakat Malaysia kita yang tercinta ini dan di luar tanahair kita di Malaysia iaitu di negara-negara yang mana banyak penduduk Islam. Yang mana kita sedar keadaan masyarakal umat Islam pada hari ini ada-

lah dalam porak peranda. Mcreka tidak mempunyai perpaduan, mereka tertindas dan melarat. Iman mereka telah longgar, akhlak mereka telah hancur dan lebur. Musuh mereka telah dapat mempermainkan dan menekan mereka. Apa yang terjadi pada masyarakat Islam, sama ada di tanahair kita ini mahupun yang di luar, kita tidak boleh memcjam mata terhadapnya. Kita tidak boleh bersikap tidak ambil pusing, kita tidak boleh menganggap biasa saja. Itu semua adalah tanggungjawab kita bersama. Masyarakat Islam hari ini memerlukan adanya orang yang boleh membaiki semula perpaduan mereka, membaiki semula iman mereka, membaiki semula akhlak mereka, membaiki semula semua sudut dan semua aspck kehidupan mereka; di samping kita mesti sentiasa berusaha dan berikhtiar walaupun tcnaga kita kecil agar kita dapat membendung kejahatan-kcjahatan yang telah dilakukan oleh musuh-musuh Islam terhadap umat Islam.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihonnati sckalian:

Selain daripada itu pada pagi hariraya ini, pada hari baik bulan baik ini, marilah kit.a berazam marilah kita sematkan dalam hati kita yang mana selepas ini nanti kita akan melipatgandakan tenaga kita untuk memberi, untuk lebih kuat bcrjuang, untuk lebih kuat berkorban, untuk lebih gigih lagi datang ke tengah masyarakat. Berdakwah, bcrjuang dan bcrjihad membaiki keadaan umat Islam. Moga-moga dengan itu nanti Allah akan membela umat Islam di dunia ini dan lebih-lebih lagi di akhirat. Selain daripada itu, kita sebagai anggota yang ada jemaah, yang ada harakah ini, eloklah kita ambil kesempatan pada pagi ini. Moga-moga dengan berkat Ramadhan yang sudah, kita renung ke dalam diri kita, kita renung ke dalam jemaah kita, kita rcnung ke dalam harakah kita, apakah kebaikan yang ada di dalam jemaah kita itu dan apakah kelemahan-kelemahan dan kecacatan-kccacatan yang ada dalam jemaah kita.

Kalau kita dapati ada kebaikan yang berlaku dalam jemaah kita itu kita cuba pertahankan dengan sebaik-baiknya, kalaupun tidak dapat dipesatkan lagi. Tetapi mana-mana kekurangan dan kesilapan serta kesalahan yang kita dapati, marilah bersama-sama kita membaikinya. Moga-moga dengan itu kita dapat membangunkan jemaah sepertimana yang dikehendaki oleh Allah **dan** Rasul. Jemaah yang akan memberi rahmat kepada seluruh umat Islam.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Kalau begitu tugas di hadapan kita amat berat. Tugas jemaah, tugas diri kita, tugas terhadap rumahtangga kita, tugas kepada masyarakat yang lcbih umum dari itu termasuk yang di luar tanahair. Yang memerlukan adanya pengislah, yang memerlukan tenaga-tenaga pejuang untuk membaiki keadaan ini agar jangan sampai kemurkaan Allah terus berpanjangan terhadap umat Islam. Agar umat Islam selamat di dunia lebih-lebih lagi selamat daripada neraka Allah di akhirat. Moga-moga Allah sentiasa memimpin kita dan moga-moga Allah sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita hingga kita sentiasa dapat membaiki diri, dapat membaiki rumahtangga kita, dapat membaiki jemaah dan harakah kita, dapat membaiki masyarakat kita dan dapat membaiki umum masyarakat Islam seluruhnya.

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ وَتَابِعْ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ بِالْخَيْرَاتِ ، رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالأِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ الْقُرْبى وَيَنْهى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْي يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ فَاذْكُرُوا اللهَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُوْنَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

3 KEMBALIKAN PERANAN MANUSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (9 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لله الَّذِىْ كَرَّرَ العِيْدَ فِىْ كُلِّ سَنَةٍ وَجَعَلَ فِىْ مَلاَءِ هَذَا
الْيَوْمِ بِالتَّكْبِيْرِ وَالتَّحْمِيْدِ وَالتَّسْبِيْحِ وَالصَّلاَةِ وَالدُّعَاءِ فِى
اَقَامَةِ السُّنَّةِ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ الهَ الاَّ الله وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ اِمَامُ الاَنْبِيَاءِ وَقَائِدُ الأُمَّةِ.
اللهم صل وسلم على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وَتَابِعِيْهِمْ
بِاِحْسَانٍ اِلى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

اما بعد:

فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى الله فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُوْنَ، قال الله سبحانه وتعالى:
يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ
اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ
فَوْزًا عَظِيْمًا

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT dengan sebenar-benar syukur. Kerana Allah telah memanjangkan umur kita dan kerana kita telah sama-sama dapat mengisi bulan Ramadhan sebulan lamanya dengan berpuasa pada siang hari, mengadakan sembahyang tarawih pada waktu malam, serta ditambah lagi dengan ibadah-ibadah yang lain seperti membaca al Quranul Karim, takbir, tahmid dan lain-lain lagi. Alhamdulillah pada pagi ini

kita dapat berkumpul dan berhimpun di Yayasan Al Arqam Wilayah Pusat, Kampung Sempadan ini. Sebentar tadi kita telah sama-sama bertakbir, bertasbih, bertahmid serta diringi dengan sembahyang sunat Aidilfitri dan doanya. Dan sekarang kita sama-sama mendengar khutbah hari raya Aidilfitri.

Moga-moga pada pagi ini kita benar-benar menjadi orang yang bersyukur kepada Allah SWT, dan moga-moga kita menjadi orang yang pandai berterima kasih di atas nikmat-nikmat yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita semua, sepertimana yang telah saya . sebutkan tadi.

Saudara-saudari sidang hadirin yang saya hormati sekalian:

Pada pagi hari raya yang mulia ini Allah telah menganugerahkan nikmat yang maha besar kepada golongan muttaqin, (orang-orang yang bertaqwa). laitu orang-orang yang bertaqwa, telah Allah anugerahkan pada pagi ini dengan ***maghfirah-Nya,*** dengan rahmat-Nya, dengan ganjaran yang besar daripada Allah SWT kerana orang-orang muttaqin itu telah bermujahadah, dan telah beribadah bersungguh-sungguh di dalam bulan Ramadhan yang lalu. Jadi yang mendapat hadiah' yang besar, iaitu yang dapat maghfirah, rahmah dan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT ialah orang yang muttaqin, iaitu orang yang bertaqwa kepada Allah SWT. Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat al Quranul Karim yang biasa kita dengar:

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Sesungguhnya amal ibadah itu diterima daripada orang yang bertaqwa.

(Al Maidah: 27)

Berbahagialah pada pagi ini orang-orang yang bertaqwa. Dapat maghfirah, dapat rahmah dan dapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Di sini baru kita faham, apa sahaja ibadah yang kita buat, Allah tidak akan terima melainkan setelah menjadi orang yang

bertaqwa. Apakah pada pagi ini kita tclah sama-sama mendapat ganjaran daripada Allah SWT iaitu maghlirah-Nya, dapat rahmat-Nya, dapat pahala yang besar daripada? Kita tidak dapat mengetahuinya, tetapi Allah SWT yang mcngetahuinya. Moga-moga kita juga termasuk di dalam golongan orang-orang yang muttaqin dan mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Hari ini dinamakan hari raya aidil fitri ataupun hari raya fitrah Mengapa hari ini dikatakan hari raya aidil fitri Mengapa hari ini dikatakan hari raya fitrah? Sebab hari inilah yang menandakan umat Islam telah bcnar-bcnar bcrmujahadah dan beribadah di bulan Ramadhan. Itu ertinya, hari ini dia telah mengembalikan dirinya kepada fitrah semulajadinya mengapa dia dijadikan. Ertinya orang yang benar-benar bcrmujahadah dan beribadah sebulan Ramadhan yang sudah itu kembali kepada fitrah semulajadi, mengapa manusia itu dijadikan oleh Allah SWT; iaitu tujuan manusia itu diwujudkan oleh Allah SWT adalah sepcrtimana yang tersebut di dalam sepotong ayat Al Quranul Karim yang biasa kita dengar dan kita ulangi lagi pada pagi ini:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepada Allah SWT.

(Adz Dzaariyat: 56)

Jadi, Allah jadikan manusia itu untuk beribadah kepada-Nya. Jadi, kalau manusia ini dapat benar-benar bermujahadah, dapat beribadah lahir dan batin, crtinya dia tclah meletakkan dirinya pada kejadian semulajadinya; mcngapa dia dijadikan oleh Allah SWT. Iaitu Allah jadikan dia untuk beribadah kepada Allah SWT.

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Melalui mujahadah dan ibadah yang dapat memenuhi syarat dan rukunnya serta dapat menghayati roh dan jiwa ibadah itu, manusia dapat mengembalikan dirinya lahir dan batin pada fitrahnya yang semulajadi. Moga-moga ibadah puasa kita yang lalu itu, moga-moga mujahadah kita sebulan Ramadhan dan ibadah kita di sepanjang sebulan Ramadhan benar-benar telah mengembalikan diri kita, lahir dan batin kita, kepada sebagaimana yang Allah kehendaki. Iaitu kepada fitrah yang suci dan murni lahir dan batinnya, yang mana kita benar-benar dapat beribadah kepada Allah ataupun tunduk kepada-Nya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para hadirin yang dihormati sekalian:

Perlu diingatkan, Allah menciptakan manusia. Allah menjadikan manusia ini daripada dua bentuk iaitu jasmani dan rohani. Atau dengan kata-kata yang lain tubuh kasar dan tubuh halus. Tubuh kasar ataupun jasmani adalah sepcrti mata, telinga, mulut, tangan, kaki dan lain-lainnya. Allah menjadikan mata kita, Allah jadikan telinga kita, Allah jadikan tangan kita, Allah jadikan mulut kita dan Allah jadikan kaki kita, ada peranannya. Peranan mata ialah untuk melihat kebenaran, untuk melihat Al Quran dan Sunnah, untuk-melihat kebesaran Allah melalui kejadian alam ini. Allah menjadikan telinga dengan tujuan untuk mendengar kalimah-kalimah suci, mendengar ajaran-ajaran daripada Allah dan'Rasulullah SAW. Begitu juga Allah jadikan mulut dengan tujuan untuk memperkatakan sesuatu yang diredhai oleh Allah SWT. Begitu **juga** Allah jadikan kaki kita ini dengan tujuan untuk kita halakan ke tempat yang diredhai oleh Allah.

Jadi anggota lahir manusia ini yang Allah jadikan ada peranannya. Saya ulangi lagi mata peranannya melihat benda yang baik,

telinga peranannya mcndengar yang baik, mulut peranannya memperkatakan sesuatu yang baik, tangan peranannya memegang sesuatu yang baik dan kaki peranannya melangkah dan menghala ke tempat yang baik; yang dircdhai oleh Allah SWT. Kemudian manusia ini ada tubuh halusnya, tubuh batinnya yang dikatakan ‘qalbu’ itu ataupun hati.

Allah menjadikan tubuh halus, Allah telah menjadikan batin manusia. Allah telah menjadikan hati manusia itu ada peranannya, iaitu untuk menerima ilmu pengetahuan. Peranan hati juga untuk menerima hikmah. Peranan hati juga untuk menerima maghfirah. Malah peranan hati juga untuk melakukan hubungan *hubbullah* (mengingati Allah SWT). Begitu juga peranan hati itu untuk ذوق بذكرالله *(zauk bizikriflah)*, iaitu merasai lazat mengingati Allah SWT. Ini dia peranan hati, mengapa hati dijadikan oleh Allah SWT, dengan tujuan hati itu dapat menerima ilmu yang sah, ilmu yang menjadikan manusia itu tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Ilmu yang menjadikan manusia itu orang yang baik, orang yang berakhlak, dan mematuhi syariat Allah SWT.

Ilmu hikmah ialah ilmu yang tersirat. Ilmu yang kebanyakan orang tidak dapat mclihat. Hikmah ini merupakan ilmu di dalam ilmu. Ilmu hikmah ini hanya orang-orang tertentu saja yang diberi oleh Allah SWT. Orang yang jiwanya benar-benar bersih. Kalau orang yang jiwanya tidak bersih, dia boleh jadi orang alim saja tetapi tidak akan menjadi hakim. Hakim itu Iebih daripada alim. Tidak mesti alim itu hnkim tctapi hakim itu adalah alim. Jadi ilmu hikmah itu ialah ilmu yang tersirat yang kebanyakan orang tidak dapat menjangkau dan mclihatnya, kecuali orang-orang tertentu yang hatinya benar-benar bersih. Begitu juga hati ini Allah jadikan dengan tujuan makrifah Allah, mcngenal Allah SWT yang dikatakan mengenal Allah itu sehingga hati rasa takut kepada Allah, hingga hati rasa cinta yang menyebabkan manusia akan tunduk dan patuh lahir dan batin kcpada Allah SWT. Tunduk dan patuh’itulah keselamatan manusia di dunia Icbih-lebih lagi di akhirat.

Begitu jugalah Allah jadikan hati, dengan tujuan agar rasa lazat dalam mengingati Allah. Susah mendapat rasa lazat ketika mengingati Allah SWT. Inilah dia peranan hati para hadirin yang dihormati sekalian. Jadi kalaulah manusia itu lahir dan batinnya kembali kepada fitrah semulajadinya, kembali bersih sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah iaitu tubuh kasar dan tubuh halus manusia ini berperanan semula, iaitu dapat tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT, itulah yang dikatakan orang yang benar-benar bertaqwa atau orang yang soleh ataupun orang yang sihat lahir dan batinnya. Tetapi kalaulah tubuh kasar dan tubuh halus manusia itu tidak dapat dikembalikan kepada fitrah semulajadinya, tidak dapat dibersihkan hingga dia tidak berperanan sepertimana yang dikehendaki oleh Allah SWT, ertinya tubuh lahir dan batinnya tidak sihat; maka mereka itu bukanlah orang yang bertaqwa. Mereka itulah yang dikatakan orang yang derhaka kepada Allah, orang yang 'asi, orang yang fasik, orang yang mungkar, orang yang zalim kepada Allah SWT. Moga-moga mujahadah dan puasa kita sebulan Ramadhan itu telah meletakkan diri kita kepada fitrah semula jadinya iaitu dapat tunduk dan patuh kepada Allah SWT lahir dan batin.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Untuk meletakkan kedua-dua bentuk tubuh tadi kepada peranannya atau kepada fungsinya amatlah sulit. Terpaksa melalui mujahadah yang bersungguh-sungguh. Oleh itu perkara-perkara di bawah ini hendaklah diambil perhatian:

1. Hendaklah mengorbankan tenaga dengan bersungguh-sungguh dalam bermujahadah, membersihkan diri serta selalu meminta pertolongan Allah SWT. Scpertimana Rasulullah SAW pernah berdoa dalam hadisnya:

اَللّٰهُمَّ آتِ نَفْسِيْ تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا

Ertinya: Wahai Tuhanku, berilah diri aku ini sifat taqwa dan hanya Engkau sebaik-baik dapat membersihkannya. Engkaulah yang dapat mengendalikannya dan Engkaulah Tuhan.

Hadis ini elok kita hafal dan kita jadikan doa agar kita mendapat bantuan daripada Allah SWT. Agar Allah membantu kita untuk membersihkan lahir dan batin kita hingga kita dapat meletakkan diri kita kepada kejadian semulajadi, iaitu dapat tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT.

2. Untuk membersihkan diri hendaklah memberi maaf serta berlapang dada terhadap orang-orang yang berbuat jahat terhadap kita.

3. Untuk membersihkan diri lahir dan batin kita janganlah mengikut langkah-langkah syaitan laknatullah. Kerana syaitan itu tidak lain dan tidak bukan kerjanya hanyalah untuk merosakkan manusia, mendorong manusia agar derhaka kepada Allah SWT. Iaitu bukan membersihkan diri kita. Kita hendaklah memperhatikan jalan-jalan syaitan agar kita tidak tertempuh jalan-jalannya itu kerana kalau kita menempuhinya sudah pastilah kita akan tersesat dari jalan Allah SWT, dengan itu kita akan derhaka kepada Allah SWT.

4. Jangan suka mcnyiarkan kejahatan kepada orang mukmin secara langsung atau tidak sccara langsung. Kita tidak dibenarkan menyiarkan kcjahatan orang kc tengah masyarakat hingga mereka mendapat malu. Kalau kita dapat melaksanakan ini, ini juga satu jalan untuk membersihkan diri kita lahir dan batin.

5. Hendaklah kita menahan lidah daripada memperkatakan kejahatan orang lain kecuali mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Bila kedua-dua bentuk tubuh tadi dapat berperanan mengikut kehendak Allah SWT atau berfungsi ertinya manusia itu telah tunduk lahir dan batinnya kepada Allah SWT. Ini yang dikatakan taslim atau dengan kata-kata lain الخضوع ***(Al khudu')*** tunduk lahir dan tunduk batin. Bila manusia tubuh lahir dan batinnya tidak berfungsi, tidak berperanan mengikut kehendak Allah SWT, manusia itu tidak dapat lepas daripada sifat mazmumah, sifat-sifat yang tercela seperti riak ujub, sum'ah, hasad,. pendendam, bakhil, tamak, hubbuljah, gila puji, gila nama, yang mana sifat-sifat terkeji ini boleh menimbulkan huru-hara, kacau-bilau, perbalahan, pergaduhan dan peperangan di tengah masyarakat manusia, akhirnya manusia sudah tidak ada keamanan lagi. Akhirnya kehidupan masyarakat manusia kacau bilau. Maka terjadilah sepertimana yang Allah gambarkan di dalam ayat al Quranul Karim yang biasa kita dengar dan kita ulang lagi pada pagi ini:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم

بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahannya: Lahirlah kerosakan di lautan dan di daratan oleh kerana usaha manusia itu sendiri, oleh kerana tangan manusia itu sendiri. Agar mereka menerima azab yang maha pedih di dunia lagi sebahagian dari akibat perbuatan mereka

sebelum mereka menerima azab di akhirat yang lebih dahsyat lagi. Agar mereka kembali berjalan benar.

(Ar Rum: 41)

Waliyauzubillah. Moga-moga kita dapat membersihkan diri kita untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Kita boleh hiasi lahir kita dengan syariat, kita boleh mcmperbanyakkan sembahyang, kita boleh memperbanyakkan membaca Al Quran, kita boleh memperbanyakkan berzikir dan memperbanyakkan doa, kita boleh berjuang bersungguh-sungguh terhadap orang-orang kafir dan kita boleh bergelanggang di tengah masyarakat yang lahir ini. Tetapi bila kita cuba memerhatikan batin kita, cuba hcndak memperbaiki diri kita agar bersih daripada riak, ujub, tamak, bakhil, suma'ah, agar bersih daripada hubbuljah dan lain-lain ini amat sulit, amat susah sekali. Sebab itu Rasulullah sendiri berdoa seperti yang telah saya sebutkan tadi, minta tolong kepada Allah agar Allah membersihkan dirinya. Sebab kalau Allah tidak menolong kita, mustahil kita dapat membersihkan diri kita lahir dan batin. Sebab itu di samping kita sungguh-sungguh bcrmujahadah terutama kita sungguh-sungguh berusaha dan bcrikhtiar membaiki lahir dan batin kita, kenalah kita berdoa selalu kepada Allah SWT terutama sekali ketika kita bangun malam, bcrtahajud kepada Allah. Kita panjatkan doa dan kalau boleh kita mcnangis di hadapan Tuhan, meminta pertolongan Allah agar Allah bcrsihkan diri kita daripada kejahatan. Sama ada diri lahir kita atau diri batin kita.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ

KHUTRAH 2

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الاَحْزَابَ وَحْدَهُ. وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالاَهُ

اما بعد :

فَيَا اِخْوَانِي الْمُسْلِمِيْنَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهَ إِنَّ اللهَ مَعَ الْمُتَّقِيْنَ

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Saya tadi telah menyentuh tentang manusia ini mempunyai dua bentuk tubuh iaitu tubuh lahir dan tubuh batin. Tubuh batin yang dimaksudkan ialah hati. Hati, telah saya nyatakan tadi, peranannya ialah untuk menerima ilmu yang sah. Menerima hikmah, maghrifah daripada Allah, hubbullah serta rasa lazat manakala menyebut Allah SWT.

Pada khutbah yang kedua ini saya hendak menyentuh mengenai hubbullah. Salah satu peranan yang sepatutnya dilakukan oleh hati ialah hubbullah (menyintai Allah). Menyintai Allah lebih daripada kita menyintai ibu dan ayah kita, lebih daripada harta kepunyaan kita. Bahkan kita letakkan rasa cinta kepada Allah itu mengatasi segala-galanya. Kcnapa para hadirin yang dihormati sekalian? Sebenamya, mengikut tabiat semulajadi manusia ataupun fitrahnya yang semulajadi ini, dengan tidak payah diberitahu; hatinya sentiasa mencintai orang yang dia sedar selalu berkhidmat kepadanya. Sebab itu ia menjadi fitrah manusia tidak kira sama ada orang kafir atau orang Islam. Kalau nisbah sesama makhluk; orang yang paling berjasa, paling banyak jasa jika dibandingkan dengan orang lain.

Dan sebab itulah tanpa diarah, disuruh dan tanpa diasuh oleh guru dengan sendiri hati kecil manusia ini mencintai ibu dan ayahnya lebih daripada mcnyintai orang lain. Tetapi adakalanya anak-anak ataupun seseorang itu hilang kasih sayang kepada ibu dan ayahnya walaupun dia sedar itulah ibu dan ayahnya, kerana ada sebab.

' Di antara sebab-sebabnya ialah kalau seorang bayi yang bant lahir diambil oleh orang lain. Dia tidak akan kenal ibu dan ayahnya, dia tahu ibu dan ayahnya itulah orang yang mengambilnya, yang memeliharanya, orang yang mcnjaganya. Katalah setelah 30 tahun, tiba-tiba orang kenalkan kepadanya, "Ini adalah ayahmu", "Ini ibumu" lalu dia pun yakin bahawa orang itulah ayah dan ibunya. Tetapi oleh kerana dia tclah tcrpisah 30 tahun dengan ibu dan ayahnya walaupun selepas dia dipcrkcnalkan kembali kepada ibu dan ayahnya, kasih sayangnya tetap dibcri kepada orang yang memeliharanya sejak kccil. Itu tidak lain dan tidak bukan kcrana dia telah dipisahkan daripada ibu dan ayahnya selama tidak kurang 30 tahun. Begitulah tabiat semulajadi setiap manusia. Hati manusia ibarat mcmpunyai *hubbullah* (cintakan Allah). Jadi, cinta kepada Allah itu fitrah semulajadi sebagaimana anak cinta kepada ibu ayah. Tidak payah diajar, didorong, dan tidak payah bet-guru.

Tetapi mengapa kita tidak dapat meletakkan kasih kepada Allah? Kenapa kita tidak cinta kepada Allah? Banyak lagi perkard-perkara lain yang lcbih kita cintai melcbchi cinta kita terhadap Allah. Mengapa? Kcnapa? Scbaik saja kita lahir, kita telah dipisahkan dengan Allah mula-mula sekali memisahkan di antara kita dengan Allah ialah ibu bapa kita, hingga kita tidak kenal akan Allah. Bila kita ke sckolah, guru-guru pula memisahkan kita daripada Allah. Bila kita datang ke tengah masyarakat, masyarakat pula memisahkan kehidupan kita dcngan Allah. Sebab itu selepas 30 tahun atau 40 tahun kita mendcngar pengajian, ceramah, dakwah, baru hati kita tcrsentuh. Oh! Rupa-rupanya Allah itu wujud, Allah itu menjadikan aku. Tctapi kita sekadar tahu Allah itu Tuhan, setelah tahu bahawa Allah itu yang menjadikan kita, rasa cinta kepada Allah masih tiada lagi.

Mengapa setelah kenal dan tahu akan adanya Allah, masih tidak ada rasa cinta kepada Allah? Sudah puluhan tahun ki.ta dipisahkan daripada Allah oleh ibu bapa kita, guru dan masyarakat. Sebab itu untuk menjadikan manusia benar-bcnar cinta kepada Allah, didiklah anak-anak sejak kecil lagi. Masukkan ke sekolah supaya guru-guru pula dapat mengcnalkan anak-anak itu kepada Allah. Bila dewasa nanti anak-anak itu akan cinta kepada Allah dan pada waktu itu mereka akan mcnjadi singa-singa (orang yang berani), orang yang tabah, orang yang tahan lasak dalam perjuangan. Siapa saja yang mengugut, mereka tidak akan tergugat walaupun senjata dihalakan ke muka. Kenapa? Kerana mereka telah cinta kepada Allah. Kenapa? Kerana sejak kecil tidak pemah diputuskan daripada Allah. Kita ini telah puluhan tahun dipisahkan oleh orang daripada Allah. Walaupun kita sudah tahu akan adanya Allah, Allah yang mencipta kita; namun rasa cinta kepada Allah tidak ada. Jenuh kita mengasak-asak hati kita namun rasa cinta itu tetap tidak ada juga. Sebab itu hati kita mudah tergugat, mudah masuk angin, kita mudah kalah bila berhadapan dengan maksiat dan kerenah hidup di dunia.

Walau bagaimanapun janganlah kita berputus asa. Allah suruh kita berdoa meminta bantuan daripada-Nya. Kita sudah tahu akan adanya Allah dan Dialah yang menciptakan kita. Cuma, rasa cinta yang tidak ada. Mintalah selalu. Paksa-paksalah hati kita agar cinta kepada Allah, mudah-mudahan esok di saat akhir hendak mati pun rasa cinta kepada Allah tidak putus.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihonnati sekalian:

Pada hari ini kita scdang berada di tengah masyarakat dunia yang sangat menakutkan. Yang mana orang-orang besamya penindas dan penzalim, orang-orang kayanya pemboros dan tamak, ula-

ma-ulamanya telah gila dunia hingga sudah tidak ada peranan memimpin, orang-orang awam sudah liar dan jahat, para wanitanya sudah bebas dan hilang malu. Kita sedang berhadapan secara umum dengan manusia yang dunia menjadi matlamat mereka, akhirat tidak digcrunkan. Scbab itulah berlaku peperangan, pergaduhan, pergescran di sana sini dan iman dan sifat taqwa susah untuk ditanamkan dalam diri kita. Jadi, apa yang telah saya gambarkan tadi ialah di antara pcnyakit-pcnyakit mengapa iman dan sifat taqwa itu susah untuk dibangunkan dalam diri kita sama ada lahir ataupun batin. Tapi walau bagaimanapun, kenalah kita ber-'sungguh-sungguh bermujahadah di samping meminta kepada Allah agar iman dan sifat taqwa itu dapat kita bangunkan. Kerana iman dan sifat taqwa itulah satu-satunya jalan untuk menyelamatkan diri kita di dunia lebih-lebih lagi di akhirat.

Oleh itu walau bagaimana susah dan payah sekalipun untuk mendapatkan iman dan sifat taqwa, kita pcrlu usahakan juga untuk mendapatkannya. Kalau boleh dibeli dengan harta kita beli dengan harta yang kita ada. Kalau boleh dibeli dengan tenaga, kita beli dengan tenaga. Kalau boleh beli dengan ilmu, kita beli dengan ilmu. Kalau ditakdirkan kita membelinya dengan nyawa dan darah, kita beli dengan nyawa dan darah. Scbab iman dan sifat taqwa itu perkara yang paling bcrharga di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang memiliki iman dan sifat taqwa ertinya mereka telah terlepas daripada segala-galanya; terlcpas daripada kerugian di dunia dan kerugian di akhirat.

الله اكبرْ الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Sebagai penutup khutbah saya, marilah pada pagi yang mulia ini, kita berjanji kepada diri kita, iaitu kita berjanji untuk menebalkan lagi azam kita. Mencbalkan lagi keyakinan kita terhadap per-

juangan kita dalam menegakkan kebenaran di tengah masyarakat dunia. Kita yakin kalau kita benar-benar berazam dan bertekad untuk melebihkan tenaga dan usaha kita dalam menegakkan perjuangan kebenaran ini, selepas ini nanti ALLAH akan berikan pertolongan yang lebih kepada kita sepcrtimana yang telah kita lihat. Dan memang kita amat yakin, perjuangan kita ini suatu masa nanti akan menggugat dunia dan syariat ini akan bertambah lagi syiarnya berbanding dengan apa yang telah kita lihat pada pagi ini. **Sebab** itu sampan yang kita scdang kayuh ini, terus kita kayuh sampai ke pulau yang kita cita-citakan.

Kalau menempuh gelombang, itu memang mainan kapal; dan kalau berhadapan dengan angin atau batu karang, itu telah menjadi adat bagi sampan itu. Sckali-sekala kapal kita digoyangkan oleh gelombang dan lain-lain. Itu sudah adat orang main sampan di lautan. Ertinya, dalam kita menegakkan kebenaran di tengah-tengah kehidupan masyarakat kita ini, susah payah ujian itu merupakan asam garam kita dalam pcrjuangan. Tiada ujian tidak seronok berjuang dan perjuangan kita tidak ada masin manisnya. Apakah kita mahu berjuang jika perjuangan kita tidak masin dan tidak manis? Ujian penderitaan, kesusahan, fitnah dan sebagainya, itulah asam garam dalam perjuangan. Kita terima dengan penuh redha daripada Allah SWT dan itu merupakan ibadah.

Moga-moga Allah teguhkan iman kita, azam kita dan Allah lipat gandakan lagi tenaga kita untuk membolehkan lagi kita berjuang pada masa-masa akan datang.

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا
صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ ، رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِىْ الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ القُرْبى وَيَنْهى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِىْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

4 HAYATI AL QURAN LAHIRKAN IDENTITI PERJUANGAN

KHUTRAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (9 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لله الَّذِىْ كَرَّرَ العِيْدَ فِىْ كُلِّ سَنَةٍ وَجَعَلَ فِىْ مَلاَءِ هَذَا الْيَوْمِ بِالتَّكْبِيْرِ وَالتَّحْمِيْدِ وَالتَّسْبِيْحِ وَالصَّلاَة وَالدُّعَاءِ فِىْ اَقَامَةِ السُّنَة، أشْهَدُ أنْ لاَ الهَ الاَّ الله وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ اِمَامُ الأنْبِيَاءِ وَقَائِدُ الأُمَّة.

اللهم صل وسلم على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وَتَابِعِيْهِمْ بِاِحْسَانٍ اِلى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

اما بعد:

فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى الله فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ، قال الله سبحانه وتعالى:

إِنَّ النَّفْسَ لأَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ

وقال فى مكان أخر:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا، وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

قال ايضا: وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الهَوَى فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati sekalian:

Kita sekarang sedang berada di pagi 1 Syawal. Allah SWT telah memanjangkan usia kita hingga ke hari ini, agar dengan kesempatan itu kita terus mencuba untuk menjadi hamba-hamba Allah yang

bersyukur dan berbakti pada Allah SWT. Di pagi ini berpisahlah kita dengan Ramadhan yang penuh berkat. Bulan yang mana pintu-pintu syurga dibukakan, pintu neraka ditutup. Syaitan dibelenggu dan kita disediakan ganjaran dan keampunan yang besar di dalamnya. Terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan, yakni lailatul qadar. Ibadah kita di malam itu akan diberi pahala ibadah selama 83 tahun. Demikianlah istimewanya bulan Ramadhan. Kedatangannya umpama kedatangan musim menuai dan memungut hasil, kepergiannya bermakna baru bermula musim menyemai dan bercucuk tanam. Bagi orang mukmin yang bertaqwa kedatangan Ramadhan disambut riang gembira, manakala kepergiannya dihantar dengan penuh sayu.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dikasihi:

Kita telah menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan. Kita kekang nafsu-nafsu kita dari keinginan-keinginannya yang liar, agar nafsu itu tunduk pada peraturan Allah. Jadi puasa ialah satu cara mujahadatunnafsi (melawan hawa nafsu) yang penting. Melawan hawa nafsu adalah termasuk fardhu ain bagi setiap mukmin. Ini adalah berdasarkan kepada kata-kata ulama sufi Bisyul Hati ketika beliau ditanya: ***"Kenapa tuan tidak kahwin?"*** Maka dijawab begini, ***"Kerana aku belum selesai melakukan perkara fardhu iaitu mujahadatunnafsi."*** Kita wajib melawan nafsu kita, sebab ia adalah musuh utama kita. Firman Allah:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahan.' Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kejahatan.

(Yusuf: 53)

Bersabda Rasulullah SAW:

اَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِىْ بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemahannya: Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang terletak antara dua lambung engkau.

(Riwayat: Al ***Baihaqi)***

Kerana itulah ketika bcrjalan pulang dari medan perang Badar Rasul memberitahu sahabat dengan sabdanya:

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الاَصْغَرِ اِلَى الْجِهَادِ الاَكْبَرِ، قَالُوْا: وَمَا الْجِهَادُ الاَكْبَرُ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: جِهَادَ النَّفْسِ

Terjemahannya: Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil menuju kepada mcdan yang lebih besar. ('Terperanjat para sahabat mendengar adanya peperangan yang lebih dahsyat dari apa yang berlaku di Badar, yang meragut ***banyak nyawa) lantas ditanya pada Rasulullah, "Apakah peperangan itu ya Rasulullah?" Jawah baginda, "Melawan nafsu."***

Al Quran telah menetapkan:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang membersihkan hatinya (nafsunya) dan merugilah orang yang mengotorinya.

(Asy Syams: 9-10)

Seterusnya Allah berfirman:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ۝

فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ○

***Terjemahannya:* Adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya,. seraya menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya.**

(An Naziat: 40-41)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang mulia:

Tujuan mujahadatunnafsi ialah membentuk jiwa yang suci, budi pekerti yang agung dan akhlak yang mulia. Antara akhlak yang dikehendaki oleh Al Quran ialah:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ

***Terjemahannya:* Hunyasanya orang-orang mukmin itu ialah mereka yang beriman dengan Allah dun Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu lagi lalu berjuang dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.**

(Al Hujurat: 15)

وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ

***Terjemahannya:* Mereka itu amat keras terhadap orang kafir tetapi berkasih sayang sesama sendiri.**

(Al Fath: 29)

وَٱلۡكَٰظِمِينَ ٱلۡغَيۡظَ وَٱلۡعَافِينَ عَنِ ٱلنَّاسِۗ

Terjemahannya: Dan orang-orang yang sanggup menahan marah dan memaafkan (kesalahan) orang.

(Ah' Imran: 134)

ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ
ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلۡأٓمِرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ
وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ
وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ

Terjemahan: Mcreka itu adalah orang-orang** yang **bertaubat, yang beribadah, yang memuji Tuhan, yang merantau (di bumi Allah), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat baik, dan yang mencegah dari perbuatan-perbuatan jahat, dan yang memelihara hukum-hukum Allah. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman itu.

(At Taubah: 112)

Hasil mujahadatunnafsi, maka terpancarlah dalam kehidupan akhlak-akhlak yang agung yang telah berlaku dalam sejarah. Sayidina Abu Bakar kerana yakin dan cintakan jihad fisabilillah mengorbankan semua hartanya ke jalan Allah. Ditanya apalagi yang tinggal padamu. Jawabnya Allah dan Rasul. Sayidina Umar bin Al Khattab ketika jadi khalifah, selalu keluar menanggung guni gandum di waktu orang telah tidur, mencari rakyatnya yang susah supaya diberikan bantuan Bila khadamnya minta untuk menanggung guni itu, Sayidina Umar berkata, ***"Bukan engkau yang akan menanggung bebanku di akhirat kelak."***

Sayidina Khalid bin Walid dilucutkan jawatan sebagai ketua turus angkatan tentcra sewaktu di tengah medan perang. Seakan-akan tiada apa yang berlaku, beliau terus gigih berjuang. Ditanya,

apakah engkau tidak berdukacita atas tindakan Sayidina Umar? Jawab Sayidina Khalid, ***"Aku berjuang bukan kerana Umar."*** Sayidina Ali sekalipun papa kedana, tapi hampir tiap-tiap malam meletakkan makanan di pintu rumah fakir miskin dan janda-janda. Hairan mereka itu siapa yang memberi mereka makanan. Hinggalah bila wafat Sayidina Ali tiada lagi makanan di pintu, tahulah mereka Sayidina Alilah orang yang membekalkan makanan itu.

Sayidina Abu Hurairah bersama beratus-ratus fakir miskin yang menjadi ahli suffah, berumah di serambi masjid Madinah, tidak pemah meminta-minta dan mengadu-ngadu kesusahan itu, sekalipun kadang-kadang sudah dua tiga hari tidak dapat makanan. Orang menyangka mereka itu kaya-kaya belaka. Hati mereka kaya, mereka redha dengan ketentuan Tuhannya. Seorang pemudi Islam di Madinah ketika sedang duduk di batu, tanpa disedari datang seorang pemuda Yahudi mengikat kainnya pada batu. Bila bangun maka terselaklah kainnya menampakkan auratnya. Kejadian itu menimbulkan kemarahan yang dalam pada pemuda Islam, hingga hampir-hampir tercetus pepcrangan antara Islam dan Yahudi. Begitulah kesungguhan pemuda-pemudi Islam dahulu mempertahankan maruah. Jauh beza dengan apa yang berlaku kini. Bukan orang lain yang jatuhkan maruah kita tetapi kita senditi yang mendedahkan aurat dan merendahkan maruah diri.

Demikianlah sebahagian dari tindakan yang lahir dari akhlak yang mulia, yang mana kalau ini dapat kita terapkan sekali lagi dalam masyarakat kita, insya-Allah akan terbinalah umat sebagaimana yang dikehendaki oleh Al Quran:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahannya: ***Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan di tengah-tengah manusia. Menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah dari yang mungkar sedangkan kamu beriman dengan Allah.***

(Ali Imran:110)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Bulan Ramadhan adalah bulan turunnya Al Quran. Sebab itu bila tiba saja Ramadhan kita pun buka dan.tadarus Quran. Membaca Al Quran itu bererti kita membaca perundangan Islam. Bermula persoalan individu, rumahtangga, jiran tetangga, masyarakat, ekonomi, pendidikan, pembangunan, politik hinggalah kepada persoalan alam sejagat, semuanya termaktub dalam Al Quran sebagai satu sistem hidup yang sempuma dan menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Tidak ada sedikit campur aduk antara sistem ini dengan apa juga sistem lain, yang direka-reka dan diundi-undi oleh mana-mana juga manusia. Selaku hamba Allah, Al Quran adalah wahyu Allah dan jauh bezanya dengan kemampuan otak manusia. Jadi kalau kita membaca Al Quran sepanjang bulan Ramadhan, maka bererti kita telah membersihkan fikiran kita dari segala isma-isma ciptaan manusia. Yang tinggal dalam fikiran kita sekarang ialah Islam iaitu satu-satunya sistem yang mesti kita yakini dan amalkan serta perjuangkan.

Nasionalisma, kapitalisma, komunisma, feudalisma, materialisma, sekularisma, imperialisma, naturalisma dan apa juga lagi, semuanya adalah bikinan manusia dan tidak layak diterima sebagai penmdangan dan sistem hidup masyarakat manusia. Isma-isma itu bukan saja tidak mampu membahagiakan kita di akhirat tapi di dunia lagi, selalu menjerumuskan manusia atau kelompok manuia dalam huru hara dan kebinasaan. Lihatlah dunia hari ini bukan saja

negara-negara kecil seperti Malaysia tapi di Amerika dan Rusia selaku kuasa besar dunia, manusia tidak henti-henti merompak, berbunuh-bunuhan, berperang, berzina, merogol, rasuah, anak-anak tidak kenal ibu bapa, isteri liar suami curang, pengikut derhaka, pemimpin khianat dan 1001 macam jenayah lagi. Bukan kerana miskin atau jahil'atau lemah tetapi adalah kerana sistem hidup yang mereka pilih telah menjunamkan mereka ke dalam neraka dunia sebelum neraka akhirat.

Nasib yang sama tertimpa juga pada umat Islam di negara-negara mana juga mereka berada kerana mereka tidak mengikut Islam. Nama saja Islam tetapi anutan mereka sebenamya ialah apa yang dianut di barat. Nasionalisma, kapitalisma, sosialisma, sekularisma dan lain-lain lagi. Mereka tidak sedar bahawa bila mereka menolak Islam mereka telah syirik. Dan bila menolak Islam bererti mereka memilih kehidupan yang liar, pecah belah, keruntuhan akhlak, tindas-menindas, rasuah, gila kuasa, tidak hormat-menghormati dan keputusannya ialah kehinaan dan kemusnahan di dunia.

Firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا
جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ
وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ

Terjemahannya: Apakah kamu heriman dengan sebahagian isi kitab dan menolak sebahagian yang lain. Tidak ada balasan orang yang bersikap demikian daripadamu melainkan hidup hina di dunia dan di akhirat mereka akan dihumbankan ke dalam azab yang maha pedih.

(Al Baqarah: 85)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang berbahagia:

Ada umat Islam sendiri yang menjadi pendukung dan pejuang kepada nasionalisma, kapitalisma, sosialisma, komunisma, sekularisma bikinan orang-orang barat (kafir) itu. Mereka memuja dan mengagungkan isma-isma tadi sebagai satu kebenaran yang mesti ditegakkan dan diperjuangkan. Mereka terima sistem hidup berdasarkan isma tadi dan dengan bangga melaungkan bahawa melalui sistem itulah segala pembangunan dan kemodenan boleh dicapai. Kejatuhan umat Islam dulu dikira sebagai bukti bahawa Islam tidak dapat menyaingi kemampuan yang ada pada barat. Sebab itu, perjuangan umat mesti berkiblat kepada barat, sekalipun waktu sembahyang mereka mengadap kiblat yang ditunjukkan oleh Allah SWT yakni kiblat yang sebenar.

Umat Islam jenis apa ini, biasanya mengaji kitab di London, Amerika dan lain-lain negara barat. Tok guru mereka termasuklah yang mengajar subjek Islam biasanya penganut Yahudi atau Nasrani atau free thinker yang sangat anti pada Islam. Firman Allah:

وَلَن تَرۡضَىٰ عَنكَ ٱلۡيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمۡ

Terjemahan: Sekali-kali tidak redha Yahudi dan Nasrani sehinggalah kamu ikut agama mereka.

(Al Baqarah: 120)

Maka tidak hairanlah bila balik ke tanah air, bertemu dengan pejuang Islam yang memahami Islam yang benar-benar berlandaskan Al Quran dan sunnah dituduh dan ditohmah sebagai kesesatan, yang boleh melemahkan dan menghalang kemajuan. Dengan keyakinan itu puak yang menamakan diri mereka nasionalisma Islam,

sosialisma Islam, kapitalisma Islam dan lain-lain lagi telah menggunakan berbagai senjata untuk menyerang kumpulan yang mereka istilahkan sebagai fanatik dan dogmatik Islam tadi. Ucapan mereka, tulisan dan sikap mereka nyata sekali bermaksud menghentam dan menyekat kemaraan Islam dan ini tidak ada apa-apa beza dengan ucapan, tulisan dan sikap tok-tok guru mereka yang ada di London dart Amerika sana. Sepatuinya pun begitulah, bila bapanya borek, anaknya tentu rintik.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihorrnati sckalian:

Umat Islam yang mencniang Islam itu adalah majoriti dan mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat. Kekuatan mereka umpama gelombang besar di samudcra yang menghempas, memulas, membumbung, menelan dan melanda apa saja yang di depannya. Sedangkan kita, golongan minoriti ini umpama kapal kecil yang terumbang-ambing dalam samudera ganas tadi. Bila-bila masa saja kita boleh **hilang** ditelan gelombang kalau terputus hubungan dan bantuan dari keyakinan kita, yakni Allah SWT. Tapi kalau kita dapat ikut betul-betul arahan jurumudi, Nabi Muhammad SAW yang ditunjuk oleh keyakinan, maka kita akan dapat membelah gelombang menuju ke tanah harapan. Di sanalah tumbangnya Rom dan Farsi di pangkuan sahabat. Di sanalah Islam menguasai 3/4 dari dunia ini. Itu bukti sejarah dan ia boleh berulang kalau kita gunakan ***procedure*** yang sama.

Firman Allah:

وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُم مَّانِعَتُهُمْ حُصُونُهُم مِّنَ ٱللَّهِ فَأَتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا۟

Terjemahannya: Dan mereka pun yakin bahawa benteng-benteng mereka itu dapat melindungi diri mereka dari kuasa Allah. Maka Allah pun menimpakan seksaan-Nya ke atas mereka dari jurusan-jurusan yang tidak mereka sangkakan.
(Al Hasyr: 2)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Untuk menegakkan Quran dan Sunnah kita mesti faham kandungan keduanya. Kita mesti tahu apa Allah kata dan apa Rasul kata. Kalau tidak bagaimana kita boleh mcnyambung lidah mereka. Tapi untuk faham Quran- dan sunnah jangan rujuk kepada Yahudi dan Nasrani musuh Islam. Kalau rujuk juga jadilah kita macam tikus yang berkawan dengan kucing. Walaupun macamana alim pun kucing, namun ini tidak akan membatalkan niatnya untuk menangkap tikus.

Rujukan sebenar ialah pada ulama amilin, sama ada melalui tulisan, sikap dan ucapan yang mereka paksakan pada kita. Merekalah pewaris nabi yang kalau kita ikut mereka, bererti kita ikut nabi. Tidak ada sebarang kompromi antara kita dengan musuh. Fikiran mereka jangan jadikan fikiran kita, akhlak mereka jangan jadikan akhlak kita, teknik perjuangan mereka jangan jadi teknik perjuangan kita, Islam ada fikiran dan pegangan yang tersendiri. Islam ada akhlak sendiri dan Islam mempunyai (uslub) yang jauh bezanya dengan apa yang direka-reka oleh manusia. Sebab Islam adalah hak Allah dan kerana itu Islam adalah tinggi dan tiada yang lebih tinggi darinya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekelian:

Perjuangan Islam hendaklah jelas dan tepat, tanpa sedikit campur baur dengan sebarang perjuangan lain. Dan ini boleh dicapai dengan memahami betul-betul apa yang telah digariskan dalam Al Quran dan sunnah. Sesudah itu pejuang Islam hendaklah memiliki . kesabaran, ketabahan, akhlak yang mulia, bijaksana dan kepatuhan yang tidak berbelah bagi pada pcmimpin. Setiap pejuang mesti membuktikan bahawa telah ada sifat-sifat itu pada dirinya barulab layak mereka memikul tugas berat ini. Kita tidak mahu ahli yang ramai tetapi rendah kualitinya:

Firman Allah:

وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنكُمْ شَيْئًا

Terjamahannya: Pada hari peperangan Hunain, ketika kamu berbangga-bangga disebabkan bilangan kamu yang lebih banyak itu, namun bilangan yang banyak itu tidak dapat menolong kamu barang sedikit pun.

(At Taubah: 25)

Biar sedikit bilangan kita tapi semuanya adalah singa, yang tidak dapat dilemahkan oleh ugutan, ancaman, cabaran, tentangan, kemiskinan, kenikmatan hidup seperti isteri cantik, kelaparan dan kekurangan pengikut. Tiada suatu yang ditakuti kecuali kemurkaan Allah dan azab ncraka. di akhirat. Tcrkorban dan syahid dalam perjuangan bukannya ditakuti malah didoakan.

Fir-man Allah:

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ

Terjemahannya: Orang-orang yang memberikan apa yang mereka berikan sedangknn hati mereka penuh takut kepada

Allah, (kerana mereka mengetahui bahawa) sesungguhnya' mereku akan kembali kepada Tuhannya.

(Al Mukminun: 60)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang berbahagia:

Secara umum jemaah Islam di Malaysia atau di luar Malaysia masih belum membebaskan diri dari musuh. Pendidikan sekular, ekonomi riba, pakaian dedahkan aurat, akhlak liar dan lain-lain. Ertinya kita masih turut mcmbantu apa yang diperjuangkan oleh musuh yakni sekularisma, kapitalisma, sosialisma dan lain-lain. Belum jelas bahawa perjuangan itu dilandaskan pada sunnah Rasulullah SAW seperti apa yang menjadi perjuangan ahli sunnah wal jamaah, campur aduk ketara sekali: Di segi semangat tiru Syiah, di segi keyakinan ikut Wahabi, di segi teknik ambil demokrasi, di segi tindakan ala komunis.

Bemiaga macam kapitalis, pcndidikan anak-anak cara sekular, mesyuarat berbentuk mujadalah dan bertegang urat macam orang kafir, isteri dedah aurat bekerja untuk kehidupan masih tetap terikat dengan sistem orang (musuh).

Pejuang-pejuang Islam bclum ada identiti sendiri, dalam banyak hal kita masih bersalut dengan pakaian musuh. Kita belum melaksanakan sebenamya. Kita barn bercakap, berslogan, berteori dan berangan-angan Kita belum buat apa-apa lagi untuk menegakkan Islam. Memang kita sudah berilmu tapi belum berkorban. Berilmu tapi belum beramal. Berilmu tapi belum berukhwah Berilmu tetapi belum patuh. Berilmu tapi belum berkhidmat. Kita tdhu tapi tidak melaksanakan. Sedangkan Allah sudah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ۝

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ۝

Terjemahannya: Wahai orang berimun, mengapa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah bawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu lakukan.

***(As Saf:** 2-3)*

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari yang mulia:

Tugas perjuangan ini makin hari makin berat. Kita bukan sahaja terpaksa berhadapan dengan agen-agen pejuang barat Yahudi dan Nasrani, tapi juga dari kalangan Rafidah dan Mubtadiah (Syiah dan Wahabi). Kesilapan mereka ialah tidak menganut keyakinan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dan mereka sedang menyebarkan pegangan mereka itu. Iran sudah jatuh ke tangan Syiah. Arab Saudi sudah lama menganut Wahabi sedangkan pendokong ahli sunnah wal jamaah belum hat apa-apa.

Marilah kita bekerja saudara-saudara. Mari kita berjuang. Mari kita berkorban dan mari kita hidupkan kembali bumi Allah dengan syiar Islam yang mumi lagi agung. Sebulan Ramadhan yang lepas, tentulah memberi kekuatan jiwa dan kekuatan fikiran untuk kita mengorak langkah melanjutkan jihad fisabilillah.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ

KHUTBAH KEDUA

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُلله وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الاَحْزَابَ وَحْدَهُ.أشْهَدُ اَنْ لاَ الَهَ الاَّ الله .وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ الى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد :

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

Sidang hadirin yang berbahagia:

Marilah sekali lagi kita bersyukur kepada Allah SWT kerana telah mengumiakan nikmat berpuasa sebulan Ramadhan dan nikmat dapat menunaikan sembahyang hari raya Aidil Fitri ini. Kedua-kedua nikmat ini di samping nikmat Islam dan iman tidak akan kita capai kalau bukan dengan belas kasihan Allah pada kita. Maka. sebagai pulangan pada Allah atas atas kumianya itu, hendaklah kita jadi hamba yang bersyukur. Jika tidak, Allah SWT boleh tarik balik nikmat itu bila-bila masa juga. Inilah yang berlaku pada Bal’am bin Ba’ura seorang ulamak dan wali Allah yang terkemuka. Pemah sebahagian dari para nabi a.s bertanya kepada Allah SWT apakah sebabnya Bal’am bin Ba’ura ditarik ilmu dan kewaliannya? Maka berfirmanlah Allah:

هُوْ لَمْ يَشْكُرْنِيْ يَوْمًا مِنَ الاَيَّامِ عَلَى مَا اَعْطَيْتُهُ، وَلَوْ شَكَرَنِيْ

Terjemahannya: Dia belum pernah bersyukur kepada-Ku seharipun atas nikmat-nikmat yang Aku berikan kepadanya. Kalaulah dia itu bersyukur sekali sahaja dalam seumur hidupnya, maka Aku tidak akan merampas (ilmu dan kewali-annya).

Kalaulab Bal'am boleh tergelincir maka apalah susahnya bagi Allah untuk menggelincirkan kita, kalau kita juga sombong dan tidak mengenang budi. Kalaulah nikmat Allah kita gunakan untuk kepentingan diri semata-mata dan tidak untuk menegakkan agama ALlah, maka kita adalah lebih bodoh dari langit, bumi dan gunung-gunung. Allah berfirman:

إِنَّا عَرَضْنَا ٱلْأَمَانَةَ عَلَى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلْجِبَالِ فَأَبَيْنَ
أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Terjemahannya: Sesungguhnya Aku menawarkan amanah kepada langit dun bumi dun gunung-gunung, maka semuanya mereka tidak sanggup membawa amanah tersebut; mereka semua khuatiri akan mengkhianatinya tetapi amanah itu di-tanggung oleh manusia sesungguhnya manusia itu &at zalim dan amat lagi bodoh.

(Al Ahzab: 72)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati sekalian:

Sebagai bukti syukur kita kepada Allah SWT di pagi raya yang mulia ini marilah kita kuatkan azam dengan keyakinan yang lebih berjuang bagi pihak Allah dan Rasul-Nya, untuk menegakkan sis-

tern hidup Islam, sekali gus menumpaskan apa juga cara hidup selainnya. Untuk itu teknik pilihan dan rujukan kita ialah jemaah Rasulullah SAW.

Satu jemaah yang membangunkan spritual dan fizikal dengan seimbang dan sekali gus. Jemaah yang lengkap dengan sebarang keperluan seperti pendidikan Islam, ekonomi Islam, akhlak Islam: pergaulan Islam, politik Islam dan dasar perhubungan Islam. Dan kerana itu semua dapat ditegakkan secara bersih dan cantik, ia telah menjadi satu tarikan atau daya magnetik yang menarik perhatian dan penyertaan oleh manusia lainnya. Tanpa pembangunan dan kemajuan dalam perpaduan, akhlak, ibadat, pendidikan, ekonomi dan semangat bantu membantu dalam sesebuah jemaah, kita sebenamya tidak membuat latihan dan persediaan awal untuk mentadbir sistem Islam yang kita perjuangkan. Kalau begitu, **usahalah** berangan-angan dan jangan mimpi yang kita sudah layak untuk mentadbir masyarakat dan negara Islam.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang pendengar yang berbahagia:

Kalau kaedah perjuangan yang kita pilih tidak membawa kepada apa yang kita harap-harapkan, janganlah kita salahkan orang lain. Lebih-lebih lagi musuh. Sifat suka menyalahkan musuh, sebenarnya bukan sifat orang'yang bijaksana. Itu lagu lama yang **sudah** basi, sudah lapuk ditclan zaman, lcmpar batu sembunyi tangan. Samalah kisah itu dengan cerita musang yang kerana gagal mendapatkan anggur yang bergantung di pokoknya, terus menyalah anggur. Katanya, anggur ini masam. Dengan alasan itu dia cuba melupakan kelemahan dan kesilapan dirinya. Tidaklah ia bersikap demikian melainkan kerana pcndek akalnya dan lemah semangatnya.

Musuh memanglah hendak menggagalkan perjuangan kita. Kalau tidak begitu bukan musuhlah namanya. Jadi kalau kita gagal disebabkan usaha musuh maka salahnya bukan musuh tetapi kita sendiri. Barangkali kita masih bersandar pada musuh. Masih mengharapkan bantuan musuh. Masih tiru dan ikut langkah musuh. Jadi tidak peliklah kalau musuh dapat tipu dan main akan kita. Macamlah kambing nak lawan harimau. Tetapi minta si belang buatkan kandangnya. Tentulah lebih cepat kambing itu diperangkap oleh harimau yang salah, tetapi si kambing yang telah membodohkan dirinya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang berbahagia:

Salah kita ialah belum bertaqwa, tidak berpadu dan berukhuwah, lemah dalam mengatur teknik dan strategi perjuangan, tidak cekap mengesan tindak tanduk musuh. Yang lebih malang lagi perangai kita macam perangai musuh. Di samping tempikan, slogan dan keuntungan pada musuh, yang mana itu tidak menggugat musuh lalu tidak peliklah kalau kita tidak dapat bebas dari kongkongan dan tipu helah musuh. Berbeza sekali keadaan kita dengan perjuangan Rasulullah SAW. Jemaah baginda dalam apa segi juga jauh berbeza dengan ciri-ciri musuh. Ada akhlak yang mulia bak bunga-bunga di taman, menghiburkan sesiapa juga memandang. Terdapat perpaduan yang luar biasa, hidup bela membela dan berkasih sayang. ekonomi yang bersih, politik yang adil dan pergaulan yang murni.

Tidak ada dalam jemaah Rasulullah SAW apa-apa yang ada musuh, seperti cinta dunia, pcnindasan, pendedahan aurat, pergaulaan bebas tanpa batas antara leleki perempuan dan lain-lain. Pendek, kata, sebarang perkara yang.mungkar, keji dan haram tiada di sana. Rasulullah selaku pemimpin, laksana ayah memimpin anak-anak

nya. Segala-galanya cantik, menarik dan mempersonakan. Hingga dengan itu walau bagaimana pandai dan pintar musuh, dalam menyusun teknik dan strategi, namun itu tidak bermakna lagi kerana hati musuh sendiri telah lemah dan terpesona dengan cantiknya jemaah Rasulullah. Atas dasar itulah sejarah menceritakan bahawa ramai musuh menyerah diri untuk menyertai kern Rasulullah. Manakala yang engkar,, telah merasai lemah semangat berjuang dalam menentang Rasulullah SAW.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara saudari sekalian:

Rasulullah SAW telah bcrsabda bahawa kegagalan umat Islam akhir zaman adalah discbabkan oleh:

حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Terjemahannya: Cinta dunia dan takut mati.

Bila cinta dunia, kita tidak akan berkorban lagi, sibuk mengejar pangkat, walaupun tanpa gaji, apa lagi kalau bergaji. Bila cinta dunia tentu cintakan diri dan anak isteri lebih dari jihad Iisabilillah. Sibuk cari harta lebih daripada sibuk dengan perjuangan walaupun kita seorang pejuang.' Setcrusnya bila benci mati sudah tentu kita tidak memikirkan keperluan dan persediaan menghadapinya. Manusia dalam keadaan cinta dunia dan bencikan mati ini hidup terhuyung-hayang, tanpa matlamat, tanpa arah tertentu. Jiwa lemah, fikiran beku. Dalam keadaan inilah musuh akan menerkam dan memamah hingga hancur lumat. Kita dikotak-katikkan mengikut apa saja kemahuan mereka. Islam yang kita tepik dan laungkan bukannya menakutkan mereka, sebaliknya jadi seperti debu-debu yang berterbangan di udara.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang pendengar sekalian:

Kita masih ada masa untuk membetulkan kesilapan kita. Kejayaan kita yang sebenar bukan di dunia, tetapi di akhirat. Kalau kita berjaya mendapat keredhaan Allah dan mendapat syurga di akhirat, itulah kejayaan yang sebenar. Jadi selagi ada umur di dunia ini, gunakanlah untuk sentiasa membetulkan kesilapan kita, semoga sempat sebelum mati kita berjuang sebagaimana perjuangan jemaah Rasulullah. Dan dari situ moga-moga kita mendapat keampunan dan keredhaan serta pembelaan dari Allah s w t dunia dan akhirat.

Firman Allah:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Allah adalah pembela orang-orang yang bertaqwa.

(Jaathiah: 19)

Firman Allah:

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا

Terjemahannya: Dan adalah janji Allah itu pasti dilakukan.

(An Nisa' : 47)

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ إِنَّكَ مُجِيْبُ الدَّعْوَاتِ وَقَاضِيَ الحَاجَاتِ وَغَافِرُ الذُّنُوْبِ وَالخَطِيْئَاتِ.

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ القُرْبى وَيَنْهى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ.

فَاذْكُرُوْا اللهَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرِ اللهِ، اللهُ اَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُوْنَ

5 IBADAH PUASA:
KESAN2 A
KEPADA AHK

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (كالي) ولله الحمد

الحمدلله نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُ بِلله مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِى اللهُ بلاَ مُضِلَ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلْهُ فَلاَ هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لاَ الَهَ الا الله وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اَللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِهُدَاهُمْ الِى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد :

قال سبحانه وتعالى :

وَمَا أُبَرِئُ نَفْسِي أَنَّ النَّفْسَ لأَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ .

وَقَالَ اَيْضًا : اَلَّذِيْنَ جَاهِدُوْا فِيْنَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَاِنَّ اللهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِيْنَ.

وَقَال فى مكان أخر:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا .

Saudara-saudari sidang jemaah yang dihormati:

Bulan Ramadhan sudah pergi meninggalkan kita maka selesailah sudah puasa dan ibadah kita selama sebulan dan pagi ini mari sama-sama kita renungkan apakah hasil yang kita dapat daripada Ramadhan tahun ini. Sebulan kita berpuasa. Puasa ertinya menge-

kang nafsu. Bukan saja nafsu makan dan nafsu seks tapi juga nafsu yang jahat-jahat, yang difirmankan oleh Allah dalam Al Quran:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya nafsu Amarah itu sangat mengajak kepada kejahatan.

(Yusuf: 53)

Di antara nafsu yang jahat itu ialah sombong, takabbur, pemarah, bakhil, hasad dengki, gila dunia, ujub, riak, gila kuasa, dendam, buruk sangka, bohong, mengampu, keluh kesah, gopoh gapah, tidak redha, tidak sabar dengan takdir, mementingkan diri sendiri, tamak, degil, tidak tolak ansur, tidak timbang rasa, mencerca, mengumpat dan lain-lain lagi.

Nafsu-nafsu ini sentiasa ada malah sudah menjadi perangai tetap kita. Sepanjang bulan puasa, adakah kita berpuasa dari mengikut kehendak-kehendak nafsu itu? Adakah kita lawan rasa ujub yang mengajak kita menuhankan diri sendiri. Lawan rasa riak yang dengannya membuatkan orang iri hati dengan kita. Lawan sifat sombong, takabbur dan ego yang kerananya orang tersinggung dan kecil hati dengan kita. Lawan sifat bakhil yang adanya membuatkan orang benci dengan kita. Lawan sikap tidak sabar dan keluh kesah dan gopoh gapah yang selalu membuatkan orang cacat hati dengan kita. Lawan sifat tidak redha yag selama ini membuatkan kita tidak puas dengan ketentuan Allah. Lawan sifat tidak bertimbang rasa yang kerananya boleh menjadikan orang kecewa dengan kita.

Lawan sifat suka berdusta, yang membuatkan hilang kepercayaan orang kepada kita. Lawan sifat mementingkan diri sendiri yang selama ini membuatkan orang sakit hati dan dengki dengan kita. Lawan perangai suka mengumpat dan mencerca orang yang boleh menghilangkan ukhwah lslamiah antara kita.

Itulah mujahadatunnafsi (melawan hawa nafsu). Satu amalan yang hukumnya fdrdu ain bagi setiap kita. Ertinya melawan hawa nafsu ini wajib kita lakukan, setiap masa, setiap ketika. Lebih-lebih lagi di bulan puasa. Sudahkah kita melakukannya dan sudahkan kita mendapatkannya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin dan muslimat yang berbahagia:

Sepatutnya sudah lama kita mempunyai akhlak yang baik yakni memiliki sifat-sifat mahmudah. Sebab bukan baru sekali kita berpuasa yakni melakukan latihan mujahadahtunnafsi ini. Sudah berpuluh tahun umur kita. Maknanya sudah berpuluh-puluh kalilah kita berpuasa dan melatih diri untuk melawan hawa nafsu. Kalaulah latihan itu dibuat dengan betul, tentu hasilnya sudah kita memperolehi. Tapi bagaimana perangai kita di saat ini?

Ujub masih bersarang dalam hati setiap kita. Hingga kita rasa diri kita ini istimewa. Rasa ketuanan bahkan rasa keTuhanan. Kerana itu kita tidak rasa pun yang kita ini hamba. Hamba Allah yang hina dina, papa kedana, bodoh jahil, miskin melarat dan lemah serta kurang segala-galanya. Riak yakni menunjuk-nunjuk kelebiban diri samada kelebihan ilmu, kekayaan, darjat, bintang penghormatan masih menjadi kcbanggaan hingga ramailah yang cemburu dan iri hati dengan kita. Ego, sombong, bongkak takabbur sudah sebati sungguh dengan pcrangai kita, hingga menjadi adat resam dan basahan harian. Sudah berapa banyak sikap dan cakap kita melukakan hati dan mcmalukan serta menjatuhkan maruah kawan. Hingga kerana itu manusia bawa hati dan bawa diri pcrgi jauh dari kita. Rengganglah kasih sayang, rosaklah perpaduan, walaupun mulut memekik-mekik pcrpaduan ummah. Bakhil jadi mainan kita. Rezeki yang Allah lebihkan kepada kita, kita catu-catukan untuk diri dan klik sendiri saja. Hinggakan orang lain rasa

terhina dan benci dengan kita. Maka jadilah kita keluh kesah dan gopoh-gapah membuatkan orang cacat hati dan rimas dengan kita. Tidak timbang rasa dan tidak tolak ansur masih menjadi prinsip hidup kita.

Kita rasa kita sajalah yang betul, yang pandai. Orang lain tidak perlu dan tidak berguna. Tidak payah dijaga perasaannya. Al hasil berapa ramai orang yang sudah kecewa dan putus harap dengan uta. Sifat mementingkan diri sendiri masih berakar umbi dalam tindakan kita. Kita hanya fikir kepentingan kita hingga tergamak mengorbankan kepentingan orang lain. Maka kerana itu sudah ramai kawan kita sakit hati bahkan dengki dengan kita. Mengumpat, mencerca dan mengata adalah amalan tetap kita. Kelemahan dan kesilapan kawan kita ambil sebagai modal untuk menghina dan menjatuhkannya.

Akibamya ukhwah antara kita remuk-redam hancur berkecai. Pemarah, keras hati, degil, keras kepala adalah budaya hidup kita. Habis kita rempuh orang atas dan orang bawah kita. Hatta anak isteri pun tidak rasa bahagia dengan kita. Maka yang benci pada kita bukan saja musuh tapi termasuk juga isteri yang kita sayangi. Jahat sangka, mengadu domba, mengampu dan berdusta juga adalah tabiat asal yang masih jadi asam garam dalam amalan kita. Yang semuanya hanya akan membinasakan din kita dunia dan akhirat.

Firman Allah:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ۝ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ۝ قَدْ أَفْلَحَ مَن
زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝

Terjemahannya: Demi jiwa serta penyempurnaannya. Lalu diilhamkan Allah kepadanya (jalan) yang salah dan (jalan) yang benar. Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan (jiwa)nya. Rugilah orang yang mengotorkannya.
(As Syams: 7-10)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dikasihi sekalian:

Nyatalab sudah bahawa kita tidak mendapat apa-apa pun dari Ramadhan-Ramadhan yang datang dan pergi selama ini. Puasa tapi sebenamya tidak berpuasa. Inilah agaknya yang dimaksudkan oleh Rasulullah dengan sabdanya:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ الاَّ الْجُوْعُ وَالْعَطَشُ

Terjemahannya: Adakalanya orang yang berpuasa tapi tidak mendapat apa-apa pahala dari puasanya selain lapar dan dahaga .

Kenapa terjadi demikian? Jawabnya ialah kerana Iman kita lemah dan tidak bersungguh-sungguh'melakukan mujahadatun-nafsi. Bila hati tidak terasa bcnar-benar kehebatan Allah, maka rasa cinta, rasa malu, rasa takut, rasa gentar pada Allah dan rasa di-awasi selalu oleh Allah tidak menguasai hati dan fikiran kita, maka hati kita mudah dimasuki rasa-rasa lain seperti ujub, sombong, riak dengki, bakhil, putus asa, hampa kecewa iaitu bergantung pada situasi yang kita hadapi.

Ketika kita dipuji orang kerana sesuatu kejayaan, hati kita tidak terasa yang pujian itu sepatutnya untuk Allah, kerana kejayaan yang kita perolehi itu adalah pemberian ALLAH Sebaliknya hati kita berbunga dengan pujian itu samada sedar atau tidak datanglah rasa hebat diri dan ujub pada hati, yang kemudiannya dilahirkan pada sikap dan anggota lahir kita. Tapi hati yang berisi iman yang kental, setiap pujian diterimanya dcngan pcrasaan malu pada Allah, sebab Allah-lah yang member-i nikmat itu padanya. Dirasainya dirinya hanya hamba yang hina-dina, miskin melarat dan jahil sejahilnya di sisi Allah SWT. Maka dcngan itu selamatlah hatinya daripada tipuan hawa nafsu dan syaitan

Ketika orang yang mengejinya atau ketika kesusahan menimpanya, orang yang hatinya kuat dan sentiasa dengan Allah akan segera teringat ujian itu juga pemberian Allah. Allah bermaksud hendak menghapuskan dosanya atau mengangkat darjatnya. Kerana ujian itu diterima dengan sabar dan redha. Kerana itu hatinya tidak dapat dimasuki rasa putus asa, kecewa dan menderita dan lain-lain mazmumah. Begitulah kemampuan Iman. Dia boleh menyelamatkan hati dari ditipu daya oleh hawa nafsu dan syaitan. Sebaliknya kalau Iman tidak terasa di hati, hati tidak berisikan rasa cinta dan takut pada Allah. Maka walau siapapun kita tentu tidak boleh selamat dari kejahatan nafsu dan syaitan seperti ujub, sombong, bakhil, riak dan lain-lain.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadirin-hadirat yang mulia:

Untuk mendapatkan Iman kita mesti sedar akan kebesaran Allah, kegagahan-Nya dan kekuasaan-Nya. Renungkan ciptaan dan pentadbiran Allah yang Maha dahsyat dan hebat. Dan siapa kita? Hanyalah setiti's air mani yang diproses dengan diraut-raut dan dibentuk-bentuk mengikut kehendak-Nya. Dan alangkah agungnya Tuhan.

Maka takut, gerun dan gcntarlah hati terhadapnya. Rasailah yang kita hanya hamba. Hamba yang boleh dipandai dan dibodohkan. Dikaya dan dimiskinkan. Dimuliakan dan dihinakan. Sebagaimana firman Allah:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَٰجًا

Terjemahannya: Allah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitis air mani. Kemudian menjadikan kamu berpasang-pasang.

(Faathir: 11)

Firman-Nya lagi:

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَٰلِكَ ٱلۡمُلۡكِ تُؤۡتِي ٱلۡمُلۡكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلۡمُلۡكَ
مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُۖ بِيَدِكَ ٱلۡخَيۡرُۖ
إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ

Terjemahannya: Engkaulah yang memberi kekuasaan pada siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah yang memuliakan dan menghinakan. Pada kekuasan-Mu itulah kebaikan. Sesungguhnya Engkau pada setiap sesuatu ***Maha Berkuasa.***

(Ali Imran: 26)

Segala yang ada pada kita hanyalah amanah dan simpanan yang akan dituntut semula di Yaumil Mahsyar. Kalau begitu tiada apa-apa istimewanya kita ini. Jndi bagaimana kita boleh pandang rendah, menengking, menghcrdik dan membenci orang lain? Bagaimana boleh sewenang-wenang dengan harta kekayaan di dunia? Bagaimana boleh membanggakan diri dan rasa selamat dari hukuman Allah? Bagaimana kita boleh bcrleluasa menggunakan kuasa kita?

Bila terbuat dosa, maka hati **yang** beriman akan segera teringat dahsyatnya api neraka. Tergambar di ruang mata bagaimana nanti malaikat yang garang dan sombong 'akan menyergah dengan bengisnya, menginjak-ginjak dcngnn kerasnya dan menyiat-yiatnya daging-daging kita lantas dicampakkan dan dijunamkan jauh-jauh ke neraka. Maka api pun menyamhar kita bagai menyambar daun kering, membakar hati kita dan dalam seluruh badan kita. Begitulah kesakitan dan kehinaan yang terpaksa ditanggung akibat di dunia menyimpan dan mclayan mazmumah. Firman Allah:

وَيَوۡمَ يُعۡرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ عَلَى ٱلنَّارِ أَلَيۡسَ هَٰذَا بِٱلۡحَقِّۖ قَالُواْ بَلَىٰ وَرَبِّنَاۚ
قَالَ فَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡفُرُونَ

Terjemahannya: Dan ingatlah hari ketika orang kafir dihadapkan pada neraka, dikatakan pada mereka bukankah azab itu benar? Mereka menjawab, ya benar, demi Tuhan kami. Allah berfirman maka rasakanlah azab ini disebabkan kamu selalu engkar.

(Al Ahqaaf: 34)

Segala kesombongan, bakhil, degil, tamak dan gila dunia pasti dibalas dengan kesombongan dan kedegilan serta kekasaran juga di akhirat nanti. Tetapi sekiranya kita bersusah-payah di dunia kerana melawan mazmumah tadi, menghina diri, mementingkan orang lain, memaafkan, mengorbankan harta kerana Allah dan di jalan Allah, maka kesusahan yang sementara itu akan dibalas dengan nikmat yang kekal abadi. Allah berjanji untuk menganugerahkan ganjaran istimewa pada orang-orang yang bersusah payah di dunia kerana Allah. Syurga itu seluas langit dan bumi, dibuat daripada emas permata, intan berlian. sejenis buah di syurga mempunyai bermacam-macam rasa. Bau sekuntum bunganya berjenis-jenis wangian. Air-air minuman mengalir menjadi sungai. Dan perhiasan-perhiasan di dalamnya bersangatan indahnya. Begitu sekali Allah akan bayar segala pengorbanan yang kita tanggung, kerana bermujahadah pada jalan Allah. Firman-Nya:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْـَٔاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَا فَسَادًا ۚ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Negeri akhirat itu Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan membuat kerosakan di (muka)bumi. Dan kesudahan yang baik itu adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.

{Al Qasas: 83)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah sekelian:

Bila rasa cinta pada Allah, rasa takut dan gerun dengan neraka Allah dan rindu dcngan syurga Allah sudah benar-benar masuk ke hati, maka ia akan mendisplinkan dan mengawal serta mendorong kita terhadap tindakan-tindakan kita. Setiap kali terbuat dosa akibat dorongan nafsu mazmumah tadi maka rasa takut pada neraka akan membuat kita bertaubat sesungguh hati, yakni taubat Nasuha. Kita cemas kalau-kalau kesilapan itu berulang kerana itu kita merayu pada Allah mengharapkan pertolongan-Nya untuk kita melawan nafsu kita. Hati sentiasa ingin membuat amal soleh sebanyaknya dengan harapan Allah mengumiakan rahmat-Nya yakni syurga. Segala mehnah dari Allah diterima sebagai penghapusan dosa atau peluang naik pangkat di sisi Allah SWT kerana itu, diterimanya dengan sabar dan rcdha. Tiada keluh kesah dan kekecewaan dalam hidup, kejahatan lahir mahupun batin dicuba elakkan sedaya upaya. Dan masing-masing berlumba-lumba membanyakkan amal soleh, memberi khidmat dan membuat kebaikan.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Mujahadatunnafsi mestilah dibuat atas dasar cintakan Allah, gerun dengan neraka-Nya dan rindu pada syurga. Setiap kali nafsu kita merangsang untuk melakukan sesuatu kejahatan dan dosa-dosa maka ingatkan pada kemurkaan Allah, ugut dengan api neraka dan bisikan padanya nikmat syurga. Moga-moga dia ingat. Tapi jika masih terbuat lagi, bcrtaubatlah. Rasa kesal dan takut sungguh-sungguh dalam hati. Ingatlah hadis Qudsi yang bermaksud:

Allah lebih menyukai rintihan orang yang bertaubat daripada zikir para wali.

Kalaulah mujahadatunnafsi ini diulangi, buat setiap hari, maka hasilnya nanti perangai kita akan bcrtukar dari mazmumah kepada mahmudah. Dari dosa kepada pahala. Dari huru hara kepada harmoni dari sombong kepada tawadhuk. Dari bakhil kepada pemurah. Dari tidak berperikemanusiaan kepada bertimbang rasa. Daripada kemurkaan Tuhan kepada maghfirah-Nya.

Bila ini terjadi, yakni segala mahmudah telah menjadi perangai kita semua, maka bukan kita saja yang baik dan selamat. Tapi masyarakat dan negara dengan sendirinya menjadi baik dan selamat, aman dan makmur serta mendapat keredhaan Allah SWT. Inilah yang Allah kehendaki dari fit-man-Nya:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahannya: Negara yang aman makmur mendapat keredhaan Allah.

(Saba' : 15)

Tetapi sebaliknya bila individu dalam masyarakat dan negara itu jahat zahir dan batinnya maka jadilah apa yang terjadi dalam masyarakat kita ini. Krisis demi krisis. Perpecahan demi perpecahan. Ukhwah remuk-redam, hancur berkecai. Percampuran bebas muda-mudi hingga di upacara agama pun masih menjadi-jadi. Perkataan bersih, cekap dan amanah bukan kata-kata keramat lagi. Perzinaan dan rogol masih berleluasa hingga di 'kawasan kawasan masjid, rumah Allah pun terjadi. Arak dan dadah masih merupakan najis-najis yang belum dapat dibersihkan lagi. Rasuah selaku peras ugut terhormat seolah-olah tidak dapat dibendung lagi. Penyalah-gunaan kuasa sudah menjadi tradisi para penguasa. Kata mengata, fitnah memfitnah menjadi basahan harian. Kejahatan sendiri sudah tidak nampak lagi, tapi kesalahan orang lain walau kecil sekalipun diperbesar-hesarkan. Ahli-ahli agama berbagga dengan kelulusan serta menakut-nakutkan rakyat dengan jawatan. Tiada pimpinan tunjuk ajar dan didikan yang berhikmah dan berkasih sayang -ke arah mencgakkan hukum Allah. Sebab itu mere-

ka tidak dihormati. Tegasnya masyarakat kita belumlah boleh dikatakan masyarakat yang bahagia yang aman makmur dan mendapat keampunan dari Allah. Yang ada hanyalah pembangunan dan kemajuan kcbendaan, itupun bukan milik mutlak umat Islam.

Firman Allah:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: Akan ditimpa kehinaan di mana saja kamu berada kecuali' kamu melakukan habluminallah dan hablumminannas.

(Ali *lmran: 112)*

الله اكبز الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِىْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمِ

KHUTRAH 2

الله اكبر (٧ كالي) ولله الحمد

الحمدلله وَحْدَهُ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلى مَنْ لاَ نَبِيَّ بَعْدَهُ وَعَلى
الِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالاَه.

أما بعد:

قال الله تعالى:

يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ امِنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وكُوْنُوْا مَعَ الصَادِقِيْنَ

Para hadirin-hadirat sekalian:

Oleh kerana bulan Ramadhan sudah pergi, maka pagi ini kenalah kita menyambut kedatangan Aidil Fitri walaupun berhari raya dan bergembira itu bukannya layak bagi kita. Pernah seorang salafussoleh tidak merayakan Hari Raya dengan alasan dia tidak berjaya dalam mujahadatunnafsi sepanjang Ramadhan yang berlalu. Maka bagi kita pula marilah kita bcrsyukur di pagi,ini kerana pintu taubat masih terbuka untuk kita. Rayakan Aidil Fitri ini dengan bertaubat sebanyak-banyak taubat. Kemudian sembahyang, berdoa, berzikir, tasbih, tahmid dan takbirlah sebanyak-banyaknya. BolehIah bersalam-salaman, bermaaf-maafan dan saling berziarah tapi jangan sampai berketawa ria dan berpesta menjamu selera hatta berpoya-poya. Semuanya itu sangat menggemuk dan merangsangkan nafsu untuk lebih menuhani kita.

Moga-moga nafsu kita tidak berpeluang untuk melalaikan dan menipu serta menjauhkan kita daripada Allah SWT. Selama ini kita kononnya sudah sedar, sudah ingin membaiki diri kerana itu kita rela meninggalkan maksiat-maksiat lama, bererti kerja di alam jahiliah, berpindah dari rumah besar ke rumah kecil, bahkan pindah dari dunia luar yang melalaikan ke perkampungan Islam yang terpencil. Sanggup pakai’serban jubah dan purdah bagi wanita. Tapi

kemanakah kita pergi sebcnarnya? Jawabnya, kita lari dari satu dosa kepada dosa lain. Dari kcjahatan lahir kepada kejahatan nafsu amarah dan lauwamah yang mana kejahatan dan keburukannya lebih dahsyat lagi. Ertinya kita belum selamat lagi. Kita belum jumpa dan belum tempoh lagi jalan-jalan ke syurga yang mana jalannya penuh ranjau dan duri mcngait, seperti sabda Rasulullah:

حُفَّتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ وَحُفَّتِ الجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ

Terjemahannya: Di kelilingi Neraka oleh perkara-perkara yang digemari nafsu. Dan di kelilingi Syurga oleh perkara yang dibenci.

Memang mujahadatunnafsi itu adalah pahit, susah dan payah sekali. Nilai kesusahannya adalah sepadan dengan nikmat syurga yang maha lazat dan manis. Maka hendaklah kita mencuba dan berlumba-lumbalah untuk merebut pcluang istimewa ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin-muslimat yang dihormati sekalian:

Mulai hari ini marilah kita bcrjuang dan berperang. Berjuang untuk membentuk diri dcngan tiga kekuatan. Kekuatan jiwa, kekuatan mental dan kekuatan fizikal. Inilah senjata untuk kita memerangi musuh utama kita, iaitu nafsu dan syaitan. Peperangan ini adalah peperangan paling besar kata Rasulullah. Jauh lebih besar dan dahsyat dari peperangan Badar. Yang mana kalaulah kita berjaya menewaskan kedua-duanya, musuh-musuh lahir seperti Yahudi, Nasrani dan Komunis dan Sekularis ini akan menjadi mudah untuk dihadapi.

Kita bangunkan kembali iman dan ukhwah dan keselarasan di kalangan ummah. Inilah kekuatan asas bagi masyarakat atau jema-ah. Kemudian kita perjuangkan tegaknya kebahagiaan masyarakat iaitu Barisan pembesar dan penguasa yang adil. Ulama yang mendidik dan memberi nasihat kepada umat. Si kaya yang pemu-rah, jadi bank kepada masyarakat. Si miskin yang redha dan sa-bar, tidak meminta-minta dan mencuri. Rakyat dan pengikut yang taat. Suami yang bertanggungjawab. Isteri yang malu dan suka berkhidmat. Anak-anak yang patuh. Gadis-gadis yang sangat menjaga maruah dan pemuda yang beri tenaga untuk membangun-kan masyarakat.

Kita usahakan agar semuanya dilakukan kerana cinta pada Allah dan ingin mencari keredhaan-Nya. Seterusnya kita perjuangkan pula agar tertegaknya pembangunan, ekonomi, kenderaan dan alat-alat perhubungan dan apa-apa juga kcperluan dan kemudahan hidup sebagai alat dan keselesaaan hidup ummah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Kalaulah sempat kita melakukan itu semua, iaitu membina ke-kuatan, kebahagiaan dan alat kemudahan ummah, maka perjuangan kita akan menghala kepada terbentuknya satu rupa masyarakat yang tidak ada di mana dan bila-bila scbelum ini, kecuali di zaman Rasulullah dan salafussoleh. Waktu itu Islam akan dipuja dan dijunjung kembali oleh manusia .sedunia. Dunia yang sunyi dari peperangan, pergaduhan, perpecahan dan sebarang kejahatan. Dan moga-moga kita kembali menjadi tuan-tuan dan penguasa-penguasa di bumi seperti mana datuk nenek kita iaitu para salafussoleh yang pemah menjawatnya dulu. Insya-Allah. Moga-moga jadilah kita hamba-hamba yang Allah rcdhai, yang layak menduduki Syurga-Nya. Fit-man-Nya:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِى جَنَّٰتِ عَدْنٍ ۚ وَرِضْوَٰنٌ مِّنَ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ

Terjemahannya: Allah Taala telah berjanji kepada orang lelaki mukmin dan orang perempuan mukmin iaitu syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai hal keadaan mereka kekal di dalamnya dan juga tempat tinggal yang baik di dalam syurga Jannaatul Naim. Keredhaan Allah itu adalah lebih besar dan itulah dia kemenangan yang maha besar.

(Surah At Taubah: 72)

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلى النَّبِيْ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاَحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ الْقُرْبى وَيَنْهى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يعظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ فَاذْكُرُوا اللهَ يَذْكُرْكُمْ. وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُوْنَ

6 PROSES MENGEMBALIKAN FITRAH MANUSIA

KHUTBAH 1

الله اكبر (9 كالي)

اَلْحَمْدُلله القَائِلِ: "شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِى اُنْزِلَ فِيْهِ القُرْآنُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الهُدَى وَالفُرْقَانِ"

وَاَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ اُنْزِلَ اِلَيْهِ الكِتَابُ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِمَنْ وَرَسُوْلُهُ الَّذِى اٰمَنَ مِنَ الثَّقَلَيْنِ.

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ مَصَابِيْحًا لِجَمِيْعِ الاُمُوْرِ وَالاَرْكَانِ.

اَمَّا بَعْدُ،

فَيَا اَيُّهَا النَّاسُ اَطِيْعُوا اللهَ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِطَاعَةِ اللهِ.

Sidang hadhirin yang berbahagia:

Di pagi ini mariláh bersama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita menyelesaikan puasa sebulan Ramadhan pada tahun ini dengan selamatnya. Dan marilah bersama-sama kita berdoa agar Allah menerima ibadah puasa kita itu, sebagai amal bakti yang tulus ikhlas dari seorang hamba kepada Tuhannya. Dan moga-moga Allah memasukkan kita ke dalam golongan orang-orang layak untuk menyambut hari raya pada pagi ini. Yakni orang-orang yang beroleh kemenangan dalam mujahadah mereka sebulan yang sudah.

Merekalah hamba-hamba yang bertaqwa, yang telah mengisi Ramadhan dengan segala macam ibadah lahir dan batin dengan sempurnanya. Hasil yang mereka perolehi ialah akhlak yang lebih baik dari sebelumnya, hati yang lebih bertaqwa. Maka layaklah

mereka merayakan kemenangan itu pada hari ini. Sedangkan, umat Islam yang tidak memperolehi yang demikian itu, maka hari ini bukan bererti hari kemenangan dan kegembiraan bagi mereka. Sebenamya mereka tidak layak untuk bergembira di hari raya ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Kaum muslimin yang dihormati:

Hari ini ialah hari raya titrah atau aidilfitri. Mengapa dinamakan hari raya fitrah? Kerana hari ini ialah hari di mana manusia keluar dari Ramadhan membawa diri yang suci bersih lahir dan batin, sebagaimana fitrah semulajadinya. Sebab latihan-latihan ibadah yang diperintahkan dalam bulan Ramadhan, kalau dilaksanakan mengikut displin syariat lahir dan batinnya, mampu mengembalikan manusia kepada fin-ah mumi, sama seperti mana waktu ia mula-mula dilahirkan ke dunia. Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مَوْلُوْدٍ يُوْلَدُ عَلَى الفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ اَوْ يُنَصِّرَانِهِ اَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Terjemahannya: Manusia dilahirkan dalam keadaan suci bersih seperti kain putih. Ibu bapanya lah yang menjadikan Yahudi. Nasrani dan Majusi.

Fitrah manusia sewaktu baru datang ke dunia, yakni sebelum diracuni oleh kesesatan dan maksiat, adalah bersih dari segala kejahatan lahir dan batin. Hati manusia asalnya atau fitrahnya adalah baik. menyintai kebaikan kenal dan taat kepada Allah SWT. Sebab hati memang mengaku yang dia ialah hamba Allah. Hati tidak setuju-kalau dia dikatakan hamba syaitan, hamba nafsu, hamba betina atau lain-lain selain Tuhan.

Benarlah Allah berfirman:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ

Terjemahannya: Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Mereka menjawab Ya, kami menjadi saksi (Engkaulah Tuhan kami). (Al A' raf: 172)

Demikian pengakuan roh sewaktu belum dilahirkan ke dunia, yakni ketika dihadapkan ke hadrat Allah. Roh (Hati) waktu itu kenal Allah dan mengaku hamba-Nya. Tapi bila tiba ke dunia yang fana ini, roh disaluti nafsu dan syaitan dan dipengaruhi oleh segala macam tipu daya kenikmatan dan kelazatan dunia, maka jadilah ia derhaka dan lupa pada Tuhan yang sebenar yakni Allah SWT.

Lalu manusia bertuhankan Tuhan-Tuhan selain Allah sama ada sedar atau tidak. Umat Islam, sekalipun mengaku Allah Tuhannya, tapi dalam tindak-tanduknya, mereka bertuhankan hawa nafsu. Amalan lahir, apalagi amalan batin yang mereka lakukan adalah perbuatan-perbuatan yang diperintahkan oleh nafsu. Firman Allah :

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ

Terjemahannya: Maka pernahkah engkau perhatikan orang-orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya? (Al Jaathiah: 23)

Tamak haloba, cinta,dunia (hingga lupa akhirat), gila pangkat dan sanjungan hingga tergamak tindas-menindas dan zalim menzalimi, sombong bongkak, angkuh, takabur hingga hilang timbang rasa dan belas kasihan sesama manusia, bcrdcngki berdendam hingga sanggup fitnah memfitnah, umpat mengumpat, mengadu domba, mengampu dan menjilat. Bakhil atau kcdekut hingga terjadilah si kaya bertambah kaya, semiskin makin merempat, mementingkan diri sendiri dan menyalah-gunakan kuasa hingga tergamak melihat dan membiarkan kesusahan yang ditanggung oleh orang lain. Kecewa,

mereka merayakan kemenangan itu pada hari ini. Sedangkan, umat Islam yang tidak memperolehi yang demikian itu, maka hari ini bukan bererti hari kemenangan dan kegembiraan bagi mereka. Sebenamya mereka tidak layak untuk bergembira di hari raya ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang dihormati:

Hari ini ialah hari raya titrah atau aidilfitri. Mengapa dinamakan hari raya fitrah? Kerana hari ini ialah hari di mana manusia keluar dari Ramadhan membawa diri yang suci bersih lahir dan batin, sebagaimana fitrah semulajadinya. Sebab latihan-latihan ibadah yang diperintahkan dalam bulan Ramadhan, kalau dilaksanakan mengikut displin syariat lahir dan batinnya, mampu mengembalikan manusia kepada fin-ah mumi, sama seperti mana waktu ia mula-mula dilahirkan ke dunia. Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مَوْلُوْدٍ يُوْلَدُ عَلَى الفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ اَوْ يُنَصِّرَانِهِ اَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Terjemahannya: Manusia dilahirkan dalam keadaan suci bersih seperti kain putih. Ibu bapanya lah yang menjadikan Yahudi. Nasrani dan Majusi.

Fitrah manusia sewaktu baru datang ke dunia, yakni sebelum diracuni oleh kesesatan dan maksiat, adalah bersih dari segala kejahatan lahir dan batin. Hati manusia asalnya atau fitrahnya adalah baik. menyintai kebaikan kenal dan taat kepada Allah SWT. Sebab hati memang mengaku yang dia ialah hamba Allah. Hati tidak setuju-kalau dia dikatakan hamba syaitan, hamba nafsu, hamba betina atau lain-lain selain Tuhan.

Benarlah Allah berfirman:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ

Terjemahannya: Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Mereka menjawab Ya, kami menjadi saksi (Engkaulah Tuhan kami).
(Al A' raf: 172)

Demikian pengakuan roh sewaktu belum dilahirkan ke dunia, yakni ketika dihadapkan ke hadrat Allah. Roh (Hati) waktu itu kenal Allah dan mengaku hamba-Nya. Tapi bila tiba ke dunia yang fana ini, roh disaluti nafsu dan syaitan dan dipengaruhi oleh segala macam tipu daya kenikmatan dan kelazatan dunia, maka jadilah ia derhaka dan lupa pada Tuhan yang sebenar yakni Allah SWT.

Lalu manusia bertuhankan Tuhan-Tuhan selain Allah sama ada sedar atau tidak. Umat Islam, sekalipun mengaku Allah Tuhannya, tapi dalam tindak-tanduknya, mereka bertuhankan hawa nafsu. Amalan lahir, apalagi amalan batin yang mereka lakukan adalah perbuatan-perbuatan yang diperintahkan oleh nafsu. Firman Allah :

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ

Terjemahannya: Maka pernahkah engkau perhatikan orang-orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya?
(Al Jaathiah: 23)

Tamak haloba, cinta,dunia (hingga lupa akhirat), gila pangkat dan sanjungan hingga tergamak tindas-menindas dan zalim menzalimi, sombong bongkak, angkuh, takabur hingga hilang timbang rasa dan belas kasihan sesama manusia, bcrdcngki berdendam hingga sanggup fitnah memfitnah, umpat mengumpat, mengadu domba, mengampu dan menjilat. Bakhil atau kcdekut hingga terjadilah si kaya bertambah kaya, semiskin makin merempat, mementingkan diri sendiri dan menyalah-gunakan kuasa hingga tergamak melihat dan membiarkan kesusahan yang ditanggung oleh orang lain. Kecewa,

putus asa, membazir. ltulah di antara kejahatan manusia dengan sesama manusia kcrana bcrtuhankan nafsu. Dengan Allah lebih-lebih lagi kejamnya manusia **ini.**

Hatta dengan ibu bapa, dcngan guru-guru dan dengan orang-orang yang sudah berjasa padanya pun, manusia susah begitu derhaka sekali. Kata-kata atau perintah Allah dipcrsoal dan dipersendakan, sebaliknya larangan Allah dilakukan dcngan terang-terangan dan berleluasa. Inilah yang dikatakan syirik khafi. Alangkah kejamnya manusia akhir zaman ini!

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah sckalian:

Manusia yang **mati dalam** keadaan fitrahnya bcgitu kotor dengan mazmumah, bererti mati dalam derhakn pada Allah. Allah mengingatkan ini dengan firmannya

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Terjemahannya: Di hari harta dan anak-anak tidak berguna melainkan orang-orang yang mengadap Allah dengan hati, yang selamat.

(As Syuara: 88-89)

Kalau bcgitu wajiblah kila mclakukan amalan-amalan yang boleh membersihkan hati kita. Amalan berpuasa adalah amalan yang sebaik-baiknya. Sebab itu Allah mcwajibkan kita berpuasa di bulan Ramadhan sebulan ‘lamanya. Puasa yang dilakukan dengan sebaik-baiknya, akan dapat mengcmbalikan manusia kepada fitrahnya? Hal ini berlaku kerana scpanjang Ramadhan kita mengerjakan amalan-amalan berikut:

1. Puasa
2. Mujahadatunnafsi
3. Sembahyang sunat Terawih
4. Mengeluarkan zakat fitrah dan sedekah
5. Membaca Al Quran

Semua ibadah ini adalah tarbiah atau pendidikan yang boleh membuang sifat-sifat yang jahat. Kemudian menggantikannya dengan sifat-sifat fitrah yang murni. Dengan kata lain, dapat membuang sifat mazmumah untuk diganti dengan sifat-sifat mahmudah.

Proses itu berlaku seperti berikut:

1. Berpuasa ertinya menahan keinginan nafsu untuk makan, minum dan nafsu syahwat. Perbuatan ini boleh mendidik manusia menjadi seorang yang sabar dan redha. Maknanya, manusia itu boleh tahan kemahuan-kemahuan nafsunya dari melakukan hal-ha1 yang ditegahkan oleh Allah SWT. Seorang yang boleh sabar dalam menghadapi segala masalah hidup, ncscaya akan beroleh keuntungan dunia dan akhirat. Dan Allah pun menjanjikan pahala tanpa hisab untuk orang-orang yang sabar. Firman-Nya:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ

Terjemahannya: Sesungguhnya dibalas orang-orang yang sabar itu pahalanya tanpa hisab.

(Az Zumar: 10)

Puasa juga akan mendatangkan rasa timbang rasa terhadap orang-orang yang susah. Lapar dan haus yang kita tanggung kerana puasa, akan memahamkan kita bahawa dcmikianlah deritanya orang-orang miskin dan anak-anak yatim. Apa ha1 kalau kita ditimpakan nasib yang sama? Tentu kita tidak sanggup. Kalau begitu berlaku baiklah terhadap mereka itu. Hiburkanlah mereka itu. Dengan itu moga-moga Allah melepaskan kita dari kesusahan hidup dunia dan akhirat.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin muslimat sekalian:

2. Sebulan Ramadhan kita didisplinkan oleh syariat supaya membanyakkan mujahadah melawan hawa nafsu dan syaitan. Yakni tidak menurut kehendak keduanya. Selain dari nafsu makan minum dan nafsu kelamin, di hari siangnya, kita juga diperintabkan melawan mazmumah-mazmumah yang lain seperti. bakhil, ujub, sombong, marah, dengki, tamak, cinta dunia, berburuk sangka, mengadu domba, mengumpat, mementingkan diri sendiri, memutuskan silaturrahim dan lain-lain lagi. Seorang yang berpuasa tetapi mengekalkan kejahatan-kejahatan lahir dan batin, tidak akan mendapat apa-apa faedah, selain lapar dan dahaga. Demikianlah maksud hadis:

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إلاَّ الْجُوْعُ وَالْعَطَشُ

Terjemahannya: Berapa banyak orang yang puasa tapi tidak mendapat apa-apa melainkan lapar dan dahaga.

(Riwayat An Nasai)

Itu maknanya kita diarahkan untuk memberhentikan kejahatan-kejahatan nafsu itu. Yakni dcngan melakukan mujahadatunnafsi. Seorang yang berjaya melawan nafsunya, sekaligus dapat juga melawan syaitan. Sebab nafsu adalah laluan penting ***(highway)*** bagi syaitan. Bila kedua-dua musuh batin itu ditewaskan, jadilah nafsu itu, nafsu yang taat setia pada tuhan, maka manusia akan kembali pada fitrah muminya. Yakni bcrakhlak mulia. Dan itulah kemenangan yang hakiki. Firman Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang membersihkan jiwanya. Dan rugilah siapa yang mengotorinya.

(Asy Syams: 9-10)

Tuhan memuliakan jiwa-jiwa yang suci ini dcngan finnan-Nya:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ○ ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ○
فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ○ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ○

Terjemahannya: Wahai jiwa yang tenang (nafsu mutmainnah). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku. Dan masuklah ke dalam syurga-Ku.

(Al Fadjr: 27-30)

3. Sepanjang Ramadhan kita telah mengerjakan sembahyang sunat terawih pada tiap-tiap malam 20 rakaat selama 30 malam. Ertinya kita telah melebihkan sembahyang sunat sebanyak 600 rakaat pada bulan Ramadhan ini. Scmbahyang ertinya mengingati Allah, bercakap-cakap dengan Allah, meminta dengan Allah, mengharap pada-Nya, merasa kehambaan diri, rasa tcrhina dan rasa hebat pada-Nya. Setiap kali berdiri, rukuk dan sujud, kita berjanji dan bersumpah untuk hidup dan mati dalam mengabdikan diri hanya pada Allah. Dan kita katakan juga yang kita mahu jalan yang lurus, jalan Nabi-Nabi dan orang-orang solch, bukan jalan orang-orang kafir, Yahudi dan Nasrani. Begitu sembahyang membawa kita mendekatkan keinginan untuk jadi rijalullah (orang Allah).

Kalau benarlah kita jujur dalam sembahyang, 600 rakaat tarawih itu benar-benar telah boleh mcngubah kita menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Yakni bila orang yang cinta Allah, lebih daripada yang lain, membesarkan akhirat lebih daripada dunia, suka sayang

sesama mukmin, tegas dan keras dengan kekafiran dan maksiat, pemurah, berbaik sangka dengan manusia, sabar dalam ujian, syukur dengan nikmat, redha dengan takdir, membanyakkan amalan amal soleh, taat suami, bertimbang rasa dengan isteri, memuliakan ibu bapa, kasihkan guru, setia pada pemimpin dan lain-lain lagi kebaikan yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul. Sembahyang akan memimpin, mendidik dan mengingatkan kita agar menjadikan Allah matlamat hidup. Dan menolak segala bisik hasutan nafsu dan syaitan terkutuk. Allah berfirman:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ

***Terjemahannya:** Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada (perbuatun-perbuatan) keji dan mungkar.*

(Al Ankabut: 45)

Firman Allah lagi:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ۝ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ

***Terjemahannya:** Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang.*

(Al Mukminun:l-2)

Seterusnya Allah berfirman

وصل

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ

***Terjemahannya:** Jadikanlah sabar dan sembahyang sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya sembahyang itu berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk.*

(Al Baqarah: 45)

Demikian besarnya peranan scmbahyang dalam membentuk akhlak yang mulia. Siapa yang benar-benar sembahyang nescaya sudah merasai hasil yang dijanjikan oleh Allah itu.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati:

4. Di dalam bulan Ramadhan kita diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah, dan digalakkan membanyakkan sedckah. Ertinya kita disuruh berlaku pemurah, bcrtimbang rasa pada orang-orang susah dan berkasih sayang dengan mereka Orang yang dapat menghiburkan saudara seIslam, nescaya Allah aknn hiburkan dengan syurga di dunia dan akhirat. Seorang yang hanya beribadah dengan Allah, tapi tidak berbaik-baik dengan hamba-hamba Allah, belumlah terjamin kebahagiaan hidupnya di dunia dan di akhirat. Kerana itu di bulan Ramadhan, Islam mendidik kita untuk banyak memberikan harta kita pada jalan Allah. Yakni .pada orang susah. Kalau itu dapat dikekalkan sebagai akhlak kita, ertinya kita telah mengembalikan diri kepada sifat semulajadi yang suci, scbagaimana waktu kita mula-mula dilahirkan.

5. Amalan yang sangat digalakkan juga dalam bulan Ramadhan ialah membaca Al Quran. Tapi mcmbaca Al Quran bukan hanya untuk mendapat pahala atau ambil bcrkat sahaja. Membaca Al Quran ertinya meneliti hukum-hakam, mengambil iktibar dari cerita-cerita di dalamnya, memerhatikan tanzir (khabar-khabar yang menakutkan) serta tabsyir (khabar gembira) dari Allah SWT. Juga untuk membersihkan fikiran-fikiran kita daripada segala akidah dan ideologi (isma-isma) karut ciptaan manusia. Contohnya faham-faham nasionalisma, sosialisma, komunisma, kapitalisma, feudalisma dan lain-lain lagi. Semua fahaman itu sudah menjadi fikiran dan jiwa kita. Sedangkan ajaran Quran dan Sunnah masih asing pada kita.

Jadi, dengan banyak mcmbaca Al Quran, kita dapat mengikis kekarutan fahaman-fahaman lama itu dari fikiran kita. Kita akan jadi orang yang kenal Allah, merasai kehebatan dan kebesaran-Nya, mahu menyembah-Nya. Dan lagi kita akan teringat-ingatkan akhirat, yakni syurga dan neraka. Betapa indahnya syurga dan betapa dahsyatnya neraka akan terasa oleh kita. Tegasnya Al Quran akan menambah iman kita. Ertinya kita akan dibersihkan oleh Al Quran, sebersih mula-mula kita dilahirkan ke dunia.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari seperjuangan yang dikasihi:

Begitulah secara ringkas proses mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang berlaku scpanjang bulan Ramadhan. Ianya berlalu mungkin secara langsung atau secara tidak langsung. Tapi hasilnya akan terasa oleh kita. Bcrtambah atau tidak iman kita, jinak atau tidak nafsu kita akan bertambah baik atau tidak akhlak kita? Adakah bertambah cinta kita pada Allah dan rindu kita pada akhirat? Bertambahkah pengorbanan dan perjuangan pada jalan Allah?

Bagaimana dengan sifat rendah diri pemurah. berbaik sangka, zuhud, sabar, redha, bcrkasih sayang scsama mukmin dan lain-lain. Sudahkah jadi akhlak kita? Sekiranya jawabnya tidak. Itu tandanya kita tidak berpuasa dan tidak bcribadah sepanjang Ramadhan itu. Lihat apa kata Rasulullah SAW :

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ اِلاَّ الْجُوْعُ وَالْعَطَشُ

Terjemahannya: Berapa banyak orang yang berpuasa, tapi tidak mendapat apa-apa sclain amat dahaga.

Kalaulah puasa kita tidak mcnghilangkan keluh kesah, tamak haloba, sombong, hasad dcngki, marah dan cinta dunia kita itu, ertinya yang kita dapat hanyalah lapar dan dahaga. Dan kalau begitu apa crtinya hari raya ini pada kita? Kemenangan apa yang hcndak kita syukurkan pada hari ini? Scpatutnya hari ini kita menangis atas kekalahan kita berhadapan dcngan nafsu kita itu. Tangisi juga ujian-ujian Allah yang kita gagal mcnghadapinya. Hari ini sebaik-baiknya hari bcrtaubat dcngan Allah alas segala kebiadapan yang kita lakukan pada-Nya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sidang hadirin sekalian:

Kita mimpikan sebuah ncgara yang aman makmur dan mcndapat keampunan dari Allah SWT. Dan kita berharap serta bcrjuang dan berkorban untuk maksud itu. Hingga kadang-kadang kita tcrfikir kitalah generasi yang boleh mcncgakkan kcmbali Islam di dunia sepertimana sejarah pcrjuangnn salafussoleh Scdangkan Iman ,dan taqwa serta akhlak dan ibadah kita tidak scpcrti mcreka.

Saiyidina Abu Bakar As Siddiq sewaktu dilantik menjadi khalifah pemah berjalan dcngan sahabat-sahabatnya melalui tempat najis. Lama beliau berdiri di situ hingga sahabat-sahabat jadi gelisah dan bcrtanya," Mengapa kita bcrhenti di sini" Jawab Sayidina Umar, "Inilah dunia yang kamu sclalu berlumba-lumba mcncapainya. Akhimya dia jadi najis yang kamu sangat membencinya."

Begitulah kepimpinan Sayidina Umar. Sewaktu memberi amanat pada tenteranya ketika menjatuhkan Rom dan Parsi baginda Amirul Mukminin berucap:

"Aku lebih takutknn dosa-dosa yang kamu lakukan, daripada takutkan musuh-musuh kamu, kerana kalau kamu berdosa, Allah tidak menolong kamu, dan membiarkan kamu pada musuh-musuh kamu itu."

Bagitulah darjat taqwa yang menghiasi hati khalifah-khalifah Islam di zaman salafusoleh. Saidina Ali karamullah wajhah pula, Amirul Mukminin itu diceritakan oleh sahabat bernama Dhirar, bahawa dia selalu melihat Sayidina Ali menangis-nangis bagai orang kesusahan di tengah-tengah malam. Sambil berkata, ***"Wahai dunia, janganlah engkau tipu aku. Pergi jauhlah dariku. Jauh, jauh. Bekalku sangat sedikit sedangkan hidup di akhirat itu kekal abadi."***

Khalifah Umar Abdul Aziz menasihati gabenor-gabenor di daerah pemerintahannya dengan katanya, ***"Kekuasaan yang ada di tangan saudara-saudara telah memungkinkan kamu untuk menzalimi rakyat. Bila terasa di hati kamu untuk menzalimi seseorang, ingatlah segera betapa besarnya kekuasaan Allah atas diri saudara-saudara dalam daftar dosa. Ketahuilah pula bahawa Allah SWT membela orang yang teraniaya terhadap yang menzaliminya."***

Saidina Abu Ubaidah Ibnu Jarrah, setelah Syria jatuh ke tangannya, hanya memiliki sebuah kediaman kecil yang ada di dalamnya hanya sehelai kain dan satu mangkuk. Saiyidina Umar menangis melihat kemiskinan ketua tenteranya itu, tapi apa jawab Abu Ubaidah. "Tuan menangis kerana saya menjual dunia untuk akhirat?" Seorang sahabat bernama Said bin Amir mendapat kiriman Wang seribu dinar dari Saiyidina Umar, telah berteriak-teriak dan meminta perlindungan Allah. Isterinya bertanya kehairanan. Di jawabnya, "Dunia telah datang kepada saya."

Demikianlah taqwa para sahabat. Dalam keadaan inilah dunia menyerah diri pada mereka dan mereka menjadi tuan-tuan besar yang telah memberi keamanan pada dunia. Kemuncak bagi segala taqwa itu, cuba lihat doa Rasulullah SAW selaku pemimpin dunia yang agung itu, ***"Wahai Tuhan, kurniakan, aku dua mata yang selalu berlinang air mata, sebelum datang hari akhirat, di mata mengalirkan darah dan gigi-gigi menjadi bara."***

Doa dan hati beginilah yang menyebabkan Allah membantu mereka dan member-i kemenangan kepada mereka. Allah percaya dan

sayang mereka. Maka Allah pun mengangkat mereka dari segala kaumnya.

Apahal dengan kita? Cita-cita besar, angan-angan panjang tapi taqwa kita makin hari makin kurang. Amal ibadah kita dan perjuangan kita bukan menambah taqwa tapi menjahanamkan kita. Kita berjuang dengan kekuatan semangat dan nafsu, bukan dorongan taqwa. Sebab itu hasilnya bukan saja Islam belum tegak dalam negara dan masyarakat tapi diri sendiri pun makin ganas dan akhlak buruk sekali. Bagaimana Allah, boleh percaya untuk memberi kemenangan pada kita? Apa jaminan yang kita boleh mengamankan dunia?

بَارَكَ اللهُ لِى وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا
فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِكْرِ الْحَكِيْمِ. اَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللهَ
الْعَظِيْمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ، اِنَّهُ
هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

KHUTRAH 2

الله اكبر (7 كالي)

اَلحَمْدُ للهِ الَّذِى اَوْجَبَ عَلَيْنَا صِيَامَ رَمَضَانَ بِقَوْلِهِ: "يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ"

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى اَشْرَفِ الاَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ الَّذِيْنَ كَانُوْا يَطْمَئِنُّوْنَ.

اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اللهُ رَبُّ العَالَمِيْنَ الَّذِىْ قَصَدَ اِلَيْهِ المُرْسَلُوْنَ وَالْمُتَّقُوْنَ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ سَيِّدُ الثَّقَلَيْنِ وكَانُوْا فِيْهِ يُحِبُّوْنَ.

اَمَّا بَعْدَ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوْا اللهَ

Kaum muslimin-muslimat yang berbahagia:

Di seluruh dunia hari ini, keamanan sudah tidak wujud lagi. Malcsiat jadi budaya hidup yang dipcrjuangkan. Perpaduan hancur lebur, hatta dalam rumahtangga pun tiada lagi kasih sayang yang hakilci lagi. Perang dan rusuhan makin bertambah dan menjadi-jadi. Krisis politik makin kusut dan meruncing. Penyelewengan dan penipuan dalam ekomoni makin mcnjadi-jadi.

Rusuh tidak dapat dibcndunglagi. Manusia benar-benar hidup dalam nafsi-nafsi. Tuhan tidak ada tempat dalam kehidupan. Al Quran hanya untuk bcrhibur-hibur. Undang-undangnya dipertikai-kan dan tidak diterima dalam perundangan hidup manusia abad ini.

Sungguh dunia hari ini dan kehidupan manusia-manusia sudah rosak sama sekali. Kalaulah ha1 ini dibiarkan terus-menerus berlaku, kita bimbang kita dan anak cucu kita akan terseret sama dalam kemurkaan Allah dunia dan akhirat. Tapi apa daya usaha yang boleh kita lakukan untuk menghadapi masalah dunia ini? Kita masih terlalu lemah dalam apa ha1 sekalipun.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah yang berbahagia:

Mendengar pekikan-pckikan dari pejuang Islam di seluruh dunia, rasanya seolah-olah mudah saja dunia ini hendak diIslamkan kembali. Dan rasanya apa juga masalah dunia akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi. Tapi bila dilihat pada realiti yang wujud, kita jadi kecewa bila melihat Islam yang ditempikkan itu hanya jadi angin yang tidak boleh dilihat.

Usaha-usaha praktikal untuk mengkotakan cita-cita perjuangan yang ditempikkan itu bclum dimulakan lagi. Lantaran itu, pejuang-pejuang Islam sendiri masih tcrlibat secara langsung dengan ekonomi riba, pendidikan sckular, politik demokrasi kotor, sosial lucah yang menghalalkan pcrcampuran lclaki perempuan, hiburan-hiburan yang melalaikan, makannn syubhat,.pakaian dan hiasan ala Yahudi, rumah bagai muzium dan anak isteri yang tidak dididik dengan Islam. Dan ha1 yang kccil kepada yang besar, mereka belum menukarkannya dari jahiliah kepada Islam. Ramadhan yang sudah silih berganti datangnya dan ibadah-ibadah lain yang banyak dilakukan tidak pun mendorong mereka untuk bcrubah dari memperturutkan nafsu kepada mcntaati Allah. Tegasnya ibadah mereka tidak mengembalikan mcrcka kcpada fitrah mumi yang taat kepada Allah.

Apa harapan untuk mereka mengubah dunia jahiliah ini kepada dunia Islam? Kita hairan dan masyarakat akan tertanya-tanya bila dan bagaimana peralihan hidup kepada Islam mahu dimulakan. Supaya kita dan mereka tidak lagi berada dalam suasana dan sistem mungkar yang diperjuangkan oleh musuh-musuh Islam. Supaya Islam bukan lagi untuk slogan dan tcmpikkan tetapi untuk diamalkan dan dikerjakan. Supaya Islam dan mereka tidak lagi berada dalam suasana dan sistem mungkar yang diperjuangkan oleh musuh-musuh Islam. Supaya Islam bukan hanya dalam kertas, di pentas dan diseminarkan tapi untuk dibangunkan, dilaksanakan dalam kehidupan dan buktikan secara rcaliti.

Supaya Allah dan Rasul serta orang mukmin dapat menilai. Supaya temyata siapa yang bcnar-benar inginkan Islam pada orang ramai, untuk menarik perhatian masyarakat kepadanya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari pencinta Islam:

Bercakap tentang Islam memang mudah. Tapi mengamalkan Islam itu susah. Orang yang bercakap tentang kebaikan belum tentu dapat melakukan kebaikan terscbut. Sebab untuk bercakap kita memerlukan ilmu tapi untuk beramal memerlukan iman dan taqwa. Sebab itu Sayidina Ah karamallahu wajhah pemah berkata. ***"Orang alim yang tidak hertaqwa, katanya tidak akan berbekas di hati manusia Seperti hujan yang turun di atas batu yang licin atau di atas telur burung kasawari."***

Maknanya, cakap orang yang berilmu tapi tidak bertaqwa itu tidak boleh mengubah orang dari kurang baik kepada lebih baik. Tegasnya, orang yang tidak dapat hcndak beramal dengan kata-katanya. Di dengar sedap, tapi tidak dapat hendak beramal dengannya. Hanya berteori tapi tidak untuk dipraktikkan.

Mengapa orang yang tidak bcrtaqwa tidak dapat menegakkan Islam dengan kehidupan, dan tidak dapat membuatkan orang lain beramal dengan ajarannya? Ini berdasarkan fit-man Allah:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahannya: Dan Allah itu pemhela orang-orang yang bertaqwa.

(Al Jaathiyah :19)

Allah tidak kata Dia akan bela orang Islam. Maknanya Islam saja tapi tidak bertaqwa, tidak aknn dibcla atau ditolong oleh Allah. Bila Allah tidak mahu tolong, maka usaha atau perjuangan tidak akan sampai ke matlamatnya. Islam yang kita ingin, tidak ketemu jalan-jalan untuk melaksanakannya. Tinggallah cita-cita sebesar gunung tapi keupayaan terdampar di bumi.

Oleh itu, perjuangan kita kalau mahu dibantu oleh Allah hendaklah diasas dan didorong oleh iman dan taqwa. Senjata perjuangan Islam yang terpenting ialah iman dan taqwa yang dimiliki oleh tiap-tiap peribadi pejuang-pejuangnya. Sebab itu program-program untuk mendapatkan iman dan taqwa mesti jadi program terpenting dalam perjuangan kita. Dan kalau ada aktiviti-aktiviti yang boleh melemahkan iman dan taqwa, itu mesti dihindarkan.

Jemaah yang dianggotai oleh orang-orang bertaqwa, sekalipun kecil akan lebih bertenaga daripada jemaah yang besar tapi tidak membawa taqwa. Fit-man Allah:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ ٱللَّهِ

Terjemahannya: Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah.

(Al Baqarah: 249)

Jemaah yang ahlinya banyak mclakukan dosa, tidak akan mendapat bantuan dari Allah. Sebab itu tugas penting kita sekarang ialah mendidik agar ahli-ahli kita jadi hamba yang bertaywa, yang takut untuk melakukan dosa dan rindu pada Tuhannya. Bila tenaga-tenaga begitu sudah tcrsedia, waktu itu moga-moga Allah akan beri kepercayaan pada kita untuk mcncgakkan agama-Nya di bumi ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah yang mulia:'

Dengan taqwa, seseorang tidak akan mcrelakan diri dan keluarga serta masyarakatnya berada dalam suasana hidup jahiliah. Jemaah orang bertaqwa akan mcmbebaskan diri dari sebarang sistem yang bertentangan dengan Islam. Mereka berjuang dan berkorban untuk menegakkan Islam dalam masyarakat mereka sekurang-kurangnya. Mereka bimbang kalau-kalnu mcreka mati dalam keadadn bergelumang dengan dosa-dosa lahir atau batin, fardhu ain atau fardhu kifayah yang bclum selesai dan dosa-dosa dengan Allah atau dengan manusia.

Orang bertaqwa adalah orang-orang yang bcrkorban hidup matinya untuk Allah. Dalam perjuangan mereka tidak ada kerjasama dengan orang yang mungkar atau buat maksiat. Mereka merdeka dari bersandar dengan musuh Allah walau dalam apa keperluan.

Mereka ada kckuatan sendiri yang disandarkan pada Allah SWT. Taqwa mereka mcnjadikan mereka rela berkorban dan berani menegakkan Islam dalam masyarakat di mana saja mereka berada. Allah berfirman:

فَمَنِ اتَّقَىٰ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Terjemahannya: Maka barangsiapa yang bertaqwq dun berbuat kebajikan maka tiada perasaan takut pada mereka dan tidak pula berdukacita.

(Al A'raf: 35)

Tidak berlakunya semua itu dalam masyarakat kita hari ini, hatta dalam jemaah-jemaah Islam, ialah kerana kita belum bertaqwa. Oleh itu marilah kita mengusahakan jemaah orang-orang yang bertaqwa. Moga-moga Ramadhan ini mcmbcri kekuatan asas pada kita untuk memperjuangkannya. Dan jadikanlah hari raya ini sebagai hari pertama kita memulakan program-program yang boleh melahirkan hamba-hamba Allah yang bcrtaqwa.

اِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ. وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِى الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ اَلاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالاَمْوَاتِ خُصُوْصًا لِوَالِدَيْنَا وَمَشَايِخِنَا وَاَسَاتِذَتِنَا بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ دَعْوَاهُمْ

فِيْهَا سُبْحَانَكَ اَللّٰهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلَامٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِى الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الفَحْشَاءِ وَالمنْكَرِ وَالبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ، فَاذْكُرُوا اللهَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

7 HARI GEMBIRA BAGI YANG BERJAYA MENEMPUH UJIAN RAMADHAN

KHUTBAH 1

الله اكبر (٩ كالي)

اَلْحَمْـدُ لله الَّـذِيْ أَعَـادَ الأَعْيَـادَ وَتَكَـرَّرَ، وَجَعَـلَ الصِّيَـامَ جِهَـاداً لِلأَبْرَارِ وَسِتْرًا مِنَ النَّارِ. اَشْهَدُ أَنْ لاَ اِلَـهَ اِلاَّ اللهَ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِيْ قَائِلَهَا مِنْ كَيْدِ الْفُجَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُـهُ الْمَبْعُـوْثُ لِيُتَمِّـمَ مَكَـارِمَ الأَخْلاَقِ. اَللَّهُـمَّ صَـلِّ وَسَلِّـمْ عَـلَى سَيِّـدِنَـا مُحَمَّـدٍ وَعَلَى آلِـهِ وَأَصْحَـابِـهِ الَّـذِيْـنَ جَاهَدُوْا فِي اللهِ حَقَّ الْجِهَادِ

أما بعد!

فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوْا اللهَ وَكُوْنُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati:

Allah SWT telah berfinnan:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka.

(At Taubah: 11 I)

Berdasarkan janji Allah dalam firman-Nya di atas tadi, moga-moga kesusahan berpuasa dan pengorbanan harta benda serta lain-lain ibadah yang kita persembahkan untuk Allah sepanjang Ramadan tahun

ini, akan dibayar-Nya dengan syurga di dunia dan akhirat. Demikianlah harapan setiap orang mukmin dan mukminat di pagi raya yang mulia ini. Moga-moga puasa dan ibadah kita diterima Allah, kekurangan-kekurangan dan kclcmahan kita ditampung-Nya, kesilapan dan kecuaian kita dalam bcribadah diampunkan-Nya.

Hanya itulah usaha ikhtiar yang mampu kita lakukan dalam membuktikan diri kita ini hamba kepada Allah. Hanya sekadar itulah bakti yang dapat dilakukan dalam usaha kita menjadi hamba yang taat padaTuhannya. Dan hanya itu sajalah khidmat yang terdaya oleh kita hamba-hamba yang dhaif ini, pcrsembahkan ke hadrat zat yang menciptakan kita. Namun kita bcrsyukur, kerana Allah masih menganugerahkan kita nikmat. dan rahmat untuk melakukan yang sedikit ini. Dengan kesyukuran ini, kita bcrharap Allah tambahkan lagi nikmat ibadah ilu pada kita. Bcrdasarkan janji-Nya dalam Al Quran:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahannya: Jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahkan lagi nikmat-Ku kepadamu. Dan sekiranya kamu kufur sesungguhnya azab-Ku amat dahsyat sekali.

(Ibrahim: 7)

Firman-Nya lagi:

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ
لَهُ مِنۢ بَعْدِهِۦ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ

Terjemahannya: Apa saja yang Allah anugerahkan kepada manusia berupa rahmat, maka tidak ada seorangpun yang dapat menahannya. dan apa sqja yang ditahan oleh Allah maka tidak seorang pun yang sanggup untuk melepaskannya sesudah itu. Dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Faathir: 2)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Para hadirin yang mulia:

Umat Islam kecil besar, tua dan muda, merasa gembira dengan hari raya. Bahkan sesetengah kita diserang gembira ini sejak awal-awal Ramadan lagi. Sudah berkira itu dan ini untuk hari raya. Macam-macam persediaan yang dibuat. Kueh-mueh, pakaian baru, hiasan rumah, belanja balik kampung, pesta. jamuan dan macam-macam lagi. Maka bagi yang tidak mampu untuk mengadakan semua itu ditimpa dukacita, sakit jiwa. rendah diri, putus asa dan lain-lain. Bersedihlah manusia kelompok ini di waktu kelompok lain bergem-
1 bira ria di hari raya. Sedih dan gembira kerana soal-soal duniawi semata-mata.

Sedangkan Aidil Fitri ini dirayakan bukannya untuk tujuan itu. Menurut syariat Islam, Aidil Fitri ialah hari ibadah bagi orang-orang mukmin. Hari mereka memuja dan memuji Allah dengan bersyukur pada-Nya, kerana dapat menikmati bulan Ramadan dengan selamatnya.

Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذۡكُرُواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡۚ هَلۡ مِنۡ خَٰلِقٍ غَيۡرُ ٱللَّهِ يَرۡزُقُكُم
مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ فَأَنَّىٰ تُؤۡفَكُونَ

Terjemahannya: Hai manusia ingatlah akan nikmat Allah kepadamu. Adakah ada pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Tidak ada Tuhan selain Dia, makn mengapakah kamu berpaling?
(Faathir: 3)

Tujuan Aidil Fitri ini ialah untuk mengingati Allah sebanyak-banyaknya dengan melakukan takbir, tasbih dan tahmid. Kerana Allah telah memberi kemenangan beribadah sepanjang bulan Ramadan. Maka atas pemberian itu, orang-orang mukmin sangat membesarkan Allah. Ini sesuai dengan firman Allah dalam surah asy-Syura ayat 5:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرۡنَ مِن فَوۡقِهِنَّۚ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمۡدِ
رَبِّهِمۡ وَيَسۡتَغۡفِرُونَ لِمَن فِي ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ

Terjemahannya: Hampir saja langit itu pecah dari sebelah atasnya (kerana kebesaran Tuhan) dan malaikat-malaikat bertasbih serta memuji Tuhannya dan memohon ampun bagi orang-orang yang ada di bumi. Ingatlah bahawa sesungguhnya Dialah (Allah) yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Asy-Syura: 5)

Tidak mungkin seorang mukmin lalai dengan dunia dan leka dengan segala maksiat pada hari Aidil Fitri. Tidak mungkin, kerana seorang yang baru lepas dari kesusahan dan kepayahan biasanya sangat insaf akan kedhaifan dirinya di hadapan keagungan Tuhannya yang telah menyelamatkannya. Dia akan asyik dan khusyuk dengan penuh rasa terhutang budi pada zat Tuhan yang begitu berbudi baik itu. Imannya bertambah dan sekaligus akhlaknya jadi lebih halus dan indah.

Benarlah firman Allah SWT:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ ٱلسَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ لِيَزۡدَادُوٓاْ إِيمَٰنٗا مَّعَ
إِيمَٰنِهِمۡۗ وَلِلَّهِ جُنُودُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا

Terjemahannya: Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin supaya keimanun mereka bertambah di samping keimanan mereka yang telah ada, dan

Allah mempunyai tentera di langit dan bumi, dan Allah Maha Mengetahui lagi Bijaksana.

(Al Fath: 4)

Di pagi Aidil Fitri ini marilah setiap orang daripada kita berkata dalam hatinya sepertimana kata-kata yang diajarkan oleh Al Quran:

وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَذْهَبَ عَنَّا ٱلْحَزَنَ إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ

Terjemahannya: Dan mereka berkata, "Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan dukacita dari kami. Sesungguhnya Tuhan kami benar-benar Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri".

(Faathir: 34)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadirin sekalian:

Kita tertanya-tanya adakah puasa dan ibadah-ibadah kita di bulan Ramadan itu diterima dan dircdhai Allah. Apa kata Allah agaknya terhadap perlakuan kita selama scbulan itu. Lulus atau tidak? Kalau tidak lulus mana boleh kita merasa bcrjaya di hari ini. Ibarat seorang mahasiswa yang gagal dalam ujian besamya, tentu ia tidak boleh terima ijazah pada hari konvokesycn. Hari konvokesyen ialah hari untuk mereka yang berjaya. Kalau kita tidak tahu jaya atau gagal, ertinya kita juga belum boleh bersenang hati. Berharap sajalah dengan Allah agar kita ini termasuk barisan orang yang berjaya. Ertinya Aidil Fitri ini bukanlah hari bersenang-senang hati semahu-mahunya. Kerana kita belum tahu nasib kita. Apa kata kalau kita termasuk dalam golongan mereka yang gagal?

Lihatlah kisah benar ini dalam Al Quran:

وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ صَٰلِحًا غَيْرَ ٱلَّذِى
كُنَّا نَعْمَلُ

Terjemahannya: Dan mereka berteriak di dalam neraka itu: "Ya Tuhan kami, keluarkan kami nescaya kami akan mengerjakan amal yang soleh berlainan dari yang telah kami kerjakan sebelumnya."

(Faathir: 37)

Terhadap jeritan itu Allah berfirman:

أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَآءَكُمُ ٱلنَّذِيرُ
فَذُوقُوا۟ فَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِن نَّصِيرٍ

Terjemahannya: Dan apakah Kami tidak memanjangkan umurmu dalam masa yang cukup untuk berfikir bagi orang yang mahu berfikir dan (apakah tidak) datang kepada kamu pemberi peringatan? Maka rasakanlah (azab Kami) dan tidak ada bagi orang-orang yang zalim seorang penolong pun.

(Faathir: 37)

Sidang hadirin sekalian:

Mari kita isi Aidil Fitri dan umur kita yang masih ada ini dengan mengharap belas kasihan dan kasih sayang Allah, dengan berusaha dan berikhtiar untuk keselamatan kita di dunia dan akhirat. Kita berlindung dengan Allah dari azab seksa neraka dunia dan akhirat.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara saudari sidang hadirin yang berbabagia:

Sekarang saya ingin membawa saudara kembali mengingati Ramadan yang baru semalam meninggalkan kita. Supaya kita semak dan nilai bersama-sama tentang ibadah-ibadah yang sudah kita laku-kan. Dan supaya kesannya benar-benar terasa hingga saat ini dan hari-hari berikumya.

Ramadan ialah bulan ujian dan latihan perang melawan nafsu peringkat tinggi. Ujian-ujiannya memang berat dan payah sekali. Daripada keseluruhan umat Islam yang menyertainya, barangkali sedikit. saja yang benar-benar lulus dan berjaya. Iaitu mereka yang betul-betul bersedia. Samalah dengan latihan tentera, sedikit saja yang berjaya mendapat pangkat tinggi. Yang ramai cuma dapat jadi tente-ra biasa.

Mari kita lihat kembali ujian-ujian yang telah kita tempuh itu.

1. **Puasa**

Puasa sebenamya bukan saja puasa mulut daripada makan dan minum. Tapi puasa daripada bercakap perkara haram. Puasa mata dari melihat perkara maksiat. Puasa telinga daripada mendengar perkara haram. Puasa tangan daripada melakukan perkara dosa. Puasa kaki daripada menghala ke tempat maksiat. Puasa fikiran daripada berfikiran jahat. Dan puasa hati dari mengingati selain Allah. Itulah dia hakikat puasa. Kalau anggota-anggota itu semua tidak dilatih taat kepada Allah, melalui ibadah puasa maka akibamya adalah buruk sekali.

Lihat firman Allah:

ٱلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰٓ أَفْوَٰهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَآ أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ

Terjemahannya: Pada hari ini Kami tutup mulut mereka, dan berkata-katalah kepada Kami oleh tangan-tangan mereka dan

memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan.

(Yaasin: 6.5)

Adakah puasa yang kita lakukan bar-u-baru ini betul-betul menepati yang disyaratkan itu? Selamatkah kita nanti di akhirat daripada didakwa oleh anggota-anggota tubuh badan kita sendiri? Demikianlah beratnya ujian puasa itu. Rasulullah SAW bersabda:

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ اِلاَّ الْجُوْعِ وَالْعَطَشِ

Terjemahannya: Berapa ramai orang yang berpuasa tapi tidak mendapat apa-apa kecuali lapar dan dahaga.

2. Baca Al Quran

Ramadan adalah bulan awal turunnya Al Quran. Maka kita dituntut membanyakkan bacaan Quran di dalamnya. Yakni mengambil didikan Al Quran untuk membentuk diri, keluarga, jemaah dan masyarakat seluruhnya, hidup mengikut cara yang dikehendakinya.

Al Quran mengandungi tanzir, yakni ayat-ayat tentang neraka. Membacanya bererti kita terdidik untuk rasa gerun terhadap neraka di akhirat. Hingga kerana itu, seseorang tidak takut lagi dengan kesusahan duniawi demi menegakkan hukum-hukum Allah dalam seluruh hidupnya.

Terdapat juga ayat-ayat tabsyir, yakni khabar gembira tentang syurga di akhirat. Kita akan jadi ghairah dan rindu dengan keindahan dan kelazatan di dalarnnya. Hingga kerana itu, kita tidak lagi mengutatnakan nikmat duniawi yang sementara ini, demi memburu kenikmatan abadi di akhirat. Kita berlumba-lumba untuk membanyakkan amal soleh dan berjuang serta berkorban fi sabilillah, sambil meninggalkan segala-gala yang haram dan dibenci Allah.

Al Quran juga banyak memperkatakan kebesaran dan keagungan Allah. Pembaca akan tenggelam dalam rasa kagum, hebat, gerun,

cinta, kasih, rindu dan tawakal pada Allah. Terasa hampimya hati dengan Allah. Dan diri terasa kecil dan hina terhadap-Nya.

Dalam Al Quran juga banyak diceritakan sejarah-sejarah nabi dan orang-orang soleh. Tujuannya supaya pembaca Al Quran terdorong untuk mencontohi jejak langkah hidup mereka itu.

Kemudian Al Quran menceritakan kegigihan mereka menghadapi ujian, supaya kita jadi bersemangat untuk tabah dalam ujian walaupun berat. Sebaliknya bila Al Quran membawa kita kepada cerita-cerita orang-orang sombong, seperti Firaun dan Namrud, kita jadi insaf dan takut kalau-kalau kita juga bemasib begitu. Moga-moga kita diselamatkan.

Selanjumya Al Quran mengajarkan kita tentang hukum-hakam dan peraturan hidup, yang sepatumya menjadi cara hidup kita dalam setiap aspek seperti mencari rezeki, bergaul, berekonomi, berpolitik dan lain-lain supaya hidup kita berjalan di atas syariat Allah seluruhnya.

Lihat apa kata Allah tentang kehebatan Al Quran itu:

a. Surah Al Hasyr ayat 21:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ
خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

***Terjemahannya:** Kalau sekiranya Kami turunkan Al Quran ini ke atas bukit-bukau, pasti kamu akan melihatnya terpecah belah disebabkan takutnya kepada Allah, demikianlah perumpamaan bagi manusia, semoga mereka berfikir*

b. Surah Al Isra' ayat 88:

قُل لَّئِنِ ٱجْتَمَعَتِ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَىٰٓ أَن يَأْتُوا۟ بِمِثْلِ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ

لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِۦ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Terjemahannya: Katakanlah: 'Sesungguhnya jika manusia dart jin berkumpul untuk mencipta kata-kata yang serupa Al Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuatnya, biarpun mereka saling bantu membantu.

Sabda Rasulullah SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا
كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Terjemahannya: Kutinggalkan untuk kamu dua perkara. tidak akan sesat selamanya selagi kamu meyakini keduanya iaitu Kitabullah dan sunnah Rasulullah.

Hingga kini, sudahkah kita turuti semua isi Al Quran itu?

3. Zakat Fitrah dan Sedekah

Di bulan Ramadan kita diperintahkan berlaku pemurah pada fakir miskin, yakni dengan mengeluarkan zakat fitrah dan membanyakkan sedekah. Ini tepat dengan kehendalc Al Quran sendiri:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا
رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً لَّن تَبُورَ

Terjemahannya: Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka secara diam-diam mahupun terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi.

(Faathir: 29)

Allah menghendaki kita memberi sebahagian hak kita kepada orang lain yang memerlukan. Sama ada Wang ringgit, makanan, pakaian, kemesraan dan kasih sayang. Sudahkah kita melakukannya? Ringan-kah sudah tangan kita untuk menghulur sebahagian milik kita kepa-da orang lain tanpa meminta apa-apa bayaran?

4. Sembahyang Tarawih, Zikir, Iktikaf, Tafakur dan Bertaubat

Semua ibadah-ibadah ini digalakkan di bulan Ramadhan dengan tujuan mendapatkan iman dan taqwa. Yakni mendapatkan degree yang menjamin kebahagiaan dunia akhirat. Sekaligus menjamin terlepas dari neraka dunia dan akhirat. Allah memerintahkan berzikir dengan tirman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ○ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا ○ هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم
مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ○

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (menyebut nama Allah), dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya di waktupagi danpetang. Dialalx' yang member? rahmat kepadamu dan para malaikat-Nya (sentiasa mendoakan kamu supaya Dia mengeluarkan kamu daripada kegelapan kepada cahaya (yang terang). Dan adalah Dia Maha Penyayang kepada orang-orang yang beriman.

(Al Ahzab: 41-43)

Bagaimana zikir boleh menghasilkan iman dan taqwa? Iaitu apa-bila ia diucapkan dengan lidah, difahami oleh akal dan dirasai oleh rasa hati. Faham betapa agungnya Allah hingga hati terasa hebatnya Allah. Rasa diawasi oleh Allah, dirahmati dan dimurkai kerana dosa-dosa kita. Al hasil kita menyerah hidup dan mati untuk Allah. Allah dijadikan cinta agung, yang dipuja-puja, dirindu, dikenang-kenang dan kasih serta malu. Sudah berlakukah ha1 ini dalam diri kita? Bukankah susah untuk mendapatlcannya?

5. Mujahadatunnafsi

Secara umum kita boleh namakan bulan Ramadhan ini sebagai bulan mujahadah. Yakni bulan berperang dengan nafsu. Sebab perintah-perintah itu memang berat dan dibenci oleh nafsu. Hanya dengan mujahadah yang sungguh-sungguh saja ibadah-ibadah itu dapat dilakukan dengan sempurna. Allah menyuruh mujahadah dengan firman-Nya dalam surah Al Ankabut ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

***Terjemahannya:* Barangsiapa bermujahadah pada jalan Kami, nescaya akan Kami tunjukkan jalan-jalan Kami itu, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang berbuat kebaikan.**

(Al Ankabut 69)

Kita kena mujahadah terhadap segala kejahatan yang ada dalam diri kita. Misalnya apabila mulut kita mula bercakap perkara-perkara yang dilarang oleh Allah, kita hentikan segera. Ucaplah "Astaghfirullah (استغفر الله), cepat-cepat kita pejam mata atau tundukkan atau alihkan pandangan ke tempat lain. Bila tangan mula bergerak kepada yang haram, tarik kembali. Demikianlah juga dengan kaki, telinga dan lain-lain anggota yang mahu menghala kepada maksiat, kita mujahadah dari kemahuan jahat itu, hingga diri kita tidak melakukan kejahatan tersebut. Kekuatan mujahadah mesti mengatasi kekuatan nafsu. Kalau tidak tentu kita akan tewas.

Mujahadah yang lebih sulit dilakukan ialah membuang sifat-sifat sombong, hasad dengki, dendam, bakhil, marah, tamak, riak, ujub, gila dunia, gila pangkat, buruk sangka, mengenang-ngenang jasa, menceritakan kebaikan diri, menghina orang, degil dan lain-lain lagi. Dosa-dosa batin ini kalau tidak dibersihkan, akan bawa kita ke neraka. Tapi, payah sekali untuk mujahadah terhadapnya, ia sangat jahat.

Firman Allah:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak pada kejahatan.

(*Yusuf: 53*)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang berbahagia:

Sekiranya dalam semua ujian-ujian berat sepanjang Ramadhan itu kita lulus, maka hadiah yang akan kita dapat ialah ganjaran dan ***maghfirah*** dari Allah. Seseorang yang mendapat hadiah besar itu akan dapat dilihat pada watak dan akhlaknya. Tidak ada lagi ciri-ciri sombong padanya. Ia kelihatan begitu merendah diri dan mengasihi semua manusia. Sifat pemarah tidak nampak lagi. Sebaliknya ia sangat peramah dan berkasih sayang. Kalau dulu ia seperti bakhil, tapi kini pemurah sekali. Jadi bank pada si miskin. Seolah-olah tidak sayangkan harta lagi.

Hidup matinya diserah bulat-bulat dan sepenuh masa kepada tugas sebagai khalifah di bumi, yakni untuk menegakkan kalimah-kalimah Allah melalui jihad fisabilillah.

Tidak ada lagi penyakit suka memfitnah buat tohmah dan berbohong kerana telah diganti dengan cakap-cakap tentang kebenaran dan nasihat-nasihat yang penuh hikmah. Kaki, tangan, mata, telinga, mulut dan lain-lain anggotanya tidak mahu lagi melakukan maksiat. Hukum Allah dijadikan peraturan hidup yang diamalkan dengan cinta dan fanatik sekali. Padanya memang tiada hukum melainkan hukum Allah (وَمَا الْحُكْمُ الاَّ لله) seperti kehendak syariat.

Dia sangat anti pembaziran. Hatinya zuhud, sangat bertimbang rasa, hormat menghonnati dan adil sekali. Kemuncak dari itu ialah dapat membawa manusia hidup bagaikan satu keluarga, kasihkan

saudaranya seperti kasihkan diri sendiri. Masyarakamya bersih dari noda dan dosa. Itulah dia orang yang bertaqwa.

Mari sama-sama kita lihat kata-kata Allah tentang ciri-ciri orang-orang yang bertaqwa itu.

a. Surah Sajdah ayat 15-16:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۝ تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ
الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami, adalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat (Kami), mereka menyungkur sujud dan bertasbih serta memuji Tuhannya, sedang mereka tidak menyombongkan diri. Perut mereka jauh dari tempat tidur-nya, sedang mereka berdoa pada Tuhannya dengan rasa takut dan harap, dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

b. Surah Al Fath ayat 29:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ
رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِم
مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَٰلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَاةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنجِيلِ كَزَرْعٍ
أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ
لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُم
مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Terjemahannya: Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersamanya adalah sangat keras terhadap orang-orang kajir, tetapi sangat berkasih sayang sesama mereka. Kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaan-Nya, tanda-tanda mereka nampak pada muka mereka dari kesan sujud, demikian itu telah diumpamakan dalam Taurat, dan yang diumpamakan dalam Injil sepertilah tanaman yang mengeluarkan tunasnya, maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menakjubkan penanam-penanamnya, supaya dengan itu menyakitkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh di antara mereka keampunan dan pahala yang besar.

c. Surah Al Hujurat ayat 15:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا۟
وَجَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ

Terjemahannya: Sesungguhnya orang-orang yang ***.bcriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad denghn harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar.***

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang dikasihi:

Selaku orang Islam yang mukmin, kita tentu ingin sekali melihat tertegaknya kembali tamadun Islam yang telah lenyap sekian lama.

Kita tentu ingin jadi bangsa yang berdaulat, yang tidak lagi menjadi buruh dan kuli-kuli, pengurus atau pengarah di dalam sistem yang dicatur oleh musuh Islam. Kita mahu, biarlah kain yang kita pakai itu hasil titik peluh awal dan akhimya dari orang yang beriman kepada Allah. Begitu juga dengan apa yang kita minum dan makan dan sebagainya. Sekolah kita, biarlah kita yang tentukan dasar, matlamat dan kurikulumnya. Begitu juga pejabat kita, klinik, hospital, ekonomi, politik, sosial dan semuanya. Kita tentu ingin buktikan bahawa Islam cukup mampu untuk membuatkan penganutnya jadi pencatur dunia, bahkan dapat menyelamatkan dunia dari segala huru-hara kini kepada kebahagiaan abadi dunia dan akhirat. Maka untuk itu, kita mesti mulai dari taqwa. Taqwa yang melahirkan akhlak-akhlak yang agung seperti yang disebutkan tadi, yang sangat dipuji oleh Allah.

Firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahannya: Sesungguhnya Engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang agung.

(AI Qalam:4)

Dari sana akan bangkitlah satu masyarakat yang sistem hidupnya begitu luhur, produktif, berani, aman makmur, cantik, menarik, adil dan bersih serta mampu memindahkan dunia dan manusia jahiliyah yang kucar-kacir ini kepada dunia dan manusia yang aman makmur lagi mendapat keredhaan Allah. Itulah dunia dan masyarakat Islam, yang 700 tahun dulu pemah berdiri gagah hingga setiap bangsa *salute* padanya. Tapi sesudah itu nampaknya tidak ada satu agama lain yang boleh mencorakkan dunia sedemikian rupa. Di tangan mereka (penganut agama lain), dunia dan masyarakat manusia rosak binasa dibuatnya. Pembangunan material tidak diimbangi oleh kemajuan jiwa dan akhlak. Dan kalau terus dibiarkan akan hancur leburlah jadinya.

Lihat firman Allah dalam surah Al Hajj ayat 45-46:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ فَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ
عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ ۝ أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ
فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى
الْأَبْصَارُ وَلَٰكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ۝

Terjemahannya: Berapa banyak negeri yang Kami telah binasakan, kerana penduduknya berlaku zalim, maka robohlah atap-atapnya dan (berapa banyak pula) perigi kebanggaan dan istana yang tinggi terpaksa ditinggalkan.

Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, supaya mereka mempunyai hati dapat berfikir atau mempunyai telinga yang dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada.

Firman Allah lagi di dalam surat Al Hajj ayat 48:

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَمْلَيْتُ لَهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ ثُمَّ أَخَذْتُهَا وَإِلَيَّ
الْمَصِيرُ

Terjemahannya: Dan berapa banyak pula negeri yang aku tangguhkan (azab-Ku) untuknya, tetapi penduduknya masih berbuat zalim, kemudian itu Aku azab mereka dan kepada-Kulah tempat kembalinya (segala sesuatu).

Lagi firman-Nya di dalam surah Sajbah ayat 26:

أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّنَ الْقُرُونِ يَمْشُونَ
فِي مَسَاكِنِهِمْ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ أَفَلَا يَسْمَعُونَ

Terjemahannya: Apakah tidak dapat petunjuk pada mereka sudah beberapa banyak umat yang Kami telah binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka berjalan di tempat-tempat

kediaman mereka itu? Sesungguhnya pada yang demikian itu ada beberapa iktibar. maka apakah mereka tidak mendengar?

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Kita tentu tidak mahu menunggu sehingga kita turut ranap bersama ranapnya orang yang zalim. Tentu kita tidak sehina itu. Maka marilah kita perjuangkan jalan keselamatan, jalan nabi-nabi, rasul-rasul, wali-wali Allah, orang-orang soleh dan ulama-ulama amilin.

Firman Allah:

قُلْ يَٰقَوْمِ ٱعْمَلُوا۟ عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّى عَٰمِلٌ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ

Terjemahannya: Katakanlah, "Hai kaumku, bekerjalah sesuai dengan kedudukanmu (kebolehan). Sesungguhnya aku (juga) bekerja. Maka kelak kamu akan mengetahui!"

(Az Zumar: 39)

Mari kita perjuangkan kembali cara hidup mereka. Ilmu mereka, perjuangan mereka, ibadah mereka, akhlak mereka, pendidikan, ekonomi, budaya, politik, kesihatan dan lain-lain, agar menjadi cara hidup kita pula. Mereka telah menempuh sejarah gilang-gemilang yang mahsyur dan indah. Mereka tidak saja mendapat untung besar di dunia tapi juga terjamin hingga ke akhirat. Maka sepatutnya kita ulangi sejarah yang telah mereka rakamkan itu. Ingat! Kita tak boleh ambil ilmunya saja. Atau ambil ibadahnya saja atau ekonominya saja atau ambil akhlaknya saja. Atau ambil perjuangannya saja. Atau ambil kayanya saja. Atau politiknya saja. Atau pakaiannya saja.

Ingat pesan Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ

Terjemahannya: Apakah kamu ambil sebahagian isi kitab dan meninggalkan sebahagian yang lain. Tidaklah balasan untuk orang yang berbuat demikian itu melainkan akan hina dalam hidup di dunia. Dan di akhirat akan dicampakkan ke dalam azab yang maha pedih.

(Al Baqarah: 85)

Kita mesti ambil semua yang ada dalam Islam itu. Serah bulat-bulat hidup mati, jiwa raga dan lahir batin pada Allah dan Rasul. Bahkan kita mampu untuk jadi bangsa yang besar. Bangsa yang punya sejarah yang hebat, yang dapat berkhidmat kepada bangsa-bangsa lain di dunia; yang dapat jadi empayar Islam, dapat jadi payung yang dapat memayungi umat kepada keselamatan, keamanan dan keselesa-an. Maka untuk jadi begitu, sekali lagi dasamya ialah iman dan taq-wa.

Allah berjanji melalui firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Terjemahannya: Jika penduduk satu kampung beriman dan bertaqwa, maka Kami akan bukakan barakah dari langit dan bumi.

(Al A'raf: 96)

Janji-Nya lagi:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ

***Terjemahannya:* Barangsiapa bertaqwa pada Allah nescaya Allah akan lepaskannya dari masalah hidup dan memberi rezeki dari sumber yang tidak diduga.**

(At Talak: 2-3)

Untuk perolehi kekuatan, bantuan dan kemenangan ini kenalah kita bertungkus -lumus, korban masa, tenaga dan Wang serta istiqomah untuk memperolehi pangkat taqwa ini. Sekurang-kurangnya lapan syarat perlu ditempuhi untuk mendapatkan taqwa:-

1. Terbuka pintu hati untuk menerima Islam
2. Faham tentang Islam
3. Yakin apa yang difahami dan diamalkan
4. Laksanakan apa yang difahami
5. Sanggup bermujahadah melawan kehendak nafsu
6. Istiqomah beramal
7. Pimpinan dari pemimpin yang mursyid
8. Doa selalu kepada Allah supaya dapat hidayah dan taufik.

Moga-moga dengan berkat Ramadhan dan Aidil Fitri tahun ini, amalan yang kita lakukan di dalamnya dapat memberikan iman dan taqwa dan hasil-hasil yang Allah janjikan daripada-Nya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ العَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ العَلِيْمُ. وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِوَالِدَيَّ وَوَالِدِيْكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

KHUTBAH 2

الله اكبر (٧ كالي)

اَلحَمْدُ لله الَّذي اَمَرَنَا أنْ نَعْبُدَهُ وَنُوَحِّدَهُ وَنَسيْرَ علىٰ ديْنه وَمَنْهَجِهِ أَشْهَدُ أَنْ لاَ الٰهَ الاَّ اللهُ وَحْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الاَحْزَابَ وَحْدَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلىٰ اٰله وَأَصْحَابه

اَمَّا بَعْدُ! فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَجَاهِدُوْا فِيْ سَبِيْلِهِ

قال الله تعالى: وَذَكِّرْ فَاِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِيْنَ

Kaum muslimin muslimat yang tercinta:

DI PAGI hari raya Aidil fitri yang mulia ini, mari kita sama-sama mencari jalan keluar daripada masalah yang sedang menimpa masyarakat dan negara kita ini. Krisis demi krisis tidak habis-habis. Paling serius ialah krisis dasar yang mengheret segala jentera atau sistem negara dan masyarakat kepada bahaya yang berat.

Dasar pelajaran dan pendidikan yang berjalan dalam masyarakat kita nyata memberi hasil yang mendukacitakan. Ibu bapa mana tidak dukacita kalau anaknya tidak sembahyang, tidak menghormati mereka. tidak peduli dengan jiran, tidak hormat pada guru, tidak patuh pada pemimpin bahkan sebaliknya terlibat dengan pergaulan lucah, panggung wayang, dadah dan menipu.

Apa ertinya sijil yang berbagai jenis kalau tuan punya sijil itu sangat sombong, bakhil dan selalu melukakan hati kita? Akhlak baik itu lebih mahal dari sijil.

Pelajaran dan pendidikan yang dilaksanakan ketara sekali tidak menuju kepada pembangunan insan supaya menjadi makhluk Allah yang beriman dan berakhlak mulia serta agung. Yakni akhlak yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW. Sedangkan untuk itulah Rasulullah diutuskan pada manusia. Iaitu untuk mencontohkan satu bentuk pendidikan yang tujuan akhimya ialah agar setiap orang mempunyai iman dan akhlak yang agung. Dengan akhlak itulah nanti manusia akan hidup dalam aman dan makmur. Iman dan akhlak menjamin manusia dapat membina kemajuan yang benar-benar damai, sejahtera, adil, aman, makmur dan mendapat keredhaan Allah dunia dan akhirat.

Iman dan akhlak yang agung secara langsung akan melahirkan masyarakat yang agung, yang maju jaya lahir batinnya, materialnya dan rohaniahnya. Saya ulangkan lagi sekali bahawa iman dan akhlaklah punca sebenar untuk mencapai kebahagiaan dan keselesaan hidup dalam rumahtangga dan masyarakat. Sebab itulah Allah berfimlan:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Terjemahannya: Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang agung.

(Al. Qalam: 4)

Allah tidak berfirman:

Ertinya: Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai ilmu yang agung.

Sebab ilmu tanpa akhlak tidak membuatkan seorang ketua atau presiden itu adil dalam pentadbirannya. Ia tidak dapat menjadi payung yang menaungi umat dari panas dan hujan. Ilmu tinggi apalagi ilmu sekular itu, tidak mampu untuk membuatkan seorang ketua itu tidak sombong, tidak menindas dan adil terhadap rakyatnya.

Ilmu tinggi saja tidak cukup untuk mengubah ulama dari hasad dengki kepada bertimbang rasa atau bertolak ansur. Ilmu tinggi saja tidak cukup untuk menjadikan orang kaya itu pemurah terhadap si fakir miskin. Ilmu tinggi saja tidak cukup untuk membuatkan si miskin sabar dan redha dengan kemiskinan. Ilmu tinggi saja tidak cukup untuk membuatkan seorang perempuan jadi pemalu dan taatkan suaminya.

Jadi ilmu tanpa iman dan akhlak tidak menjamin kebahagiaan dan kejayaan. Buktinya, kita sendiri lebii senang pada orang berakhlak daripada orang yang berilmu tapi tidak berakhlak.

Semua kebaikan itu boleh terjadi dengan adanya iman dan akhlak pada manusia itu. Akhlak menjadikan seseorang itu tawaduk, pemaaf, pemurah, pengasih, sabar, bertimbang rasa, bertolak ansur, berbaik sangka, berlapang dada, taat, jujur, amanah, rajin, berkorban, berjuang dan lain-lain lagi. Dengan sifat-sifat itu nescaya lahirlah masyarakat moden yang membangun dan berbahagia dunia dan akhirat. Tapi pelaksanaan pendidikan kini cuma mementingkan ilmu, sijil, jawatan dan gaji. Iman dan akhlak tidak ada tempat.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Sidang hadirin sekalian:

Kita terpaksa akui hakikat bahawa masyarakat kita kini bukannya masyarakat yang benar-benar beriman dan berakhlak. Umumnya masyarakat kita ini terdiri dari orang-orang jahat. Sebab itulah macam-macam kejahatan, maksiat, kederhakaan, kebiadapan, kekejaman, ketidakadilan, rasuah, kekacauan, krisis berlaku setiap hari. Bukan saja rakyat jelata, tapi pemimpin-pemimpin juga terlibat dengan bermacam-macam kes yang jahat, memalukan dan merbahaya serta merugikan. Semuanya berpunca daripada tidak

adanya pendidikan iman dan akhlak kepada lulusan-lulusan pengajian tinggi dalam dan luar negeri

Kesan negatif dari kewujudan keadaan itu ialah negara kita makin kacau politiknya, ekonominya, sosialnya, moralnya, budayanya dan ketahanarmya. Pemabuk, pencuri, penzina, perogol, pemakan rasuah, pengadu domba, tukang fitnah, tukang jatuh menjatuhkan, penyanyi lucah, pembunuh, penzalim, pendendam, pemarah, pemboros, pembazir, penyalahgunaan kuasa, pendengki, pesakit jiwa dan pengacau; bilangan mereka kian bertambah hari demi hari. Siapa yang suka dengan keadaan ini? Tentu tidak ada siapa yang suka. Bahkan penjahat-penjahat itu sendiri tidak terhibur dengan kejahatannya itu. Malah mereka sering membenci diri sendiri kerana kejahatan itu. Maka apakah caranya untuk kita menyelamatkan negara dan masyarakat kita ini?

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari yang dikasihi:

Sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan. Kita sudah tersasul dalam tindakan, hingga sudah begini sekali akibatnya, maka mari kita lihat ke pangkal. Bagaimana sebenamya cara untuk kita tidak lagi sesusah dan sekacau ini? Rasulullah SAW bersabda:

تَـرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْـرَيْنِ لَـنْ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكْتُـمْ بِهِمَا
كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Terjemahannya: Aku tinggalkun bagimu dua perkara. Tidak akan sesat selamanya selagi kamu meyakini kedua-duanya iaitu Kitab ALLAH dan Sunnah Rasul.

Allah dan Rasul jamin keselamatan kita di dunia dan akhirat kalau kita ikut Al Quran dan sunnah. Lihat apa kata Allah, surah Faathir ayat 15-17:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ○
إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ○ وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ○

Terjemahannya: Hai manusia, kamulah yang berkehendak kepada Allah; dan Dialah (Allah) yang Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) lagi Maha Terpuji. Jika Dia menghendaki, nescaya Dia musnahkan kamu dan mendatangkan makhluk yang baru (untuk mengganti kamu). Dan yang demikian itu sekali-kali tidak sulit bagi Allah.

Firman-Nya lagi, surah Al Hajj ayat 78:

وَجَٰهِدُوا۟ فِى ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦ ۚ هُوَ ٱجْتَبَىٰكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ
فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَٰهِيمَ ۚ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلْمُسْلِمِينَ
مِن قَبْلُ وَفِى هَٰذَا لِيَكُونَ ٱلرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ
عَلَى ٱلنَّاسِ ۚ فَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱعْتَصِمُوا۟ بِٱللَّهِ
هُوَ مَوْلَىٰكُمْ ۖ فَنِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ

Terjemahannya: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan. Itulah agama pegangan orang tuamu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamai kamu sekalian orang-orang muslim sejak dulu lagi, dan dalam (Al Quran) ini, Rasul itu menjadi saksi ke atas kamu dan kamu menjadi saksi atas segenap manusia, maka dirikanlah sembahyang, tunaikan

zakat. dan berpeganglah kamu pada tali Allah. Dia adalah Pelindungmu, maka Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong.

Dalam zaman kebangkitan Islam kini, tiada alasan untuk merasa susah untuk kembali pada Al Quran dan Sunnah dan, untuk berjihad di jalan Allah. Allah sudah hidupkan kembali agama-Nya di akhir zaman ini. Sudah mula tertegak satu masyarakat Islam contoh di negara kita. Yakni suasana hidup mirip masyarakat salafus soleh. Sudah bermula pendidikan Islam yang mengutamakan iman dan akhlak serta jihad fisabilillah agar tertegaknya hukum Allah di muka bumi ini. Sudah mula berjalan ekonomi dan muamalah Islam yang bersih dari riba, tipuan dan penindasan. Sudah mula tertegak sistem perubatan Islam yang bersih dari maksiat dan kekufuran.

Sudah mula terbangun faktori-faktori (kilang-kilang perusahaan) Islam yang mengutamakari bahan bemilai dan suci menurut syariat. Sudah mula diusahakan pertanian, pentemakan, jahitan, masakan dan kerja tangan yang pelaksanaannya disesuaikan dengan syariat. Sudah mula keluar media masa yang bemilai iman dan Islam. Sudah mula berlaku sistem munakahat iaitu nikah kahwin dan kenduri-kendara menurut Islam.

Sudah mula nyata pakaian dan pergaulan cara Islam. Sudah kelihatan akhlak dan ukhwah yang dikehendaki oleh Islam. Sudah mula berdiri ibadah dan aqidah Islam yang kesannya mencetuskan syiar Islam dan kehidupan. Itu ertinya sudah mula tertegaklah Al Quran dan Sunnah dalam kehidupan, dengan kehendak Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin muslimat yang mulia:

Allah sudah takdirkan Islam itu tertegak di negara kita. Di sebelah

Timur sejarah Islam sedang bermula untuk kali keduanya. Hanya ia masih kecil. Cukup untuk sekadar jadi contoh. Tepat sekali perkataan (ramalan) Rasulullah bahawa di akhir zaman, Islam akan tertegak dari sebelah Timur.

Ini berita baik untuk kita. Allah memilih orang Malaysia, orang Timur untuk membawa Islam di akhir zaman. Bersyukurlah kita sebanyak-banyaknya kerana anugerah ini. Terimalah dengan lapang dada dan rendah diri.

Ingat firman Allah, surah An Nashr ayat l-3:

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ○ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي
دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ○ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ○

Terjemahannya: Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, dan kamu lihat manusia masuk ke dalam agama Allah dengan berbondong-bondong. Maka bertasbihlah memuji Allah dan mohon ampunlah kepada-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Menerima taubat.

Mari sama-sama kita sokong perjuangan dan kebangkitan ini, dengan berkorban dan bekerja keras untuknya. Supaya masyarakat kecil ini jadi bertambah besar, bertambah luas dan merata ke seluruh dunia. Lagi cepat kita bertindak, bertambah cepat lagilah proses kebangkitan ini jadi sempuma dan berjaya sampai ke matlamatnya, insya-Allah.

Dalam suasana kebangkitan ini, usah kita berdolak-dalih dan berpcluk tubuh lagi, jangan kita cuba menentangnya. Lihat firman Allah, surah Al Hajj ayat 40-41:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ○ ٱلَّذِينَ إِن
مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ

بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Kuat lagi Maha Perkasa. Mereka adalah orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, mereka pasti mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan kepada Allahlah kembali segala urusan.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Para pendokong agama yang berbahagia:

Uslub atau metode perjuangan Islam yang tepat terdapat dalam Al Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Kita baru saja menyelesaikan (khatam) bacaan Quran, iaitu dalam bulan Ramadan yang baru berlalu. Tentu masih hidup dalam ingatan kita bagaimana Quran mengajar kaedah dan cara-cara yang sepatutnya untuk kita hidup dan berjuang. Maka atas landasan itulah kita bangun berjuang. Jangan kita menyimpang dari landasan, takut nanti yang dikejar tak dapat, yang dikendung berciciran. Rugi dunia akhirat.

Lihatlah kehendak Allah dalam surah Ali Imran ayat 112:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Terjemahannya: Akan ditimpa kehinaan di mana saja kamu berada, kecuali kamu melakukan hablumminallah dan hablumminannas.

Maksudnya kita wajib melakukan ibadah untuk Allah dan menghubungkan diri dengan sesama manusia (kerana Allah). Meninggalkan salah satu atau kedua-dua sekali bererti neraka dunia dan akhirat.

Hal ini hendaklah kita perhati benar-benar supaya teknik perjuangan kita itu betul-betul teknik yang diajarkan oleh Islam. Jangan berlaku pada kita, berjuang Islam tapi metode bukan Islam, dipinjam dari orang yang bukan Islam. Kerana hasilnya juga nanti, tentu bukan seperti yang diharapkan.

Akhimya, doa mendoalah kita agar kekuatan yang kita perolehi dari Ramadan tahun ini, akan berguna untuk menjayakan cita-cita kita yang ingin menjadi seorang hamba dan juga seorang khalifah Allah di bumi.

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِىْ، يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ أٰمَنُوْ صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِىْ الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ

اَللّٰهُمَّ انْصُرْ جُيُوْشَ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَسَاكِرَ الْمُوَحِّدِيْنَ وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالرَّافِضَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اَللّٰهُمَّ

اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتْ إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعْوَاتِ
وَقَاضِي الْحَاجَاتِ. رَبَّنَا آتِنَا فِىْ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى
الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

دَعْوَاهُمْ فِيْهَا سُبْحَانَكَ اَللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلاَمْ وَآخِرُ
دَعْوَاهُمْ اَنِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

وَبِاللهِ الْهِدَايَةِ، وَالتَّوْفِيق اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

UTBH IDIL D

1 KEMUNCAK UJIAN DAN MEHNAH DARI-PADA ALLAH

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّهِ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ اِلى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد:

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله سبحانه وتعالى:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأَنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوْبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوْا إِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَاكُمْ

وَقَالَ اَيْضًا : فَلْيَنْظُرِ الاِنْسَانُ مِمَّا خُلِقَ، خُلِقَ مِنْ مَاءٍ دَافِقٍ يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ.

وَقَالَ اَيْضًا: أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ مِنْ مَاءٍ مَهِيْنٍ.

وقال فِيْ مَكَانٍ آخَرِ: وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِيْ فَإِنَّ لَهُ مَعِيْشَةً ضَنْكًا

وَقَالَ اَيْضًا : إِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ اَتْقَاكُمْ

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Hat-i ini adalah hari raya dan hari ini merupakan hat-i yang mulia, juga merupakan hari gembira atau Hari Bushra atau hari di mana kita dapat mengingati sebahagian daripada umat Islam yang bernasib baik dan beruntung kerana mereka mempunyai kelebihan rezeki dari Allah SWT. Rezeki yang dapat ditinggalkan untuk keluarga dan rezeki untuk di bawa dalam berbekal kerana menunaikan fardu haji di tanah suci. Jadi hari ini kita dapat mengingati sebahagian umat Islam yang bernasib baik kerana dapat mengerjakan haji di tanah suci. Ibadah haji adalah merupakan rukun Islam dan ibadah haji juga, merupakan kemuncak daripada keseluruhan ajaran Islam.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Mereka yang dapat mengerjakan ibadah haji di tanah suci bukan sahaja dapat mengejakan kemuncak daripada ajaran Islam tapi mereka **juga** berhadapan dengan kemuncak hikmah. Asalkan sewaktu pergi itu jiwa mereka membawa bekalan-bekalan yang bersih, yang halal dan yang diredhai Allah SWT. Asalkan jiwa raga dan fikiran mereka dapat ditumpukan benar-benar di dalam ibadah haji dan dapat memikirkan kebesaran Allah apabila mereka melihat alam sekeliling di sekitar tanah suci itu.

Jadi, mengerjakan haji bukan sahaja mengerjakan kemuncak ajaran Islam; tapi hati berhadapan dengan kemuncak hikmah. Kemuncak hikmah yang saya maksudkan ialah dapat mengingati, dapat merasai serta dapat menghayati peristiwa-peristiwa yang pemah berlaku ataupun yang sedang berlaku, yang dialami oleh mereka yang mengejakan haji. Di antara hikmah-hikmah itu ialah dapat mengingati mereka yang mengerjakan ibadah haji, terutama waktu-waktu berhimpun dan berkumpul di padang Arafah; suatu padang yang penuh sejarah, suatu padang yang mempunyai suatu peristiwa besar. Peristiwa pertemuan di antara datuk nenek kita yang pertama iaitu Nabi Adam a.s. dan Siti Hawa.

Padang Arafah itu pula dibanjiri oleh kalau zaman kita ini, bukan sahaja ratusan ribu bahkan jutaan manusia dari seluruh pelusuk dunia, daripada bermacam-macam wama kulit, yang datang dari timur dan barat dan yang datang dari selatan dan utara. Ada yang datang dengan kenderaan, ada yang datang melalui udara, ada yang datang secara berjalan kaki, ada yang datang dari jauh dan ada yang datang dari dekat. Berhimpun di Padang Arafah itu dengan pakaian yang seragam berwama putih. Seolah-olah kita terutama yang berada di sana, mengingati bayangan Mahsyar. Mahsyar merupakan tempat yang tidak dapat tidak kita mesti menuju ke sana. Perhimpunan di Padang Mahsyar ini merupakan perhimpunan besar yang akan berlaku selepas manusia dimatikan.

Jadi, peristiwa di Arafah itu membayangkan peristiwa yang akan berlaku di Padang Mahsyar di mana kita tidak kenal lagi mana yang kaya dan mana yang miskin, tidak kenal lagi mana raja dan mana rakyat jelata, tidak kenal lagi mana yang berkuasa dan mana yang dikuasai, tidak kenal lagi mana alim dan mana yang jahil, dan tidak kenal lagi mana yang ada jawatan dan mana yang tidak mempunyai jawatan. Ertinya manakala berhadapan dengan Allah manusia ini adalah sama belaka. Sama sahaja darjatnya, tidak ada lebih dan tidak ada kurang. Kecuali sepertimana yang Allah telah nyatakan kepada kita. Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah adalah yang paling berraqwa.

(AI Hujurar: 13)

Perbezaan manusia di sisi Allah sama ada di dunia lebih-lebih lagi di akhirat adalah sifat taqwa ataupun amal solehnya. Pangkat tidak menjadi pembeza, cantik tidak menjadi pembeza, jawatan tidak menjadi pembeza, pandai, pintar, cerdik, alim tidak menjadi pembeza di antara manusia di sisi Allah. Perbezaan di antara manusia di sisi Allah ialah taqwa. Saya ulangi lagi:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahannya: Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah itu adalah yang paling bertaqwa.

(Al Hujurat: 13)

Sesiapa yang paling bertaqwa, itulah orang yang paling dekat dengan Allah. Siapa yang paling bertaqwa, itulah orangnya yang paling dikasihi dan dicintai oleh Allah SWT.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari hadirin yang dihormati sekalian:

Mengapa kaya dengan miskin tidak dianggap perbezaan? Alim dan jahil tidak dianggap perbezaan, yang berkuasa dan yang dikuasai tidak dianggap perbezaan, yang cantik dan yang buruk tidak dianggap perbezaan antara manusia? Perkara-perkara yang dinyatakan tadi kecuali sifat taqwa tak dianggap perbezaan kerana manusia ini sama ada keturunannya, sama ada kejadiannya yang pertama mahupun kejadiannya yang kedua, adalah sama belaka. Tidak ada perbezaan di antara satu sama lain. Semua manusia ini, di semua peringkat dan darjatnya adalah berasal daripada Nabi Adam a.s dan Siti Hawa dan semua manusia ini asalnya yang pertama adalah dari tanah. Tanah yang hina dan dan yang dipijak-pijak. Dan kejadian manusia yang kedua juga adalah sama, daripada air mani yang hina. Saya ulangi lagi, dari air mani yang hina. Dan keadaan manusia sama ada yang kaya, yang miskin, yang pandai, yang bodoh, yang cantik, yang hodoh, yang berkuasa mahupun yang dikuasai; kalaulah tidak makan, akan sama-sama berhadapan dengan kelaparan. Kalau sama-sama tidak minum, akan sama-sama pula berhadapan dengan kehausan. Jadi ertinya manu-

sia ini adalah merupakan sebuah keluarga besar sambung bersambung daripada Nabi Adam a.s dan Siti Hawa sehinggalah kepada kita ini dan akan disambung oleh zuriat-zuriat kita selepas ini nanti.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Kalaulah manusia, sedar hakikat ini, yang mana kepentingan manusia adalah sama, sama keturunannnya, sama kejadiannya maka lojiknya tidak berlakulah di atas muka bumi Tuhan ini saling jatuh menjatuhkan, kata mengata, kuasa-menguasai, rosak-merosakkan, dan berlumba-lumba untuk mengatasi di antara satu sama lain kerana kita tidak mempunyai sebarang perbezaan dan kerana keturunan kita adalah sama. Kejadian kita adalah sama dan kita ini merupakan satu keluarga yang besar, berasal dari datuk nenek yang sama.

Sungguhpun begitu, terjadi juga perpecahan, terjadi pergaduhan, terjadi perbalahan, terjadi tindas menindas, terjadi kuasa menguasai, terjadi peperangan di kalangan manusia oleh kerana manusia ini terlalu mengikutkan hawa nafsu yang kehendaknya tidak bertepi dan ia tidak kenal pula dengan Allah SWT. Kerjanya semata-mata mengajak manusia berbuat jahat kecuali mereka yang dipimpin oleh Allah SWT dan ingin pimpinan dari Allah. Hanya mereka inilah yang dapat menguasai nafsunya sehingga nafsu itu dapat ditujukan kepada Allah SWT, yang Maha Pencipta dan Maha Besar. Kalau tidak, nafsu itulah yang berkuasa di atas manusia. Ia akan membawa manusia derhaka kepada Allah SWT, bertindak mengikut apa yang ia mahu kerana nafsu itu sifatnya adalah jahat sepertimana selalu disebutkan oleh Allah di dalam Al Quran:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahan: Sesungguhnya hawa nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan.

(Yusuf: 53)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Itulah dia salah satu hikmah pada kita dan terutamanya pada mereka yang mengerjakan haji iaitu menyedarkan bahawa manusia itu sama sahaja di sisi Allah. Tidak mempunyai apa-apa perbezaan, kalau adapun perbezaan, itulah sifat taqwa yang Allah jelaskan di dalam Al Quran:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa.

(Al Hujurat: 13)

Hikmah selain daripada itu ialah mereka yang menunaikan fardhu haji ke tanah suci juga dapat mengingati semula peristiwa-peristiwa orang-orang soleh yang telah lebih dahulu pergi daripada kita yang pernah menempa sejarah di tanah suci, iaitu sejarah menjadi kekasih Allah, sejarah dapat menjadi orang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah SWT. Jadi hikmah yang kedua, dapat mengingati peristiwa-peristiwa orang-orang soleh seperti Nabi Adam a.s, Siti Hawa a.h.s, terutamanya Nabi Muhammad SAW Rasul yang akhir, rasul pilihan dan yang menjadi pcmimpin kepada kita umat akhir zaman ini. Dan juga dapat mengingati para sahabat yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dalam semua bidang dan semua aspek kehidupan mereka hingga mereka men-

jadi orang-orang soleh, menjadi orang-orang bertaqwa kepada Allah SWT dan selepas Rasulullah SAW juga mereka menjadi ikutan dan menjadi contoh kepada umat Islam di sepanjang zaman. Ini telah diarahkan sendiri oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya:

اَصْحَابِىْ كَالنُّجُوْمِ اِذَا اقْتَدَيْتُمْ اِهْتَدَيْتُمْ

Terjemahannya: Sahabat-sahabarku itu laksana bintang-bintang di langit, jika kamu mengikut sahabat-sahabatku nescaya kamu akan mendapat petunjuk.

Jadi, Rasulullah SAW pemimpin kita dan para sahabat juga adalah pemimpin kita. Kalau kita ingin mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat, Rasulullah dan para sahabatlah yang menjadi ikutan kita, menjadi pemimpin kita, menjadi suri teladan kita dan menjadi cermin kita. Kita tidak boleh ikut mereka yang selain daripada Rasulullah SAW dan para sahabat walau bagaimana bijak dan pintar sekalipun, walau bagaimana hebat sekalipun, walau bagaimana berkuasa sekalipun mereka itu sebab kita telah mempunyai pemimpin; iaitu Rasulullah dan para sahabat. Sesiapa yang. mengikut Rasulullah dan para sahabat pasti akan dapat menuju satu jalan yang diredhai oleh Allah SWT, yang dijamin oleh Allah dengan mendapat syurga. Tetapi sesiapa yang mengikut pimpinan selain Rasulullah dan para sahabat pasti sesat. Orang yang sesat akan terjun ke neraka.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Inilah di antara hikmah-hikmahnya mengingati orang-orang soleh yang pemah menempa sejarah di zaman silam yang mana mereka dapat memimpin nafsu, dapat menjadi kekasih-kekasih Allah, dapat

menjadi orang-orang yang benar-benar dapat melaksanakan kehendak-kehendak Allah SWT, yang dipuji oleh Allah, yang patut menjadi ikutan kita. Ertinya manakala kita mengingati orang-orang yang soleh di antaranya sepertimana yang telah saya nyatakan tadi sepertilah kita mengingati pengorbanan mereka, sepertilah kita mengingati kesabaran mereka, ertinya kita mengingati tawakal mereka, ertinya kita mengingati bagaimana rasa persaudaraan mereka, ertinya kita mengingati semangat jihad mereka, ertinya kita mengingati bagaimana redhanya mereka dengan ketentuan Allah, ertinya kita mengingati bagaimana mereka menjadi orang yang bersyukur kepada Allah SWT dengan apa saja nikmat yang Allah anugerahkan kepada mereka. Maka sifat-sifat redha, syukur, sabar, tawakal, semangat jihad, semangat pengorbanan yang telah dapat mereka miliki sehingga menjadi pakaian mereka, ini yang patut kita ambil iktibar dan patut kita rasakan dalam jiwa kita sehingga itu akan kita jadikan pakaian diri kita. Mudah-mudahan kita menjadi kekasih-kekasih Allah, moga-moga kita juga menjadi orang yang diredhai Allah, moga-moga kita juga akan menjadi orang yang dipuji oleh Allah. Walaupun kita tidak disebut di dalam kitab tetapi Allah tetap memujinya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Selain daripada itu ada hikmah-hikmah yang lain lagi. Mereka-mereka yang mengerjakan haji ke tanah suci di Makkatul Mukarramah, ertinya mereka berhadapan dengan kemuncak ujian, kemuncak mehnah dari Allah, kemuncak bala bencana daripada Allah. Kalaulah manusia yang pergi menunaikan haji itu diterima dengan jiwa yang bersih, ertinya mereka menerima tarbiah dari Allah, ertinya mereka menerima didikan terus daripada Allah SWT yang akan menjadikan mereka orang yang bertaqwa dan orang yang soleh. Kerana mereka mengerjakan ibadah haji ke tanah suci akan

berhadapan dengan bermacam-macam kesusahan. Kesusahan dalam masa pergi dan balik, kesusahan berhadapan dengan cuaca yang. ada di sana. Kadang-kadang tidak menyenangkan kita, kadang-kadang menyusahkan kita, kadang-kadang mengganggu kita sewaktu mengerjakan ibadah kepada Allah SWT. Begitu juga berhadapan dengan ujian diwaktu itulah kadang-kadang harga barang melambung tinggi, harganya dinaikkan berganda-ganda daripada harga yang biasa, ini juga merupakan ujian daripada Allah SWT selain daripada menerima ujian-ujian yang lain-lain lagi, kita sudah tidak dapat pastikan. Siapa yang pergi menunaikan ibadah haji, mereka akan tahu dan sedar sendiri apakah ujian-ujian selain daripada apa yang saya katakan tadi yang berhadapan dengan mereka. Ujiari-ujian yang berlaku di sana tidak sama dengan ujian-ujian yang berlaku di sini. Kalau di sini kita berhadapan dengan 3 ujian, mungkin di sana kita berhadapan dengan 100 ujian. Jadi ertinya orang yang mengerjakan ibadah haji itu bukan sahaja berhadapan dengan kemuncak ajaran Islam tetapi juga berhadapan dengan kemuncak ujian dari AlIah SWT, untuk menguji hamba-hamba-nya benarkah hamba-hamba-Nya cinta kepada Allah, benarkah hamba-hamba-Nya itu mencari keredhaan Allah. ,

Jadi ujian-ujian yang berat itu merupakan tarbiah secara langsung dari ,Allah untuk, meningkatkan peribadi manusia ini daripada jahat kepada baik, daripada kurang baik kepada yang lebih baik lagi. Daripada yang kurang nilai kepada kepada yang lebih bernilai lagi. Tetapi orang yang dapat merasai ujian yang begitu bet-at yang bermacam-macam bentuk dan rupa adalah orang yang hatinya suci, hatinya bersih, hatinya sentiasa mengingati kebesaran Allah SWT dan faham mengapa Allah timpakan bermacam-macam mehnah dan ujian ataupun bala -bencana itu kepada dirinya sendiri. Tetapi mereka-mereka yang pergi hanya membawa badan, tidak membawa hati yang bersih, hatinya tidak merasai kebesaran Allah di samping tidak faham mengapa Allah timpakan sesuatu terhadap dirinya. Maka orang itu akan sentiasa mengeluh, orang itu akan berkeluh kesah, orang itu tidak akan sabar, orang itu tidak akan dapat merasai redha di atas apa yang AlIah timpakan kepadanya

dan orang itu kadang-kadang, kalaupun mulutnya tidak berkata tetapi terasa dalam hatinya bermacam-macam penyesalan kerana telah pergi daripada tempat yang jauh, telah mengorbankan Wang ringgit yang begitu banyak, yang telah meninggalkan anak, isteri dan keluarga tiba-tiba didatangkan ujian oleh Allah kepadanya dengan ujian-ujian yang berat dan bermacam-macam jenisnya pula. Maka malanglah mereka ini. Mereka ini bukan mendapat keredhaan Allah, bukan mendapat keampunan dari Allah. Tapi mereka ini balik membawa dosa, mereka ini balik membawa kemurkaan Allah ataupun ghadab daripada Allah SWT. Mereka ini adalah orang yang paling malang sekali, malang kerana sudah berhadapan dengan kesusahan', malang kerana masa telah dikorbankan, namun Allah tidak menilai ibadah mereka, namun Allah tidak memberi apa-apa nilai sepertimana hasil daripada ibadah mereka itu.

Jadi mereka yang mengerjakan ibadah haji itu sepertimana yang telah saya katakan tadi merupakan kemuncak rukun Islam ataupun kemuncak ajaran Islam itu di samping berhadapan dengan bermacam-macam hikmah dan hikmah-hikmah itu kalau dapat dirasai serta dapat dihayati di dalam jiwa setiap yang pergi itu ertinya mereka-mereka yang menunaikan haji itu manakala balik ke negeri masing-masing ataupun balik ke kampung masing-masing maka akhlaknya bertambah daripada biasa. Ertinya manakala mereka balik nanti suasana diri mereka sudah berubah daripada tidak sabar-kepada sabar, daripada tidak redha kepada redha, daripada tidak syukur kepada syukur, daripada tidak tawadhuk kepada tawadhuk, daripada tidak bertawakal kepada bertawakal, daripada tidak bertaqwa kepada bertaqwa.

Jadi ertinya, mereka mengerjakan ibadah haji itu ada membawa kesan baik manakala balik ke negeri atau ke kampung masing-masing. Mereka membuat perubahan daripada tidak baik kepada baik, daripada kurang baik kepada lebih baik dan daripada kurang nilai kepada yang lebih bemilai. Sebab itulah sekiranya mereka yang mengerjakan haji dapat menunaikan hajinya lahir dan batin selaras dengan kehendak yang kehendaki oleh Allah serta dapat

pula membawa balik hikmah-hikmahnya yang sebahagiannya seperti yang telah saya sebutkan tadi maka ertinya mereka balik dalarn keampunan dari Allah, mereka balik dalam keadaan bersih dari dosa, mereka balik dalam keadaan seolah-olah baru lahir daripada perut ibu: Mereka tidak membawa apa-apa dosa. Dan sebab itu ada keterangan hadis daripada Rasulullah SAW :

اَلْحَجُّ الْمَبْرُوْرُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ اِلاَّ الْجَنَّةُ - او كما قال

Terjemahannya: Haji yang mabrur (haji yang diterima oleh Allah) itu tidak ada balasannya melainkan syurga.

Ini kerana semasa mengerjakan ibadah haji mereka dapat membuat peningkatan diri daripada tidak baik kepada baik, daripada kurang kepada yang lebih baik, daripada orang derhaka kepada Allah menjadi orang yang taat kepada Allah. Dan bertuahlah mereka yang membawa balik hal keadaan dosa mereka bersih dan bertuahlah mereka-mereka yang balik memperolehi haji mabrur dan dapat hadiah dari Allah iaitu syurga Allah.

Saudara-saudari para hadirin yang dihonnati sekalian:

Itulah dia sebahagian daripada hikrnah-hikmah bagi orang yang pergi mengerjakan ibadah haji dengan membawa harta serta jiwa yang bersih, dan faham apa yang Allah timpakan kepada diri serta dapat menghayati apa-apa yang pemah berlaku ataupun yang sedang berlaku di tanah suci itu.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ

KHUTBAH 2

الله اكبر (٧ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالشُّكْرُ لِلّٰهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ

اما بعد

قال الله تعالى :

اِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلاَّ وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Saudara-saudari pada hadirin yang dihormati sekalian:

Syukur kita kepada Allah SWT syukur yang tidak terhingganya kerana dengan izin-Nya dapat berhimpun, dapat bertemu, dapat bersilaturrahim, serta dapat bersama bersembahyang sunat 2 rakaat Aidul Adha di pagi ini dan selepas itu kita diberi peluang oleh Allah SWT mendengar khutbah-khutbah yang sedikit sebanyak ada kebenarannya. Moga-moga kita dapat memimpin diri kita. menuju kepada apa yang Allah kehendaki.

Jadi oleh yang demikian saudara-saudari yang dihormati sekalian, dalam perhimpunan kita ini dan pada pagi yang mulia ini, pagi hari raya ini, pagi yang merupakan hari gembira ini, yang kita masih lagi dihidupkan oleh Allah SWT; marilah kita mengambil peluang mengingati dosa-dosa kita dengan Allah mahupun dosa kecil, dosa lahir mahupun dosa kita sesama makhluk, terutama dosa kita sesama manusia. Dosa yang telah kita lakukan pada masa yang sudah dengan bermacam-macam bentuk, dengan bermacam-macam sifatnya, dengan bermacam-macam caranya. Ada dosa mata, ada dosa mulut, ada dosa telinga, ada dosa tangan, ada dosa kaki, ada dosa hati. Dosa-dosa ini, merupakan hijab di antara kita dengan Allah. Dosa inilah pendinding di antara kita dengan Allah dan dosa inilah yang menjadikan kita tidak dapat maqam, tidak dapat kedudukan di sisi Allah SWT. Dosa-dosa inilah yang menjadi

penghalang kepada kita daripada menjadi kekasih Allah. Dosa-dosa inilah yang menjadi penghalang kepada kita untuk kita menjadi orang yang soleh ataupun orang yang bertaqwa kepada Allah SWT. Dosa-dosa inilah yang merupakan hijab kepada kita sehingga kita tidak dapat pimpinan dari Allah. Kalau kita biarkan berpanjang-panjangan kita akan hidup di semua aspek kehidupan kita di dalam kesesatan. Dan ada kemungkinan kita akan mati di dalam kesesatan, maka tempatnya tidak lain melainkan nerakalah. ***Waliyazubillah.***

Jadi disebabkan itulah di hari baik bulan baik ini, di pagi yang mulia ini, kenalah kita koreksi diri kita. Apakah dosa-dosa yang kita telah lakukan sesama kita, sesama makhluk ini? Apakah dosa besar dan dosa kecil yan telah kita buat, apakah dosa lahir dan dosa batin yang telah kita lakukan. Dan hendaklah kita merasakan di dalam hati, kita menyesal dengan dosa itu. Ada keterangan daripada sabda Rasulullah SAW:

اَلنَّدَمُ تَوْبَةٌ

Terjemahannya: Rasa menyesal itu dianggap bertaubat

Jadi kita mestilah merasa dukacita di atas kesalahan kita. Kita mesti merasa sedih di atas kesilapan-kesilapan kita dan kita mesti merintih dan menangis atas dosa-dosa yang telah kita buat. Merintih dan menangis di dalam hati kita kalaupun mata belum menangis atas dosa. Menangis dengan dosa, itulah merupakan keampunan daripada Allah SWT. Sabda Rasulullah S.A.W:

اَلتَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَ ذَنْبَ لَهُ

Terjemahan: Orang yang bertaubat daripada dosa seperti orang yang tidak berdosa.

Sebab itulah di waktu kita hidup lagi hendaklah kita mengambil peluang'sentiasa bertaubat, sentiasa menyesal, sentiasa bersedih di atas dosa kita. Dengan selalu bertaubat, selalu bersedih, selalu

berdukacita dengan dosa-dosa itu. Itu ertinya kita selalu bertaubat kepada Allah dan moga-moga Allah menerima taubat kita.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihonnati sekalian:

Selain dari itu pada pagi ini marilah kita mengingati mati, kerana mati itu datang tiba-tiba.

اَلْمَوْتُ يَأْتِيْ بَغْتَةً

Terjemahannya: Mati itu datang tiba-tiba

Mati itu datang kepada kita tidak diberitahu terlebih dahulu dan mati itu datang kepada kita tidak ada tanda, tidak ada alamat. Kita kadang-kadang menyangka sakit itulah yang boleh menyebabkan mati tetapi berapa banyak orang yang tidak sakit, mati juga. Kadang-kadang tidak sakit, mati dilanggar kereta, disebabkan jatuh dan lain-lain lagi. Jadi mati ini datang kepada kita, kita tidak tahu, dia datang tiba-tiba dan tidak ada tanda-tandanya terlebih dahulu. Jadi oleh sebab itulah kita mesti sentiasa bersedia untuk mati. Bersedia untuk mati itu maksudnya kita sentiasa menambah amal bakti kita kepada Allah dan amal taqwa kita kepada Allah dari masa ke semasa. Kita menambah-nambah amal soleh amal bakti kita kepada Allah itulah ertinya kita mengingati mati dan sebab itulah bekalan kita untuk menghadapi mati. Firman Allah S.W.T:

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ

Terjemahannya: Hendaklah kamu membawa bekal dan sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa.

(Al Baqarah: 197)

Ada keterangan dalam hadis yang maksudnya lebih kurang,

أَكْيَسُ النَّاسِ أَكْثَرُهُمْ ذِكْرًا لِلْمَوْتِ وَأَشَدُّهُمْ اسْتِعْدَادًا لَهُ

Terjemahannya: Orang yang paling cerdik itu ialah orang yang selalu mengingati mati serta bersedia membuat kerja-kerja untuk faedah selepas mati.

Walaupun mereka tidak ada degree, tiada kelulusan dan tidak mempunyai ilmu yang tinggi tetapi itulah mereka yang cerdik. Tetapi mereka yang lalai dengan mati dan tidak mahu memikirkan mati serta merasai ingin hidup di dunia ini, namun tidak juga boleh hidup lama di dunia serta tidak dapat bekerja dan mengusahakan amalan-amalan yang menjadi bekal selepas mati, maka itulah yang dikatakan orang yang paling bodoh, paling jahil, dan paling kecewa. Walaupun mereka ada degree, mempunyai kelulusan, sudah digelarkan profesor-profesor yang bertaraf antarabangsa sekalipun, , kalau mereka melupakan mati dan tidak bersedia untuk mati serta tidak membuat kerja-kerja sebagai bekalan selepas mati, maka mereka itulah yang dikatakan orang yang jahil. Kalau profesor, profesor yang jahillah namanya.

Jadi sebab itulah mengingati mati itu penting, mengingat mati adalah ibadah. Orang yang mengingati mati, dia akan didorong untuk buat amal kebajikan sebab kebajikan itulah merupakan bekalan selepas mati,

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari para hadirin yang dihormati sekalian:

Selain daripada itu di waktu kita ada kesempatan bertemu dan berkumpul berhimpun di pagi hari raya yang mulia ini, maka marilah kita sekali lagi sepertimana biasa di dalam pertemuan-pertemuan kita di hari-hari raya seumpama pagi ini, bermaaf-maafan di antara satu sama lam. Kerana telah selalu kita perkatakan, manusia ini tidak lekang daripada melakukan kesilapan dan kesalan lebih-lebih kita yang bergaul. Semakin banyak kita bergaul, semakin banyak kita melakukan kesalahan. Semakin banyak kita bergaul makin banyaklah kita melakukan kesilapan sama ada kita sedar ataupun tidak. Dan dengan sebab itulah di dalam masa kita dapat berkumpul dengan izin Allah pada pagi yang mulia ini, di pagi raya ini, marilah kita mengambil kesempatan sekali lagi seperti mana di hari-hari raya yang biasa yakni yang sudah-sudah, kita bermaaf-maafan di antara satu sama lain.

Kesalahan kita sesama kita, akan berpanjangan sampai di hadapan Allah SWT dan kita akan dihadapkan di dalam mahkamah. Jadi sebab itulah pada pagi ini Allah telah member-i kesempatan kepada kita. Oleh sebab kita dapat bertemu dan berkumpul di pagi yang mulia ini eloklah kita bermaaf-maafan di antara satu sama lain. **Dan saya sendiri, yang memimpin saudara-saudari selama ini, yang tentulah banyak kelemahan-kelemahan dari saya, banyak kesalahan-kesalahan dari saya, lebih-lebih lagi yang banyak bercakap ini kerana orang yang banyak bercakap ini katanya banyak; jadi tentulah di samping saya banyak bersalah kepada Allah tentulah banyak bersalah kepada saudara-sudari semua yang merupakan anak-anak saya. Walaupun saya ini agak belum tua, agak muda juga kerana sebaya dengan sesetengah saudara, tetapi oleh kerana saudara-saudari telah memberi kepercayaan kepada saya sebagai pemimpin saudara-saudari, ertinya saya ayah di dalam perjuangan atau jemaah ini ataupun ayah di dalam Darul Arqam ini. Jadi saya mintalah kepada anak-anak semua agar dapat memaafkan kesilapan dan . kesalahan saya terhadap saudara-saudari semua sama ada saya**

sedar ataupun tidak. Moga-moga saya berhadapan dengan Allah nanti dengan membawa diri saya lahir dan batin dalam suasana yang bersih daripada dosa.

اَللّهُمَّ انصُرْ جُيُوْشَ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَسَاكِرَ الْمُوَحِّدِيْنَ وَأَهْلَكَ الْكَفَرَةَ وَالرَّافِضَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنَ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اَللّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَمَزِّقْ جَمْعَهُمْ وَقَلِّلْ عَدَدَهُمْ وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ وَأَنْزِلْ عَذَابًا أَلِيْمًا عَلَيْهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

اَللّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيْ يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاَحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ الْقُرْبى وَيَنْهى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

2 PENGAJARAN YANG MELAHIRKAN MUKMIN SEJATI

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ

الاَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمْ

اما بعد:

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله تعالى في كتابه العزيز:

أَحَسِبَ النَّاسُ اَنْ يُتْرَكُوْا اَنْ يَقُوْلُوْا آمَنَّا وَهُمْ لاَ يُفْتَنُوْنَ

وقال أيضا:

اِنْفِرُوْا خِفَافًا وَثِقَالاً وَجَاهِدُوْا فِي سَبِيْلِ اللهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ

وقال أيضا

مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُوْنَ. صدق اللهُ العظيمُ.

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati sekalian:

Syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana hari raya haji telah tiba lagi kepada kita dan kita pada pagi ini dengan izin dan inayah Allah telah dapat bersama-sama berhari raya, bersembahyang, bertakbir, bertasbih, bertahmid dan berdoa kemudian kita susuli pula dengan khutbah. Moga-moga khutbah ini dapat diteruskan dan dimanfaatkan bersama-sama.

Pada pagi ini kita menyambut hari raya haji atau hari raya korban atau Idul Akbar. Hari Raya yang sama-sama kita rayakan/ besarkan/hormatkan kerana itulah yang kita buru pada pagi ini berhubung dengan sejarah besar yang terjadi dalam Islam. Sejarah yang boleh kita ambil pengajaran, mengandungi hikmah, diambil iktibamya kerana memperingati di antaranya pertemuan datuk kita pertama, Nabi Adam dan nenek kita yang pertama, Hawa. Allah mempertemukaan mereka berdua di Padang Arafah setelah Allah pisahkan selama 40 tahun. Dan juga memperingati sejarah bagaimana seorang bapa kerana cintakan dan membesarkan Tuhannya iaitu Nabi Ibrahim a.s sanggup mengorbankan anaknya tapi Allah menggantikannya dengan seekor kibas. Dan juga kita memperingati bagaimana seorang anak membesarkan Tuhannya, cinta dan kasih, kerana bersyukur kepada Tuhan sanggup dirinya dikorbankan dan kerana taat pada ayahnya, kerana taat kepada Allah. Tapi dengan kasih sayang Allah tidak dijadikan tapi digantikan dengan seekor kibas.

Kita juga memperingati sejarah di mana seorang isteri yang begitu taat kepada Allah dan suaminya sanggup dipisahkan di suatu tempat yang kering-kontang yang tiada manusia, tidak ada makan minum iaitu Siti Hajar, isteri Nabi Ibrahim a.s. Ia diletakkan di Mekah, ketika Nabi Ibrahim a.s di Palestin; di mana jarak antara Mekah dan Palestin agak jauh. Perjalanan dengan menaiki unta memakan masa sebulan. Dengan penuh tawakkal dan menyerah diri dia sanggup berpisah dengan suaminya. Begitu juga pengorbanan seorang suami yang sanggup berpisah sementara dengan isterinya.

Begitu juga pada ‘hari raya ini kita memperingati sejarah Nabi Ismail sanggup disembelih untuk dikorbankan oleh ayahandanya Nabi Ibrahim demi untuk mematuhi arahan Tuhannya. Di waktu itu syaitan datang membawa rasa was-was tetapi halangan itu dapat dihadapi oleh Nabi Ismail.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara hadirin yang dihormati sekalian:

Banyak perkara yang boleh kita ambil pengajaran darinya. Di dalam cerita tadi ada tiga perkara yang boleh kita jadikan panduan dalam hidup kita:

1) Sanggup berkorban kerana Allah
2) Sanggup menerima ujian-ujian walau bagaimana bentuk sekalipun.
3) Sanggup melawan syaitan dan hawa nafsu yang merupakan musuh batin yang menghalang dari berbakti kepada Allah.

Syaitan dan nafsu adalah dua musuh batin yang lebih jahat dari musuh lahir, orang-orang kafir. Firman Allah swt:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.

(Yusuf: 5)

Tentang nafsu Allah berfirman:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: Nafsu itu mengajak manusia ke arah kejahatan.

(Yusuf: 53)

Melawan hawa nafsu dan syaitan setiap ketika. Jika kita gagal, kita tidak akan dapat menjadi muslim yang baik, jika berjaya kita akan dipimpin oleh Allah swt. Firman Allah:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ

Terjemahannya: Sesiapa yang berjuang pada jalan Kami. Kami akan tunjuk jalan-jalan Kami dan Allah beserta orang orang yang berbuat baik.

(Al Ankabut: 69)

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Dengan cerita-cerita yang saya bawakan tadi, itulah tiga pengajaran yang dapat kita ambil untuk menjadi mukmin yang sejati. Kita mesti meletakkan cinta hanya kepada Allah dan kemuncak cinta adalah cinta kepada Allah yang memerlukan pengorbanan seperti yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan sebagainya. Juga untuk menjadi mukmin yang baik, mestilah sanggup diuji. Allah telah mengingatkan kita:

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتۡرَكُوٓاْ أَن يَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا وَهُمۡ لَا يُفۡتَنُونَ

Terjemahannya: Apakah manusia menyangka bahawa mereka dibiarkan begitu sahaja tanpa diuji kemudian mereka berkata "kami telah beriman".

(Al Ankabut: 2)

Ujian yang menimpa kita tentulah bermacam-macam bentuk, bermacam-macam sifatnya. Adakalanya mungkin miskin, adakalanya mungkin salcit, orang kata, fitnah, berdepan dengan bencana alam, terpisah dengan orang yang kita kasihi. Tetapi ujian itu untuk menguji kita sejauh mana keimanan dan kecintaan kita. Ujian mesti kita hadapi dengan sebaik-baiknya dengan bantuaan dan pertolongan dari Allah swt. Ujian itu adalah kebaikan kepada kita.

Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ فِي الْبَلَاءِ رَحْمَةً -او كما قال

Terjemahannya: Sesungguhnya di dalam bala' ada rahmat.

Rahmat kerana Allah mengampunkan dosa kita, kalau kita berdosa, dan rahmat Allah meninggikan darjat kita kalau kita tak berdosa. Rahmat kerana Allah hukum kita di dunia dan tidak akan hukum kita di akhirat. Jadi kita mesti memandang rahmat itu dari Allah untuk berhadapan dengan ujian dan jikalau tidak menganggap itu sebagai rahmat dan kasih sayang dari Allah kita tak akan dapat berhadapan dengan ujian.

Syaitan dan hawa nafsu mesti diperangi sungguh-sungguh kerana ia menyesatkan kita. Mereka lebih utama kita perangi dari musuh lahir kita. Nafsu jangan kita jadikan kuda kerana ia akan menghalakan kita ke tempat-tempat maksiat dan mungkar. Tetapi hendaklah kita jadikan nafsu sebagai kuda yang boleh kita halakan ke tempat yang baik, biar kita tunggang dia jangan dia tunggang kita. Inilah tiga perkara jika dapat kita fahamkan, perjuangkan dan laksanakan dengan bantuan Allah swt nescaya kita dapat menjadi mukmin yang baik, berjaya mendekatkan diri kepada Allah, berjaya menegakkan hukum-hukum fardhu dan sunat dan berjaya menjauhkan larangan Allah yang berupa haram, shubhat dan makruh. Jika kita gagal untuk melaksanakan tiga perkara ini akan gagal kita menjadi mukmin yang sejati.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Bila berkorban ertinya terkorban bila terkorban mesti susah. Untuk menjadi orang mukmin kita mesti susah. Begitu juga ujian menyusahkan kita, mesti sanggup berdepan dengan orang kata. Begitu juga dengan melawan hawa nafsu akan menyusahkan kita. Jadi kita kena mujahadah. Terkorban itulah nilai di sisi Allah. Itulah harga diri manusia di mana kalau layak Allah akan memasukkan di dalam syurga-Nya. Jadi itulah di antara hikmah-hikmah yang dapat disampaikan pada pagi ini berdasarkan cerita-cerita yang ada hubungan dengan Hari Raya Haji yang kita raikan pagi ini. Semuga hikmah 'yang tiga itu dapat kita yakini dan perjuangkan. Semoga kita menjadi mukmin yang sejati dan selamat kita dari pintu neraka dan muga Allah memasukkan kita di dalam syurga.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِكْرِ الْحَكِيْمِ. اَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ

KHUTBAH 2

الله اكبر (٧ كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالشُّكْرُ لِلّٰهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللّٰهِ

اما بعد

قال الله تعالى:

اِتَّقُوْا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Sidang hadirin yang dihonnati sekalian:

Sesuai dengan suasana Hari Raya Haji, Hari Raya Korban, hari raya maha besar di sisi Allah, Rasul dan umat Islam sempena Hari Raya Korban pada pagi ini, marilah kita pasang niat untuk menyelamatkan kita dari api neraka, sejauh mana yang termampu oleh kita dan apa yang ada pada kita, korbankan untuk Allah dan untuk Rasul, untuk menegakkan Quran dan surmah. Berkorban untuk dekat kepada Allah secara rohani, secara hati bukan secara benda. Berkorban mengikut kemampuan kita. Kalau kita ada harta korbankanlah, kalau kita ada tenaga, tenagalah dan kalau kita ada ilmu, ilmulah kita korbankan, kalau kita ada masa, masalah dan apa saja yang ada pada kita korbankanlah. Berkorbanlah sungguh-sungguh agar kita menjadi mukmin yang sejati dan meningkatkan perjuangan kita sebagai mana meningkatnya. umur kita. Amal soleh, amal bakti, taqwa itulah bekalan kita.

وَتَزَوَّدُوا۟ فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ

Terjemahannya: Berbekallah dan sebaik-baik bekal adalah taqwa.

Iman dan taqwa itu bekal kita di dalam .kubur, di padang Mahsyar, di Titian Siratulmustaqim supaya kita tidak terjatuh.

Khalifah Umar Ibnu Aziz seorang khalifah di zaman Bani Umaiyah, seorang khalifah yang memerintah, seorang waras dan bertaqwa, yang pemerintahannya mengikut pemerintahan Khulafaurrasyiddin. Tindakan pertamanya semasa menjadi khalifah ialah semua harta termasuk harta bendanya menjadi milik negara. Mengikut pengakuan isterinya sendiri, sepanjang 2 tahun memerintah tak pemah ia mandi jenabah. Kerana takut ia dengan Allah tak sempat ia hendak bersama dengan isteri. Begitu hebat nya Umar ibnu Aziz. Dalam sembahyangnya selalu menangis mengenangkan dosa. Mengenangkan nasib nanti bagaimana berdepan dengan Allah, berdepan dengan mati, air matanya bercucuran dari celah-celah lantai ke bawah. Bila satu hambanya, khadamnya yang perempuan bercerita tentang mimpinya sendiri yang merupakan isyarah mimpi yang sebenar. Diceritakan kepada Umar Ibnu Aziz, ia stmgguh-sungguh mendengar.

Kata khadamnya:

"Wahai Amirulmukminin, saya bermimpi Allah memperlihatkan khalifah-khalfah Bani Umaiyah satu persatu menempuh kesusahan terjun ke neraka, ia pun menyebut namanya satu-persatu dan polan bin polan yang pemah jadi khalifah meniti titian Siratulmustaqim. Jatuh, orang kedua kemudian jatuh lagi. Wahai Amirul mukminin kemudian giliran engkau pula,"

Tak sempat ia menyebut, Umar Ibnu Aziz terjatuh dan teresak-esak takut berita tak baik menimpanya dan ia juga jatuh. Tapi tak sempat ia bertanya, diberitahu bahwa Umar Ibnu Aziz selamat. Begitu seorang yang takut dengan Allah pada hal dia seorang yang warak, bertaqwa, diakui oleh sejarah tidak ada cacatnya, bila terdengar berita mimpi terus pengsan sedangkan kita bagaimana, tak pemah rasa takut dengan dosa, tak pemah kesal. Bahkan seronok dengan dosa dan sedap sekali kalau boleh menilai kesalahan dan keburukan orang lupa menilai kesalahan diri sendiri. Kurang mengambil perhatian tentang dosa, banyak menceritakan kesalahan orang lain seolah-olah kita melupakan mujahid-mujahid yang

membangunkan Islam. Sedangkan Allah meminta kepada kita mengoreksi diri sendri. Mesti bermula dari diri kemudian keluarga dan barulah orang lain.

قُوٓاْ أَنفُسَكُمۡ وَأَهۡلِيكُمۡ نَارٗا

Terjemahannya: Peliharalah diri kamu dan ahli keluarga daripada api neraka.

(At Tahrim: 6)

Jadi di Hari Raya yang mulia ini saya ingin memperingatkan diri saya dan saudari hadirin sekelian. Korbankan apa saja yang termampu untuk Allah dan Rasul untuk keselamatan kita di akhirat semuga Allah redha dengan kita. Selain dari itu salah dan silap saya pada saudara secara sedar atau tidak sedar sempena hari baik bulan baik ini, bersamalah kita bermohon maaf dan berlapang dada memaafkan kesalahan orang kepada kita. Selain dari itu, kehidupan kita tidak ada sama yang susah, ada yang kaya dan ada yang miskin. Sekadar yang termampu diizinkan Allah berderma, bersedekah dan bergembira di haii raya ini terutama hari raya haji ini lebih panjang masanya. Hendaknya kita ambil sebanyak tiga hari saja. Boleh bertakbir sebanyak tiga hari, berbanding dengan hari raya puasa selepas sembahyang tidak ada lagi takbir.

Ada orang yang tidak bemasib baik, kita bantulah mereka semoga mereka dapat bergembira bersama.

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ الْقُرْبى وَيَنْهى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ
إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيْ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا
صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ اَلاحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ وَتَابِعْ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ بِالْخَيْرَاتِ، رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِى وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ اِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

3 PENGORBANAN MEMBUKTIKAN KEHAMBAAN

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (9 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لله وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الاَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ اَنْ لاَالَهَ الاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ سَيِّدُ الاَتْقِيَاءِ وَإِمَامُ الأُمَّةِ. اللهم فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الِهِ وَصَحْبِهِ وَتَابِعِيْهِمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد:

فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله سبحانه وتعالى:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيْمِ

1- وَجَاهِدُوْا فِيْ اللهِ حَقَّ جِهَادِهِ

2- وَقَالَ فِيْ مَكَانٍ آخَرَ: فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ

3- وَقَالَ اَيْضًا: وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ

Saudara-saudari sidang hadirin yang dihormati:

Pada pagi ini, hariraya Aidil Adha datang lagi mengunjungi kita dan kita dapat pula bersama-sama berkumpul untuk menyambut ketibaan hari yang mulia ini. Satu lagi nikmat dan rahmat dari Allah dikurniakan pada kita. Oleh itu marilah kita merasakan kurniaan

nikmat ini dengan hati kita. Marilah kita bersyukur pada Allah dan merasakan kebesaran-Nya dengan membanyakkan zikir, takbir, tasbih dan tahmid. Moga-moga kita menjadi hamba yang bersyukur. Allah berfirman ertinya:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahannya: Jika kamu berterima kasih (atas nikmat-Ku) nescaya Aku akan tambah lagi kepadamu nikmat, tetapi jika kamu kufur sesungguhnya azab-Ku amat bersangatan.

(Ibrahim: 7)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah yang berbahagia:

Hariraya bukan hari berpoya-poya dan terlonta-lonta. Bukan hari melepaskan dendam muda-mudi di majlis-majlis perjumpaan dan pergaulan bebas dengan makan minum berlebihan. Cara itu bukan cara, Islam. Orang Islam merayakan hariraya dengan cara saling ziarah menziarahi, bermaaf-maafan satu sama lain dalam suasana majlis yang penuh adab serta disiplin Islam. Inilah cantiknya hariraya. Inilah cara melahirkan rasa syukur pada Allah SWT. Tapi umat Islam hari ini, khususnya muda-mudi, tidak mengikut cara ini. Mereka meniru cara-cara orang bukan Islam berhariraya. Kesempatan bergembira di hari raya digunakan untuk melepaskan nafsu sebebas-bebasnya. Mereka mengadakan parti-parti dengan upacara pendedahan aurat, pergaulan bebas, bersalaman lelaki dan perempuan, bercumbu-cumbuan, menari dan berpeluk-pelukan. Kita boleh saksikan sendiri kejadian ini di dalam akhbar, majalah, TV, dan lain-lain media yang ghairah mempamerkan maksiat dan kekejian tersebut.

Alangkah tenatnya bangsa kita hari ini. Bila pemuda dan pemudi sudah tidak bertanggungjawab untuk membina tamadun bangsanya kerana asyik bersuka-suka, bercinta-cinta, maka masa depan bagi bangsa itu ialah kejatuhan dan kehinaan. Marilah saudara dan saudari sekalian, kita selamatkan bangsa dan negara kita dengan cara mengembalikan mereka kepada Islam. Hanya Islam satu-satunya jalan keselamatan dunia dan akhirat.

الله اكبر. الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang berbahagia:

Hari raya yang mulia ini dinamakan Hari Raya Aidil Adha atau Hari Raya Korban. Juga disebut Aidil Akbar atau Hari Raya Agung. Dan biasa juga disebut Hariraya Haji. Ketiga-tiga nama ini membawa makna dan tafsiran yang tersendiri.

Dinamakan hariraya korban kerana pada hari inilah, (beribu tahun dahulu), terjadinya satu sejarah korban yang paling agung yang mana Nabi Ibrahim a.s sanggup menyembelih anaknya sendiri, buah hatinya Nabi Ismail a.s semata-mata kerana mentaati perintah Allah. Dan Nabi Ismail pula rela disembelih kerana taat pada Allah dan untuk mencari keredhaan Allah. Inilah satu ketaatan yang tertinggi lagi agung yang pemah direkodkan oleh manusia kepada Allah SWT.

Sebaik sahaja pisau di tangan ayah mengena leher anaknya, Allah SWT yang Maha Mengasihani, menghantar seekor kibas ke tempat itu dan memerintahkan agar penyembelihan korban Nabi Ismail ditukar kepada kibas. Mengulangi sejarah ketaatan inilah maka kita meraikan hari ini dan menyembelih binatang korban.

الله اكير الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dikasihi:

Hari ini lebih dikenal sebagai hari raya haji. Ini adalah kerana pada hari ini upacara kemuncak ibadah haji sedang berlangsung di Tanah Suci Makkah al Mukarramah. Berjuta-juta orang umat Islam sedang berkumpul di tanah suci semata-mata untuk mengabdikan diri pada Allah. Mereka datang dari seluruh pelusuk dunia, menggunakan berbagai jenis kenderaan, berlainan bangsa, berlainan bahasa, warna kulit dan bermacam-macam latar belakang serta taraf hidup.

Tetapi hari ini mereka adalah satu, satu hati, satu harapan, satu tujuan dengan pakaian seragam serba putih.

Firman Allah:

وَأَذِّن فِي ٱلنَّاسِ بِٱلۡحَجِّ يَأۡتُوكَ رِجَالٗا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٖ
يَأۡتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٖ

***Terjemahannya:* Dan serulah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengenderai unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh.**

(Al Haj: 27)

Masing-masing menguruskan keperluan diri sendiri tanpa meminta bantuan orang lain. Semuanya sibuk untuk menghubungkan diri masing-masing ke hadrat Allah SWT.

Bagi mereka yang sedang menunaikan ibadah haji dan bagi kita juga, terutamanya siapa yang sudah pemah mengerjakan haji di tahun-tahun yang lalu, akan terasalah kembali pada hari ini, betapa agungnya Allah SWT. Dan semua manusia diminta memberikan penyerahan dan cinta yang paling tinggi padanya. Keadaan di waktu itu membuatkan seseorang terlupa harga dirinya, lupa segala kesenangan dunia yang dimilikinya. Benar-benar terasa bahawa kita

hanya hamba Allah, serba lemah, serba kurang dan banyak dosa. Kita datang ke dunia seorang diri tanpa iringan, tanpa harta kekayaan, tanpa sehelai pakaian. Datang ke dunia sebagai khadam untuk mengabdikan diri sepenuhnya pada Allah. Maka di hari raya haji ini kesedaran itu datang kembali, membuat masing-masing tenggelam dalam rasa khusyuk pada Allah. Dengan air mata keinsafan masing-masing memuja Allah

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ ، إِنَّ الْحَمْدَ
وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ

Terjemahannya: Kami datang kepada-Mu ya Allah kami datang, tiada sekutu bagi-Mu kerana itu kumi datang menunaikan seruan-Mu, sesungguhnya pujian itu dan nikmat itu bagi-Mu dan pemerintah itu tidak sekutu bagi-Mu.

Pada hari ini manusia diminta meletakkan Allah sebagai cinta yang paling agung. Cinta segala cinta dan bukti cinta itu ialah melakukan pengorbanan sebanyak-banyaknya. Kalau Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail sanggup mengorbankan jiwa raga kerana Allah, maka kita juga diminta membuktikan cinta pada Allah dengan melakukan pengorbanan yang besar. Korbankan masa, tenaga, harta benda, fikiran dan ilmu pengetahuan. Kena juga kita korbankan diri kepentingan dan kalau perlu jiwa raga, semata-mata untuk Allah. Orang yang benar-benar cintakan Allah tidak dapat merehatkan diri melonggokkan harta, membesarkan rumah dan berbagai-bagai perabot lebih-lebih lagi tiada kemahuan untuk bina tugu, lambang pembaziran dan patung lambang syirik.

Kalaulah seseorang masih mempertahankan rumah besarnya dan perabotnya serta menimbunkan hartanya, maka cintanya adalah dipersoalkan. Sebab seseorang yang benar-benar menghambakan diri pada Allah dia akan hidup bagai hamba di dunia. Lihat Rasulullah dan para sahabat, harta benda habis diserah pada jihad fi sabililah, tidur di atas tikar daun tamar di dalam rumah dibuat daripada tanah

liat. Mereka takut diberatkan hisab di Padang Mahsyar nanti. Lihat doa Rasulullah:

اَللّٰهُمَّ اَحْيِنِيْ مِسْكِيْنًا وَاَمِتْنِيْ مِسْكِيْنًا وَاحْشُرْنِيْ فِيْ زُمْرَةِ الْمَسَاكِيْنِ

"Wahai Tuhanku hidupkan aku dalam kemiskinan, matikan daku dalam kemiskinan dan masukkan aku ke dalam syurga bersama orang miskin."

Dengan harapan keyakinan itu, baginda dan sahabat-sahabatnya menyerahkan harta benda kekayaan yang ada kepada perjuangan di jalan Allah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sidang jemaah sekalian:

Perhimpunan manusia di Makkah al Mukarramah untuk mengerjakan haji sekarang ini adalah imbasan gambaran perhimpunan agung di Padang Mahsyar nanti. Manusia dihimpunkan untuk berhadapan langsung dengan Allah.

Waktu itu tidak ada kasta-kasta lagi. Sama ada pemerintah atau rakyat, orang alim atau orang jahil, bangsawan atau *marhaen,* berpangkat atau tidak tiada beza lagi. Semuanya sama sahaja. Sama-sama terasa diri ialah barang ciptaan Allah. Berasal hanya dari setitis air yang hina. Datang ke dunia dengan satu tujuan, satu perintah. Maka pada hari itu semua dipertanggungjawabkan atas apa-apa yang dibuatnya. Kemuliaan dan kehinaan seseorang bukan lagi diukur pada bintang kehormatan, paras rupa, pada harta, pada pangkat darjat pada kuasa atau wama kulit. Hanya taqwa yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain, siapa kuat taqwanya, mulialah

ia, siapa yang lemah taqwanya maka hinalah dia. Firman Allah dalam Al Quran:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

Terjemahannya: Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah kamu yang paling bertaqwa.

(Al Hujurat: 13)

Bintang kehormatan tidak boleh menyelamatkan manusia. Kekuasaan dunia yang menjadikan dia sombong dan angkuh, menindas dan menzalim tidak dapat melindungi dirinya. Anak-anak yang berdegri dan berpangkat besar yang dibanggakan dan dimegah-megahkan tidak dapat menebusnya. Sahabat-sahabat dan kekasih-kekasihnya di dunia yang menjadikan dia lalai dari Tuhau, tidak dapat menolongnya. Isteri-isteri cantik tidak lagi dapat membentuknya. Pengawal dan pengiringnya tidak lagi dapat .menyelamatkannya bahkan senasib dengannya.

Dalam keadaan susah payah dan kebingungan itu Allah pun berfirman:

لِّمَنِ ٱلْمُلْكُ ٱلْيَوْمَ لِلَّهِ ٱلْوَٰحِدِ ٱلْقَهَّارِ

Terjemahannya: Siapa mempunyai pemerintahan sekarang? Bagi Allahlah pemerintah, Allah yang Maha Esa lagi Maha Kuasa.

(Al Mukmin: 16)

Di waktu itu tidak ada seorang pun yang berani mengangkat, muka. Tiada seorang yang sanggup berkata-kata. Hati bergelombang kerana rasa takut dan gerun. Seluruh sendi bergerak dan bergoyang bagai nak tercabut dan pecah-pecah. Benar-benar rasa terhina. Benar-benar gundah gulana memikirkan nasib ke syurgakah atau ke neraka. Firman Allah:

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ۝ وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ۝ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ۝

Terjemahannya: Pada hari ketika manusia lari dari saudaranya, dari ibu dan bapanya, dari isteri dan anak-anaknya.
('Abasa: 34-36)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari hadirin yang mulia:

Begitulah besamya hikmah haji. Sesiapa yang dapat menghayatinya cukup dengan syarat, rukun faham apa yang dibaca dan ambil iktibar dari apa yang dilihat, di sepanjang ibadah haji itu, akan menjadilah dia seorang yang benar-benar terdidik. Dari seorang yang sombong dan angkuh kepada seorang yang tawadhuk dan merendah diri. Daripada hidup mementingkan dirinya sendiri kepada berkasih sayang dan bertimbang rasa. Daripada bakhil kepada pemurah, daripada zalim dan menindas kepada pembela, daripada berakhlak buruk kepada berakhlak mulia, daripada cinta dunia kepada cinta akhirat.

Seterusnya ibadah haji dapat membentuk sifat sabar dan tabah. Satu sifat yang penting dalam mencari rezeki yang halal, dalam menegakkan hukum Allah, dalam bersahabat dan berkawan, dalam membangunkan masyarakat dan umat, dalam berhadapan dengan ujian hidup yang mencabar dan dalam menghadapi musuh-musuh. Tanpa sifat-sifat ini manusia tentu tidak sanggup melakukan usaha-usaha mulia yang disebutkan tadi.

Satu masyarakat yang dididik oleh ibadah haji adalah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri umat yang agung. Iaitu umat yang meng-

agungkan Allah, berkasih sayang satu sama lain, sabar dan tabah, berkorban, berakhlak, berjuang menegakkan hukum Allah dan syiarnya seperti yang ditempa oleh umat Islam salafus soleh, seperti yang dimaksudkan oleh Allah dalam fit-man-Nya:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahannya: Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan ke tengah manusia berfungsi mengajak manusia membuat kebaikan, mencegah daripada membuat kejahatan, sedangkan kamu beriman dengan Allah.

(Ali Imran: 110)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sidang hadhirin-hadhirat yang dihormati sekalian:

Begitulah agungnya ibadah haji. Pendidikan dan .pengajarannya cukup besar dan bererti pada umat Islam. Tapi malang, ianya tidak berlaku lagi pada jemaah haji hari ini. Kebanyakan orang-orang yang balik dari Makkah tanpa bawa apa-apa hasil (kesan) pun. Perangai sebelum pergi dan sesudah pergi sama sahaja. Begitu juga ibadah, pengorbanan dan tindakan mereka tidak pun lebih baik dari sebelumnya. Memang, waktu hajinya masih panas-panas lagi, angin Makkah masih ada dalam badan, nampak baik betul. Tapi sebulan selepas itu hilanglah segala-galanya. Balik asal. Ini tetap berlaku walaupun sudah dua tiga kali ulang-alik ke Makkah. Ibadah haji mereka bukan sahaja tidak dapat membentuk umat yang agung tapi nak dapat rumahtangga yang Islamik pun susah. Soalnya kenapa ini terjadi?

Telah disebutkan oleh seorang ulama dalam kitabnya: Bahawa di akhir zaman orang mengerjakan haji terbahagi kepada empat golongan:

Pertama: Orang miskin; Pergi ke Makkah kerana meminta sedekah (bantuan).
Kedua: Orang kaya; Pergi kerana bemiaga.
Ketiga: Raja atau pembesar-pembesar, Pergi kerana melancung .
Keempat: Orang bertakwa; Pergi kerana mengabdikan diri pada Allah.

Untuk membenarkan kenyataan ini mari kita ikuti satu lagi satu cerita yang tertulis dalam kitab *Mauizatul Mukminin* oleh Imam Ghazali rhm.

Seorang laki-laki telah datang kepada Bisyru bin Al Haris kerana ingin mengucapkan selamat tinggal lantas berkata, "Aku bercita-cita naik haji tahun ini. Tolonglah nasihatkan aku." Bisyru berkata, "Berapa banyak engkau sediakan perbelanjaannya?" "Dua ribu dirham," jawab orang itu. Bisyru berkata lagi, "Tujuan apa engkau nak mengerjakan haji ini? Adakah kerana berzuhud atau rindu kepada baitullah atau kerana mencari keredhaan Allah?" Jawab orang itu, "Kerana mencari keredhaan Allah." Bisyru berkata lagi, "Jika kamu mendapat keredhaan Allah di rumah kamu sahaja, apakah kamu akan sanggup mendermakan dua ribu dirham itu, sedangkan kamu yakin itu mendapat keredhaan Allah? Apakah kamu sanggup berbuat demikian?" "Ya saya sanggup," jawab orang itu. Kata Bisyru lagi, "Kalau begitu pergi dan berikan perbelanjaan itu kepada sepuluh peringkat orang, di antaranya orang yang mempunyai hutang untuk dia membayar hutang, pada si fakir untuk melegakan kehidupannya, dan pada orang yang mempunyai keluarga untuk membantu keluarganya. Dan orang memelihara anak yatim untuk menggembirakannya. Dan jika hati merasa kuat untuk diberikan semua sekali pada salah seorang sahaja daripada mereka itu, laksanakanlah. Kerana sesungguhnya engkau memasukkan kegembiraan di dalam hati

seseorang muslim itu dan menolong orang yang mendapat kemalangan dan melepaskan kemudharatan dan membantu orang yang lemah itu adalah lebih utama daripada 100 haji selepas haji fardhu. Berdirilah maka keluarkanlah derma itu sepertimana yang aku suruh pada engkau dan jika kamu tidak boleh melaksanakan cuba engkau ceritakan padaku apa sebenamya ada dalam hatimu." Maka orang itu menjawab, "Wahai Abu Nasir (Bisyru), hatiku lebih kuat untuk meneruskan perjalananku ke tanah suci." Bisyru tersenyum sahaja lantas dia datang pada orang itu dan membisikkan padanya, "Harta itu apabila dihimpunkan daripada kekotoran pemiagaan dan daripada syubhat, nafsu itu merangsang untuk menunaikan kehendak-kehendaknya. Maka dia pun berlakon untuk melahirkan amal-amal soleh sedangkan Allah telah berjanji ke atas dirinya bahawa dia tidak akan menerima melainkan amalan orang yang bertaqwa."

Sesungguhnya ramai para jemaah haji hari ini yang termasuk dalam cerita ini. Suasana di tanah suci sana turut menampakkan bahawa kebanyakan mereka ke sana untuk mencari keredhaan Allah. Akhlak mereka, ibadah mereka dan cara hidup keseluruhannya tidak membayangkan bahawa mereka cintakan Allah dan kalau kerana mahu cari keredhaan pada setiap masa dan di setiap tempat boleh dilaksanakan.

Puak Syiah misalnya sejak akhir-akhir ini betul-betul pergi ke Makkah untuk tujuan politik mereka. Mereka berarak menunjukkan kekuatan dan keangkuhan, mereka mengharapkan untuk mempengaruhi jemaah haji supaya takut dan ikut mereka. Siapa melawan, mereka tidak teragak-agak untuk lakukan apa saja tindakan. Kalau betullah mereka mampu untuk jadi pemimpin dunia kenapa bersikap begitu. Orang tambah takut dan benci. Sebab tanah suci bukan tempat mengamuk pada Amerika. Masjidil Hat-am bukan tempat untuk tunjuk perasaan pada Arab Saudi. Dan kalau dibuat juga maka akibamya kena tanggung sendiri.' Bukan sahaja dunia tidak iktiraf mungkin anak cucunya nanti pun kesal mempunyai ibu bapa dan datuk nenek yang demikian.

Nampaknya dunia Islam hari ini tidak mendapat apa-apa faedah kerana menghantar jemaah haji ke tanah suci. Umat Islam makin lemah, makin hina, makin kucar-kacir. Hanya satu cara yang boleh menyelamatkan mereka iaitu kembali menghayati kehidupan manusia di zaman salafus soleh, termasuk cara-cara mengerjakan ibadah haji.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ

KHUTBAH 2

اَلْحَمْدُ لله وَبِهِ نَسْتَعِيْنَ وَعَلى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ إِلى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أما بعد:

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله سبحانه وتعالى:

وَقَاتِلُوْا فِيْ سَبِيْلِ اللهِ وَاعْلَمُوْا اَنَّ اللهَ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ

(البقرة ٢٤٤)

Saudara-saudari sidang jemaah yang berbahagia:

Meraikan hari raya korban atau hari raya haji ini sepatutnya menambahkan azam dan semangat pengorbanan di dalam diri kita. Kalau Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail sanggup menyerahkan nyawa sebagai bukti kehambaan pada Allah, bagaimana dengan kita? Perintah berjuang dan berkorban sudah lama Allah turunkan. Firman-Nya:

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ○ مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَٱللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُۜطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ○

***Terjemahannya**: Dan berperanglah kamu sekalian di jalan Allah dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar*

lagi Maha Mengetahui. Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik (menajkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak dan Allah .menyampaikan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.

(Al Baqarah: 244-245)

Firman-Nya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّآ
أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا۟ ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ
وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغْمِضُوا۟ فِيهِ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ
حَمِيدٌ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, nafkah kan (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluar-kan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan 'daripadanya pada hal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya dan ketahuilah Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

(Al Baqarah: 267)

Hanya dengan pengorbanan masa, harta benda, Wang ringgit dan tenaga kita boleh membangunkan kembali masyarakat Islam yang gagah dan kaya raya. Hari ini kerana kurangnya pengorbanan maka yang nampak kaya dan berpengaruh hanyalah individu-individu Islam. Harta hanya terkumpul sebagai milik individu, bukan masya-rakat Islam sebab itu jemaah umat Islam miskin papa tiada pem-bangunan, tiada tamadun, pendek kata hidup segan mati tak mahu. Jauh beza dengan jemaah Rasulullah Tiap-tiap individu yang kaya

jadi bank kepada masyarakat, jadi sumber kewangan untuk pembangunan, perjuangan dan lain-lain kebajikan masyarakat. Tidak timbul masalah hutang dengan orang bukan Islam atau pelaburan asing atau pembinaan bank-bank Islam. Didikan Rasulullah melahirkan orang-orang kaya dan berkuasa yang menggunakan kekayaan dan kekuasaannya sebagai alat jihad fisabilillah dan pengabdian diri pada Allah SWT. Inilah satu teknik perjuangan yang paling tepat dan mulia, yang mana manusia berjuang dan berkorban bukan untuk kemasyhuran, jawatan dan elaun.

Oleh kerana mereka tidak ada apa-apa kepentingan daripada perjuangan dan pengorbanan tadi, maka amanlah masyarakat daripada tindas-menindas, dengki mendengki, tipu menipu dan jatuh. menjatuhkan. Semuanya takut kemurkaan Allah kalau mereka' berlaku tidak jujur terhadap pengorbanan dan perjuangan yang mereka lakukan. Inilah yang mesti kita contohi kalau kita ingin memperjuangkan Islam agar bangun sekali lagi.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Perjuangan juga memerlukan satu susunan program ke arah melahirkan kader-kader dan pakar-pakar di semua bidang ilmu pengetahuan. Tanpa usaha ini samalah kita dengan orang yang bercita-cita nak robohkan bukit tetapi hanya menggunakan cangkul sebatang. Sampai bila pun tak akan runtuh. Sekalipun dia bertempik sehabis suaranya untuk memberitahu orang bahawa dia akan runtuhkan bukit itu.

Sistem taghut sudah bertapak kukuh dan berakar umbi dalam masyarakat dunia hari ini, umpama satu gunung besar yang tersergam indah. Mereka cukup lengkap dengan kepakaran teknik dan

peralatan yang moden dan saintifik. Maka proses pembinaan kemajuan dan tamadun yang mereka perjuangkan berjalan licin dan ligat.

Kita bangun dengan cita-cita perjuangan mahu mencabar kegagahan perjuangan mereka, untuk diganti dengan sistem Islam. Maka seorang ustaz atau tok guru yang berjuang bersama anak muridnya menggunakan lidah dan gigi sahaja tentulah tidak cukup. Untuk menegakkan sistem pendidikan Islam kita perlukan pakar pendidikan yang mahir dengan selok belok ilmu pengetahuan berlandaskan Al Quran dan Sunnah. Yakni ulama-ulama yang berfikiran luas lagi yang berjuang. Untuk sistem ekonomi Islam pula, kita perlu 'pakar-pakar ekonomi Islam yang bertaqwa. Begitu juga dengan sistem perubatan Islam, kita perlu doktor-doktor pakar yang bertaqwa dan begitulah seterusnya untuk pertanian, pentadbiran, perundangan, perhubungan luar negeri, pakar-pakar perhubungan luar negeri untuk jadi duta serta saintis dan teknologis yang berkelayakan. Kita perlukan semuanya supaya masyarakat yang kita lagang yang benar-benar lengkap dan bertenaga. Mana boleh kita harap bangunnya sistem hidup Islam tanpa menyediakan pakar-pakar di tiap-tiap bidang profesional tadi. Dan lagi tidak logik kalau yang kita harapkan ialah tenaga kepakaran yang sedang bekerja bagi pihak musuh. Kalau pun dia sanggup tetapi apa jaminan bahawa dia tidak akan jadi gunting dalam lipatan atau duri dalam daging.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Pentingnya sistem tarbiah secara Islam untuk melahirkan ahli-ahli profesional dalam apa juga bidang, rasanya tidak payah dipertikaikan lagi. Mustahil sistem sekular dapat melahirkan orang yang kita harapkan. Atau apakah cara lagi yang boleh membina generasi pengganti kita sebagaimana yang kita inginkan? Saya rasa tanpa

Nampaknya dunia Islam hari ini tidak mendapat apa-apa faedah kerana menghantar jemaah haji ke tanah suci. Umat Islam makin lemah, makin hina, makin kucar-kacir. Hanya satu cara yang boleh menyelamatkan mereka iaitu kembali menghayati kehidupan manusia di zaman salafus soleh, termasuk cara-cara mengerjakan ibadah haji.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ

KHUTBAH 2

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ وَعَلَى أُمُوْرِ الدُّنْيَا وَالدِّيْنِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أما بعد:

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ

قال الله سبحانه وتعالى:

وَقَاتِلُوْا فِيْ سَبِيْلِ اللهِ وَاعْلَمُوْا اَنَّ اللهَ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ

(البقرة ٢٤٤)

Saudara-saudari sidang jemaah yang berbahagia:

Meraikan hari raya korban atau hari raya haji ini sepatutnya menambahkan azam dan semangat pengorbanan di dalam diri kita. Kalau Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail sanggup menyerahkan nyawa sebagai bukti kehambaan pada Allah, bagaimana dengan kita? Perintah berjuang dan berkorban sudah lama Allah turunkan. Firman-Nya:

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۝ مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافًا كَثِيرَةً ۚ وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ۝

Terjemahannya: Dan berperanglah kamu sekalian di jalan Allah dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar

lagi Maha Mengetahui. Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah pinjaman yang baik (menajkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak dan Allah .menyampaikan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.

(Al Baqarah: 244-245)

Firman-Nya lagi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِن طَيِّبَـٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّآ
أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا۟ ٱلْخَبِيثَ مِنْهُ تُنفِقُونَ
وَلَسْتُم بِـَٔاخِذِيهِ إِلَّآ أَن تُغْمِضُوا۟ فِيهِ ۚ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ
حَمِيدٌ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkan (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan 'daripadanya pada hal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya dan ketahuilah Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

(Al Baqarah: 267)

Hanya dengan pengorbanan masa, harta benda, Wang ringgit dan tenaga kita boleh membangunkan kembali masyarakat Islam yang gagah dan kaya raya. Hari ini kerana kurangnya pengorbanan maka yang nampak kaya dan berpengaruh hanyalah individu-individu Islam. Harta hanya terkumpul sebagai milik individu, bukan masyarakat Islam sebab itu jemaah umat Islam miskin papa tiada pembangunan, tiada tamadun, pendek kata hidup segan mati tak mahu. Jauh beza dengan jemaah Rasulullah. Tiap-tiap individu yang kaya

jadi bank kepada masyarakat, jadi sumber kewangan untuk pembangunan, perjuangan dan lain-lain kebajikan masyarakat. Tidak timbul masalah hutang dengan orang bukan Islam atau pelaburan asing atau pembinaan bank-bank Islam. Didikan Rasulullah melahirkan orang-orang kaya dan berkuasa yang menggunakan kekayaan dan kekuasaannya sebagai alat jihad fisabilillah dan pengabdian diri pada Allah SWT. Inilah satu teknik perjuangan yang paling tepat dan mulia, yang mana manusia berjuang dan berkorban bukan untuk kemasyhuran, jawatan dan elaun.

Oleh kerana mereka tidak ada apa-apa kepentingan daripada perjuangan dan pengorbanan tadi, maka amanlah masyarakat daripada tindas-menindas, dengki mendengki, tipu menipu dan jatuh. menjatuhkan. Semuanya takut kemurkaan Allah kalau mereka' berlaku tidak jujur terhadap pengorbanan dan perjuangan yang mereka lakukan. Inilah yang mesti kita contohi kalau kita ingin memperjuangkan Islam agar bangun sekali lagi.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari yang dihormati sekalian:

Perjuangan juga memerlukan satu susunan program ke arah melahirkan kader-kader dan pakar-pakar di semua bidang ilmu pengetahuan. Tanpa usaha ini samalah kita dengan orang yang bercita-cita nak robohkan bukit tetapi hanya menggunakan cangkul sebatang. Sampai bila pun tak akan runtuh. Sekalipun dia bertempik sehabis suaranya untuk memberitahu orang bahawa dia akan runtuhkan bukit itu.

Sistem taghut sudah bertapak kukuh dan berakar umbi dalam masyarakat dunia hari ini, umpama satu gunung besar yang tersergam indah. Mereka cukup lengkap dengan kepakaran teknik dan

peralatan yang moden dan saintifik. Maka proses pembinaan kemajuan dan tamadun yang mereka perjuangkan berjalan licin dan ligat.

Kita bangun dengan cita-cita perjuangan mahu mencabar kegagahan perjuangan mereka, untuk diganti dengan sistem Islam. Maka seorang ustaz atau tok guru yang berjuang bersama anak muridnya menggunakan lidah dan gigi sahaja tentulah tidak cukup. Untuk menegakkan sistem pendidikan Islam kita perlukan pakar pendidikan yang mahir dengan selok belok ilmu pengetahuan berlandaskan Al Quran dan Sunnah. Yakni ulama-ulama yang berfikiran luas lagi yang berjuang. Untuk sistem ekonomi Islam pula, kita perlu 'pakar-pakar ekonomi Islam yang bertaqwa. Begitu juga dengan sistem perubatan Islam, kita perlu doktor-doktor pakar yang bertaqwa dan begitulah seterusnya untuk pertanian, pentadbiran, perundangan, perhubungan luar negeri, pakar-pakar perhubungan luar negeri untuk jadi duta serta saintis dan teknologis yang berkelayakan. Kita perlukan semuanya supaya masyarakat yang kita lagang yang benar-benar lengkap dan bertenaga. Mana boleh kita harap bangunnya sistem hidup Islam tanpa menyediakan pakar-pakar di tiap-tiap bidang profesional tadi. Dan lagi tidak logik kalau yang kita harapkan ialah tenaga kepakaran yang sedang bekerja bagi pihak musuh. Kalau pun dia sanggup tetapi apa jaminan bahawa dia tidak akan jadi gunting dalam lipatan atau duri dalam daging.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sekalian:

Pentingnya sistem tarbiah secara Islam untuk melahirkan ahli-ahli profesional dalam apa juga bidang, rasanya tidak payah dipertikaikan lagi. Mustahil sistem sekular dapat melahirkan orang yang kita harapkan. Atau apakah cara lagi yang boleh membina generasi pengganti kita sebagaimana yang kita inginkan? Saya rasa tanpa

sekolah sendiri, kita hanya berangan-angan terhadap sebuah masyarakat Islam tapi amat sukar untuk direalisasikan.

Tanpa sistem tarbiah yang tersusun dan berterusan bukan sahaja masyarakat tak boleh diubah, ahli jemaah sendiri sukar untuk berubah. Ilmu tidak bertambah, perangai tidak berubah, ibadah tidak meningkat apalagi untuk melahirkan ahli-ahli mahir yang terlatih lagi bertaqwa, tentu jauh sekali. Iniiah punca kegagalan umat Islam khusus pejuang-pejuang Islam kini. Bila kita gagal melahirkan anak didik sendiri akan berlakulah tiada tenaga pelapis hatta untuk ambil alih tampok pimpinan pun tiada dari dalam. Terpaksa ambil pendatang. Perbincangan masih memakai tajuk lama iaitu tentang dasar dan teknik yang patut dipilih. Hingga kerana itu program-program lain yang berbentuk praktikal belum dapat dijalankan.

Rasulullah dan para sahabat sebelum tawan negara, telah membangunkan dahulu sistem Islam itu dalam jemaah mereka. Inilah dasar Islam:

ابْدَأْ بِنَفْسِكَ وَادْعُ غَيْرَكَ

Mulailah dengan dirimu dan barulah diseru selainmu.

Kita laksanakan dulu Islam itu dalam kehidupan kita dan jemaah kita baru kita seru orang lain mencontohi kita. Tapi kalau kita meminta orang lain buat dulu dalam keadaan kita sendiri tidak mampu nak buat apa yang kita laungkan itu, sampai bila pun kita tidak akan capai matlamat. Yang dapat hanya pekikan, slogan, laungan dan caci maki pada musuh.

Orang ramai akan tertarik pada kita kalau kita dapat bangunkan dan buktikan cantiknya Islam dan tamadun Islam dalam jemaah sendiri. Keindahan sistem Islam itu menjadi daya tarik atau magnet yang boleh menarik manusia berduyun-duyun mengikut kita. Tanpa contoh atau model yang magnetik itu, mana mungkin manusia sanggup mengorbankan keyakinan dan cara hidup mereka yang lama?

Katalah hari ini tiba-tiba saja pihak lawan cabar kita supaya tegakkan negara Islam seperti yang kita mahu. Apa yang boleh kita buat? Di mana kita nak mula. sedangkan kader-kader belum ada? Ulama-ulama yang luas pandangan belum wujud? Pakar-pakar pendidikan belum lahir, ahli-ahli pakar di semua bidang belum dapat kita sediakan? Ahli pcntadbir belum kita latih, ahli perundangan yang layak jadi hakim belum lahir dalam jemaah kita. Jadi dengan apa dan siapa yang kita harapkan untuk tegakkan negara Islam?

Untuk menjawabnya maka di hari baik bulan baik ini, sempena hari raya korban yang berkat, saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan agar menyediakan diri untuk berkorban apa yang termampu, agar terbinalah sistem hidup Islam dalam jemaah kita. Dari situ kita mengorak langkah menuju matlamat yang sebenar-benarnya. Firman Allah:

إِنَّآ أَعْطَيْنَٰكَ ٱلْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلْأَبْتَرُ ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah berikan kepadamu nikmat yang banyak. Maka dirikanlah sembahyang dan berkorbanlah untuk Tuhanmu. Sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus.

(Al Kausar: 1-3)

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِيَ الْحَاجَاتِ وَغَافِرُ الذُّنُوْبِ وَالْخَطِيْئَاتِ.

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِيْ الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْى يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوْا اللهَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرِ اللهِ، اللهُ اَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُوْنَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

4 KENANGI SEJARAH KEKASIH ALLAH MENGHIDUPKAN JIWA

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (9 كالي) ولله الحمد

اَلْحَمْدُلله وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الاَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ الله وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

اما بعد:

فَيَاأَيُّهَا الحَاضِرُوْنَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى الله فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْن قَالَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى فِيْ كِتَابِهِ الْكَرِيْمِ: "وَاَتِمُّوْا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلّٰه" (البقرة 196)

وَقَالَ ايضا: "اَلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُوْمَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيْهِنَّ الْحَجَّ فَلاَ رَفَثَ وَلاَ فُسُوْقَ وَلاَجِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفْعَلُوْا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ، وَتَزَوَّدُوْا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوْنِ يَا أُوْلِي الأَلْبَابِ" (البقررة 197)

وقال فى مكان أخر: "وَاِذْ قَالَ اِبْرَاهِيْمُ رَبِّ اجْعَلْ هَـذَا الْبَلَدَ اٰمِنًا وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ اَنْ نَعْبُدَ الاَصْنَامَ" (ابراهيم 25)

Sidang jemaah yang dikasihi sekalian:

Perhimpunan kita di pagi ini adalah perhimpunan agung yang sangat besar ertinya pada kita. Sebab hari ini, kita seolah-olah berada di Tanah Suci Makkatul Mukarramah untuk menunaikan ibadah haji. Dan perhimpunan di musim haji ini adalah imbasan dan bayangan kepada perhimpunan raksasa di Yaumil Mahsyar yang dahsyat itu. Oleh itu rasakanlah majlis kita ini ialah majlis ibadah haji yang penuh dengan ujian kepayahan dan azab serta rasakan juga betapa halnya nasib kita di Padang Mahsyar nanti.

Hari ini sepatutnya kita semua berada di Tanah Suci Makkah untuk menunaikan haji. Oleh kerana kita tidak dapat ikut serta melakukannya, maka sebagai tanda kita mengingininya, membesarkan dan mensyukurinya, maka penuhilah hari ini dan hari-hari tasyrik iaitu 11.12.13 Zulhijjah dengan zikrullah, tasbih, tahmid, dan takbir. Selain itu lakukan juga sembelihan korban, bersedekah pada fakir miskin dan menziarahi kaum keluarga dan sahabat handai. Moga-moga dengan itu termasuklah kita orang-orang yang cintakan ibadah haji dan layak mendapat pahala yang setimpal.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sidang jemaah sekalian:

Haji adalah ibadah kemuncak dari rukun Islam yang lima. Ibadah yang paling terasa bahawa kita adalah hamba, sebab ia adalah ibadah yang paling susah, paling meletihkan, dan bercampur-aduk dengan jutaan manusia yang berbagai ragam dan perangai. Siapa yang boleh menyempumakan hajinya lahir batin, hingga dapat haji yang mabrur, maka dia telah memperolehi rasa kehambaan yang tertinggi. Dan ini bukanlah mudah. daripada 10,000 orang agaknya hanya seorang saja yang boleh mencapainya. Iaitu seorang yang benar-benar menghambakan hati dan dirinya pada Allah swt. Dan untuk itu, proses penghambaan jiwa raga kepada Allah mestilab

dilaksanakan secara sistematik, istiqamah dan sungguh-sungguh. Bermula dari mengucap dua kalimah syahadat. Yakni berikrar dan bersumpah hanya Allah sahaja yang disembah, dibesarkan, dipatuhi dan diterima peraturan-Nya. Sebab Allah itu Maha Kuasa, Pencipta, Pentadbir yang menghidupkan, mematikan, menurun, menaikkan, menghina, dan memuliakan. Allah tempat berlindung kerana Dia merupakan pelindung dan tempat segala doa dipanjatkan.

Setelah begitu keyakinan kita, kemudian lakukan sembahyang untuk melahir dan mencurahkan rasa kehambaan pada Allah SWT. Perbuatan dan bacaan-bacaan dalam sembahyang itu sungguh indah bagi seorang yang mahu menghina diri selaku hamba di hadapan Tuhan yang menjadikannya. Mengaku lemah, hina dan kurang serta tiada apa-apa yang ada padanya melainkan semuanya adalah pinjaman dan kurniaan Allah. Maka bersungguh-sungguhlah ia memuji-muji dan membesarkan Allah dengan berzikir, tasbih, tahmid dan takbir. Sambil itu dirinya diperlakukan betul-betul sebagai seorang hamba, berdiri dengan penuh takzim, kepala ditundukkan untuk rukuk, sujud, duduk, bangun, angkat tangan, jatuh tangan dan lain-lain yang semuanya untuk menyatakan rendah dan kecilnya dirinya di hadapan Allah yang Maha Besar dan Perkasa itu.

Dalam pada itu, tidak putus-putus juga hatinya mengharap, meminta dan merayu dan merintih pada Allah dalam seluruh hidupnya. Inilah hasil sembahyang. Dan kalau ianya menjadi darah daging kita, maka sembahyang yang beginilah yang difirmankan oleh Allah:

إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ

Terjemahannya: Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari melakukan perkara yang keji dan mungkar.

(Surah Al Ankubut: 45)

Bermula dari sembahyanglah, seseorang mendapat kekuatan untuk melakukan perintah-perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Sembahyanglah yang mendorong melakukan amal soleh dan mengawal dari maksiat. Sebab itu orang yang bersembahyang, tidak berat lagi untuk berpuasa sebulan Ramadhan dan seterusnya membayar zakat dan berhajat sungguh untuk menunaikan fardu haji ke Mekah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari seperjuangan:

Bila seseorang sudah merasakan dirinya adalah hamba Allah, maka dia tidak bakhil dan tidak takut lagi untuk berkorban dan bersusah-payah kerana Allah. Sebab itulah dia rela dan sanggup mengorbankan Wang ringgit dan masa,tenaga dan keselesaaan hidup, sanggup tinggalkan kaum keluarga, kampung halaman dan kepentingan-kepentingan duniawi, semata-mata untuk melakukan ibadah haji dan mendapat keredhaan Allah. Walhal haji adalah ibadah yang paling sulit untuk dilakukan, mengambil masa, tenaga dan Wang ringgit yang bukan sedikit. Tapi kerana taat, cinta, dan rindu pada Allah, pada Tanah Suci dan pada Rasulullah, maka pergilah dia menyerah diri pada kehendak Allah.

Pakaian ihram bukannya pakaian yang cantik dan selesa, lebih-lebih lagi di bawah terik matahari Makkah. Tawaf bukannya satu pusingan yang menyeronokkan sebab kita terselit di dalam arus manusia yang menghimpit dan menolak kita dengan sewenang-wenangnya, ditambah dengan penat dan kering rasanya air dalam badan oleh panasnya matahari. Sa'i juga meletihkan dan membuatkan kita rasa kecil, lemah dan hina sekali. Begitu juga upacara wukuf dan melontar, benar-benar membuatkan kita rasa susah dan lemah. Yang bagi orang yangbertaqwa, perasaan itu adalah hiburan baginya. Sebab makin terasalah olehnya yang dirinya itu benar-benarlah hamba Allah.

Hamba yang tidak mampu menolak apa saja ketentuan Allah padanya. Hamba yang tidak selamat kalau bukan dengan belas ih-

san dan rahmat Allah. Dalam pada itu sambil berlari ke sana berlari ke sini, melakukan perintah Allah terkenang juga segala sejarah hidup kekasih-kekasih Allah yang berlaku di bumi tandus itu, yang kita diminta mengulangi dan mengenanginya. Di antara sejarah itu:

1. Kisah pertemuan di Padang Arafah Nabi Adam dan Siti Hawa. 40 tahun suami isteri ini dipisahkan oleh Allah swt. Kerana kesilapan mereka ketika dalam syurga. Kalaulah Allah tidak temukan mereka nescaya tidak lahirlah kita di dunia ini. Sebab itu sejarah pertemuan mereka .patut diingati dan disyukuri . Kerana itu kita disuruh bermalam di Arafah.

2. Kisah ketaatan, ketabahan dan keimanan Siti Hajar, ketika suaminya Nabi Ibrahim a.s meninggalkannya seorang diri bersama anak kecil di padang pasir yang tandus, dia terima saja, sambil berkata, ***Moga-moga Allah tidak mensia-siakan saya."*** Oleh kerana panas terik maka air susunya kering. Anak kecil, Nabi Ismail a.s menangis kehausan, sambil menepuk-nepuk pasir. Siti Hajar meninggalkan anaknya dan berlari-lari mencari air di tanah gersang itu. Bila terkenangkan anaknya takut-takut apa yang terjadi, maka dia berlari pula kepada anaknya. Bila dilihat anaknya selamat, dia berlari lagi pergi mencari air. Begitulah diulang-ulang, hinggalah akhimya didapati air melimpah keluar di tempat anak kecilnya bermain. "Zam Zam, Zam Zam," kata Siti Hajar sambil membenteng air itu dari melimpah. Itulah telaga Zam-Zam yang kita minum aimya hingga hari ini. Air yang Allah keluarkan untuk Nabi Ismail demi memelihara baginda itu daripada mati kehausan.

Dan untuk mengenangi dan mengambil pengajaran dari seorang wanita solehah, taatkan suami dan kuat pergantungan pada Allah, yang sanggup ditinggalkan seorang diri di padang pasir yang kering kontang, hingga terpaksa berlari ke sana berlari ke sini mencari air dalam keadaan letih, lapar dan takut serta bimbangkan anaknya, maka Allah perintahkan kita melakukan ***Sa' i.*** Y akni berlari berulang-alik seperti Siti Hajar di tempat berlakunya peristiwa itu. Moga jadilah hati kita, seperti iman Siti Hajar, wanita agung yang mendapat penghonnatan dari Allah melalui Al Quranul Karim:

3. Musim haji di Tanah Suci mengingatkan kita kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail a.s yang sangat cinta dan redha dengan Allah SWT. Nabi Ibrahim diperintahkan menyembelih anaknya Nabi Ismail. Sekalipun cintanya pada anaknya sangatlah dalam, tapi bila Allah perintahkan disembelih anak itu, dengan tenang terus menjawab: "Kalau begitu kehendak Allah, maka lakukanlah." Taatnya anak kepada ayah hingga sanggup disembelih. Maka mulalah penyembelihan itu. Tetapi tiba-tiba Allah yang pengasih itu mengirim seekor kibas sebagai ganti Nabi Ismail untuk disembelih. Sungguh cekal hati mereka menerima perintah Allah hingga diri dan anak sanggup jadi korban. Maka untuk mengenangi dan mencontohi mereka inilah, maka melakukan korban di Hari Raya Haji dan hari-hari tasyrik dituntut. Kalau Nabi Ibrahim a.s sanggup korbankan anaknya untuk Allah, masakan kita tidak sanggup korbankan seekor kambing atau apa-apa binatang yang dibenarkan kerana Allah? Kalau benar kita cintakan Tuhan kita itu?

4. Ibadah haji dan Tanah Suci Makkah, mengajar kita betapa kasihnya ,Nabi Ibrahim kepada tanah negeri Makkah hingga dia mendoakan bumi suci itu. Doanya ada dirakamkan oleh Al Quran dengan bunyinya:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَٰهِـۧمُ رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ مَنْ
ءَامَنَ مِنْهُم بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ

Terjemahannya: Dan ingatlah ketika Ibrahim berdoa, "Ya Tuhanku, Jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduk yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian."

(Al Baqarah: 126)

Seterusnya kecintaan pada zuriatnya turut dilahirkan dalam doanya pada Tuhan yang juga ada disebut oleh Allah dalam Al Quran:

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ

***Terjemahannya:** Ya Tuhan Kami, jadikanlah kami berdua orang yang tunduk patuh kepada Engkau dan (jadikanlah) di anatara anak cucu kami umat yang tunduk patuh kepada Engkau dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara dan tempat ibadah haji kami, dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah yang Maha penerima taubat lagi Maha Penyayang.*

(Al Baqarah: 128)

Begitulah hati yang suci, dia bukan sahaja memikirkan kepentingan dirinya, bahkan mendoakan keselamatan untuk tanahair dan manusia seluruhnya. Terhadap zuriatnya, sekalipun belum lahir, sudah diminta pada Allah agar keturunannya itu ialah orang-orang soleh dan yang berguna.

Begitulah keistimewaan Nabi Ibrahim a.s. Keyakinannya, kesabaran, ketabahan dan kesanggupannya menghadapi ujian yang beratberat dari Allah SWT, membuatkan dia begitu mulia, hingga setiap sembahyang kita, kita sebut namanya. Moga-moga kita terpilih untuk mengikuti langkah hidupnya di dunia dan di akhirat.

5. Mengerjakan haji ke Tanah Suci turut mengingatkan kita bahawa di situlah telah lahir seorang anak yatim piatu, miskin dan terbuang lagi terbiar, tidak tahu membaca dan menulis kerana langsung tidak bersekolah, tapi Allah melantiknya menjadi wakil dan pesuruh-Nya untuk manusia seluruh dunia. Sungguh tidak diduga sama sekali baginda yang tidak punya apa-apa itu telah dapat menawan dan mencorakkan tiga perempat dunia dengan bantuan dan kerjasama sahabat-sahabat baginda. Begitulah Maha Kuasanya Allah.

Kebencian orang dan musuh-musuh pada baginda tidak terkira tetapi cacian dan cercaan itu semuanya jadi baja pada perjuangan. Mereka terpaksa berpindah randah dan berhijrah, tapi bumi pelarian akhimya menjadi negara Islam yang pertama di dunia, yang kemudiannya menjadi markas gerakan untuk menggempur dan mengIslamkan tiga per empat dunia.

Kejadian ini boleh kita jadikan panduan dalam berfiir bahawa tidak mustahil dunia dan khususnya Malaysia akan kembali Islam di bawah pimpinan seorang yang tidak disangka-sangka. Sebab ianya adalah tradisi sejarah yang pasti berlaku dari zaman ke zaman. Sekalipun sukar untuk kita mengakui dan menerimanya, tapi ia adalah benar kerana kuasa Allah mengatasi seluruh kuasa dan kemahuan manusia. Sama-samalah kita menunggunya.

6. Teringat juga kita pada wanita-wanita mulia iaitu isteri-isteri Rasulullah SAW, Ummul Mukminin Siti Khadijah, kerana cintanya pada Allah dan pada Rasulullah, yakni suaminya, telah sanggup menyerahkan seluruh kekayaan, harta benda dan wangnya pada suaminya yang hidup miskin, kadang makan, kadang tidak. Rumahnya bersama suami dan anak, hanyalah bilik kecil dan kosong . dari segala perabut dan alat-alat kelengkapan. Dia rela dan suka jadi miskin di dunia demi mengharapkan kekayaan di akhirat.

Sifat inilah kemudiannya diwarisi oleh Siti Fatimah Az Zahrah binti Rasulullah. Dia miskin, paling miskin dan paling susah. Mengangkut air dari perigi yang dalam sejauh dua batu, di tengah-tengah padang pasir yang kalau sejuk terlalu sejuk, bila panas terlalu panas. Tiada seorang pembantu rumah pun tmtuk menolongnya. Suami selalu tiada, kalau pulang pun hanya membawa tangan kosong. Itulah anak Rasulullah, bakal penghulu syurga. Penderitaan yang ditanggungnya di dunia, melayakkan dia menjadi penghulu kepada wanita-wanita di syurga.

SitiAisyah r.ha ibu kepada seluruh orang-orang mukmin, sentiasa beriring dengan Rasulullah dalam perjuangan. Menghafal beribu hadis dan menjadi mahaguru kepada sahabat-sahabat besar. Mulia-

nya adalah kerana taqwanya. Tidak pernah wahyu datang ketika Rasulullah bersama isteri-isterinya kecuali dengan Siti Aisyah. Kerana itu ujian padanya adalah berat. Rasulullah pemah menghantamya pulang ke rumah ayahnya, Sayidina Abu Bakar As Siddiq, kerana fitnah zina yang dilemparkan padanya. Satu bulan lamanya Siti Aisyah menangis. Hampir-hampir Rasulullah mahu menceraikan disebabkan fitnah itu, kalau tidaklah turun wahyu yang membela Siti Aisyah Ummul Mukminin. Allah kasih padanya sebab itu diuji dan dibela hingga jadilah ia sebutan orang-orang mukmin. Kisahnya ini menjadi sebahagian dari kandungan kitan suci Al Quranul Karim. Supaya yakinlah kita, bahawa orang yang bertaqwa pasti dibela oleh Allah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang majlis yang dikasihi sekalian:

Mengenangi semua sejarah itu akan mendatangkan keinsafan yang mendalam, fikiran yang hidup dan ilmu hikmah yang sungguh bermakna. Dan lagi kalaulah perbuatan dan bacaan ibadah haji itu dihayati benar-benar dengan niat yang ikhlas kerana Allah, maka akan bertambab suburlah Iman. Dan bertambah haluslah rasa kehambaan pada Allah SWT. Dan ini kalau dapat, pasti akan membentuk akhlak yang mulia. Akhlak dengan Allah dan akhlak dengan manusia. Hidup akan diserah bulat-bulat pada perjuangan di jalan Allah. Dunia digadai untuk akhirat. Dia mahu susah di dunia supaya senang di akhirat. Dia mahu miskin di dunia untuk kaya di akhirat. Itu semua akan kelihatan terserlah pada sikap hidupnya setiap saat.

Adakah begitu hal keadaan kita jemaah-jemaah haji yang balik dari Tanah Suci itu? Berapa peratus dari mereka yang balik dari Makkah kelihatan lebih warak, zuhud, syukur, pemurah, berkasih sayang, timbang rasa, sabar dan tawakal dan merendah diri dari sebelumnya? Berapa orang pula yang dipanggil haji itu, yang mati-

matian memperjuangkan agama Allah untuk dirinya, keluarga dan masyarakatnya, hingga bersih dan aman makmurlah bumi ini? Sekiranya ada dan ramai, bersyukurlah kerana mereka itu telah dipimpin oleh Allah dan mendapat Haji Mabrur. Tapi kalau sebaliknya, yakni pergi Makkah dan tidak pergi, sama saja keadaannya maka saya bimbang kalau-kalau hajinya tertolak. Sebab dia tidak mendapat apa-apa dari hajinya. Iman tidak bertambah, pengalaman dan pengajaran serta ilmu hikmah tidak diperolehi. Rasa kehambaan tidak dapat dimiliki. Sebaliknya dirasanya ibadah haji itu sangat menyusahkannya dan membuang masa dan duit ringgitnya. Moga-moga Allah memberi kita ganjaran dan pahala sepertimana orang-orang yang mendapat Haji Mabrur.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِكْرِ الْحَكِيْمِ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ لِىْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمِ

KHUTBAH 2

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالشُّكْرُ لِلّٰهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِـهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَالَاهُ.

اما بعد:

أيها المُسْلِمُوْنَ، اِتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Saudara-saudari yang mulia:

Sudah lama kita beribadah, tapi ibadah kita nampaknya tidak memberi hasil apa-apa pada kita, pada keluarga dan pada masyarakat.

Inilah kecuaian dan kesilapan besar yang telah kita buat selama ini. Niat kita beribadah pun mungkin tidak ikhlas apa lagi pelaksanaan dan natijahnya. Dalam kitab ada dituliskan, orang-orang yang pergi ke Makkah ada empat bahagian dengan tujuan dan niat masing-masing:

1. Orang besar kerana melancong.
2. Ahli perniagaan kerana bemiaga.
3. Orang miskin kerana mencari rezeki.
4. Qrang yang ikhlas pergi untuk ibadah haji kerana Allah,

   Pada saya, pembahagian itu boleh ditambah lagi kepada:
5. Pergi kerana tradisi yakni ikut adat, orangpergi, dia pun pergi,
6. Pergi kerana *escapism* yakni orang-orang yang *frust* dalam hidup, bangkerap atau gagal dalarn politik dan lain-lain, pergi untuk mengadu nasib di Makkah.

Dalam keadaan begini, manalah haji dan sembahyang boleh memberi hasil yang sepatutnya?

Dan kalau ianya dibiarkan dan dibenarkan, maka perjuangan kita tidak akan sampai ke mana-mana pun. Umat Islam akan terus jadi umat yang lemah yang boleh dikotak-katikkan oleh Yahudi, Kristian, Kapitalis dan lain-lain. Sekolah kita ala Yahudi, ekonomi riba, politik demokrasi yang kotor, sosial lucah, perpaduan ummah hancur berkecai, hospital dan perbuatan tidak ikut syariat. Media cetak dan elektronik memperjuangkan budaya karut dan kotor yang telah merosakkan akidah dan cara hidup umat Islam. Pendek kata tiada satu pun hari ini kepunyaan umat Islam, yang benar-benar berjalan di atas landasan Al Quran dan Sunnah

Seminar-seminar, simposium, forum, kertas kerja, muktamar antarabangsa, muzakarah oleh para ilmuan Islam, langsung tidak memberi apa-apa perubahan dan kebaikan pada Islam dan umatnya, sejak berpuluh- puluh tahun sudah. Bahkan usaha-usaha itu diketawakan saja oleh musuh Islam itu. Perebutan kuasa dan kerusi oleh umat Islam pun nampaknya tidak mampu menyelesaikan masalah itu. Kalau begitu, saya kira tiada jalan lain lagi yang boleh menyelamatkan umat Islam melainkan kita betulkan ibadah-ibadah kita hingga ianya benar-benar melahirkan rasa kehambaan dalam hati kita terhadap Allah. Bila kita sudah dapat merasakan yang kita ini hamba, maka kita tidak takut atau bimbang atau cemas atau berkira-kira lagi untuk menegakkan hak Allah. Selama ini yang menghalang kita dari membangunkan sistem Islam bukannya tidak cukup duit atau tidak ada ilmu atau tidak ada kuasa atau tidak ada jawatan tapi ialah tidak ada kekuatan jiwa atau kekuatan kemahuan untuk melaksanakannya. Masing-masing takut itu, takut ini. Walhal orang yang hanya takutkan Allah dia cukup berani melakukan apa saja untuk dan kerana Allah. Dan itulah yang tidak ada pada kita yakni rasa hamba yang sanggup berbakti apa sahaja untuk Allah sekalipun kerana itu diri terancam atau nyawa jadi tebusan.

Ilmu kita telah kita korbankan untuk cari nama dan kemasyhuran dan wang melalui kertas-kertas kerja dan lain-lain. Tidak pun ihnu itu dijadikan senjata untuk menegakkan hukum Allah. Mana

bukti cinta kita pada Allah? Walhal sudah berpuluh-puluh tahun kita sembahyang yakni mengaku untuk menghambakan diri pada Allah, bukan pada nafsu, syaitan, isteri dan lain-lain. Sudah beribu kali pula kita niengucap dua kalimah syahadah yakni bersumpah Allah dan Rasul, sembahan dan ikutan kita. Puasa kita pun bukan sedikit, dengan tujuan , mengekang nafsu agar tunduk pada Allah. Begitu juga haji, sudah ulang-alik ke Makkah, menghamba diri dengan segala susah-payah dan korban masa, tenaga dan wang ringgit untuk Allah. Tapi apa dan mana hasilnya?

Syahadat, sembahyang, puasa dan haji itu tidak mendidik dan mengubah kita. Mulut kita dan fizikal kita kata hanya Allah Tuhan disembah tapi hati kita menyembah dan menyintai nafsu kita sendiri, harta benda dan anak isteri, kuasa dan pangkat. Kita membelakangkan Allah dalam apa saja yang kita mahu. Kita tidak peduli apa kata Allah, sebab yang kita fikirkan ialah apa kata kita, apa kata isteri, apa kata orang. Itukah cinta yang kita berikan pada Allah yang menghidupkan kita?

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari yang dikasihi:

Mulai hari ini, jangan kita biarkan nafsu dan syaitan menipu kita lagi. Jangan kita diperbodohkan dan dipermainkan lagi. Buktinya kita cinta pada Allah dengan terus berkorban. Korbanlah apa yang termampu, kambing atau lembu hari ini atau tiga hari yang berikutnya. Kemudian katakan pada Allah,"Terimalah korbanku ***ini ya Allah, sebagai tanda cintaku pada-Mu***"

Lepas itu jadikanlah hidup kita sentiasa berkorban dan berjuang. Korban harta, tenaga, masa, jiwa raga dan lain-lain lagi untuk perjuangan di jalan Allah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah yang berbahagia:

Sempena hati Raya korban ini, mari kita mengajak diri kita memulakan pengorbanan yang sungguh-sungguh kepada Allah. Buktikan pengorbanan dan rasa kehambaan kita pada tuhan dengan melakukan apa juga pengorbanan untuk perjuangan di jalan Allah. Lihat pengorbanan orang-orang yang beriman, orang-orang soleh dan para kekasih Allah. Nabi Ibrahim a.s. menyembelih anaknya demi cintanya pada Allah. Nabi Ismail menyerah lehemya untuk dipotong hanya semata-mata kerana taatkan perintah Allah.

Rasulullah SAW kencangnya pengorbanan beliau bagaikan angin. Saiyidina Abu Bakar As Siddiq, habis harta bendanya diserah pada jihad fisabilillah. Yang tinggal hanya Allah dan Rasul.

Siti Khadijah menukar geran harta bendanya kepada suaminya untuk membantu perjuangan agama Allah dan Rasul.

Kita? Apa yang sudah kita korbankan dan sebanyak mana pcngorbanan itu. Wang ringgit kita lebih banyak digunakan untuk membeli barang kemas isteri yang kita cintai. Kalau begitu cinta agung kita bukan pada Allah, tapi pada isteri. Masa kita telah kita korbankan di tempat-tempat hiburan, permainan atau bual-bual kosong, berangan, mengumpat, berfikir tanpa tujuan dan lalai dari Allah SWT. Ertinya cinta utama kita bukan pada Allah tapi pada diri sendiri.

Tenaga kita habis dikorbankan untuk bekerja dengan pekerjaan yang tidak pemah diperintahkan oleh Allah. Bukan sedikit harta kita laburkan dalam bank tetapi tidak ada pun simpanan dibuat untuk tabung Allah, tabung akhirat.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah yang berbahagia:

Sempena Hari Raya korban ini, mari kita mengajak diri kita memulakan pengorbanan yang sungguh-sungguh kepada Allah. Buktikan pengorbanan dan rasa kehambaan kita pada tuhan dengan melakukan apa juga pengorbanan untuk perjuangan di jalan Allah. Lihat pengorbanan orang-orang yang beriman, orang-orang soleh dan para kekasih Allah. Nabi Ibrahim a.s. menyembelih anaknya demi cintanya pada Allah. Nabi Ismail menyerah lehemya untuk dipotong hanya semata-mata kerana taatkan perintah Allah.

Rasulullah SAW kencangnya pengorbanan beliau bagaikan angin. Saiyidina Abu Bakar As Siddiq, habis harta bendanya diserah pada jihad fisabilillah. Yang tinggal hanya Allah dan Rasul.

Siti Khadijah menukar geran harta bendanya kepada suaminya untuk membantu perjuangan agama Allah dan Rasul.

Kita? Apa yang sudah kita korbankan dan sebanyak mana pcngorbanan itu. Wang ringgit kita lebih banyak digunakan untuk membeli barang kemas isteri yang kita cintai. Kalau begitu cinta agung kita bukan pada Allah, tapi pada isteri. Masa kita telah kita korbankan di tempat-tempat hiburan, permainan atau bual-bual kosong, berangan, mengumpat, berfikir tanpa tujuan dan lalai dari Allah SWT. Ertinya cinta utama kita bukan pada Allah tapi pada diri sendiri.

Tenaga kita habis dikorbankan untuk bekerja dengan pekerjaan yang tidak pemah diperintahkan oleh Allah. Bukan sedikit harta kita laburkan dalam bank tetapi tidak ada pun simpanan dibuat untuk tabung Allah, tabung akhirat.

Itulah keistimewaan dan kehebatan tentera Allah. Mereka dapat mengubah dan mengambil hati manusia. Yang mana untuk dapat ambil hati orang bukannya mudah. Jika dibelanjakan seluruh harta dunia ini pun belum tahu orang akan sayang dengan kita. firman Allah:

لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ

***Terjemahannya:* Kalau kamu menafkahkan apa yang ada di atas muka bumi semuanya, maka engkau tidak dapat menjinakkan hati mereka, tapi Allahlah yang menjinakkan hati mereka itu.**

(Al Anfal: 63)

Seterusnya kekuatan tentera Allah terhadap musuhnya ialah 10 orang dapat mengalahkan 100 orang, 100 orang dapat mengalahkan 1000 orang. Firman Allah:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ ٱللَّهِ
وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ

***Terjemahannya:* Berapa banyak telah terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak, dengan izin Allah dan Allah bersama orang-orang yang sabar.**

(Al Baqarah: 249)

Kalau kita ingin termasuk dalam golongan pejuang-pejuang Islam yang benar-benar memperjuangkan hak Allah dan Rasul, maka sediakanlah diri dengan taqwa. Mudah-mudahan jadilah kita orang-orang yang dikatakan Allah dalam firman-Nya:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ

Tabung jihad kita sentiasa terbuka untuk menerima pengorbanan kita itu. Sebab dengan itulah nanti jentera perjuangan kita bekerja keras dan sungguh-sungguh untuk mencapai matlamatnya. Untuk pengetahuan saudara-saudari, suka saya beritahu bahawa selama ini tabung kita selalu kosong. Walhal harta dan wang simpanan kita masih banyak. Oleh itu sempena raya korban ini suka saya menyusulkan agar lepas sembahyang ini saudara-saudari isilah tabung ini. Tangan tunggu-tunggu lagi. Jangan takut-takut lagi. Jangan ragu-ragu lagi. Allah melihat pemberian itu dan ganjarannya ialah syurga. Begitulah luasnya rahmat Allah dan begitulah cintanya pada hamba-Nya. Pengorbanan saudara-saudari itu adalah jihad untuk pembayaran kampung Islam, untuk menegakkan ekonomi Islam, untuk menghidupkan perubatan Islam. Untuk membangunkan sistem pendidikan Islam, untuk mengeluarkan media massa Islam dan tegasnya untuk menjayakan usaha-usaha menegakkan hukum-hukum Allah (kalimah Allah). Yang mana, kalaulah perjuangan ini dipercepatkan dengan tenaga dan wang ringgit dari saudara-saudari, maka akan cepatlah nanti bumi ini dihiasi oleh kalimah-kalimah Allah. Yang mana peperangan dapat dihentikan, kezaliman dapat ditumpaskan dan maksiat serta kekejian dapat dibersihkan.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sidang jemaah sekalian:

Dunia kini sangat memerlukan keamanan dan penyelesaian kepada masalah yang berbagai dan tidak habis-habis. Kalau tidak , ia akan hancur oleh masalah-masalah itu dan oleh kekejaman manusia. saudara-saudara boleh ikuti berita-berita tentang rosak dan hancurnya perpaduan dan keamanan serta kebahagiaan manusia di seluruh dunia dengan menonton berita dunia di televisyen atau mendengar berita radio atau membaca majalah dan akhbar yang melaporkan perkara-perkara itu. Siapa juga yang memahami perkara ini tentu

akan risau dan sedih memikirkan apa akan jadi pada kita dan generasi kita nanti? Selamat atau tidak di dunia apalagi di akhirat? Kalau begitu tentulah patut berdoa pada Allah SWT, agar didatangkan pertolongan pada kita untuk menyelamatkan dan membersihkan bumi dan manusia seluruhnya.

Hanya Allah yang tahu apakah cara yang baik dan cepat untuk mencapai cita-cita suci ini. Bagi kita, apa yang kita fikirkan ialah dengan cara Allah mendatangkan orang-Nya, yang mempunyai kelayakan yang cukup bagi menghadapi masalah dunia dan manusia kini. Dan saya menganggap pemimpin itu tidak lain dan tidak bukan ialah Mujaddid kunm ke 15 yakni Imamul Mahdi.

Tapi sebelum itu, kita pejuang-pejuang Islam mestilah menyediakan jiwa yang kuat bertaqwa dan tapak perjuangan agar kita dapat bersama-sama menyertai pembersihan dan pengubatan yang bakal dilakukannya Taraf taqwa yang layak ialah:

رُهْبَانٌ فِيْ اللَّيْلِ وَفُرْسَانٌ فِيْ النَّهَارِ

Terjemahannya: Menjadi abid di malam hari dan berjuang bagai singa di siangnya.

Kalau ini sudah ada, Insya Allah kita akan kenal Allah. Kita akan bertukar daripada cinta dunia kepada cinta Akhirat, daripada takutkan kesusahan di dunia kepada takutkan neraka dan daripada rindu kemewahan dunia kepada. rindukan syurga. Daripada sombong kepada tawadhuk dan murah hati dan berkasih sayang, daripada bakhil kepada pemurah, daripada takut kepada berani, daripada cinta makhluk kepada cinta Allah, daripada ujub dan riak kepada rendah hati, daripada pemarah kepada pemaaf, daripada dengki kepada kasih sayang, daripada berlalai-lalai kepada berjuang dan berjihad fisabilillah, daripada fanatik kepada barat kepada fanatik dengan sunnah.

Itulah keistimewaan dan kehebatan tentera Allah. Mereka dapat mengubah dan mengambil hati manusia. Yang mana untuk dapat ambil hati orang bukannya mudah. Jika dibelanjakan seluruh harta dunia ini pun belum tahu orang akan sayang dengan kita. firman Allah:

لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مَّآ أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ

Terjemahannya: Kalau kamu menafkahkan apa yang ada di atas muka bumi semuanya, maka engkau tidak dapat menjinakkan hati mereka, tapi Allahlah yang menjinakkan hati mereka itu.

(Al Anfal: 63)

Seterusnya kekuatan tentera Allah terhadap musuhnya ialah 10 orang dapat mengalahkan 100 orang, 100 orang dapat mengalahkan 1000 orang. Firman Allah:

كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةًۢ بِإِذْنِ ٱللَّهِ
وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ

Terjemahannya: Berapa banyak telah terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak, dengan izin Allah dan Allah bersama orang-orang yang sabar.

(Al Baqarah: 249)

Kalau kita ingin termasuk dalam golongan pejuang-pejuang Islam yang benar-benar memperjuangkan hak Allah dan Rasul, maka sediakanlah diri dengan taqwa. Mudah-mudahan jadilah kita orang-orang yang dikatakan Allah dalam firman-Nya:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ

***Terjemahannya:** Kamu adalah sebaik-baik umat dilahirkun di tengah manusia, menyeru kepada makruf, mencegah yang mungkar dan kamu beriman pada Allah.*

(Ali Imran: 110)

Kalau kita ingin termasuk dalam kumpulan pejuang-pejuang Islam yang benar-benar memperjuangkan hak Allah dan Rasul maka sediakanlah diri dengan taqwa. Mudah-mudahan jadilah kita orang-orang yang dikatakan Allah itu.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

اِنَّ اللهَ وَمَلاَئكَتَه يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِ يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا
صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ. وَبَارِكْ
عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِى الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ
مَجِيْدٌ

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ
اَلاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ خُصُوْصًا لِوَالِدَيْنَا وَمَشَايِخِنَا
وَاَسَاتِذَتِنَا بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. رَبَّنَا آتِنَا فِى

الدّنيَا حَسَنَةً وَفِى الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنا عَذَابَ النَّارِ دَعْوَاهُمْ
فِيهَا سُبْحَانَكَ اَللّٰهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلاَمٌ وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ
الحَمْدُ لله رَبِّ العَالَمِيْنَ
إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ بِالعَدْلِ وَالاِحْسَانِ وَإِيْتَاءِ ذِى القُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الفَحْشَاءِ وَالمنْكَرِ وَالبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ،
فَاذْكُرُوا اللهَ يَذْكُرْكُمْ وَلَذِكْرِ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُوْنَ.

5 IBADAH HAJI 'MEMBANGUNKAN FIZIKAL, MENTAL DAN JIWA

KHUTBAH 1

اللهُ اكبر (٩ كالى) اللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لله كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ
اللهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلاً، لاَ اِلهَ اِلاَّ اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ وَلله اَلْحَمْدُ.
اَلْحَمْدُ لله رَبِّ العِزَّةِ وَالْجَلاَلِ، وَاسِعِ الْكَرَمِ الَّذِيْ اَنْعَمَ عَلى
عِبَادِه بِالْجُهْدِ وَالْحُرِّيَّةِ وَالاِسْتِقْلاَلِ. قَالَ اللهُ تَعَالى فِى الْقُرْاٰنِ
الْعَظِيْمِ:
اَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ.
"وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوْكَ رِجَالاً وَعَلى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِيْنَ مِنْ
كُلِّ فَجٍّ عَمِيْقٍ. لِيَشْهَدُوْا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوْا اسْمَ اللهِ فِيْ اَيَّامٍ
مَعْلُوْمَاتٍ عَلى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيْمَةِ الاَنْعَامِ.
أَشْهَدُ أَنْ لاَ اِلهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، اَللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِيْ لاَ نَبِيَّ
بَعْدَهُ، وَعَلى الِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ اِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.
اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ أُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُوْنَ.

Kaum muslimin dan muslimat yang hadhir:

Allah SWT masih mengizinkan kita untuk sekali lagi menyambut hariraya Aidil Adha pada tahun 1409 hijrah ini. Sedangkan ada saudara-saudara kita yang tidak dapat berhariraya bersama kita hari ini, kerana telah pun berpindah ke alam barzakh yakni kembali ke hadrat Allah, tempat asal usul kita yang sebenarnya. Mengapa Allah masih mahukan kita menyambut hariraya Aidil Adha pada tahun ini? Adakah Allah melakukannya tanpa tujuan apa-apa?

Ketahuilah sidang hadirin dan hadirat sekelian, bahawa Allah tidak melakukan sesuatu dengan sia-sia. Hidupnya lagi kita ini, hingga ke hari ini dan hari-hari berikutnya adalah kerana Allah mahu memberi peluang lagi kepada kita untuk mengabdikan diri pada-Nya. Lihat firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan- jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri pada-Ku.

(Adz Dzaariyat: 56)

Kita masih diberi masa oleh Allah untuk cuba menjadikan hidup benar-benar untuk mengabdikan diri pada Allah. Supaya kematian kita nanti berlaku dalam keadaan kita cukup bersedia dan layak mengadap Allah. Oleh itu jadikanlah hari ini dan hari-hari berikutnya untuk berbakti kepada Allah. Banyakkan takbir, tasbih dan tahmid memuji Allah. Serta lakukan sedekah dan ziarah terutama di hariraya ini. Apa yang diharap ialah bertambahnya iman dan taqwa kita. Di samping mengharapkan tertegaknya syiar Allah di dalam kehidupan manusia di dunia ini. Demikianlah yang diperintah oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

ذَٰلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَـٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى ٱلْقُلُوبِ

Terjemahannya: Demikianlah! Dan barangsiapa yang membesarkari syiar-syiar Allah sesungguhnya ia daripada hati yang bertaqwa.

(Surah Al Haj : 32)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang Jamaah yang dihormati:

Hari ini sepatutnya kita semua berada di Tanah Suci Makkah, kerana menunaikan fardhu haji, yakni rukun Islam yang kelima. Tapi oleh kerana kedhaifan kita maka tidak dapatlah kita melakukan ibadah haji yang sangat dituntut itu pada tahun ini. Kita cuma

dapat bersama-sama bergembira dan bersyukur kerana ada saudara-saudara kita yang sekarang ini sedang melakukan ibadah haji di Makkatul Mukarromah. Kita berdoa moga-moga Allah berikan mereka pahala haji mabrur. Dan kerana kita pun sangat ingin untuk melakukan ibadah haji itu, moga-moga Allah berikan juga kita pahala yang serupa.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari, saudara saya se-Islam:

Sebagai tanda yang kita benar-benar ingin menyembah Allah, dan ingin menunaikan ibadah haji, marilah pada pagi ini kita turut sama-sama menghayati ilmu dan hikmah-hikmah dari ibadah haji. Mula-mula kita mesti faham bahawa Hari Raya Haji yang kita sambut ini bukannya satu tradisi atau adat istiadat warisan datuk nenek kita. Hariraya ini juga bukan hari pesta ria, berpoya-poya dan bergembira hingga lalai dari Allah hingga melakukan maksiat dan dosa.

Aidil adha sebenamya hari untuk hamba-hamba Allah yang beriman, melakukan pengabdian diri pada Allah melalui ibadah haji, yakni kemuncak bagi rukun Islam yang kelima. Pada hari ini, hamba-hamba yang taat, datang kepada Allah membawa hati yang penuh dengan rasa kehambaan, untuk memuja dan memuji Allah serta mengabdikan diri padanya Lihat ucapan mereka:

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ ، لَبَّيْكَ لَاشَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيْكَ لَكَ

Terjemahannya: Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, ya Allah, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, hamba-Mu datang menyambut panggilan-Mu, Tuhan yang tidak

ada sekutu bagi-Mu, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala pujian, nikmat dan pemerintahan adalah kepunyaan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu.

Mereka menyerahkan hati, fikiran dan anggota-anggota lahir untuk melakukan rukun-rukun haji dan sunat-sunatnya, dengan penuh kerelaan. Susah payah mengerjakan ibadah haji, membuatkan mereka benar-benar merasa sebagai hamba yang amat lemah dan hina. Dan sebagai hamba, mereka tidak letih dan jemu untuk berbakti kepada Allah. Kesusahan dan keletihan yang terasa, bukan menjadikan mereka malas beribadah, sebaliknya makin menguatkan rasa kehambaan itu, yang kemudiannya rasa itu kuat mendorong mereka untuk terus melakukan penyembahan pada Allah SWT. Fizikal mereka jadi bertenaga dan cergas untuk beribadah. Hati mereka merasai benar-benar kekuasaan Allah hingga tercetuslah rasa takut kepada Allah, cinta dan tawakal pada-Nya. Hal inilah yang difirmankan Allah dalam Al Quran:

وَبَشِّرِ ٱلْمُخْبِتِينَ ۝ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَٱلصَّٰبِرِينَ
عَلَىٰ مَآ أَصَابَهُمْ وَٱلْمُقِيمِى ٱلصَّلَوٰةِ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ۝

***Terjemahannya:** Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang tunduk patuh (kepada Allah), (iaitu) orang-orang yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka, orang-orang yang sabar terhadap apa yang menimpa mereka, orang-orang yang mendirikan sembahyang, orang-orang yang menafkahkan sebahagian dari apa yang telah Kami rezekikan kepada mereka.*

(Surah Al Hajj: 34 dan 35)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari sepejuangan:

Ibadah haji, selaku ibadah kemuncak dari rukun Islam, yang wajib kita tunaikan itu, mempunyai hikmat dan pengajaran yang besar. Ia boleh menghidupkan ketiga-tiga anggota kita yang penting yakni fizikal, mental dan jiwa (roh) Fizikal akan jadi cergas, fikiran jadi tajam dan jiwa jadi kuat. Seseorang yang cergas dan tangkas gerak lahimya, tajam otaknya dan kuat jiwanya, adalah manusia luar biasa, yang boleh mengubah dan mencorak dunia mengikut kemahuannya.

Dan kalau ramailah umat Islam yang begini, tidak mustahil dunia jahiliah ini tidak lama lagi akan jadi dunia Islam. Ekonomi riba akan bertukar pada ekonomi Islam. Pendidikan sekular akan jadi pendidikan Islam. Politik demokrasi kotor akan jadi politik Islam yang adil dan bersih. Sosial yang lucah akan jadi sosial Islam yang indah dan selamat. Pemimpin-pemimpin akan jadi payung kepada rakyat, menaungi rakyat dengan keadilan dan kasih sayang. Para ulama akan jadi obor, mendidik rakyat menjadi manusia-manusia yang beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan berjihad fisabilillah. Orang kaya jadi bank kepada masyarakatnya, mengeluarkan rezeki yang Allah rezekikan pada mereka tanpa tujuan-tujuan peribadi dan duniawi. Tapi semata-mata kerana Allah. Hinggakan orang-orang miskin tidak lagi rasa terhina dan tidak lagi jadi masalah pada negara. Si miskin redha dengan kemiskinan, tidak meminta-minta dan tidak berhasad dengki. Pemuda jadi bertanggungjawab pada agama dan bangsa, pemudi dan para isteri jadi taat dan malu. Sanggup mengutamakan rumahtangga dan suami serta anak-anak daripada kepentingan diri dan duniawi.

Pendek kata, dengan Islam, tamadun manusia akan bertukar kepada satu tamadun yang mulia, aman dan makmur. Yakni menepati tamadun yang dibanggakan oleh generasi salafussoleh yang sunyi dari maksiat dan kekejian. Dunia mereka aman makmur dan mendapat keredhaan Allah. Demikianlah firman Allah:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahannya: Negara yang aman makmur dan mendapai kampunan Allah.

(As Saba : 15

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang pendengar yang budiman:

Alangkah besamya hikmah dari ibadah haji itu. Kalaulah kita dapat melaksanakannya dengan baik hingga memperolehi hikmah-hikmahnya itu, nescaya kita jadi orang-orang yang sangat beruntung. Kita akan jadi tuan di dunia dan tuan juga di akhirat. Berjaya di dunia dan berjaya juga di akhirat. Untuk itu, mari kita mengkaji rahsia-rahsia ibadah haji ini. Bagaimana ia boleh menghidupkan fizikal, mental dan jiwa kita.

1. Segi pembangunan fizikal

Mengerjakan haji ertinya bekerja keras, berjalan jauh, turun naik kenderaan, berpindah randah, mengangkat dan mengangkut barang dan berkejar ke sana-sini. Itu baru pengurusan awal untuk pergi mengerjakan haji. Kita ‘sudah gunakan fizikal kita dengan sedaya upaya kita mengerahkan tenaga dan menggunakannya tanpa kira penat lelah dan letih lesu lagi.

Seterusnya bila tiba waktu mengerjakan haji bekerja keras lagi. Tujuh kali tawaf, mengelilingi kaabah. Tujuh kali berulang-ulang alik sambil berlari-lari anak, antara Safa dan Marwa. Melontar ketiga-tiga jamrah, berpindah randah dari Arafah ke Muzdalifah dan seterusnya ke Mina. Semua itu dilakukan dalam panas terik, haus, dahaga, bertolak-tolak dan berhimpit-himpit, bahkan kadang kadang dibelasah terjatuh dan dipijak orang. Begitulah latihan-latihan menggunakan fizikal yang disediakan oleh Allah dalam ibadah haji.

Orang yang lemah dan malas, tidak boleh berjaya dalam latihan ini. Allah mahu kita cergas, tangkas dan rajin tanpa merempuh orang lain. Dan tanpa melanggar batas-batas syariat. Hal ini amat penting dalam hidup kita, sebab menjadi khalifah Allah, yang boleh memperjuangkan hukum-hukum Allah hanyalah orang-orang yang mempunyai kekuatan dan ketangkasan fizikal. Yakni fizikal yang sihat dan kuat dari hati dan fikiran yang bertaqwa.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Para hadirin dan hadirat yaang dihormati:

Bagaimana pula ibadah haji boleh membangunkan mental dan fizikal kita? Hal ini berlaku kerana semasa mengerjakan ibadah haji di Makkah, mahu tidak mahu ingatan kita akan kembali ke zaman silam mengingati berbagai kisah sejarah yang berlaku di sana. Fikiran kita akan dibangunkan dan digerakkan oleh berbagai-bagai peristiwa sejarah.

Fikiran yang hidup dengan sejarah-sejarah Islam adalah fikiran yang memandu manusia untuk berjalan di atas landasan kebenaran seperti yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Di antara kesan-kesan sejarah yang sangat berguna dan berpengaruh pada kita ialah:

a. Tanah Suci Makkah adalah tempat bermulanya perjuangan Islam oleh Rasulullah dan para sahabat. Di sana mereka berhadapan dengan segala suka duka perjuangan. Kemuncak perjuangan ialah mereka berpindah dari bumi Makkah. Tapi penghijrahan itu rupa-rupanya bermulanya era perkembangan Islam di tempat-tempat lain di dunia dan akhimya mereka dapat Islamkan 3/4 dari isi dunia.

Begitulah kesan sejarah yang mengajar kita bahawa perjuangan yang hak itu, walau ditentang dan dihalang dengan cara apa sekali-

pun, ia akan tetap berkembang dengan pertolongan Allah. Lihat firman Allah:

ثُمَّ صَدَقْنَٰهُمُ ٱلْوَعْدَ فَأَنجَيْنَٰهُمْ وَمَن نَّشَآءُ وَأَهْلَكْنَا ٱلْمُسْرِفِينَ

Terjemahannya: Kemudian Kami tepati janji (yang telah Kami janjikan) kepada mereka. Maka Kami selamatkan mereka dan orang-orang yang Kami kehendaki dan Kami binasakan orang-orang yang melampaui batas.

(Surah Al Anbiya: 9)

وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا ءَاخَرِينَ

Terjemahannya: Dan berapa banyaknya (penduduk) negeri yang zalim yang telah Kami binasakan, dan Kami adakan sesudah mereka itu kaum yang lain (sebagai pengganti).

(Al Anbiya : II)

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

Terjemahannya: Sebenarnya Kami melontarkan yang hak kepada yang batil lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta merta yang batil itu lenyap.

(Al Anbiya : 18)

Dengan itu fahamlah kita bahawa perjuangan Islam, yang dapat mencontohi perjuangan Rasulullah para sahabat, tabiin, tabiut-tabiin dan umum salafussoleh, nescaya akan dibantu oleh Allah dan akan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah:

لَٰكِنِ ٱلرَّسُولُ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَعَهُۥ جَٰهَدُوا۟ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلْخَيْرَٰتُ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ

Terjemahannya:Tetapi Rasul dan orang-orang yang beriman bersama dia, mereka berjihad dengan harta dan diri mereka. Mereka itulah orang yang memperolehi kebaikan; dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

(At Taubah: 88)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadirin hadirat sekalian:

Sa'i sebagai salah satu rukun haji mempunyai sejarah yang agung. Sewaktu berlari-lari anak, berulang-alik dari Safa dan Marwa nescaya fikiran kita akan dipenuhi oleh peristiwa berlari-larinya Siti Hajar di tempat kita berada waktu itu, mencari air minum untuk anak kecilnya Nabi Ismail a.s. Beliau berlari-lari membawa hati yang sedih kerana ditinggalkan suami di bumi yang kering kontang itu.

Dalam pada itu beliau sangat bimbangkan nasib anak kecilnya yang sedang kehausan, yang ditinggalkan sendirian kerana beliau mencari air. Keyakinan dan tawakalnya pada Allah membolehkan Siti Hajar menempuh nasib yang malang itu. Hasil kesabaran Siti Hajar dan tawakalnya Nabi Ibrahim, maka berlakulah pertolongan Allah yang luar biasa. Terpancumya air zam-zam dari bumi padang pasir yang gersang itu. Air itu kekal adanya hingga hari ini dan di minum oleh manusia seluruh dunia yang datang ke sana.

Sejarah ini memberitahu kita bahawa para kekasih Allah diuji dengan penderitaan yang berat. Dan mereka tabah menghadapinya. Ertinya kalau kita mahu jadi kesayangan Allah, maka bersedialah untuk menempuh ujian demi ujian yang berat dan makin berat. Kalau kita sanggup derita, sabar, redha, patuh dan yakin dengan Allah, jadilah kita hamba yang dikasihi oleh Allah. Ingatlah orang-orang Allah tidak ada yang disenang dan dimewahkan di dunia. Firman Allah:

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ
غُرُوبِهَا ۖ وَمِنْ آنَاءِ اللَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ○ وَلَا
تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ○

Terjemahannya: Maka bersabarlah kamu atas apa yang mereka katakan, dan bertasbihlah dalam memuji Tuhanmu, sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya dan bertasbihlah pula pada waktu-waktu di malam hari supaya kamu merasa senang. Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka, sebagai bunga kehidupan dunia untuk kami cubai mereka dengannya. Dan kurnia Tuhan kamu ***adalah lebih baik dan lebih kekal.***

(Surah Thahaa: 130 dan 131)

Firman Allah lagi:

فَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ بِهَا
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنْفُسُهُمْ وَهُمْ كَافِرُونَ

Terjemahannya: Maka janganlah harta benda mereka dan anak-anak mereka menarik hatimu. Sesungguhnya Allah mengkehendaki dengan memberi harta benda dan anak-anak itu untuk menyeksa mereka dalam kehidupan di dunia dan kelak akan melayang nyawa mereka, sedang mereka dalam keadaan kafir.

(At Taubah 55)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin dan muslimat sekalian:

Di tanah suci Makkah, kita akan menziarahi Badar, tempat berlakunya perang Badar. Terkenanglah oleh kita, betapa gawatnya perang antara 1000 orang tentera kafir Quraisy dengan cuma 313. orang tentera Islam. Tapi aneh, sejarah mencatatkan bahawa 313 telah mengalahkan 1000 orang. Tentera Islam yang sedikit itu beroleh kemenangan. Hal ini tiada siapa menduganya. Sebab itu sangatlah memeranjatkan.

Firman Allah:

ثُمَّ أَنزَلَ ٱللَّهُ سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ وَعَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ ٱلْكَٰفِرِينَ

***Terjemahannya:** Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman. Dan Allah menurunkan bala tentera yang kamu tiada melihatnya dan Allah menimpakannya bencana kepada orang-orang yang kafir dan demikianlah pembalasan kepada orang-orang yang kafir.*

(At Taubah: 26)

Dengan pertolongan Allah, orang Islam beroleh kemenangan. Itulah rahsia kekuatan umat Islam iaitu pertolongan Allah. Tetapi Allah hanya akan menolong orang Islam yang bertaqwa. Lihat firman-Nya:

وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ

***Terjemahannya:** Allah itu pembela orang-orang yang bertaq-. wa.*

(Al Jaathiyah: 19)

Taqwa ialah syarat datangnya pertolongan Allah. Tanpa taqwa, Allah akan biarkan umat Islam kepada musuh-musuh mereka. Se-

bab itu hari ini umat Islam hina dina di negeri sendiri. Masalah demi masalah menimpa. Rasuah dan penipuan tidak terkawal. Krisis orang politik tidak dapat dibendung. Miskin merempat dan 'mengemis dari musuh untuk dapatkan keperluan-keperluan hidup mereka. Lulusan-lulusan yang diharapkan dapat membela negara belot. Itulah akibat umat Islam tidak bertaqwa.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara saudari yang dihormati:

Bukit Uhud di Makkah akan mengingatkan kita sejarah perang Uhud, antara tentera-tentera Islam dan kafir Quraisy. Peperangan kali kedua ini, memberi kekalahan yang teruk pada tentera Islam. Adanya orang-orang yang melakukan dosa, menyebabkan pertolongan Allah tidak datang, bahkan Allah biarkan mereka pada musuh. Dosa yang dimaksudkan itu ialah:

1. Tidak taat pada arahan pemimpin, yakni Rasulullah saw.
2. Rasa tamak pada harta rampasan yakni harta dunia yang murah ini.

Hati mereka waktu itu tidak bertaqwa lagi. Maka Allah pun berlepas diri. Walaupun bukan semua terlibat dalam dosa ini, namun hukuman dosa itu menimpa seluruh tentera Islam. Peristiwa ini memahamkan kita, bahawa ketaatan kepada pemimpin adalah amat penting. Selain itu, kita juga kena faham sifat tamak pada kekayaan duniawi, adalah mazmumah yang dibenci oleh Allah dan boleh memberi kesan buruk pada kehidupan.

Demikianlah huraian sejarah yang berkait dengan ibadah haji. Memahami perkara-perkara ini bererti mempunyai ilmu yang berguna untuk mencorak fikiran kita agar mempunyai pemikiran Islam yang tulen dan penting kepada kebangkitan Islam.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadirin yang berbahagia:

Ibadah haji bukan sahaja boleh membangun fizikal dan mental tetapi juga dapat membangunkan jiwa kita. Pembangunan jiwa dengan iman dan taqwa adalah penting sekali bagi kehidupan manusia. Sebab jiwa yang bersih akan mencetuskan akhlak yang mulia dan terpuji. Sebaliknya jiwa yang kotor yakni tidak beriman dan bertaqwa akan menjadikan akhlak seseorang itu buruk sekali. Sombong, takabbur, hasad dengki, pemarah, buruk sangka, tamak, mementingkan diri sendiri, bakhil, khianat, gila pangkat, tipu dan lain-lain lagi. Hal ini kalau dibiarkan pada manusia, akan mengancam kemajuan dan pembangunan lahiriah mereka dan akan menimbulkan krisis dan huru hara. Sebab itu Islam mengutamakan pembangunan jiwa dari pembanguan fizikal dan mental. Bahkan semua ibadah-ibadah itu diperintahkan dengan tujuan untuk membuahkan iman dan akhlak yang baik .

Bagaimana ibadah haji boleh menghidupkan jiwa? Mari kita lihat pada bacaan-bacaan yang fardhu dan sunat, yang dibuat semasa mengerjakan haji:

1. Bacaan doa semasa tawaf.

اَللّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيْمَانًا كَاملاً وَيَقِيْنًا صَادقًا وَرِزْقًا وَاسعًا وَقَلْبًا خَاشعًا وَلِسَانًا ذَاكرًا وَحَلاَلاً طَيِّبًا وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْت وَمَغفرَةً وَرَحْمَةً بَعْدَ الْمَوْت وَالْعَفْوَ عِنْدَ الْحسَاب وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّة وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِيْنَ

Terjemahannya: Ya Allah, Tuhanku, sesungguhnya hamba-Mu pohon kurniakan iman yang sempurna, keyakinan yang sebenarnya, rezeki yang luas, hati yang khusyuk, lidah yang sentiasa menyebut-nyebut nama-Mu, barang-barang halal yang baik, taubat yang bersungguh-sungguh sebelum mati, keampunan dan rahmat sesudah mati, kemaafan ketika dihitungkan amalan, kejayaan dengan mendapat syurga dan keselamatan dari neraka, dengan kasihan belas-Mu ya Tuhan yang Maha Mulia, yang Maha Pengampun, ya Tuhan, tambahkan ilmu kepadaku dan masukkanlah aku ke dalam golongan yang baik.

2. Doa di Hajar Ismail a.s.

اَللّهُمَّ أَنْتَ رَبِّيْ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ أَنْتَ خَلَقْتَنِيْ وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلٰى عَهْدِكَ
وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوْءُ لَكَ
بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوْءُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْلِيْ فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلاَّ
أَنْتَ. اَللّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ بِهِ عِبَادُكَ الصَّالِحُوْنَ،
وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ بِكَ مِنْهُ عِبَادُكَ الصَّالِحُوْنَ. اَللّهُمَّ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُلْيَا طَهِّرْ قُلُوْبَنَا مِنْ كُلِّ وَصْفٍ
يُبَاعِدُنَا عَنْ مُشَاهَدَتِكَ وَمَحَبَّتِكَ وَأَمِتْنَا عَلَى السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ
وَالشَّوْقِ إِلَى لِقَائِكَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالإِكْرَامِ. اَللّهُمَّ نَوِّرْ بِالْعِلْمِ قَلْبِيْ
وَاسْتَعْمِلْ بِطَاعَتِكَ بَدَنِيْ وَخَلِّصْ مِنَ الْفِتَنِ سِرِّيْ، وَاشْغَلْ
بِالاعْتِبَارِ فِكْرِيْ، وَقِنِيْ شَرَّ وَسَاوِسِ الشَّيْطَانِ وَأَخْرِجْنِيْ مِنْهُ يَا
رَحْمٰنُ حَتّٰى لاَ يَكُوْنَ لَهُ عَلَيَّ سُلْطَانٌ، رَبَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْلَنَا ذُنُوْبَنَا
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Ertinya: "Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan yang disembah sebenar-benarnya melainkan Engkau. Engkaulah yang telah menciptakan, aku adalah hamba-Mu, berpegang kepada perjanjian dan taat setia terhadap-Mu, sedaya upaya-ku, aku minta perlindungan dengan-Mu dari dosa yang telah kulakukan aku mengakui, limpah kurnia Engkau ke atasku, aku mengakui juga segala dosa yang telah aku kerjakan, maka ampunilah dosaku itu, kerana ,tiada siapa yang boleh mengampunkannya melainkan Engkau juga. Ya Allah ya Tuhanku, aku memohon kepada Engkau apa yang paling baik yang pernah dipohon oleh hamba-hamba-Mu yang soleh dan aku berlindung dengan-Mu daripada sejahat-jahat apa yang pernah diminta perlindungan oleh hamba-hamba-Mu yang soleh.

Ya Allah, ya Tuhanku, dengan keagunghn nama-Mu dan dengan sifat-Mu yang Maha Suci dan Mulia, bersihkanlah hati kami daripada segala keadaan yang menjauhkan kami untuk memandang kebesaran-Mu, belas kasih sayang-Mu, matikanlah kami atas perjalanan ahli sunnah wal jamaah dengan rasa kecintaan untuk mengadap-Mu, wahai Tuhan yang mempunyai ketinggian dan kemuliaan.

Ya Allah ya Tuhanku! Terangkanlah hatiku dengan ilmu pengetahuan .dan jadikanlah tubuh badanku untuk mentaati-Mu, bersihkanlah hatiku dari fitnah dan jadikan fikiranku dorongan untuk mengambil iktibar. Peliharakanlah daku daripada was-was syaitan dan keluarkanlah aku daripada bahayanya, wahai Tuhan yang Maha Pengasih sehingga syaitan itu tiada berkuasa ke atasku. Ya Allah ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman dengan-Mu maka ampuni-lah doss-dosa kami dan peliharalah kami dari azab neraka."

3. Doa semasa Sa'i:

اللهُ اَكْبَرُ اللهُ اَكْبَرُ، اللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ للهِ كَثِيْرًا، اَللّٰهُمَّ
حَبِّبْ إِلَيَّ الايْمَانَ وَزَيِّنْهُ فِيْ قَلْبِيْ وَكَرِّهْ إِلَيَّ الْكُفْرَ وَالْفُسُوْقَ
وَالْعِصْيَانَ وَاجْعَلْنِيْ مِنَ الرَّاشِدِيْنَ. رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكَرَّمْ
وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لاَ نَعْلَمُ إِنَّكَ اَنْتَ اللهُ الأَعَزُّ
الأَكْرَمُ. اَللّٰهُمَّ اخْتِمْ بِالْخَيْرَاتِ آجَالَنَا وَحَقِّقْ بِفَضْلِكَ آمَالَنَا وَسَهِّلْ
لِبُلُوْغِ رِضَاكَ سُبُلَنَا وَحَسِّنْ فِيْ جَمِيْعِ الأَحْوَالِ أَعْمَالَنَا يَا مُنْقِذَ
الْغَرْقِيْ يَا مُنْجِيَ الْهَلْكِيْ يَا شَاهِدَ كُلِّ نَجْوَى، يَا مُنْتَهَى كُلِّ
شَكْوَى يَا قَدِيْمَ الاحْسَانِ يَا دَائِمَ الْمَعْرُوْفِ، يَا مَنْ لاَ غِنَى
بِشَيْءٍ عَنْهُ وَلاَبُدَّ لِكُلِّ شَيْءٍ مِنْهُ يَا مَنْ رِزْقُ كُلِّ شَيْءٍ وَمَصِيْرُ
كُلِّ شَيْءٍ إِلَيْهِ. اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ عَائِذٌ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا أَعْطَيْتَنَا وَمِنْ شَرِّ
مَا مَنَعْتَنَا. اَللّٰهُمَّ تَوَفَّنَا مُسْلِمِيْنَ وَأَلْحِقْنَا بِالصَّالِحِيْنَ غَيْرَ خَزَايَا
وَلاَ مَفْتُوْنِيْنَ، رَبِّ يَسِّرْ وَلاَ تُعَسِّرْ، رَبِّ اَتْمِمْ بِالْخَيْرِ.

Ertinya: "Allah yang Maha Agung, Allah yang Maha Agung, Allah yang Maha Agung. Segala puji-pujian yang banyak tertentu bagi Allah. Ya Allah ya Tuhanku, tanamkanlah dalam jiwaku rasa kasih sayang kepada iman dan jadikanlah ia perhiasan dalam hatiku tanamkanlah rasa benci kepada kufur, fasik dan derhaka di dalam hatiku, jadikanlah aku daripada golongan orang yang mendapat petunjuk.

Wahai Tuhan ampunilah kami, rahmatilah kami, maafkanlah kami, kurniakanlah kami kemurahan dan ampunilah segala apa yang Engkau ketahui. Sesungguhnya Engkau ketahui apa yang kami tidak mengetahui dan Engkaulah Allah' yang Maha Mulia lagi Maha Pemurah.

Ya Allah sempurnakanlah ajalku dengan segala kebajikan, sampaikanlah cita-citaku dengan limpah kurnia-Mu dan

mudahkanlah segala jalan yang boleh meyampaikanku kepada keredhaan-Mu, perelokkanlah segala amalanku di dalam semua keadaan. Wahai Tuhan yang menolong mereka yang tenggelam, Tuhan yang melepaskan orang yang binasa, Tuhan yang mendengar segala bisikan jiwa, Tuhan yang menjadi tumpuan segala rayuan. Wahai Tuhan yang sentiasa berikhsan, yang sentiasa melihat kebajikan, wahai Tuhan yang sesuatu itu tidak terkaya daripada-Nya dan tiap-tiap suatu yang berlaku adalah dengan kehendak-Nya, Tuhan yang menentukan segala rezeki kepada tiap-tiap sesuatu dan kepada-Nya tempat kembali.

Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada sejahat-jahat yang Engkau kurniakan kepada kami dan daripada seburuk-buruk perkara yang Engkau tegahkan kami. Ya Allah ya Tuhanku, matikanlah kami dalam agama Islam, dan dampingilah kami dengan orang-orang yang soleh di dalam keadaan tidak terhina dan tidak terpesona. Ya Allah berikanlah kepada kami segala *kemudahan janganlah menyusahkan, ya Tuhan sempurnakanlah amalan kami dengan kebajikan.*

Itulah dia di antara. hajat dan permintaan yang kita pohonkan dari Allah SWT, ketika mengerjakan ibadah haji. Doa-doa itu menggambarkan cita-cita dan keinginan hati yang begitu suci dan tinggi. Kita tidak minta pada Allah perkara-perkara duniawi yang menjadi kecintaan hawa nafsu seperti pangkat, kemasyhuran, harta kekayaan, rumah besar, isteri cantik, pengaruh dan lain-lain. Seolah-olah selama ini, perkara-perkara itu tidak menjadi keinginan dan cita-cita hidup kita.

Sebaliknya doa dan rintihan-rintihan sewaktu tawaf, sa'i dan wukuf itu memperlihatkan seolah-olah kita begitu cinta dan hampir dengan Allah. Hidup dan mati diserah bulat-bulat untuk Allah, yakni untuk mengabdikan diri hanya pada Allah. Iman dan taqwa serta amal soleh adalah menjadi buruan dan perjuangan hidup. Dan

seolah-olah hanya zat Allahlah saja kenikmatan yang kita tuntut dan neraka pula amat kita takut dan sangat berusaha untuk lari sejauh-jauh darinya. Begitulah kudusnya hidup dan hati para jemaah haji. Betapa tinggi dan mulianya jiwa mereka. Jiwa yang penuh dengan rasa hina diri, sangat lemah, serba kekurangan dan banyak dosa. Jiwa yang sangat mengagungkan Allah, bergantung kepada Allah dan merasakan segala kenikmatan datangnya dari Allah. Dirinya tiada kuasa apa-apa sedikit pun. Mereka seolah-olah telah menepati apa yang Allah finnankan:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ
يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ

Terjemahannya: Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak pula oleh jual beli dari mengingati Allah dan dari mendirikan sembahyang, dan dari membayar zakat. Mereka takut kepada suatu hari nanti yang pada hari itu hati dan penglihatan menjadi goncang.

(Surah An Nur: 37)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ
الأيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ. وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ
الْعَلِيْمُ. اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ. فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ

KHUTBAHKEDUA

اللهُ اكبر (٧ كالي) لاَ اِلهَ الاَّ اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ وَلله الْحَمْدُ.

اَلْحَمْدُ لله الَّذي جَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ عِيْداً للاسْلاَمِ، وَحَرَّمَ فيْه الصِّيَامَ.

نَحْمَدُهُ وَنَشْكُرُهُ عَلىٰ كَمَالِ احْسَانه وَهُوَ ذُوالْجَلاَلِ وَالاِكْرَامِ. وَنَسْأَلُهُ

الْهدَايَةَ وَالتَّوْفيْقَ عَلىٰ الاَنْقيَاد لدِيْنه الاَسْلاَمِ.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلىٰ سَيِّدنَا مُحَمَّدٍ وَعَلىٰ اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

اَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللهِ، اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوَىٰ اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Kaum Muslimin yang berbahagia:

Nyatalah ibadah haji benar-benar mendidik kita untuk membangunkan fizikal, mental dan jiwa. Bangun tmtuk berbakti kepada Allah dan mengabdikan hidup hanya untuk-Nya. Agar tugas khalifah itu benar-benar kita laksanakan. Supaya umat Islam dapat menegakkan hukum Allah pada diri keluarga, masyarakat dan dunia seluruhnya, supaya dunia ini berjalan di atas landasan syariat Islam dan supaya manusia hidup seperti hidupnya Rasulullah, Khulafa ur Rashidin, para sahabat dan seluruh salafussoleh.

Tetapi mengapa hal itu tidak berlaku dalam realiti kehidupan kita hari ini? Para jemaah haji yang jutaan ramainya datang dari seluruh dunia pada setiap tahun mengerjakan haji ke Mekah, balik tanpa membuat apa-apa perubahan pada diri, keluarga, masyarakat dan dunia seluruhnya. Kelihatannya, sebelum pergi dan sesudahnya, tiada beza apa-apa. Seolah-olah tiada apa yang istimewanya pergi mengerjakan haji dengan tidak pergi. Hingga kerana itu, umat Islam terus menerus jadi orang tawanan di dunia ini. Hidup menumpang dengan musuh-musuh Islam, Yahudi dan Nasrani. Bahkan mencari makan dengan menolong kerja-kerja menegakkan kehidupan ala Yahudi dan Nasrani. Al hasil, Islam tinggal nama.

Iman dan taqwa tiada harga dan dilupakan begitu sahaja. Al Quran dipertandingkan kemerduan bacaannya sahaja, Sunnah Nabi jadi bahan bualan sahaja. Sistem hidup Islam tidak ada tempat dalam cara hidup umat Islam sendiri. Mereka melaksanakan sistem hidup ala Yahudi dalam rumahtangga, dalam masyarakat, dalam sekolah, dalam hospital, dalam ekonomi, dalam politik, dalam media massa, dalam pertanian, ketenteraan, perhubungan antarabangsa dan dalam apa jua aspek hidup. Walhal, dalam ibadah-ibadah mereka, termasuk ibadah haji, mereka berjanji dengan Allah untuk menjadi hamba yang taat sekaligus menjadi khalifah-Nya, mengabdikan diri untuk menegakkan Islam dalam hidup dan mati.

Mengapa terjadi begini? Mengapa perhimpunan raksasa yang dibuat setiap tahun di Mekah itu tidak memberi satu kekuatan pada Islam? Mengapa ibadah haji tidak memberi tenaga untuk kita melaksanakan Islam? Mengapa fizikal, mental dan jiwa kita tidak bangun-bangun?

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang jemaah sekalian:

Pada saya, terjadinya kejadian malang ini ialah kerana umat Islam tidak dididik untuk menghayati ibadah-ibadah mereka. Saya saksikan sendiri di Mekah, selepas mengerjakan haji, kebanyakan para jemaah haji yang tadinya waktu mengerjakan haji, dengan pakaian ihram, kelihatan bagaikan hamba yang menghina diri dengan Allah, yang beria-ia berdoa dan berjanji untuk mengabdikan diri pada Allah, telah bertukar menjadi tuan-tuan dan taukeh-taukeh besar. Sikap khusyuk dan tawadhuk pada Allah hilang diganti oleh sikap sombong dan angkuh.

Masing-masing berlumba-lumba membeli-belah, biar lebih dari orang lain. Kalau tadi waktu mengerjakan haji, berjanji untuk kor-

bankan dunia untuk akhirat, tapi selesai saja haji, masing-masing berkorban Wang ringgit untuk membeli dunia. Akbirat sudah dilupakan. Pakaian pun ada yang sudah mendedahkan aurat. Walhal belum lagi keluar dari tanah haram. Lelaki berbaju batik berbangga, tidak dianggap salah lagi. Pergaulan bebas lelaki perempuan ajnabi tidak dikira haram lagi. Hiruk-pikuk dan simpang-siumya bagaikan dalam pesta keramaian muda-mudi. Suasana ibadah, hubungan dengan Allah dan cara hidup sunnah langsung tidak kelihatan. Seolah-olah mereka itu bukannya baru selesai dari melakukan ibadah haji, ibadah kemuncak dari rukun Islam yang lima.

Demikian bukti bahawa umat Islam tidak menghayati ibadah haji. Ibadah tidak mendidik iman dan taqwa mereka. Ibadah tidak memberi hasil yang sepatumya. Sebab itu tiada bezanya bagi mereka sebelum dan sesudah ibadah haji itu dilakukan.

Kita perhatikan lagi, bila tiba di kampung masing-masing, pulang dengan menjinjing dan menjunjung segala macam barang-barang murah dan mahal sebagai ole-ole dari tanah suci. Maka kepada orang-orang kampung yang menziarahi kepulangan saudara mereka dari tanah suci diceritakan perihal susah payah hidup di Mekah dan sewaktu mengerjakan haji. Sakit pening yang ditanggung, makanan yang tidak sesuai dengan selera, tempat tinggal dan tempat tidur yang tidak selesa, kejahatan-kejahatan orang di tanah suci, harga barang yang mahal, kenderaan yang susah dapat, cerim pihak tabung haji yang kurang beri perhatian, Syeikh haji kurang bertanggungjawab dan bermacam-macam lagi. Dari topik perbualan ini, nyata pengalaman hidup di tanah suci lebih mendapat perhatian daripada tujuan sebenar ke sana untuk beribadah kepada Allah, menunaikan rukun Islam yang kelima.

Jarang kita bertemu dengan jemaah haji yang membawa balik didikan dan tarbiah yang didapati di Mekah, yang hal itu kemudian diperpanjangkan kepada masyarakat setempat. Jarang juga kita jumpa jemaah haji yang membawa balik fizikal yang cergas beribadah, berbakti dan berjuang di jalan Allah, hasil sebulan berlatih di

Mekah. Sangat sediit kita jumpa orang-orang' yang balik bersama kebimbangan apakah ibadah hajinya diterima oleh Allah atau tidak. Dan hampir-hampir tidak ada orang-orang yang balik dari Mekah bersama akhlak yang lebih baik dari sebelumnya, mazmumah yang berkurangan dan pengorbanan harta dan jiwa raga yang bertambah untuk jihad fisabilillah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara saudari sidang jemaah sekalian:

Kalaulah keadaan ini dibiarkan, sampai bila kita akan dapatkan negara Islam dan dunia Islam yang kita cintakan? Masyarakat yang tidak terdidik dengan ilmu pengetahuan dan iman yang sempuma tidak akan membantu usaha-usaha menegakkan Islam dalam negara dan dalam masyarakat. Bahkan sebaliknya mereka akan jadi penentang. Oleh itu saya berseru kepada alim ulama khususnya, akan menjalankan tugas dengan lebih serius dan berkesan. Supaya hasil didikan itu kelihatan ujud dalam kehidupan masyarakat. Supaya Islam bukan tinggal dalam kitab, untuk dibaca dan disyarahkan saja. Sebab Islam adalah cara hidup. Ia mesti dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat.

Saya terpaksa katakan hingga hari ini, pelajaran dan didikan yang dibuat, setakat memberitahu masyarakat apa itu Islam. Maka ramailah orang-orang yang tahu. Tapi sedikit sekali orang-orang yang melakukan apa yang dia tahu itu. Lagi sedikit orang yang berjuang dan berkorban untuk menegakkan hukum ALLAH dalam masyarakat. Sepatumya hal ini tidak berlaku. Berdasarkan firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ○
كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ○

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan.

(As Saff: 2-3)

Berapa ramai orang yang tahu sembahyang itu wajib, tapi mereka tidak lakukan. Berapa ramai pula yang tahu aurat itu haram didedahkan, tapi mereka tetap dedahkan aurat mereka. Berapa ramai pula tahu pendidikan Islam wajib ditegakkan, tapi tetap juga mereka mengiktirafkan pendidikan selain Islam. Umat Islam tahu ekonomi riba itu haram, tapi mereka tetap memberi kerjasama padanya. Tahu berjuang dan berjihad itu dituntut, tapi tetap tidak melakukannya. Tahu sombong, dengki, bakhil itu dibenci Allah, tapi terus mengekalkannya. Tahu juga segala sifat-sifat yang baik itu, seperti sabar, kasih sayang, rendah diri dituntut tapi tidak pun melakukannya

Apakah ubat pada penyakit, tahu tapi tidak mahu ubat ini? Firman Allah SWT:

إِنَّهُمْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ○ وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كِذَّابًا ○
وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ كِتَابًا ○

Terjemahannya: Sesungguhnya mereka tidak takut pada hari hisab dan mereka mendustakan ayat-ayat Kami dengan sesungguh-sungguhnya. Dan segala sesuatu telah Kami catatkan dalam suatu kitab.

(Surah An Naba' : 27-29)

Lemahnya iman, khususnya lemahnya keyakinan pada hari kiamat, yakni tidak gerun dengan neraka, adalah punca kepada manusia berani menderhakai Allah. Oleh itu marilah kita sebutkan di sini betapa dahsyatnya hari kiamat dan seksa api neraka itu. Allah berfirman

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمْۚ إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ ○
يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّآ أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ
كُلُّ ذَاتِ حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى ٱلنَّاسَ سُكَٰرَىٰ وَمَا هُم
بِسُكَٰرَىٰ وَلَٰكِنَّ عَذَابَ ٱللَّهِ شَدِيدٌ ○

Terjemahannya: *Hai manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu; sesungguhnya kegoncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat besar (dahsyat), ingatlah pada hari (ketika) kamu melihat kegoncangan itu, lalai semua wanita yang menyusui anaknya dari anak yang disusukannya dan gugurlah kandungan segala wanita yang hamil, dan kamu lihat manusia dalam keadaan yang mabuk, pada hal sebenarnya mereka tidak mabuk, akan tetapi azab ALLAH itu sangat kerasnya.*

(Surah Al Haj: I dan 2)

Alangkah dahsyatnya hari kiamat. Hari dimana setiap orang dipanggil mengadap ALLAH. Kita dibicarakan pada hari itu, dengan tidak ada peguambela. Kaki, tangan dan anggota-anggota kita sendiri akan bercakap pada waktu itu untuk menjadi saksi atas apa yang kita kerjakan. Tidak sedikit pun pembohongan boleh dibuat. Allah hadirkan matahari sejengkal di kepala. Kita dibiarkan tanpa pakaian, bagaikan cacing kepanasan. Harta sepenuh bumi pun pada hari itu, tidak berguna lagi. Hari yang tidak ada jual beli dan tebusan lagi. Ingatlah firman Allah yang ertinya:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Terjemahannya: *Pada hari itu, tidak berguna harta dan anak-anak, kecuali mereka yang pergi mengadap Allah membawa hati yang selamat.*

(As Syuara : 88-89)

Api neraka bemyala-nyala. Kepanasannya 70 kali lebih panas dari api biasa. Dalamnya ialah sejauh 70 tahun perjalanan. Daripada 120 saf manusia yang berbaris, 117 akan dicampakkan ke dalamnya 17 orang malaikat penjaga neraka yang garang dan kejam ditugaskan mengawal penduduk neraka. Tiada seorang yang akan lepas lari darinya. Setiap mata pada hari itu akan melihat dan menyaksikan benamya adanya neraka. Baru manusia yakin dengan sebenar-benamya. Walhal masa di dunia, mereka selalu tertanya-tanya bahkan tidak memperdulikannya.

Ketakutan manusia pada waktu itu begitu dahsyat sekali. Lebih dari takutkan harimau yang hendak menerkam. Mata mengalirkan darah, gigi-gigi menjadi bara. Menggigil ketakutan bagaikan mahu lekang segala sendi anggota. Dalam keadaan itu, Allah firmankan yang lebii kurang dailognya:

> ***"Siapakah yang berkuasa pada hari ini?" Mendengar itu segala maharaja dan ketua-ketua negara bersama rakyat jelatanya, tidak mengangkat mata, mereka memberi jawapan: Bagi Allah yang Esa lagi Perkasa. Cuma hati saja berkata-kata: "Tuhan kembalikanlah aku ke dunia. Nescaya aku akan mengikut segala yang Engkau perintahkan." Setiap hati berkata: "Kalau beginilah sudahnya alangkah baiknya kalau aku buat sebanyak-banyak kebaikan dan pengorbanan waktu di dunia. Dan hari ini setiap hati mengharap, "Alangkah bagusnya kalau aku jadi tanah!"***

Fir-man Allah:

يَوْمَ يَقُومُ ٱلرُّوحُ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ صَفًّا ۖ لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ
وَقَالَ صَوَابًا ۝ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلْحَقُّ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ مَـَٔابًا ۝ إِنَّآ
أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ
يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ۝

Terjemahannya: Pada hari ketika roh dan para malaikat berdiri bersaf-saf, mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah diberi izin kepaa'anya oleh Tuhan yang Maha Pemurah, dan ia mengucapkan kata yang benar. Itulah hari yang pasti terjadi. Maka barangsiapa yang menghendaki nescaya ia menempuh jalan kembali kepada Tuhannya. Sesungguhnya Kami telah memperingatkan kepadamu (hai orang kafir) seksa yang dekat, pada hari manusia melihat apa yang telah diperbuat oleh kedua tangannya; dan orang kafir berkata; "Alangkah baiknya sekiranya aku dahulu adalah tanah."

(Surah An Naba': 38-40)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadiran-hadirat sekalian:

Kalau beginilah keadaannya, apakah kita mahu bermain-main di dunia ini? Atau masih berkira-kira sangat untuk korbankan keseronokan duniawi demi mencari keselamatan hidup di akhirat? Masih malas hendak sembahyang atau sembahyang tidak khusyuk? Masih berat nak keluarkan zakat, masih tak seronok nak pergi Mekah, masih cuai dengan puasa, masih rasa panas nak tutup aurat, masih sedap dengan riba', dengan nasionalisma, dengan pergaulan bebas, dengan bermewah-mewah dan membazir, dengan rasuah, zina, dadah, arak, menipu, sombong, hasad dengki, bakhil, pemarah, dendam dan lain-lain? Masih mahu berehat saja di dunia dari berkorban dan berjuang fisabilillah? Tanyalah diri takut lipan atau takut singa? Ertinya takut susah sedikit di dunia atau takut azab neraka?

Pertimbangkan baik-baik persoalan ini dari sekarang. Pastikan kita tidak akan menyesal kemudian. Allah sudah memperingatkan kita dalam Al Quran:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ ٱلْهَوَىٰ ۝
فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ۝

***Terjemahannya:** Dan ada pun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya.*

(Surah An Naaziat: 40 dan 41)

Moga-moga Allah beri kita kekuatan untuk mujahadah dengan nafsu dan syaitan. Dipimpin-Nya kita untuk mengikut segala titah perentah-Nya dan mencontohi kehidupan sunnah Rasulullah SAW. Moga-moga kita jadi hamba-Nya yang mengabdikan diri pada-Nya dan jadi khalifah-Nya di muka bumi untuk mentadbir dunia menurut Al Quran dan sunnah. Mudah-mudahan selamatlah kita daripada seksa api neraka.

اَللَّهُمَّ انْصُرِ الاسْلاَمَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَأَهْلِك الْكَفَرَةَ وَالرَّافِضَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِيْنَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنَ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ
العَالَمِيْنَ. اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَات وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَات
الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَات، وَاكْتُبِ السَّلاَمَةَ عَلَيْنَا وَعَلى عَبِيْدِكَ
الحُجَّاجِ وَالْغُزَاتِ وَالزُّوَّارِ وَالْمُسَافِرِيْنَ. دَعْوَاهُمْ فِيْهَا سُبْحَانَكَ
اَللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيْهَا سَلاَمٌ، وَاخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ
الْعَالَمِيْنَ.

6 MENGAPA HAJI MABRUR SUKAR DIPEROLEHI?

KHUTBAH 1

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله اكبر (٩ كالي) ولله الحمد

اَللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ للهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلاً

اَلْحَمْدُ للهِ الَّذِيْ جَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ عِيْدًا لَنَا ، وَفَرَضَ الْحَجَّ عَلَى مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيْلاً وَوَعَدَ لِمَنْ حَجَّ بَيْتَهُ ثَوَابًا جَزِيْلاً.

اَشْهَدُ أَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اَللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمَبْعُوْثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِيْنَ بَشِيْرًا وَنَذِيْرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيْرًا ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَتَابِعِيْهِمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

أَمَّا بَعْدُ!

فَيَا عِبَادَ اللهِ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ

فَقَدْ قَالَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى فِيْ كِتَابِهِ الْعَزِيْزِ:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوْبِ

وَقَالَ أَيْضًا:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوْكَ رِجَالاً ، وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِيْنَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيْقٍ

DI SAAT dan di pagi ini jutaan manusia dari bermacam-macam bangsa dan negara dari seluruh pelusuk dunia telah berada di Tanah Suci Makkah (Makkatul Mukarramah). Mereka pergi ke sana dengan menggunakan bermacam-macam jalan dan alat kenderaan udara, laut dan daratan. Semata-mata untuk menunaikan fardhu haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

Di sana mereka bermaksud untuk melahirkan rasa kepatuhan dan ketaatan kepada Allah yang patut disembah. Mereka datang membawa jiwa dan raga untuk membuat perhubungan dengan Allah dan mengharapkan keampunan serta ganjaran pahala dari Allah SWT.

Ternyata di sana mereka melupakan segala-galanya. Melupakan anak-anak isteri-isteri dan keluarga tercinta. Melupakan sahabat handai dan negara serta melupakan usaha dan pemiagaan mereka. Mereka membulatkan hati kepada Allah semata-mata. Mereka memuja Allah dan membesarkan-Nya. Mereka melahirkan rasa cinta kepada Allah, mengadu dan memohon pertolongan daripada Allah, meletakkan harapan yang sebesar-besarnya pada Allah serta melahirkan rasa kehambaan sepuas-puasnya kepada Allah.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang hadirin hadirat yang berbahagia:

Kita pada pagi ini walaupun tidak ikut serta atau tidak dicalonkan oleh Allah untuk bersama-sama mengerjakan haji dengan jutaan manusia itu, tapi turut sama menyatakan rasasyukur pada Allah SWT. Kerana pada pagi ini kita bersama-sama dapat bertakbir, bertasbih, bertahmid, mengejakan solat Aidil Adha serta mendengar khutbah. Dengan tujuan untuk ikut serta memulia, menghormati dan membesarkan hari dan bulan yang mulia ini.

Dan moga-moga selepas ini kita dapat susul pula dengan menyembelih korban, bertasbih, bertakbir dan bertahmid dengan sebanyak-banyaknya hinggalah di akhir Hari Tasyrik. Moga-moga dengan itu kita tennasuk dalam golongan orang-orang yang bersyukur. Kerana orang yang bersyukur itu, ada janji dan jaminan dari Allah akan ditambah lagi nikmat, seperti janji-Nya dalam firman-Nya :

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahannya: Sesungguhnya jika kamu bersyukur (nescaya) pasti Aku akan tambah lagi (nikmat) kepada kamu dan jika kamu ingkari (nikmat) sesungguhnya azab-Ku amat pedih.

(Ibrahim: 7)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Saudara-saudari kaum muslimin yang berbahagia:

Mengerjakan ibadah haji sebenamya mengandungi hikmah dan pendidikan yang amat besar dan luas sekali.

Pertama: Dapat bangunkan iman

Kalaulah setiap individu daripada kaum muslimin yang pergi itu cukup dengan syarat dan rukun-rukun, dapat pula mengerjakan ibadah lahir dan batin, faham apa yang diperkatakan dan diperbuat, faham apa yang diucapkan dalam doa-doa dan perbuatan yang dilakukan serta peka dengan apa yang ia lihat, yang ia dengar serta apa yang ia alami di sepanjang perjalanan pergi dan balik; nescaya semuanya itu dapat membangunkan imannya menjadi tebal dan kebal.

Kedua: Dapat bangunkan fikiran

Melalui ibadah haji, mereka dapat membangunkan fikiran mereka. Kerana di sana terdapat ilmu dan pengalaman yang cukup banyak.

Ketiga: Dapat bangunkan fizikal

Melalui ibadah haji juga, dapat mendidik diri mereka ke arah fizikal menjadi cergas, tangkas, cekap dan kuat.

Bilamana ketiga-tiga aspek kekuatan ini mental, jiwa dan fizikal dapat dibangunkan atau dapat dicapai, inilah yang dikatakan **pembangunan insan.** Ia sangat berguna di dalam membangunkan Islam. Dari sini nanti akan dapat mewujudkan satu ummah yang berpadu dan jiwanya bersih dari mazmumah atau sifat-sifat kotor, yang akan dapat membangunkan tamadun yang suci dan murni pula.

Dengan lahimya ummah seperti ini, barulah dapat membendung dan memperlindungkan iman dan akhlak dari rosak dan musnah. Ummah yang bertamadun seperti inilah yang telah berlaku dalam sejarah kali pertama yang dikatakan zaman solafussoleh itu, kita harap akan terbangun lagi untuk kali kedua di akhir zaman ini.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Para hadirin yang berbahagia:

Tadi telah kita katakan bahawa mengerjakan ibadah haji ini mempunyai banyak hikmah dan pengajaran yang amat luas dan mendalam sekali. Memang setiap ajaran dan perintah yang disuruh atau dilarang oleh Allah SWT sebenamya mengandungi hikmah dan pengajaran serta memberi kesan yang positif kepada kehidupan manusia. Ada faedah dan kebaikannya yang mana semuanya itu kembali kepada manusia itu sendiri. Di sinilah rahmat dan kasih

sayang Allah yang tersembunyi atau tersirat kepada hamba-Nya di sebalik suruhan dan larangan-Nya itu.

Kadang-kadang hal-hal ini tidak dapat difikirkan oleh manusia. Apatah lagi untuk dapat dirasai. Yang dapat merasakannya hanyalah mereka yang dapat mengkaji dan dibawa berfikir tentang ajaran-ajaran itu. Dan sebenamya terlalu sedikit golongan yang benar-benar dapat merasai di hati dengan pandangan basirah. Ia hanya dirasai oleh orang-orang yang mengalaminya ketika mentaati perintah, suruhan dan larangan Allah itu. Itu pun setelah mereka dapat berbuat bersungguh-sungguh lahir dan batin serta faham sungguh-sungguh apa yang mereka laksanakan.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang pendengar yang dihormati:

Di sini mari kita cungkil dan kaji hikmah dan pengajaran daripada perlaksanaan perintah mengerjakan ibadah haji itu. Kita kaji dari mula bertolak iaitu dari rumah lagi, membawa kepada sepanjang perjalanan' yang kita tempuh hinggalah kepada perintah ibadah haji itu dilaksanakan. Daripada hikmah-hikmab dan pengajaran-pengajaran yang begitu banyak, mari kita ambil satu dua saja di antaranya untuk kita perkatakan pada pagi ini.

Moga-moga kita dapat melihat kebesaran dan kemuliaan ibadah haji itu. Dan supaya kita dapat merasai nikmat dan rahmat dari Allah yang tersembunyi, tentang kenapa.ibadah haji itu diperintahkan Hingga kerana itu kita tidak anggap lagi ibadah haji itu satu penghinaan penderitaan dan penyiksaan Sebaliknya nampak jelas kepada kita kebaikan-kebaikannya yang sangat memberi untung kepada manusia.

HIKMAH YANG PERTAMA

Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya yang mukmin, . yang hidup bertaburan di muka bumi ini supaya berhimpun di Tanah Suci dengan bermaksud untuk mengerjakan ibadah haji. Di sana setelah masing-masing menjalin erat jiwanya dengan Allah SWT maka terjalinlah perpaduan umat Islam yang bertaraf antarabangsa.

Sumber asas-asas perpaduan umat Islam ini sebenamya telah pun dirintis terlebih dahulu melalui ibadah-ibadah harian, mingguan, dan tahunan yang dibuat sebelumnya.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang dicintai:

Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah harian? Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah mingguan? Dan seterusnya bulanan serta tahunan itu, yang telah jadi perintis kepada perpaduan umat Islam bertaraf alam sejagat sebelum ini? Mari bersama-sama kita mengkaji dan memahaminya.

Pertama: Ibadah Harian

Kita diperintahkan bahkan diwajibkan mengerjakan solat lima . waktu sehari semalam. Dalam mengerjakan solat itu pula, digalakkan berjemaah di tempat-tempat tinggal di kampung-kampung, di pejabat-pejabat, di tempat-tempat kerja masing-masing. Sama ada di masjid, di surau, di madrasah atau di tempat-tempat yang dipersetujui bersama oleh masyarakat setempat.

Peranan sembahyang fardhu berjemaah ini sangat besar kesannya dalam membentuk tiga kekuatan pada manusia yakni kekuatan fizikal, kekuatan mental dan kekuatan jiwa.

Kita kaji pula di sudut kekuatan mental (fikiran)

Selepas selesai saja menunaikan sembahyang fardhu berjemaah, (setelah kita membuat hubungan jiwa dengan Allah SWT) digalakkan ahli jemaah bermuzakarah dan berbincang sesama sendiri. Sama ada yang berhubung dengan ilmu pengetahuan, hal-hal isu-isu semasa, bertukar-tukar maklumat serta menyatakan masalah masyarakat Islam serta masalah individu masing-masing.

Al hasil bukan saja umat Islam tahu tentang Islam bahkan skop ***general*** knowledgenya menjadi bertambah luas lagi tahu tentaug isu semasa, tahu tentang dunia luar, tahu tentang strategi perjuangan, tahu tentang kelemahan-kelemahan umat Islam dan faham pula untuk bertolong bantu menyelesaikannya. Yang paling penting dari itu, tahu tentang sepak terajaug musuh dan pandai pula membendungnya.

Bermula dari cetusan mental inilah lahir orang-orang yang dapat berkasih sayang, bermesra dan bertolong bantu. Dan akhimya menghasilkan perpaduan yang mendorong bertolong bantu dan bela membela di antara satu sama lain.

Begitulah rupanya kesan dari tuntutan sembahyang berjemaah harian ini kalau benar-benar dihayati, serta mengikut disiplin-displinnya, ia akan melahirkan ukhwah dan perpaduan yang mendorong di antara satu sama lain menyelesaikan masalah umat Islam sepertimana kehendak Allah dalam firman-Nya:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ

Terjemahannya: Dan hendaklah kamu bertolong bantu di atas kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu bertolong bantu di atas kedosaan dan permusuhan.

(Al Maidah:2)

Kita kaji di sudut kekuatan jiwa

Daripada sembahyang berjemaah juga dapat melahirkan kekuatan jiwa (iman). Kalau dikaji bacaan-bacaan sembahyang itu sendiri terkandung di dalamnya maksud yang mendalam. Di sana kita memuja dan membesarkan Allah SWT mensucikan dan mentaudhidkan-Nya, meminta dan memohon petunjuk dan keampunan-Nya serta bercakap dan berdailog dengan Allah SWT. Ini semuanya boleh memperteguhkan iman seseorang hamba Allah itu.

Dan selepas sembahyang berjemaah pula seperti dinyatakan tadi, digalakkan bermuzakarah dan berbincang-bincang di antara satu sama lain (sesama sendirl). Jadi daripada displin sembahyang berjemaah itu serta perbincangan-perbincangan yang dibuat, akan dapat menghilangkan sifat-sifat mazmumah dalam diri seperti ego, riak, ujub, hasad, pemarah, sumaah, gila dunia, gila pangkat dan lain-lain.

Akhimya lahirlah kemesraan dan perpaduan. Kalau ini dapat dicetuskan, ertinya tiga asas kekuatan manusia tadi menjadi teras perpaduan.

Kedua: Ibadah Mingguan

Bibit-bibit perpaduan bertaraf setempat tadi, yang dapat dicetuskan hasil daripada sembahyang berjemaah (yang merupakan ibadah harian dapat disubur dan diperluaskan lagi di dalam ibadah mingguan yakni semasa melakukan solat Jumaat di masjid-masjid.

Pertemuan-pertemuan mingguan pada hari Jumaat jelas menunjukkan para hadirinnya lebih ramai lagi bilangannya darlpada pertemuan-pertemuan harian. Jadi bagaimana pula dari sinl perpaduan dapat disuburkan, bahkan .dapat diperluaskan lagi?

Melalui khutbah yang wajib dibaca dan didengar, mereka dapat menguatkan lagi jiwa dan mental. Dari sini boleh mendorong orang menunaikan perintah Allah. Di antaranya, dapat mendorong sese-

orang itu berkasih sayang antara satu sama lain. Ditambah lagi dengan displin sembahyang Jumaat, kaum muslimin juga didisiplinkan ketika bersembabyang dengan berbaris rapat-rapat dan lurus-lurus hingga bersentuh badan antara satu sama lain. Selain itu pula, dengan dapat bertemu dan bersalam-salaman serta juga perbincangan-perbincangan yang dibuat sebelum dan selepas sembahyang Jumaat; maka semuanya ini boleh mencetuskan kasih sayang dan perpaduan.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Sidang jemaah yang dikasihi:

Selain daripada pertemuan harian dan mingguan, berlaku pula pertemuan tahunan yang dilakukan tiga kali setahun. Iaitu sembahyang jemaah sunat terawih selama sebulan di bulan Ramadhan, pertemuan dan perhiipunan pada Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji seperti di pagi ini, semuanya boleh memperteguhkan rasa keimanan kepada Allah serta boleh menambahkan lagi kasih sayang dan rasa persaudaraan sesama umat Islam. Justeru itu, tercetuslah perpaduan yang lebih erat dan teguh lagi.

Kemuncak perpaduan iaitu perpaduan yang bertaraf alam sejagat atau bertaraf antarabangsa, yang berlaku setiap tahun, yang diwajibkan kepada setiap umat Islam ialah mengerjakan haji sekali seumur hidup. Di sana berhimpun umat Islam yang datang dari seluruh pelusuk dunia

Selain daripada mengejakan ibadah kepada Allah SWT untuk melahirkan rasa kehambaan lahir dan batin, umat Islam yang datang dari berbagai-bagai negara bertemu pula sesama mereka. Bertemu di antara bermacam-macam kaum dan bangsa, bermacam wama kulit dan bahasa. Mereka berpakaian seragam serba putih menuju kepada satu tujuan, iaitu sama-sama menyembah dan membesarkan Allah

SWT untuk sama-sama melahirkan rasa kehambaan. Di waktu itu orang Arab tidak ada rasa kearabannya lagi, orang Melayu tidak ada rasa kemelayuannya lagi, orang Turki tidak ada rasa keturkiannya lagi, orang Cina tidak ada rasa kecinaannya lagi. Begitulah seterusnya.

Sebaliknya setiap orang merasakan dirinya hamba Allah yang hina dina di hadapan Allah, yang mengharapkan keampunan dan pertolongan dari Allah SWT. Di sini temyata sudah nampak kesatuan umat Islam, lebih-lebih lagi dalam kebanjiran manusia yang begitu sibuk dengan urusannya masing-masing. Islam mengajak manusia dalam suasana yang sibuk itu agar tawaduk antara satu sama lain, bertimbang rasa, mengutamakan orang lain, bertolong bantu serta rasa belas kasihan kepada orang-orang yang lemah.

Sifat-sifat ini, semuanya mendorong untuk berkasih sayang dan berukhwah hingga kemuncaknya lahirlah ummah. Oleh itu di sini kita dapat faham, setiap ajaran Islam itu kalau diamalkan dengan penuh kesedaran berdasarkan ilmu pengetahuan serta dapat dilaksanakan labir dan batin, maka semua ajaran itu pasti menuju kepada memperteguh iman dan perpaduan umat Islam.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Kaum muslimin yang dihormati sekalian:

HIKMAH KEDUA

Dapat melihat Maha Besar dan Maha Agungnya Allah, Maha Pencipta dan Maha Pentadbir sekelian alam, Maha Kuasa dan Maha Hebamya serta Maha Berilmu dan Maha Bijaksananya Allah SWT itu. Rasa-rasa seumpama ini dapat memperteguh dan menyuburkan lagi keimanan yang telah sedia ada. Apabila iman subur, maka

maka bertambah cepatlah syiar Allah dapat dibangunkan di muka bumi ini. Jadi, kuat atau lemahnya seseorang itu dalam mengamalkan syariat Islam bergantung kepada kuat atau lemah imannya.

Bertolak dari sinilah ibadah haji itu boleh memainkan peranan memperteguhkan iman seseorang. Kemudian mendorong pula orang itu untuk lebih kuat mengamallcan syariat Islam di dalam kehidupannya

Mari kita kaji pula bagaimana ibadah haji tadi boleh memperteguhkan iman seseorang?

Pergi naik haji ertinya kita terpaksa membuat satu perjalanan yang jauh, maksudnya, kita berekspedisi atau bermusafir. Bagi mereka yang membuat perjalanan daratan dengan menggunakan bermacam-macam kenderaan akan menempuh banyak negara. Dalam waktu yang sama mereka dapat menyaksikan berbagai-bagai kaum, berbagai bangsa dengan berbagai-bagai bahasa; disertai pula dengan watak, ragam dan budayanya yang berbeza-beza pula. Di sana jelas dapat dilihat perbezaan wama kulit. Lebih-lebih lagi di waktu berhimpun sekaligus beramai-ramai di Tanah Suci Makkatul Mukarramah, akan bertambah ketara lagi dapat dilihat berbagai-bagi kaum dan bangsa di dunia ini, dengan berbagai-bagai bahasa dan wama kulitnya yang berbeza-beza.

Dengan penyaksian yang dapat kita alami di sepanjang jalan dan di Tanah Suci itu maka terbuktilah apa yang kita baca dalam Al Quran selama ini. Di antaranya dalam ayat-ayat yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ
لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

***Terjemahannya:** Wahai manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu daripada jenis lelaki dan wanita. Kemudian kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak agar kamu*

berkenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya yang paling mulia di kalangan kamu disisi Allah ialah yang paling bertaqwa.

(Al Hujurat: 13)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ

Terjemahannya: Daripada tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlainan bahasa, dun warna kulit 'kamu.

(Ar Rum: 22)

Ayat-ayat tadi selama ini hanya kita baca dan dengar ceritanya tentang manusia itu berbilang bangsa, bahasa dan warna kulit. Tapi manakala kita pergi ke Makkah menunaikan fardhu haji, di sana rupanya dapat disaksikan benar-benar di depan mata kepada kita tentang ciptaan Allah itu mengikut apa yang tersebut di dalam Al Quranulkarim.

Jadi apa yang diceritakan dalam ayat Al Quran itu menyakinkan kita lagi. Lebih-lebih lagi terasa kepada kita kebesaran dan keagungan Allah itu, apabila melihat manusia yang berbondong-bondong datang ke situ dari bermacam-macam bangsa dan berlainan bahasa serta bermacam-macam wama kulit (dari seluruh pelusuk dunia) menuju ke tempat yang satu, dengan tujuan yang satu pula iaitu melahirkan rasa kehambaan kepada Allah Yang Maha Esa.

Ini tidak pemah berlaku di tempat lain di dunia ini, yang semua jenis manusia berkumpul melainkan hanya di Tanah Suci Makkatul Mukarramah. Ini sebenamya adalab hasil doa Nabi Ibrahim yang diceritakan oleh Allah dalam Al Quran:

رَّبَّنَآ إِنِّىٓ أَسْكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِى بِوَادٍ غَيْرِ ذِى زَرْعٍ عِندَ بَيْتِكَ ٱلْمُحَرَّمِ

رَبَّنَا لِيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ فَٱجْعَلْ أَفْـِٔدَةً مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهْوِىٓ إِلَيْهِمْ وَٱرْزُقْهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

Terjemahannya: Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman dekat Rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati. Ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka, beri rezekilah mereka dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur.

(Ibrahim : 37)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang :hadirin yang berbahagia:

Maka daripada pengalaman ini nyatalah pergi naik haji ertinya dapat melihat kebesaran Allah,‘melihat keagungan-Nya, melihat kekuasaan-Nya, melihat Pentadbiran-Nya, melihat kebijaksanaan-Nya, melihat kehebatan-Nya, melihat ilmu pengetahuan-Nya dan melihat Iradah serta Qudrat-Nya. Semua ini dapat memperteguhkan iman kita.

Samalah diibaratkan seperti; kalau kita contohkan pada seorang manusia yang selama ini kita kagumi orangnya tapi hanya tahu tentang kehebatannya, ilmunya yang tinggi, kemampuan dan kekuasaarmya selama ini sekadar dengar-dengar dari jauh, lalu teringin hati kita hendak berdepan dengan orang itu untuk melihat realitinya. Tiba-tiba Allah takdirkan berjumpa betul dengan orang tadi dan dapat pula menyaksikan betul-betul kehebatannya. Umpamanya pentadbirannya licin, keilmuannya (boleh menghuraikan apa saja ilmu yang dipersoalkan), kemampuannya (boleh memimpin dan pengikutnya mengikut tanpa paksa), kekuasaannya (boleh menawan

hati manusia); ini menjadikan hati kita bertambah yakin dengan berita yang kita dengar selama ini.

Begitu jugalah dengan orang-orang yang mengerjakan ibadab haji itu terhadap Allah SWT. Kalau setelah melihat sendiri dengan mata kepala pun seseorang itu belum dapat terasa Kebesaran Allah SWT, Keagungan-Nya, Kehebatan-Nya, Keadilan-Nya, Qudrat-Nya dan Iradah-Nya, ertinya orang itu sudah mati hatinya dan otaknya telah kering hingga tidak boleh dibawa berfikir lagi dan tidak sensitif jiwanya. Dengan kata lain, perlaksanaan ibadah haji yang dibuat itu ibarat jasad tanpa roh. Kepada orang semacam ini ibadah haji tidak akan niembawa kesan apa-apa pada jiwa dan dirinya. Apatah lagi untuk mencorak masyarakat. Jesteru itulah ada orang yang pulang dari menunaikan ibadah haji, akhlaknya lebih parah lagi dari sebelumnya.

Tapi bagi orang yang **fikirannya tajam** dan **jiwanya hidup,** sesudah mengerjakan ibadah haji imannya terhadap Allah SWT akan bertambah teguh dan dapat mencorakkan hidupnya serta dapat pula mencorak orang lain. Sebab itu orang-orang ini apabila pulang dari menunaikan fardhu haji, dia dapat iman dan rasa persaudaraan. Kesan ini, sangat memberi manafaat dan faedah pada mereka bila berada di tempat masing-masing.

Rasa iman dan kasih sayang inilah merupakan modal terbesar yang Allah kumiakan kepada kaum muslimin untuk menjadi asas kekuatan mereka bagi menuju kekuatan ummah.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

فَبَشِّرْ عِبَادِ ۝ ٱلَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُۥٓ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ
ٱلَّذِينَ هَدَىٰهُمُ ٱللَّهُ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَـٰبِ ۝

(الزمر ١٧ - ١٨)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ العَظِيْمِ وَنَفَعَنِىْ وَإِيَّاكُمْ بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّىْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

KHUTBAH 2

الله اكبر (x٧) ولله الحمد

اَلْحَمْدُ لله نَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى حَمْدًا الشَاكِرِيْنَ وَنُؤْمِنُ بِاللهِ إِيْمَانَ الْمُوْقِنِيْنَ

نَشْهَدُ أَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ رَبُّ العَالَمِيْنَ وَنَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ سَيِّدُ الأَوَّلِيْنَ وَالآخِرِيْنَ

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَيِّبِيْنَ الطَّاهِرِيْنَ

اما بعد!

فَيَا عِبَادَ اللهِ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ. وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

قال الله تعالى:

اَلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُوْمَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيْهِنَّ الْحَجَّ فَلاَ رَفَثَ وَلاَ فُسُوْقَ، وَلاَجِدَالَ فِى الْحَجِّ. وَمَا تَفْعَلُوْا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ، وَتَزَوَّدُوْا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوْنِ يَاأُوْلِى الأَلْبَابِ (سورة البقرة : اية ١٩٧)

Kaum muslimin-muslimat yang berbahagia:

IBADAH haji seperti yang kita telah huraikan tadi sesungguhnya merupakan anugerah Allah SWT yang amat besar sekali. Rahmat dan nikmat yang tidak terhingga tersembunyi di dalamnya semata-mata untuk kebaikan hamba-hamba-Nya. Rahmat dan nikmat itu tidak dapat dirasakan semuanya kecuali pada hamba-hamba Allah yang sodiqin (yang benar).

Betapa tidak dikatakan rahmat dan nikmat? Kerana hasil daripada mengerjakan haji itu akan dapat untung yang besar dapat ‘man, dapat kasih sayang antara kaum muslimin, dapat akhlak-akhlak yang terpuji (sifat mahmudah) seperti sabar, redha, maaf memaaf, timbang rasa, bertolong bantu, pemurah dan lain-lain.

Lebih-lebih lagi pada seseorang yang ibadah hajinya diterima oleh Allah SWT sebagai haji mabrur, Allah memberi ganjaran di sisi-Nya yang amat besar. Ini temyata disampaikan melalui lidah Rasulullah yang berbunyi:

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اَلْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ
كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُوْرُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلاَّ الْجَنَّةَ.

Terjemahannya:* Sesungguhnya Rasulullah pernah bersabda: “Satu umrah ke** satu ***umrah yang lain merupakan kifarah (penghapusan) dosa yang dilakukan di antara keduanya dan haji yang mabrur itu tidak ada balasannya melainkan syurga.”

Jadi sesungguhnya ibadah haji itu besar ertinya bagi hamba-hamba yang mukmin Kalau diambil iktibar sungguh-sungguh, orang yang balik daripada mengerjakan fardhu haji itu akan membawa balik iman, membawa balik rasa persaudaraan yang mendalam sesama manusia, membawa timbang rasa sesama hamba Allah dan membawa bermacam-macam rasa atau sifat-sifat yang mulia.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر
ولله الحمد

Saudara-saudari seperjuangan yang dikasihi:

Di sini barulah kita faham hikmah yang tersirat dalam menunaikan ibadah haji itu. Di sana terletaknya pembangunan iman, pembangunan perpaduan serta pembangunan akhlak mulia. Kalau begitu, makin ramai umat Islam yang naik haji dan kerap pula menunaikannya, ertinya iman makin terbangun, perpaduan makin teguh dan akhlak semakin cantik.

Tapi yang amat mendukacitakan dan malang sekali umat Islam pada hari ini, dari tahun ke tahun semakin ramai yang menunaikan haji (bahkan berulang-ulang kali) tapi iman mereka tetap tidak bertambah, bahkan bertambah rosak. Ini kita dapat lihat berdasarkan lemahnya syariat yang dilaksanakan. Perpaduan semakin hari semakin lemah. Ini dapat disaksikan kerana umat Islam semakin hari semakin berpecah belah, krisis berlaku di mana-mana, bahkan di setengah-setengah tempat sampai peringkat berperang dan bertumpah darah sesama sendiri.

Di sini memberi gambaran kepada kita bahawa ibadah haji yang dikerjakan oleh 'umat Islam selama ini tidak memberi kesan yang baik. Sedangkan ibadah haji itu sumber segala kebaikan. Untuk senang difaham lagi kita datangkan satu perbandingan. Pemiagaan merupakan satu usaha yang membawa untung yang banyak dan besar. Hinggakan Rasulullah SAW pemah bersabda yang bermaksud:

عَلَيْكُمْ بِالتِّجَارَةِ فَاِنَّ فِيْهَا تِسْعَةُ اَعْشَارِ مِنَ الرِّزْقِ - اَوْ كَمَا قَالَ

Terjemahannya: Hendaklah kamu berniaga kerana 9/10 dari rezeki berada dalam perniagaan.

Jadi sekiranya seseorang itu tidak mendapat keuntungan yang besar dalam perniagaannya, bahkan adakalanya termakan modalnya, ini mentmjukkan sudah tentu ada kesilapan yang berlaku di sana sini. Mungkin kerana tidak cukup ilmu, mungkin tidak cukup pengalaman dalam bidang urusniaga atau kurang bertanggungjawab dan entah apa-apa lagi sebab-sebab yang lain. Kalau begitulah jadinya perniagaan yang dijalankan, keuntungan yang dijanjikan di dalam perniagaan tidak akan dapat diperolehi. Bahkan boleh membawa termakan modalnya.

Begitu juga dengan orang yang mengerjakan ibadah haji itu. Allah SWT telah janjikan daripada ibadah haji itu, mereka akan dapat keuntungan yang besar seperti yang telah kita sebutkan sebelum ini. Tiba-tiba yang didapati, hasil amalannya tidak membawa apa-apa perubahan pada peribadinya; seperti iman tidak bertambah, rasa kasih sayang tidak terjalin, akhlak yang mulia tidak diperolehi. Bahkan adakalanya perangai jahatnya lebih menonjol dari sebelum menunaikan haji. Ini pasti ada berlaku kesilapan di mana-mana. Ini mungkin disebabkan oleh:

1. Mengerjakannya secara jahil.
2. Ada tujuan lain selain dari tujuan kerana Allah SWT.
3. Waktu pergi itu fikirannya mati.
4. Waktu pergi itu jiwanya mati.
5. Mungkin membawa harta yang haram dan syubhat.
6. Boleh jadi ada dosa-dosa kita kepada ibu ayah atau sesiapa saja yang boleh membawa kepada hijab.

Akibat daripada sebab-sebab ini dia tidak peka dengan apa yang dilihat, didengar dan dibaca, maka sudah tentulah amalan haji itu tidak menghasilkan apa-apa kebaikan.

Kadang-kadang terjadi sedemikian rupa kerana ibadah-ibadah kita sebelum itu sudah tidak berfungsi apa-apa. Bermula dari ibadah harian, mingguan dan tahunan semuanya tidak berfungsi lagi. Hinggalah kepada melaksanakan ibadah haji yang wajib, sekali

seumur hidup itu. Ini berlaku berkemungkinan di atas beberapa sebab:

1. Tidak faham hakikat ibadah itu dikerjakan.
2. Tidak ikut disiplin jemaah, kalau ibadah itu dikerjakan secara berjemaah.
3. Tidak faham bacaannya.
4. Tidak mengikut disiplin ibadah itu apabila dikerjakan.
5. Tidak mengikut syariat semasa melakukan pertemuan-pertemuan sesama sendiri sebelum atau selepas melakukan ibadah.

   Umpamanya menghadiri majlis yang diisi dengan umpat-mengumpat, kata mengata, bercerita hal-hal dunia yang melalaikan, cakap hal-hal politik yang kotor, menceritakan kelebihan dan keistimewaan masing-masing. Diselang seli pula dengan menghisap rokok yang asapnya berkepul-kepul memenuhi ruang masjid. Kalau mengerjakan haji pula merempuh manusia, melangkah-langkah bahu orang lain dan masih membawa semangat kebangsaan masing-masing.

6. Banyak pantang larang Allah yang dilanggar.
7. Mencari keuntungan duniawi di musim haji.

Kalau begitu keadaannya, patut sangatlah ibadah-ibadah itu tidak memberi kesan pada jiwanya, jauh sekalilah untuk melahirkan akhlak yang mulia. Apatah lagi untuk tanamkan rasa persaudaraan dan juga kasih sayang dalam hati sesama manusia.

Jadi kesalahan-kesalahan ini sebenamya bukan berpunca dari ibadah haji. Tetapi dari ibadah-ibadah yang telah dilakukannya sebelum itu lagi. Sebab itulah umat Islam hari ini beribadah tapi tidak dapat mengubah sikap dari tidak beriman kepada iman, daripada perpecahan kepada perpaduan, daripada hidup nafsi-nafsi kepada bertolong bantu, daripada akhlak buruk kepada akhlak mulia.

الله اكبر الله اكبر الله اكبر

ولله الحمد

Sidang pendengar yang dihormati:

Oleh itu pada pagi ini, marilah kita sedarkan diri kita untuk mengubah sikap kita. Mari kita betulkan amal ibadah kita daripada ibadah harian, ibadah mingguan dan ibadah tahunan hinggalah ibadah haji. Mari kita faham benar-benar lahir dan batinnya, kita ikut disiplinnya dengan rapi, dan kita hayati benar-benar hakikat ibadah-ibadah tersebut. Hasilnya nanti ibadah-ibadah kita itu akan member-i kesan pada jiwa kita. Yang mana ia akan memperteguhkan iman kita, dan juga akan memperteguhkan lagi hubungan kita sesama manusia.

Daripada kedua-dua kekuatan ini iaitu kekuatan iman dan ukhwah, sudah pasti akan tertegaknya ummah Islam yang berkasih sayang dan berharmoni, dan mempunyai akhlak yang mulia serta membawa tamadun yang tinggi dan bersih. Ini akan menjadi contoh kepada manusia yang lain. Sesuai dengan firman Allah SWT yang berbunyi:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahannya: Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluurkan untuk manusia agar kamu menyeru manusia berbuat baik dan mencegah manusia buat kemungkaran. Sedangkan kamu beriman dengan Allah.

(Ali Imran: 110)

Moga-moga kita menjadi ummah, yang menjadi contoh untuk kali kedua selepas berlakunya di kali pertama semasa zaman solafussoleh.

Senarai Buku-Buku Yang Telah Diterbitkan

SIR1 CERAMAH UMUM	
Pembahagian Manusia Di Akhirat	
Keindahan Islam	
Hidup Menurut Pandanaan Islam	
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang	
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat	

SIRI NOVEL	
Selamat Tinggal Duniaku	1985

SIR1 ANTOLOGI SAJAK/MADAH	
Di Ambang Pintu Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1983
Kesedaran	1985
Madah Hatiku	1986
Hatiku Bermadah Lagi	1988
Yang Dirindu	1990

SIRI KOLEKSI KHUTBAH/DIALOG/KULIAH	
Pembangun Jiwa Dan Fikiran Ummah	1990
Inilah Sikap Kita	1990

SIRI FALSAFAH DAN TARBIAH	
Ibadah Menurut Islam	1980
Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Ke Arah Membangun Negara Dan Masyarakat Islam	1981
Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat Dan Negara Islam	1981

Huraian Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Bergembiralah Dengan Al Quran Dan Sunnah	1981
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam	1981
Iman Dan Persoalannya	1983
Yang Tersirat Disurat	1983
Bersatu Menurut Islam	1984
Inilah Jalan Kita (1)	1984
Matlamat Perjuangan Menurut Islam	1984
Kemerdekaan Menurut Islam	1984
Mengenal Diri Melalui Rasa Hati	1985
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam	1986
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
Bahaya Syiah	1987
Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
Inilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1988
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah Sikap	1990
Inilah Jalan Kita (2)	1990

SIRI TERJEMAHAN B. INGGERIS

Worship in Islam	1989
The Scription of The Hidden Knowledge	1990
Life According To Islam	1990

PEMBANGUN JIWA DAN FIKIRAN UMMAH



Jiwa dan akal menentukan sikap dan tindakan manusia. Tindak-tanduk manusia pula boleh mencorak masyarakat dan ummah. Bila akal dan jiwa yang ada pada manusia sihat, ia akan me;ahirkan masyarakat dan ummah yang sihat. Sebaliknya jika kedua-duanya rosak, manusia dan tamaddun yang dibangunkan juga turut punah.

Ini jelas berlaku di hadapan mata kita sekarang. Walaupun pembangunan lahir mencakar langit, tetapi akhlak manusia rendah menyapu bumi, bagaikan haiwan melata. Bahkan lebih teruk daripada itu. Kemuncak akhlak buruk ini melahirkan krisis-krisis, perbalahan dan akhirnya mencetuskan peperangan. Bila terjadi peperangan, tamaddun yang ditegakkan puluhan tahun boleh ranap hanya dalam sehari dua.

Mungkinkah gejala ini boleh diatasi? Jawabnya: Tidak ada yang mustahil; kalu bersungguh-sungguh membangunkan akal dan jiwa kita. Moga-moga buku kecil ini dapat mendedahkan kacdah untuk menyelesaikan masalah hidup anda.

Bila masalah hidup dapat diatasi dengan baik, ia akan mencetuskan keluarga, masyarakat dan ummah yang baik.

الارقم
AL ARQAM